Jelaslah bahawa penguasaan bahasa Arab merupakan kekuatan bagi memudahkan pelajar menghafaz al-Quran. Menurut Mohd Zulkifli et al. (2015) secara logiknya pelajar yang dapat menghafaz al-Quran, secara tidak sengaja akan dapat menghafaz perbendaharaan kata bahasa Arab dengan baik. Ini kerana kaedah menghafaz ialah teknik yang sama dengan teknik menghafaz pembendaharaan kata bahasa Arab. Pandangan ini adalah berpadanan dengan Nuraznan et al. (2019) yang menunjukkan bahawa pelajar tahfiz juga mampu mempelajari bahasa Arab dengan menjadikan tahfiz sebagai manhaj pengajian utama mereka.

Proses hafazan al-Quran telah berlaku kepada umat Islam sejak kanak-kanak apabila menghafaz surah al-Fatihah bagi melengkapkan tuntutan rukun dalam solat fardu (Murihah et al., 2015). Melihat pada situasi pada hari ini, program tahfiz mendapat permintaan yang tinggi daripada ibu bapa kerana mereka sudah mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesedaran akan kepentingan dan kebaikan menghafaz al-Quran yang sangat bermakna (Abdul Hafiz et al., 2005; Nor Hafizi, 2020).

Pada hari ini, kaedah pembelajaran al-Quran telah melalui fasa kepelbagaian kreativiti dan kaedah bagi memudahkan umat Islam terutamanya kanak-kanak dalam proses memahami al-Quran. Menurut Abdul Raof (1998) begitu juga dalam Kamarul Azmi dan Mohd Aderi (2013) gabungan pelbagai aktiviti pembelajaran yang berkait rapat dengan kaedah, teknik, strategi dan pendekatan, pastinya akan menghasilkan pengajaran yang jauh lebih berkesan. Seterusnya, bagi memastikan kaedah pengajaran lebih berkesan, ia berkait juga dengan keperibadian atau sikap guru lebih-lebih lagi jika melibatkan pengajaran dan pembelajaran pada anak-anak yang masih kecil (Kamarul Azmi, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, hasil daripada penelitian kajian perpustakaan, inovasi dalam pendidikan al-Quran telah bermula hasil daripada idea Abu al-Aswad al-Duali ketika pemerintah mengarahkannya untuk membasmi kecacatan dan kesalahan bacaan al-Quran. Beliau telah melaksanakan pendekatan dengan membezakan antara warna penandaan titik al-Quran dengan warna teks mushaf (al-Dani, 1986). Selepas itu, timbul satu inovasi baru dalam pemahaman tajwid dalam al-Quran dengan penggunaan warna merah untuk titik, manakala warna kuning bagi menunjukkan tanda harakat, tashdid, sukun, dan takhfif. Selain itu, warna kuning juga digunakan bagi menunjukkan huruf hamzah. Penduduk Madinah dan Andalus menggunakan warna-warna ini bagi memudahkan mengenali hukum-hukum tajwid dalam bacaan al-Quran pada ketika itu (Al-Hamad, 1982).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lantaran itu, kajian ini akan mengetengahkan peranan warna dalam memudahkan proses hafazan al-Quran sejak dari peringkat pendidikan awal kanak-kanak. Kajian yang dilakukan oleh Sabilan et al. (2017) mendapati bahawa penggunaan warna dalam mushaf al-Quran bertajwid berada pada tahap keberkesanan yang agak konsisten. Pengaplikasian kepelbagaian warna yang ada pada kalimah atau perkataan dan huruf-huruf tertentu berjaya meningkatkan tahap perhatian dan fokus pembaca.

Pemilihan warna yang betul didapati berperanan dalam menguatkan ingatan selain berfungsi sebagai saluran maklumat yang berkesan kepada sistem kognitif manusia (Olurinola & Tayo, 2015). Kajian yang dilakukan terhadap pelajar sekolah menunjukkan tulisan berwarna-warni dapat memberikan pengaruh positif terhadap ingatan jangka pendek pelajar berbanding tulisan berwarna hitam (Titi Suryansah & Suwarjo, 2016).

Warna dapat meningkatkan perhatian pelajar dalam proses pembelajaran. Melalui pemilihan warna yang betul, ianya akan memberikan kesan kepada tahap perhatian pelajar. Seterusnya, ia memberikan kekuatan kepada ingatan mereka (Mariam Adawiah & Muhammad Faiz, 2012). Menurut Muraini dan Samsul (2016) pada usia kanak-kanak di tadika otak mereka sangat cerdas untuk mengembangkan potensi diri disamping mereka sangat peka terhadap benda wujud yang berwarna.

Manakala dalam proses penghasilan bahan multimedia pula, pemilihan warna yang betul akan memberikan tindak balas kepada pengguna dan keindahan multimedia tersebut. Melalui penggunaan warna yang sesuai dalam multimedia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan fokus, motivasi, perhatian, perasaan, dan kesediaan pelajar untuk terus belajar. Justeru, pemilihan warna yang sesuai adalah sangat penting dalam pengembangan pembelajaran pendidikan Islam (Purnama, 2010).

Kajian ini akan menggabungkan proses pengajaran kosa kata bahasa Arab melalui hafazan al-Quran menggunakan teknik warna dan gambar bagi program hafazan di tadika. Melalui teknik ini, hafazan al-Quran tidak hanya tertumpu kepada menghafaz semata-mata tetapi turut menumpukan kepada proses memahami maksud ayat al-Quran. Hal ini bertepatan dengan tujuan penurunan al-Quran itu sendiri yang bukan sahaja sekadar dibaca, tetapi juga untuk difahami maksudnya. Menurut Alawiyah (2012) manfaat dan keutamaan penghafaz al-Quran adalah membaca, menghafaz dan memahaminya kerana pada hari akhirat nanti al-Quran akan menjadi pemberi syafaat kepadanya. Begitu juga al-Quran berfungsi melahirkan murid yang dapat berfikir dengan tenang, kritis dan kreatif serta mempunyai kekuatan akal dan hati (Noor Hisham et al., 2017).

Media bergambar berfungsi sebagai alat yang dapat menggabungkan fakta dengan pengungkapan kata-kata melalui media bergambar (Nana Sudjana & Ahmad Rivai, 2006). Gambar mempunyai banyak kelebihan dalam proses pembelajaran kerana ia dapat mengatasi masalah keterbatasan waktu dan ruang. Bukan semua benda, bahan atau objek boleh dibawa ke dalam kelas. Hal ini disebabkan oleh gambar yang dapat berfungsi untuk mengatasi masalah tersebut dengan mempamerkan gambar di hadapan murid di dalam kelas (Angkowo & Kosasih, 2007). Seterusnya, media bergambar juga dapat menarik minat murid dalam proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dilakukan Rohmadi (2013) menunjukkan penggunaan media bergambar dalam pembelajaran mata pelajaran Matematik memberikan impak positif. Hal ini kerana apabila pelajar lebih memberi perhatian dalam pembelajaran Matematik dan lebih bersemangat menanyakan soalan kepada guru di dalam kelas.

Menurut Mohd Khalit dan Siti Asiah (2003) pemerolehan hasil dapatan menunjukkan bahawa elemen-elemen media yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan multimedia seperti warna, visual, animasi dan muzik dapat menambah dan memberi kesan realisme dalam pembelajaran secara latih tubi, uji kaji di dalam makmal, permainan, simulasi dan sebagainya. Melalui hal ini, elemen multimedia dapat menjelaskan sesuatu bidang pengajaran yang kompleks menjadi lebih mudah untuk difahami menerusi contoh-contoh sebenar yang tidak dapat diterangkan melalui huraian daripada teks.

Sehubungan itu, pengalaman pembelajaran kepada kanak-kanak haruslah menarik bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran mereka lebih berkesan (Siti Fadzilah & Shereena, 2002). Menurut Ahmad Esa et al. (2007) proses pengajaran dan pembelajaran kepada kanak-kanak haruslah mempunyai elemen multimedia yang mengandungi reka bentuk grafik bergambar, audio dan pemilihan warna yang sesuai bagi sesuatu produk yang dibangunkan. Kadar pembelajaran dipercayai berlaku dengan lebih baik dan menarik melalui pengecaman dan pengamatan objek-objek visual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pembelajaran bahasa pula, objek dan gambar memainkan peranan penting dalam menggambarkan makna sesuatu perkataan pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak. Melalui aktiviti permainan bahasa yang melibatkan penggunaan objek dan gambar, ianya dapat membantu kanak-kanak dalam mengalami dan memahami pengalaman baru dengan mengaitkan pengalaman sedia ada melalui aktiviti melihat, merasa dan menyentuh objek di sekeliling (Puteh & Alia, 2016).

Bertitik tolak daripada kepentingan serta peranan warna dan gambar dalam proses pengajaran dan pembelajaran, ini menunjukkan bahawa perlunya ada kajian yang mendalam bagi membina modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar. Pandangan ini selaras dengan Purnama (2010) yang menyatakan bahawa warna yang bersesuaian dapat menarik minat pelajar dalam proses pembelajaran. Nur Afifah et al. (2022) pula menyatakan bahawa pembelajaran bahasa Arab dalam hafazan al-Quran merupakan strategi yang berkesan dan memberi motivasi kepada pelajar tahfiz.

1.3 Pernyataan Masalah

Kurikulum Standard Prasekolah 2010 (KSPK) meletakkan inti pati penting dalam kurikulum tersebut yang menekankan perkembangan kanak-kanak melalui enam tunjang pembelajaran. Salah satu daripada tunjang tersebut meletakkan tunjang kerohanian, sikap dan nilai. Melalui tunjang tersebut, dinyatakan bahawa hasil yang akan diperoleh oleh pelajar adalah dapat, “mengenal huruf-huruf hijaiyah, menghafaz surah-surah pendek dan mempelajari bahasa Arab mudah” (KPM, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Muhammad Taufiq dan Wan Ab Aziz (2018) keupayaan menguasai kosa kata bahasa Arab pada pengajar pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak khususnya di tadika adalah sangat perlu dan penting kerana pembelajaran bahasa Arab terdapat dalam silibus pembelajaran peringkat prasekolah. Ab Halim et al. (2022) pula berpendapat bahawa pendedahan awal terhadap bahasa Arab sangar penting kerana bahasa ini merupakan bahasa al-Quran dan bahasa ibadah. Pembelajaran sejak kecil mampu memantapkan asas komunikasi dan pemahaman Islam (Mahmud, 2021).

Aktiviti-aktiviti yang berteraskan perkembangan tunjang kerohanian kepada murid dapat membantu murid untuk mengetahui rukun Islam, rukun iman, sirah Rasulullah SAW dan juga dapat mengenali, menguasai Jawi serta menghafaz beberapa surah pendek dan doa-doa pilihan (Nor Raudah et al., 2013). Walau bagaimanapun, menurut Hamzah et al. (2024) dalam kajian mereka menunjukkan bahawa murid-murid menghadapi masalah dalam menguasai pembelajaran khususnya yang berkaitan aspek kerohanian dan moral. Matlamat untuk menjadikan pelajar berjaya di dunia dan di akhirat akan terjejas sekiranya perkara ini dibiarkan. Abdul Ishak (1995) menegaskan bahawa matlamat Pendidikan Islam adalah bagi mengembangkan jasmani dan rohani untuk memastikan kebahagiaan kehidupan di dunia dan di akhirat tercapai.

Tunjang kerohanian yang merangkumi pembelajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran merupakan suatu kandungan pelajaran yang ditekankan oleh pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Hal ini dibuktikan dalam Kurikulum Standard Prasekolah 2018 (KSPK) yang meletakkan pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkaitan asas kosa kata bahasa Arab dalam silibus. Strategi Dasar Pendidikan Tahfiz Negara pula meletakkan lima teras utama, antaranya adalah menyatakan bahawa pembangunan kurikulum tahfiz itu perlu memberi perhatian kepada pembangunan ummah dengan mempertingkatkan kemahiran serta keupayaan guru melalui latihan dan model dari peringkat prasekolah (JAKIM, 2021).

Namun begitu, malangnya penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab dan hafazan al-Quran berada di tahap yang mendukacitakan. Masalah ini berpunca daripada penguasaan kosa kata Arab yang lemah dan mengakibatkan kesukaran menguasai pembelajaran bahasa Arab (Abdul Razif et al., 2020; Norizah et al., 2017). Sedangkan kajian neurosains menunjukkan keupayaan kanak-kanak menguasai bahasa kedua dengan optimum adalah tinggi pada usia 4 tahun hingga 6 tahun (Wahyuni & Syafar, 2022). Manakala kelemahan penguasaan hafazan al-Quran pula antaranya berpunca daripada kaedah hafazan konvensional yang menggunakan kaedah pengulangan berpandukan mushaf al-Quran semata-mata. Kaedah ini sering dikaitkan dengan kaedah lama yang menjadi faktor kepada masalah pembelajaran murid dan ketinggalan zaman (Hussin et al., 2022).

Hal ini menurut Aprizal (2021) bahasa Arab perlu dipelajari bermula pada peringkat awal kanak-kanak untuk memudahkan pemahaman al-Quran dan hadis kerana kitab utama tersebut ditulis dalam bahasa Arab. Masalah yang timbul apabila penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid berada pada tahap lemah ialah mereka tidak mampu menguasai kemahiran membaca, mendengar, menulis dan bertutur. Perkara ini dijelaskan dalam kajian Hairun Najuwah et al. (2017) sebab

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelemahan penguasaan bahasa Arab murid berada ditahap lemah adalah disebabkan teknik pengajaran guru yang kurang berkesan.

Kajian Hashim (2022) mendedahkan masalah pengajaran guru yang tidak berkesan disebabkan oleh kemahiran mengajar yang terhad. Guru masih bergantung kepada kaedah tradisional, di mana pelajar hanya menerima maklumat secara pasif tanpa peluang berfikir kritis dan kreatif. Punca utama masalah ini adalah kekurangan latihan profesional berkualiti, yang menyebabkan guru terperangkap dalam pendekatan pengajaran konvensional. Transformasi diperlukan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih dinamik dan interaktif, memberi ruang pelajar mengembangkan potensi pemikiran.

Menurut Anuar dan Nelson (2015) pengajar atau guru perlulah memiliki kemahiran dan kompetensi bagi mengajar sesuatu mata pelajaran agar proses pembelajaran itu menjadi menarik dan berkesan. Mokhtar (2021) mendapati penguasaan sebutan yang lemah dalam kalangan guru juga menyumbang kepada masalah ini. Tambahan pula, kaedah pengajaran banyak tertumpu pada hafalan ayat tanpa memberi penekanan secukupnya untuk memperkayakan kosa kata bahasa Arab murid (Azman, 2016). Aspek pemantauan dan pengukuhan pembelajaran secara berterusan juga didapati lemah lantas menyukarkan penguasaan bahasa Arab yang lebih kukuh (Abdul Fatah & Hanani, 2022).

Hal ini bertepatan dengan kajian Hazrul Affendi (2020) yang menyatakan penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab berada di tahap rendah disebabkan teknik pengajaran yang digunakan perlulah sesuai dengan matlamat dan objektif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran. Sedangkan menurut Hassan et al. (2022) kecenderungan murid tadika hari ini adalah pembelajaran yang bersifat interaktif dan inovatif. Kebergantungan kepada kaedah menghafal secara manual tanpa bantuan multimedia dan aktiviti interaktif akan menyumbang kepada masalah ini (Abu Umair, 2022). Justeru, usaha menangani isu-isu ini amat penting bagi melahirkan penutur bahasa Arab yang berupaya dalam berkomunikasi dengan lebih yakin dan berkesan.

Selain dari masalah yang timbul dari proses pengajaran guru, masalah dari pelajar itu sendiri juga menyumbang kepada kelemahan murid menguasai Bahasa Arab. Hal ini, akibat dari pelajar yang mengikuti pembelajaran atau kursus bahasa Arab tidak mempunyai asas pengajian bahasa Arab yang kukuh di peringkat rendah. Menurut Noorafini et al. (2017) didapati pelajar yang tidak menguasai asas bahasa Arab mempunyai kesukaran untuk menguasai bahasa ini disebabkan mereka akan sukar memahami ayat-ayat yang dibaca dan sering salah tatabahasa Arab. Febrianingsih (2021) menyatakan hal serupa berlaku apabila pelajar sukar menguasai tatabahasa, pembacaan dan penulisan. Menurut Azman (2016) kurangnya pendedahan kepada persekitaran berbahasa Arab di luar waktu pembelajaran rasmi di tadika juga menjadi penyumbang kepada masalah ini. Akhirnya ia mengakibatkan persepsi negatif pelajar hingga peringkat pengajian tinggi yang mengatakan bahawa bahasa ini sukar untuk dipelajari dan dikuasai. Sedangkan, pembelajaran bahasa adalah sesuai dipelajari bermula umur 4 tahun hingga 7 tahun berbanding usia remaja dan dewasa (Singleton, 1989).

Masalah penguasaan bahasa Arab telah berlarutan sehingga ke peringkat universiti rentetan pengalaman mempelajari bahasa Arab tidak mencukupi dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peringkat awal. Melalui silibus pembelajaran, Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menetapkan jumlah kosa kata bahasa Arab yang perlu dikuasai oleh pelajar sekolah menengah setiap tahun. Namun malangnya penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar ini masih pada tahap rendah. Bahkan masalah ini juga berlaku kepada pelajar yang mengambil kursus pengkhususan bahasa Arab di institut pengajian tinggi (Abdul Razif et al., 2020). Berdasarkan kajian Zainur et al., (2020) antara punca masalah ini adalah penguasaan kosa kata Arab yang melibatkan kualiti dan kuantiti kosa kata tersebut. Menurut kajian ini lagi, keperluan menguasai kosa kata juga adalah bergantung pada peringkat pengajian yang dihadapi serta bidang khusus yang diambil. Pihak kerajaan perlulah memberikan latihan perguruan kerana melalui kerjaya perguruan akan memberi kesan kepada keberkesanan pengajaran di dalam kelas (Zamri, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, masalah yang dihadapi bagi memastikan hasil pembelajaran berkaitan tunjang kerohanian, sikap dan nilai tercapai adalah berkaitan penguasaan hafazan al-Quran prasekolah. Masalah yang dihadapi ialah kaedah hafazan al-Quran di Malaysia khususnya kepada kanak-kanak yang masih menggunakan kaedah konvensional iaitu mendengar hafazan dan merekodkan hafazan tersebuat dalam buku (Abdul Hafiz et al., 2005). Safinah et al. (2023) Turut menyokong kenyataan ini dengan menyatakan kaedah konvensional hanya menggunakan teknik pengulangan ayat al-Quran yang mengakibatkan masalah kepada pembelajaran murid. Manakala kaedah *chalk & talk* pula ialah kaedah konvensional yang sering digunakan guru, sedangkan guru perlulah sentiasa melakukan pembaharuan dalam kerjaya mereka terutamanya dalam proses pengajaran yang bercorak realistik, kreatif, menarik dan tidak membosankan (Mohd Nasrun et al., 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan oleh Sri Kartika et al. (2014) menunjukkan bahawa pencapaian pelajar yang mengaplikasikan kaedah visual adalah lebih baik berbanding mereka yang menggunakan proses pengajaran konvensional yang tidak memasukkan elemen visual. Selain itu, bagi meningkatkan penguasaan pelajar di dalam proses hafazan al-Quran guru juga perlu memasukkan elemen pemahaman bahasa arab dalam proses hafazan al-Quran kerana ianya adalah merupakan strategi motivasi bagi memudahkan pelajar menghafaz al-Quran dengan berkesan (Zahrah et al., 2016).

Kajian yang dilakukan oleh Rahman dan Alias (2020) di Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) menunjukkan kaedah yang sering digunakan bagi pembelajaran di tadika adalah menggunakan kaedah hafazan ataupun proses mengingat. Kajian ini menunjukkan bahawa kaedah hafazan sering digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di tadika. Permasalahannya, apabila dilihat daripada kajian Norizah et al. (2017) hanya sebahagian daripada murid dalam kelas mewakili 8 peratus hingga 56 peratus murid berada pada skala C (sederhana) dan D (perlu bimbingan) yang mempunyai masalah dalam penguasaan hafazan al-Quran yang terkandung dalam sukatan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Hal ini dikuatkan lagi dengan dapatan kajian Haroon dan Sidik (2022), serta Misnan dan Ahmad (2003) menunjukkan pelajar tahfiz gagal menamatkan pengajian mereka di institusi tahfiz ditahap membimbangkan.

Kajian yang dilakukan oleh Kamisah (2013) menunjukkan antara masalah yang dihadapi guru tadika adalah kekurangan bahan rujukan yang memberi kesan kepada guru untuk menjadi mahir dalam bidang tersebut. Kekurangan bahan bantuan mengajar juga akan menyebabkan guru tadika tidak dapat melaksanakan proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan berkesan (Mohd Nazri Abdul Rahman & Wan Noor Baizura Wan Mohamad Noor, 2018).

Menurut Zulkefli Hashim dan Fatin Aliah Phang (2013) dan Siti Hidayana (2012) guru atau pengajar yang memiliki pengetahuan dan kefahaman yang kurang atau lemah mengenai sesuatu kandungan akan menghadapi masalah apabila ingin mengajar sesuatu mata pelajaran. Kenyataan ini diperkuatkan lagi apabila didapati ada guru yang tidak mengetahui kaedah dan teknik terkini yang perlu digunakan bagi memastikan pelajar dapat menghafaz dengan baik dan berjaya (Abdul Rahman, 2009). Hal ini menyebabkan guru tahfiz mengajar berdasarkan pengalaman sedia ada mereka semata-mata tanpa mengikut kaedah khusus yang telah ditetapkan oleh pihak institusi (Azmil, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah ini turut memberi kesan kepada guru-guru tadika dalam teknik pengajaran dan pembelajaran. Akibatnya, suasana pembelajaran di dalam kelas membosankan. Kesan jangka masa panjang adalah menyebabkan pelajar tidak berminat untuk hadir ke kelas dan menimbulkan suatu masalah pembelajaran tidak kira sama ada ketika mereka berada di prasekolah ataupun ketika berada di sekolah rendah iaitu pada tahun satu (William, 2008; Siew, 2007). Perkara ini disokong oleh Latifah dan Zainab (2014) yang mengatakan bahawa anak-anak akan menjadi sukar untuk memberi perhatian disebabkan oleh kaedah pengajaran guru yang membosankan dan tidak menarik. Pemilihan guru yang tidak memiliki ikhtisas akan mempengaruhi kemampuan mengajar guru tersebut di dalam kelas dan lebih membimbangkan guru sukar memahami psikologi kanak-kanak (Lucy, 2007). Abdul Fatah dan Hanani (2022) melaporkan bahawa ketiadaan pemantauan dan pengukuhan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran secara berterusan oleh ibu bapa dan guru di luar waktu kelas menyukarkan penguasaan yang kukuh dalam kalangan murid.

Selain itu, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Nurain et al. (2017) mereka menyatakan bahawa pelajar tahfiz memiliki pengetahuan makna yang rendah terhadap penguasaan bahasa Arab dalam menguasai hafazan al-Quran. Kesannya, pelajar ini tidak dapat memahami makna di sebalik ayat al-Quran yang mereka hafaz. Hal ini disokong oleh Md Noor et al. (2016) yang menunjukkan bahawa penguasaan terhadap bahasa Arab pelajar dalam proses membaca, menulis, mendengar dan bertutur adalah pada tahap yang membimbangkan.

Akibat daripada tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab yang lemah dalam kalangan penghafaz al-Quran, ianya akan menyebabkan mereka sukar untuk memahami teks al-Quran yang dihafaz. Hal ini kerana untuk memahami al-Quran, pelajar perlulah mahir dalam ilmu bahasa Arab (Noza Aflisia, 2016). Kenyataan ini disokong oleh Ahmad Fikri (1995) yang berpendapat bahawa kebanyakan pelajar sukar untuk memahami teks dan bertutur dengan baik adalah disebabkan kurang kemampuan dalam memperbanyakkan pengetahuan kosa kata Arab dan ilmu nahu.

Program hafazan al-Quran kepada umat Islam adalah bermula pada peringkat kanak-kanak. Menurut Murihah et al., (2015) bahawa ianya menjadi suatu kewajipan kepada umat Islam untuk menghafaz surah al-Fatihah bagi memenuhi tuntutan rukun dalam solat fardu. Menurut Saini Ag. et al. (2016) memahami maksud perkataan Arab dalam ibadah dapat meningkatkan khusyuk dalam solat. Walau bagaimanapun, masih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdapat pelajar yang mempunyai latar pendidikan bahasa Arab tetapi masih tidak mampu untuk memahami maksud bacaan dalam solat seperti surah dan doa.

Padahal dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2017) telah ditetapkan hafazan al-Quran juzuk Amma sebagai salah satu silibus di peringkat prasekolah. Kajian yang dilaksanakan oleh Abdul Hafiz et al. (2005) menyatakan bahawa institusi tahfiz memerlukan kaedah hafazan yang baik dan berkesan bagi memastikan pelajar dapat menghafaz al-Quran dengan lancar. Menurutnya lagi, kaedah dan sistem yang tidak sistematik dan teratur akan memberi impak yang besar kepada keberkesanan dan daya ingatan menghafaz al-Quran.

Justeru, inovasi pendidikan sangat diperlukan pada masa kini bagi melahirkan generasi yang mapan dan mantap, sebagai salah satu strategi bagi melahirkan murid yang berkebolehan, dan bagi memastikan matlamat utama dalam pendidikan masa kini tercapai (Ridwan, 2013). Antara tujuan pelaksanaan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan hafazan al-Quran adalah bagi memupuk minat pelajar agar mencintai dan menyukai hafazan al-Quran (Mohd Nasrun, 2021).

Bagi memastikan pendekatan pengajaran yang digunakan adalah bertepatan dengan keperluan semasa, guru memainkan peranan yang sangat penting (Mohamed Ayob, 2013). Amalan menyuburkan potensi kanak-kanak (Rohaty, 2003) dan juga kehendak ibu bapa juga amatlah penting. Dalam proses hafazan, keperluan modul yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak adalah sangat penting. Ditambah lagi permintaan ibu bapa terhadap kelas tahfiz bermula pada peringkat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tadika semakin mendapat tempat dan tumbuh seperti cendawan selepas hujan (Noor Hisham & Nasrun Hakim, 2017).

Adanya modul hafazan yang dapat menarik minat anak-anak menghafaz al-Quran dan bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak adalah sangat diperlukan. Kajian yang dilakukan oleh Mariam Adawiah dan Muhammad Faiz (2012) membuktikan bahawa warna dapat mempengaruhi tahap ingatan dan dapat meningkatkan perhatian manusia. Hal ini selari dengan Achmad Ghozali (2017) juga menyatakan warna berpengaruh terhadap emosi seseorang mengikut tahap umur. Pemilihan warna yang betul dapat meningkatkan perhatian dan fokus seseorang dalam proses pembelajaran.

Kajian Khotimah (2021) mendapati bahawa penggunaan media bergambar dapat meningkatkan tahap perhatian kanak-kanak prasekolah. Pada peringkat awal tanpa media bergambar, pencapaian murid hanya 70%. Setelah menggunakan media bergambar, pencapaian meningkat dengan ketara kepada 84%, menunjukkan keberkesanan kaedah pengajaran baru ini.

Hal ini membuktikan bahawa media bergambar dapat digunakan bagi meningkatkan fokus dan perhatian dalam proses pembelajaran bagi anak-anak prasekolah. Kenyataan ini juga disokong dengan hasil kajian yang menyatakan bahawa penggunaan media secara bergambar dapat meningkatkan pembelajaran seseorang (Dwi & Subagio, 2013). Manakala bagi pembelajaran bahasa pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak pula, gambar dan objek memainkan peranan yang penting dalam menghuraikan makna sesuatu perkataan (Puteh & Ali, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji juga mendapati bahawa melalui Ashraf Ismail et al. (2020) teknik dan kaedah hafazan al-Quran yang sering digunakan seperti *talaqqi, musyafahah, takrar, tadarus, semaan, tasmik, tarkiz, tarsikh, tafaqqud* dan *murajaah*, kefahaman dan penulisan. Kebanyakan perbincangan dalam kajian yang telah dilakukan berfokus kepada kaedah dan teknik hafazan sedangkan perbincangan tentang modul hafazan yang bersesuaian kepada kanak-kanak tidak banyak yang dibincangkan.

Justeru, pengkaji berinisatif dan ingin mengambil peluang untuk mengkaji dan melihat konsep warna dan gambar untuk membantu anak-anak di tadika dalam proses pengajaran kosa kata bahasa Arab melalui hafazan al-Quran dengan lebih mudah dan berkesan. Masalah yang berlaku dalam proses berkaitan pembelajaran tahfiz perlu ditangani segera (Azmil Hashim & Ab Halim, 2012) ditambah lagi suasana pada hari ini iaitu ibu bapa cenderung memilih sekolah yang berlatarkan agama dan al-Quran bermula dari peringkat prasekolah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi (Zetty Nurzuliana, 2016).

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti di bawah:

a) Menganalisis keperluan pembangunan modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dalam pengajaran hafazan al-Quran di Tadika Islam Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Mereka bentuk dan membangunkan modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dalam pengajaran hafazan al-Quran di Tadika Islam Malaysia.

c) Menilai kebolehgunaan modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dalam pengajaran hafazan al-Quran di Tadika Islam Malaysia.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi menjawab objektif kajian dalam kajian pembangunan ini, beberapa persoalan kajian adalah seperti berikut:

a) Apakah keperluan untuk membangunkan modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dalam pengajaran hafazan al-Quran di Tadika Islam Malaysia?

b) Bagaimanakah reka bentuk dan pembangunan modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dalam pengajaran hafazan al-Quran di Tadika Islam Malaysia?

c) Sejauh manakah kebolehgunaan modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dalam pengajaran hafazan al-Quran di Tadika Islam Malaysia?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan tumpuan kepada pembangunan modul pengajaran SMART-KQ bagi membantu guru-guru dalam proses pengajaran kosa kata bahasa Arab di tadika. Penghasilan modul pengajaran SMART-KQ ini diharapkan dapat menyumbang kepada tambahan bahan bantu mengajar yang diharapkan oleh guru-guru tadika.

Menurut laporan JAKIM (2021) Pendidikan Tahfiz Negara dalam teras empat strategi pertama meletakkan keutamaan memberikan latihan kepada guru-guru tahfiz dengan panduan dan bimbingan kurikulum tahfiz yang lengkap. Justeru, dengan adanya pendekatan dan kaedah hafazan al-Quran, dapat membantu guru-guru melahirkan pelajar tahfiz yang berkualiti serta mampu menguasai kosa kata bahasa Arab dengan baik.

Rasional kajian ini adalah berlandaskan permasalahan yang telah dihadapi oleh guru tadika yang mempunyai masalah dalam mendapatkan bahan rujukan (Kamisah Buang, 2013) yang berkaitan kosa kata bahasa Arab kepada kanak-kanak. Hal ini sehingga menyebabkan mereka mempunyai masalah tentang pengetahuan terhadap sebutan bahasa Arab yang betul (Mokhtar, 2021). Selain itu, kurang kemampuan dalam mempelbagaikan kaedah mengajar hafazan al-Quran secara interaktif kepada murid-murid tadika (Abu Umair, 2022).

Penghasilan modul ini dijangka dapat membantu pihak Tadika Islam seluruh Malaysia bagi memudahkan guru-guru membimbing murid menghafaz al-Quran serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab dengan modul yang menyeronokkan, bersesuaian tahap umur kanak-kanak. Menurut Gober (2008) antara cabaran dalam melaksanakan program literasi kepada pendidikan peringkat kanak-kanak adalah dalam memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Pembangunan modul hafazan al-Quran ini penting dalam membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya kepada bahagian pembangunan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) bagi merancang kurikulum hafazan al-Quran yang bersesuaian mengikut kaedah dan panduan bersistematik dalam kajian ini. Diharapkan melalui kajian ini juga dapat mengaplikasikan kaedah pembelajaran yang menyeronokkan melalui proses hafazan al-Quran di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Batasan Kajian

Penentuan batasan dalam kajian ini memainkan peranan yang kritikal dalam memastikan skop penyelidikan yang dijalankan adalah terurus dan terfokus. Batasan kajian merujuk kepada sempadan atau had yang ditetapkan bagi menghadkan luas dan kedalaman penyelidikan, seterusnya membolehkan penyelidik menumpukan usaha dan sumber secara lebih efektif. Menurut Creswell (2014) batasan kajian menetapkan parameter atau kriteria yang mengawal kajian agar ia tidak menjadi terlalu luas atau kompleks. Parameter ini mungkin meliputi aspek seperti populasi sasaran, lokasi geografi, tempoh masa, sumber data, atau pendekatan metodologi yang digunakan. Penetapan batasan yang jelas adalah penting bagi mengelakkan penyelidikan menjadi tidak fokus atau sukar untuk diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Paltridge dan Starfield (2007) menegaskan bahawa pengenalpastian batasan kajian membantu penyelidik menumpukan usaha dan sumber pada aspek yang paling relevan dalam penyelidikan mereka. Ia memastikan kajian tidak melangkaui sempadan yang telah ditetapkan, seterusnya memudahkan pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan. Selain itu, batasan kajian juga memainkan peranan penting dalam memudahkan pembaca dan pemeriksa tesis memahami sempadan penyelidikan dengan lebih jelas. Menurut Yin (2018) batasan kajian menjelaskan kepada pembaca apa yang termasuk dan tidak termasuk dalam kajian, serta alasan di sebalik pemilihan batasan tersebut. Ini memudahkan penilaian dan interpretasi dapatan kajian dalam konteks yang sesuai. Oleh itu, bahagian batasan kajian dalam kajian ini merupakan satu elemen yang penting dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Penyataan batasan kajian yang jelas dan terperinci membolehkan penyelidikan dijalankan secara lebih terurus, fokus, dan berkesan, seterusnya menyumbang kepada kualiti dan kesignifikanan dapatan yang diperolehi.

Justeru, dalam konteks kajian ini pengkaji telah memfokuskan kepada penambahbaikan proses hafazan al-Quran dan pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan menggunakan kaedah warna dan gambar. Proses ini sebenarnya telah diletakkan dalam struktur Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Walau bagaimanapun, penambahbaikan proses hafazan al-Quran dan pengajaran kosa kata bahasa Arab tersebut tidak akan mengubah struktur. Namun dengan adanya pembangunan modul ini dapat membantu dalam proses pelaksanaan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Kajian ini akan memfokuskan tentang peranan warna dan gambar dalam proses hafazan al-Quran untuk pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Kaedah hafazan al-Quran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang berkesan boleh memberikan manfaat kepada guru untuk mengajar mata pelajaran tersebut. Kajian ini adalah terbatas kepada kumpulan Tadika Islam swasta Islam yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan tersenarai dalam laman web tersebut sahaja. Berikut adalah pembahagian batasan kajian mengikut fasa tersebut:

1.7.1 Fasa Pertama: Analisis Keperluan Modul

Dalam fasa analisis keperluan kajian ini, terdapat beberapa batasan yang perlu diambil kira. Pertama, batasan ditetapkan dari segi populasi dan sampel kajian yang hanya melibatkan guru Tadika Islam seluruh Malaysia sahaja. Pemilihan sampel dilakukan dengan menggunakan teknik persampelan kluster, dengan memfokuskan kepada guru yang mempunyai pengalaman mengajar subjek kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran. Oleh itu, dapatan kajian ini hanya dapat digeneralisasikan kepada kumpulan guru tadika Islam sahaja dan tidak dapat mewakili populasi guru peringkat lain seperti sekolah rendah atau menengah.

Seterusnya, batasan turut dikenakan dari segi kaedah pengumpulan data yang digunakan. Pada fasa ini, kaedah utama yang digunakan adalah edaran borang soal selidik kepada guru tadika yang telah dikenal pasti. Data turut dikumpulkan melalui analisis maklumat yang terdapat di laman web rasmi milik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Selain itu, data dapatan borang soal selidik hanya dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 21 sahaja. Oleh yang demikian, kaedah dan analisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

data yang digunakan adalah terhad dan tidak melibatkan pendekatan lain yang mungkin boleh memperkayakan lagi dapatan kajian.

Walau bagaimanapun, bagi memperkukuhkan dapatan kajian pada fasa analisis keperluan ini, kaedah temu bual kepada guru tadika turut akan dijalankan. Pendekatan ini selari dengan saranan Ruenwai (2006); Creswell (2009) yang menyatakan bahawa penggunaan pelbagai kaedah pengumpulan data seperti temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen dapat mengukuhkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Oleh itu, batasan-batasan ini perlu diambil kira sewaktu menginterpretasi dapatan kajian agar sebarang generalisasi atau kesimpulan yang dibuat adalah dalam lingkungan skop dan batasan yang telah ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.2 Fasa Kedua: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul

Batasan utama dalam fasa ini ialah proses rekabentuk dan pembangunan modul bergantung sepenuhnya kepada kemampuan dan pengalaman pakar pembangunan yang terlibat. Oleh itu, modul yang dihasilkan mungkin terbatas dari segi ciri-ciri dan fungsi yang boleh dimuatkan, bergantung pada tahap kepakaran dan sumber yang dimiliki oleh pakar tersebut. Justeru itu panel pakar yang dipilih melibatkan fasa ini dengan menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* berdasarkan kriteria berikut:

i. Pensyarah kanan dalam bidang bahasa Arab yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah (PhD) dan merupakan pensyarah yang memiliki pengalaman mengajar melebihi 10 tahun dari universiti atau institusi pendidikan tempatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Pensyarah kanan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah (PhD) dan merupakan pensyarah yang memiliki pengalaman mengajar melebihi 10 tahun dari universiti atau institusi pendidikan tempatan.

iii. Pensyarah kanan dari universiti dan Darul Quran JAKIM, berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang tahfiz dan mempunyai kepakaran dalam bidang hafazan al-Quran.

iv. Guru tadika yang memiliki pengalaman mengajar bidang hafazan al-Quran di tadika dan mempunyai pengalaman mengajar bidang berkaitan melebihi 10 tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 Fasa Ketiga: Penilaian Kebolehgunaan Modul

Batasan utama dalam fasa ini ialah skop penilaian yang hanya tertumpu kepada aspek kebolehgunaan modul yang dibangunkan. Oleh itu, penilaian tidak meliputi faktor-faktor lain seperti keberkesanan pedagogi, kandungan kurikulum, atau impak pembelajaran secara menyeluruh. Fokus utama adalah untuk menilai tahap kebolehgunaan modul dari segi reka bentuk antara muka, kebolehcapaian, dan kemudahan penggunaan bagi pengguna sasaran. Selain itu, batasan turut dikenakan dari segi pemilihan peserta kajian. Penilaian kebolehgunaan hanya melibatkan kumpulan pengguna sasaran yang telah ditetapkan iaitu guru tadika yang terlibat dalam proses pengajaran kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran di Tadika terpilih sahaja. Oleh itu, dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan secara meluas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada semua kumpulan pengguna yang berpotensi menggunakan modul pengajaran SMART-KQ ini.

1.8 Kerangka Teori dan Konseptual Kajian

Dalam kerangka teori dan konseptual kajian, teori-teori dan model-model yang akan membentuk kerangka teori dinyatakan secara ringkas:

i. Teori Konstruktivisme: Teori ini telah dipelopori oleh ahli psikologi, Lev Vygotsky (Chen, 2005; Slavin, 2006; Woolfolk, 2007). Teori ini dipilih bagi melihat sejauh manakah pendekatan hafazan al-Quran menggunakan konsep warna dan gambar dapat membantu guru dan murid dalam meneroka, menyiasat dan menyelesaikan masalah peningkatan kosa kata bahasa Arab. Kajian ini adalah berdasarkan bahawa murid sekiranya dibimbing menggunakan kaedah yang betul mampu membina pemahaman dan kemahiran hafazan dalam pendekatan warna dan gambar. Hal ini selaras dengan konsep pandangan Vygotsky yang mengatakan bahawa kanak-kanak akan membina pengetahuan dan pemahaman melalui interaksi sosial dengan individu yang memiliki lebih pengetahuan atau more knowledgeable others (MKO), bimbingan guru (*scaffolding*) dan pendedahan kepada pengalaman di luar dari zon perkembangan proksimal (ZPD) mereka (DeVries & Zan, 1995; Hendricks, 1997; Katz, 1993).

ii. Teori Interaksional dalam Teori Pemerolehan Bahasa: Teori Interaksional merupakan salah satu daripada tiga teori dalam teori pemerolehan bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar-pakar interaksional seperti Schlesinger, Cromer dan Halliday menjelaskan bahawa perkembangan bahasa harus melibatkan proses kognitif dan interaksi bahasa dalam (Sidek, 2007). Dalam Teori Interaksional, proses pemerolehan bahasa melibatkan proses mental dan interaksi sesama pelajar. Ia membawa konsep bahawa perkembangan kognitif melengkapkan seseorang dengan kebolehan mentafsir makna dan interaksi bahasa pula dapat mendedahkan kepada cara-cara untuk menggambarkan makna kognitif dalam bentuk bahasa yang tepat. Proses pembelajaran bahasa melibatkan interaksi bahasa tersebut dalam pelbagai aktiviti dan objektif (Muhammad Hafiz, 2009).

iii. Model pengajaran Gagne: Model ini merupakan satu kerangka teori pembelajaran yang menekankan kepada proses dalaman (*internal*) yang berlaku dalam diri pelajar semasa aktiviti pembelajaran (Harjanto, 2020). Ia merangkumi 9 peristiwa pembelajaran iaitu menarik perhatian, memberitahu objektif, merangsang ingatan sedia ada, memaparkan kandungan simulasi, memberi bimbingan pelajar, mendapatkan prestasi pelajar, memberi maklum balas, menilai prestasi dan menggalakkan pengekalan serta pemindahan pembelajaran (Gagne et al., 2005). Model ini memberi penekanan kepada proses kognitif dalaman diri pelajar dan bagaimana ia boleh dirangsang oleh reka bentuk aktiviti pengajaran yang sistematik oleh guru pada setiap peringkat bagi memastikan sesuatu pembelajaran itu berkesan.

iv. Model Pembangunan Instruksional Sidek: Model pembinaan Sidek merupakan satu model reka bentuk dan pembangunan modul pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dibina berdasarkan model pembangunan Sidek (Aziz & Fadzil, 2018). Ia merangkumi lima fasa utama iaitu fasa analisis keperluan, reka bentuk modul, pembangunan modul, implementasi modul dan penilaian modul. Setiap fasa melibatkan langkah-langkah yang teliti dan sistematik dengan penekanan aspek nilai, penerapan teknologi, kreativiti dan pembelajaran masteri pelajar (Mohamad Bilal et al., 2014). Antara ciri-ciri modul Sidek ialah kandungan yang konstruktif, interaktif, mesra pengguna dan membangun kemahiran berfikir pelajar. Ia juga mengintegrasikan unsur-unsur tempatan dan global (Mohamad Bilal et al., 2014).


v. Model Kurikulum TABA: Model TABA ini merupakan satu model reka bentuk kurikulum yang memberi penekanan kepada penglibatan aktif pelajar dalam proses penjanaan dan penstrukturan ilmu pengetahuan (Othman et al., 2013). Ia terdiri daripada empat fasa utama iaitu langkah pendahuluan (*tune in*), fasa pengumpulan data dan pemerhatian (*action*), fasa pengaturan konsep (*bridge*) dan fasa pengaplikasian (*activate*). Model TABA bersifat deduktif dan induktif bagi membina pemahaman konsep pelajar (Ahmad et al., 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 1.1

Keranga Konseptual. Diadaptasi daripada Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh, 2020



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Definisi Istilah dan Operasional

Bahagian ini adalah bagi memastikan pemahaman kepada istilah dalam kajian ini menepati maksud yang sebenar dan terperinci. Pada bahagian ini juga telah diperincikan istilah beberapa definisi terminologi penting yang terdapat dalam kajian ini.

1.9.1 Kosa Kata

Kosa kata merupakan komponen asas dalam penguasaan bahasa, merujuk kepada kumpulan kata yang diketahui dan digunakan oleh seseorang individu atau kelompok dalam sesuatu bahasa (Nation, 2001). Ia merangkumi keseluruhan perbendaharaan kata yang dimiliki oleh seseorang, termasuk pemahaman makna dan penggunaan kata-kata tersebut dalam pelbagai konteks. Schmitt (2010) menekankan bahawa kosa kata bukan sekadar senarai kata-kata, tetapi juga melibatkan kefahaman mendalam tentang bagaimana kata-kata tersebut digunakan dalam komunikasi yang berkesan.

Dalam konteks operasional kajian ini, kosa kata didefinisikan sebagai koleksi kata-kata yang difahami dan digunakan oleh peserta kajian dalam komunikasi lisan dan bertulis. Definisi ini merangkumi beberapa aspek penting: pertama, kata-kata yang dapat dikenali dan difahami apabila dibaca atau didengar; kedua, kata-kata yang dapat digunakan dengan betul dalam ayat dan konteks yang sesuai; ketiga, keupayaan untuk menerangkan makna kata menggunakan sinonim atau definisi ringkas; dan keempat, pengetahuan tentang pelbagai makna kata (jika berkenaan) dan penggunaannya dalam konteks yang berbeza (Beck et al., 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengukuran kosa kata dalam kajian ini akan melibatkan pelbagai kaedah, termasuk mengenalpasti kata nama, kata kerja dan huruf. Read (2000) mencadangkan bahawa penilaian kosa kata yang komprehensif harus merangkumi kedua-dua aspek pengetahuan dan penggunaan. Laufer dan Hulstijn (2001) pula menekankan pentingnya mempertimbangkan konteks pemerolehan kosa kata, terutamanya dalam situasi pembelajaran bahasa kedua atau asing.

1.9.2 Bahasa Arab

Bahasa Arab merupakan bahasa rasmi di 24 buah negara Arab dan antara bahasa utama dunia serta ditutur oleh hampir 300 juta penutur jati iaitu lebih kurang empat peratus daripada penduduk dunia (Abdul Rahman, 2009). Dalam kajian ini, Bahasa Arab ialah mata pelajaran hafazan yang memerlukan pendedahan kepada pemahaman konsep mudah ayat al-Quran yang dihafaz melalui penguasaan kosa kata bahasa Arab. Ia memfokuskan kepada hafazan surah pendek yang termaktub dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Subjek ini akan diajar kepada pelajar tadika seluruh Malaysia yang mengikut silibus yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Subjek ini ditawarkan kepada murid tadika yang berumur empat, lima dan enam tahun. Ia juga merupakan subjek permulaan sebelum mengikuti pengajian di peringkat sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.3 Tadika Islam

Tadika Islam merupakan institusi pendidikan prasekolah yang berfungsi sebagai tempat mengembangkan sikap, pengetahuan, dan daya kreativiti anak dalam menyesuaikan dirinya dengan persekitaran, dengan penekanan khusus terhadap nilai-nilai dan ajaran Islam (Siti Rahayu, 2018). Menurut Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], tadika didefinisikan sebagai mana-mana tempat pendidikan di mana prasekolah (empat tahun hingga enam tahun) disediakan untuk 10 orang kanak-kanak atau lebih. Dalam konteks Tadika Islam, definisi ini diperluaskan untuk merangkumi kurikulum yang mengintegrasikan pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran harian.

Dari segi operasional, Tadika Islam dalam kajian ini merujuk kepada institusi pendidikan awal kanak-kanak yang menyediakan pendidikan prasekolah untuk kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun, dengan menggunakan kurikulum yang menggabungkan elemen-elemen pendidikan Islam. Hashim dan Langgulung (2008) menekankan bahawa pendidikan Islam awal harus merangkumi pengajian Al-Quran, akidah, akhlak, dan ibadah dalam aktiviti pembelajaran harian. Selain itu, Tadika Islam juga menekankan pembentukan karakter dan nilai-nilai Islam dalam perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak, selaras dengan pandangan Halstead (2007) tentang kepentingan nilai moral dalam pendidikan.

Tadika Islam juga dicirikan oleh pelaksanaan amalan dan budaya Islam dalam persekitaran pembelajaran, termasuk cara berpakaian, adab, dan rutin harian yang bersesuaian dengan syariat Islam (Nor Hashimah & Yahya, 2003). Institusi ini juga memerlukan tenaga pengajar yang berkelayakan dalam pendidikan awal kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan memiliki pengetahuan asas dalam pendidikan Islam, seperti yang dicadangkan oleh Azizah (2018) dalam kajiannya tentang kompetensi guru Tadika Islam. Selain itu, berdasarkan kajian ini Tadika Islam dicirikan sebagai Tadika yang berdaftar serta terdapat dalam senarai tadika di laman sesawang dikendalikan pihak JAKIM.

Definisi operasional ini bertujuan untuk membezakan Tadika Islam daripada tadika konvensional, dengan memberi penekanan kepada integrasi nilai-nilai dan pendidikan Islam dalam kurikulum dan amalan harian institusi tersebut. Pendekatan ini selaras dengan matlamat pendidikan Islam yang bertujuan untuk membentuk insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan fizikal, seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.4 Modul

Unit-unit kecil yang terkandung dalam satu bentuk keseluruhan yang lebih besar adalah dikenali sebagai modul. Ia berkait rapat antara antara satu bahagian kecil dengan satu bahagian kecil yang lain dan kandungannya adalah lengkap (Sharifah Alwiah, 1981). Menurut Shaharom dan Yap (1992) pula modul adalah dirujuk sebagai pakej pembelajaran kendiri yang direka secara terancang dan bersistematik serta menggabungkan pendekatan sistem dan humanistik.

Modul yang dibangunkan secara khusus dan sistematik banyak digunakan di institusi pendidikan dengan membincangkan tentang sesuatu tajuk tertentu. Tujuan ia dibangunkan adalah untuk memudahkan pelajar belajar secara bersendirian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun tidak berada di sekolah, murid dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan mudah dan tepat (Sidek & Jamaludin, 2005). Manakala menurut Warwick (1988) pula modul adalah suatu unit yang disusun secara lengkap serta boleh disambungkan kepada unit seterusnya untuk mencapai satu tugas yang lebih besar bagi mencapai matlamat jangka panjang.

1.9.5 SMART-KQ

Modul SMART-KQ merupakan pendekatan inovatif pengajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran yang dirancang secara strategik, mengintegrasikan elemen SMART yang dinisbahkan dengan pendekatan gambar dan warna yang kreatif. Modul ini adalah bertujuan sebagai alat pedagogi di tadika untuk memudahkan kanak-kanak prasekolah menguasai kosa kata bahasa Arab asas dan menghafaz surah pendek al-Quran, dengan fokus khusus pada pengembangan kemahiran linguistik dan kefahaman keagamaan pada peringkat awal pembangunan kognitif.

Lima huruf yang dimaksudkan tersebut merangkumi warna dan gambar bagi memudahkan proses pengajaran hafazan dan kosa kata bahasa Arab. Seterusnya, kosa kata merujuk kepada kosa kata bahasa Arab yang membawa maksud perbendaharaan perkataan dalam bahasa Arab yang perlu dipelajari untuk membolehkan pertuturan dan komunikasi asas dalam bahasa Arab dilakukan (Mohamed et al., 2012). Lazimnya kosa kata asas bahasa Arab yang diajar pada peringkat permulaan melibatkan nama benda, kata kerja, kata adjektif, kata tugas, dan frasa lazim yang berkaitan aktiviti seharian, waktu, arah, warna serta bilangan (Al-Qahtani, 2015). Justeru dalam kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini, kosa kata yang ditekankan untuk dipelajari oleh murid adalah dalam kata kerja, kata nama dan huruf.

Selain itu, Quran pula dalam konteks perkataan pada tajuk ini adalah merujuk kepada isi kandungan modul hafazan yang juga akan dijadikan bahan pengajaran bagi memudahkan murid mengingati dengan menggunakan teknik warna dan gambar. Di peringkat tadika, hafazan al-Quran bertujuan mendedahkan minda dan lidah kanak-kanak kepada sebutan ayat dengan betul dan lancar (Mahmud, 2021). Antara surah lazim yang diperkenalkan termasuklah surah al-Fatihah, surah al-Ikhlas, surah al-Falaq, surah an-Nas yang pendek dan mudah dihafaz (Abuhammad, 2011).

1.10 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berpandukan kepada susunan dan huraian setiap topik dalam bab ini yang membincangkan secara terperinci tentang latar belakang kajian dan penyataan masalah yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran sehingga adanya keperluan untuk membangunkan modul pengajaran SMART-KQ yang diharapkan berupaya menyelesaikan permasahan tersebut.

Seterusnya, penyelidik meletakkan objektif kajian dan persoalan kajian bagi memastikan ia dapat menjadi batasan dan pertunjuk yang dapat dicapai serta dapat dijawab dalam keseluruhan kajian ini. Selain itu, prosedur kajian dihuraikan merangkumi fasa-fasa utama iaitu analisis keperluan, pemilihan konstruk modul, pembangunan modul dengan menentukan item bagi setiap konstruk dan fasa akhir sekali adalah penilaian kebolehgunaan modul yang dihasilkan. Pada bab ini juga,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dinyatakan tentang responden kajian yang terlibat serta beberapa kekangan yang wujud dalam pelaksanaan kajian ini dan seterusnya adalah batasan kajian.

Selain itu, kerangka konseptual telah dibina bagi mendasari kajian ini. Sementara itu, rajah alir prosedur kajian juga turut disediakan bagi memberi gambaran keseluruhan aktiviti reka bentuk dan pembangunan modul yang dilaksanakan berpandukan pendekatan berstruktur. Akhir sekali, definisi operasional diletakkan bagi mentakrifkan mengenai konstruk dan item dalam konteks kajian pembangunan modul pengajaran SMART-KQ yang dijalankan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur merujuk kepada proses mengumpul, membaca, dan menganalisis bahan bertulis yang telah diterbitkan berkaitan satu topik penyelidikan. Justeru, ia melibatkan beberapa perkara penting antaranya adalah mengenal pasti bahan rujukan seperti jurnal, buku, laporan serta tesis yang berkaitan topik dengan membaca, meneliti, dan membuat catatan penting. Oleh yang demikian, pada bab ini secara keseluruhannya akan menghuraikan tentang proses pengajaran berkaitan kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran khususnya yang berlaku di tadika. Selain itu, akan dihuraikan juga berkaitan peranan warna dan gambar dalam proses pengajaran kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran di tadika. Bab ini juga akan membincangkan tentang kerangka teoritikal yang akan digunakan dalam kajian ini merangkumi Teori Konstruktivis, Teori Interaksional, Model Pengajaran Gagne, Model Pembangunan Sidek dan Model Kurikulum Taba.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Perkembangan Bahasa Arab Prasekolah

Bahasa Arab ialah bahasa al-Quran dan penting dalam kehidupan masyarakat masa kini. Menurut Hazrul Affendi (2020) kepentingan bahasa Arab dapat dikategorikan kepada tiga meliputi kepentingan kepada masyarakat umum, kepentingan kepada individu beragama Islam dan kepentingan kepada pelajar dan guru beragama Islam dalam bidang pengajian bersumberkan al-Quran dan hadis. Menyedari kepentingan ini, bahasa Arab telah diajar di institusi pendidikan bermula pada peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi (Zainur Rijal et al., 2020).

Lantaran itu, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif memperkenalkan program J-QAF iaitu sistem pendekatan pembelajaran Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu ain pada tahun 2005. Hal ini adalah bagi memperkasa penguasaan dan kemahiran bahasa Arab dan pendidikan Islam dalam kalangan masyarakat Malaysia (Ismail Muhamad et al., 2013). Matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah adalah bagi membolehkan murid memahami dan menguasai kemahiran berbahasa iaitu daripada segi mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia juga selaras dengan matlamat dan hala tuju negara dalam menghadapi masa depan selain merealisasikan matlamat berkaitan hubungan antarabangsa dari pelbagai aspek berikut; i) politik antarabangsa, ii) bahasa bangsa-bangsa bersatu, iii) bahasa penting dunia, iv) ilmu pengetahuan, v) perkembangan perindustrian, dan vi) pelancongan. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ditekankan pada setiap peringkat pengajian termasuklah pada peringkat prasekolah. Sehubungan itu, Awatif et al. (2017) telah melakukan satu kajian "Pendidikan Bahasa Arab di peringkat Prasekolah: Satu Tinjauan awal". Kajian ini dilakukan bagi meninjau peringkat permulaan pengajaran dan pembelajaran pada peringkat prasekolah. Hasil daripada tinjauan awal ini telah mendapati bahawa sistem pendidikan di Malaysia telah menggariskan beberapa objektif khusus dan umum dalam pengajaran bahasa Arab. Standard dan Garis Panduan Kurikulum Standard Prasekolah (pindaan 2017) di bawah tunjang kerohanian, sikap dan nilai meletakkan pembelajaran Pendidikan Islam iaitu pembelajaran bahasa Arab secara tidak langsung dengan objektif utamanya yang merangkumi:

i. Mengenal huruf-huruf hijaiyah, menghafaz surah-surah pendek dan mempelajari bahasa Arab mudah.

ii. Memahami asas beriman dan beribadah kepada Allah SWT.

iii. Mengetahui sirah dan peribadi Rasulullah SAW serta berusaha mencontohinya.

iv. Mengamalkan adab dan akhlak yang mulia dalam kehidupan seharian.

v. Membaca suku kata serta menulis huruf Jawi dengan betul dan tepat.

Kesemua objektif pendidikan prasekolah ini memberi penekanan dan meliputi penguasaan asas al-Quran dan Jawi, pembentukan akidah, pemupukan asas ibadah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyuburan adab dan akhlak serta pengenalan kepada sirah Rasulullah SAW sejak awal usia kepada murid-murid prasekolah. (Awatif et al., 2017).

Melalui kajian yang dijalankan oleh Muhammad Taufiq dan Wan Ab Aziz (2018) mengenai "Bahasa Arab untuk Pendidikan Awal Kanak-kanak: Satu kajian Analisis Keperluan" menjelaskan betapa perlu dan pentingnya bahasa Arab dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Pengkaji juga berpandangan bahawa mata pelajaran bahasa Arab perlu diperkenalkan dan diterapkan sejak awal usia kerana bidang bahasa Arab lebih hampir dan sinonim dengan pendidikan kanak-kanak. Kajian ini juga mengetengahkan kepentingan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bagi program Pendidikan Awal-Kanak-kanak. Di samping itu, ia juga memberi kelebihan dan nilai tambah kepada murid-murid kerana dapat meningkatkan kemahiran komunikasi seterusnya, dapat mengaplikasikannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. (Mohammad Taufiq & Wan Ab Aziz, 2018).

Manakala masalah penguasaan bahasa Arab yang lemah banyak berlaku pada masa ini di semua peringkat pengajian meliputi sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi adalah bermula pada peringkat prasekolah lagi. Kanak-kanak yang telah diperkenalkan dan diajar dengan bahasa sejak peringkat prasekolah amat cenderung dan berupaya mempunyai tahap penguasaan ilmu yang tinggi bukan sahaja dalam bahasa Arab, malah dalam bidang-bidang ilmu yang lain. Oleh itu, kanak-kanak perlu diajar dengan asas bahasa Arab agar mereka tidak ketinggalan. (Awatif et al., 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Norfaezah (2021) pula adalah menjadi satu keperluan agar bahasa Arab dipelajari sejak prasekolah. Hal ini adalah bagi memudahkan murid untuk memahami dan menguasai bahasa Arab pada peringkat yang lebih tinggi. Kepentingan mempelajari bahasa Arab ini juga merupakan faktor utama kepada pembentukan generasi Rabbani selain menjadi modal insan yang sangat berharga dalam pembangunan negara. Menurut Norfaezah (2017) juga terdapat tiga teori psikologi yang mempengaruhi pembentukan model dan program dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak. Tiga teori tersebut ialah teori kematangan, teori tingkah laku persekitaran dan teori konstruktivis. Teori pembelajaran bahasa Arab ini perlu digabung jalin dengan teori pendidikan awal kanak-kanak bagi membentuk model dan hasil yang baik dan berkualiti. (Norfaezah, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji berminat untuk mengungkap tahap penguasaan bahasa Arab yakni bahasa al-Quran murid prasekolah. Justeru, menurut pengkaji, penguasaan bahasa Arab perlulah bermula daripada peringkat prasekolah bagi memantapkan dan meluaskan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Hal ini sangat penting bagi melahirkan generasi modal insan masa hadapan yang seimbang dari segala segi. Diharapkan perkembangan dan potensi pelajar dapat digilap secara positif dan berkesan berdasarkan objektif pembelajaran bahasa Arab dalam pendidikan prasekolah.

Selain itu, usaha bagi melahirkan generasi yang berdaya saing dan mampu memacu perkembangan pendidikan di Malaysia dapat dilaksanakan sekiranya dasar pendidikan adalah jelas, berobjektif dan bermatlamat. Hal ini demi menjamin kualiti pendidikan agar setanding dan mampu bersaing dengan negara-negara maju lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Awatif et al., 2017). Lantaran itu, bagi memastikan pendidikan bahasa Arab di Malaysia sentiasa mampu bersaing dan mendapat pengiktirafan di peringkat global seiring dengan perkembangan bahasa-bahasa lain di dunia, pelbagai usaha serta perkara yang berkaitan telah dan sedang dijalankan secara giat dan berterusan. (Anismazini, 2014).

2.2.1 Kepentingan Bahasa Arab Dalam Pendidikan Prasekolah

Di Malaysia, pendidikan prasekolah merupakan pendidikan formal peringkat awal yang dihadapi oleh kanak-kanak, iaitu seawal umur empat tahun. Namun begitu, ia bukanlah pendidikan yang wajib kepada semua kanak-kanak. Kebanyakan kanak-kanak berusia enam tahun telah memulakan pendidikan prasekolah sebagai persediaan untuk memasuki alam sekolah rendah. Pendidikan prasekolah di Malaysia terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu di bawah kelolaan kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, dan swasta (Norfaezah et al., 2017). Manakala melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pula telah dibahagikan kepada dua kategori institusi prasekolah Islam iaitu Tadika Islam Negeri (TIN) dan Tadika Islam Swasta (TIS) (JAKIM, 2023).

Tadika Islam Negeri merupakan institusi prasekolah yang ditubuhkan dan ditadbir urus oleh kerajaan negeri termasuklah perbelanjaan untuk pengurusan, tenaga pengajar, dan perkara-perkara lain. Tadika Islam Negeri juga menggunakan kurikulum kebangsaan, kurikulum negeri, atau gabungan kurikulum kebangsaan dan negeri sebagai teras Pembelajaran dan Pengajaran (PdP), di samping kurikulum-kurikulum lain sebagai sokongan. Manakala Tadika Islam Swasta pula ditubuhkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan ditadbir urus oleh pihak swasta, iaitu selain daripada kerajaan negeri atau persekutuan. Tadika Islam Swasta menggunakan kurikulum kebangsaan sebagai teras PdP, di samping kurikulum-kurikulum sendiri sebagai sokongan. Kedua-dua kategori prasekolah ini lazimnya menerima kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun (Mustafa & Chew, 2020).

Di bawah dasar Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) di Malaysia, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) menyediakan peluang pembelajaran kepada kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun untuk mencapai objektif tertentu (Norfaezah et al., 2017). Objektif tersebut merangkumi aspek jasmani seperti kesihatan fizikal dan kemahiran psikomotor, aspek emosi seperti konsep kendiri positif dan kematangan emosi, serta aspek intelek seperti penguasaan kemahiran berkomunikasi, proses sains dan matematik asas, kemahiran berfikir, dan menghargai keindahan alam (KSPK, 2010). Bagi kanak-kanak beragama Islam, kurikulum turut menekankan aspek kerohanian iaitu mengamalkan nilai murni dan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian (Norfaezah et al., 2017). Selain itu, KSPK juga memberi tumpuan kepada aspek sosial seperti kemahiran berkomunikasi, membina hubungan positif, dan bekerjasama dengan orang lain.

Melalui penerapan Pendidikan Islam ini, ia memberi pengetahuan dan kemahiran asas tentang rukun iman, rukun Islam, sirah Rasulullah, dan kalimah syahadah. Kanak-kanak prasekolah didedahkan dengan amalan bersuci, berwuduk, pergerakan solat, mencontohi akhlak Rasulullah, dan melakukan amalan harian mengikut adab dalam Islam. Pada masa yang sama, mereka juga diperkenalkan dengan asas bahasa Al-Quran, huruf hijaiyah, Jawi, serta menghafaz surah pendek dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

doa pilihan. Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dijalankan melalui pelbagai aktiviti seperti bercerita, simulasi, nyanyian, aktiviti hands-on, eksplorasi, dan permainan (KSPK, 2010).

Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSPK (2016) penekanan diberikan kepada penguasaan asas al-Quran dalam pendidikan bahasa Arab. Silibus meliputi pengenalan huruf hijaiyah berserta tanda baris, serta pembelajaran perkataan dan nombor asas dalam bahasa Arab. Dalam konteks penggunaan kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran, KSPK memberi fleksibiliti kepada tenaga pengajar untuk mengaplikasikan pelbagai pendekatan yang bersesuaian dengan kepelbagaian murid (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSPK, 2016). Antara kaedah yang dicadangkan termasuklah pembelajaran berpusatkan murid, belajar melalui bermain, pembelajaran berasaskan inkuiri, pendekatan bersepadu dan bertema, pembelajaran masteri, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran kontekstual, dan pembelajaran berdasarkan kepelbagaian kecerdasan.

Menurut kajian oleh Mohd Faezy Othman dan Azmey Othman (2019) pengajaran bahasa Arab di peringkat prasekolah adalah penting untuk membentuk asas yang kukuh dalam mempelajari bahasa tersebut. Kajian mereka mendapati bahawa pendekatan pengajaran bahasa Arab di prasekolah yang menekankan aspek sebutan, pengenalan huruf, dan perkataan asas melalui aktiviti bermain sambil belajar telah berjaya menarik minat murid terhadap bahasa Arab. Selain itu, kajian oleh Zaini et al. (2019) menunjukkan bahawa penguasaan asas bahasa Arab di peringkat prasekolah telah membantu murid untuk mempelajari bahasa tersebut dengan lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkesan di peringkat sekolah rendah. Kajian mereka mencadangkan agar tempoh masa pengajaran bahasa Arab di prasekolah ditambah untuk memberikan pendedahan yang lebih meluas kepada murid.

Institusi prasekolah kerajaan persekutuan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), dan Jabatan Perpaduan Negara turut menawarkan pengajaran bahasa Arab sebagai sebahagian daripada komponen Pendidikan Islam dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK, 2010). Di peringkat kerajaan negeri pula, pendidikan bahasa Arab turut diajarkan, sebagai contoh prasekolah di bawah pengurusan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dengan matlamat untuk melahirkan insan bertaqwa berdasarkan nilai Islam (Kertas Dasar dan Hala Tuju Pendidikan Islam JAIS, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kewujudan institusi prasekolah swasta yang menawarkan pendidikan bahasa Arab turut berkembang hasil daripada permintaan tinggi daripada ibu bapa (Norfaezah et al., 2017). Antara tujuannya adalah untuk memupuk penguasaan asas bahasa al-Quran dan menyemarakkan kecintaan terhadap agama Islam. Sebagai contoh, institusi prasekolah swasta seperti Dzuliman *Smart* Khalifah dan *Smart Reader Kids Islamic* (*Smart* Tadris) turut menawarkan pendidikan bahasa Arab kepada kanak-kanak (Norfaezah et al., 2017). Dalam KSPK, bahasa Arab ditempatkan di bawah tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai dengan penekanan kepada pengenalan huruf hijaiyah, perkataan dan nombor asas dalam bahasa Arab serta hafalan surah dan doa pilihan (KSPK, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tidak dinafikan, bahasa Arab mempunyai kedudukan penting dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) di Malaysia. Ia diajar sebagai bahasa ketiga selepas Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di bawah Komponen Pengajaran dan Pembelajaran KSPK (Bahagian III, Perkara 8.3, KSPK). Pengajaran Bahasa Arab di peringkat prasekolah bertujuan untuk memperkenalkan asas bahasa tersebut kepada murid-murid, terutamanya pengenalan huruf-huruf Arab dan perkataan-perkataan asas (Bahagian III, Perkara 8.3.3, KSPK). Komponen Bahasa Arab dalam KSPK merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Namun, penekanan utama adalah pada kemahiran mendengar dan bertutur (Bahagian III, Perkara 8.3.4, KSPK). Masa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di peringkat prasekolah adalah selama 30 minit seminggu (Bahagian III, Perkara 8.3.5, KSPK). Kurikulum Bahasa Arab di peringkat prasekolah digubal oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Bahagian III, Perkara 8.3.6, KSPK).

Bahasa Arab juga mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan al-Quran. Pendedahan awal kepada bahasa ini di peringkat prasekolah adalah penting untuk membantu murid-murid menghayati dan memahami kitab suci tersebut dengan lebih baik pada masa akan datang. Banyak kajian menunjukkan bahawa mempelajari bahasa Arab sejak peringkat awal dapat memberi kesan positif terhadap penghayatan al-Quran dalam kalangan murid. Menurut kajian oleh Zaharah dan Nurkhamimi (2017) mewujudkan persekitaran bahasa Arab yang kondusif di prasekolah dapat membantu murid menguasai bahasa tersebut dengan lebih baik. Hal ini secara tidak langsung akan memudahkan mereka untuk memahami al-Quran pada masa akan datang kerana al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab. Kajian mereka mencadangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

agar guru-guru prasekolah meningkatkan penggunaan bahasa Arab dalam komunikasi harian di samping menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik. Hal ini demikian adalah bagi menambah pemahaman murid dan menarik minat mereka untuk terus mempelajari bahasa Arab.

Menurut kajian oleh Abdul Rahim Abdul Rashid dan Mohd Shahrizal Nasir (2018) penguasaan Bahasa Arab membolehkan para pelajar memahami makna sebenar ayat-ayat al-Quran dan hadis dengan lebih jelas tanpa bergantung sepenuhnya kepada terjemahan. Hal ini penting kerana terdapat ayat-ayat yang sukar untuk diterjemahkan dengan tepat ke dalam bahasa lain. Kajian mereka mendapati bahawa pelajar yang menguasai bahasa Arab akan lebih berjaya memahami ilmu-ilmu Islam dengan lebih mendalam. Selain itu, kajian oleh Mohd Faezy dan Azmey (2019) menekankan kepentingan mempelajari Bahasa Arab sejak peringkat awal untuk memudahkan pemahaman terhadap ilmu-ilmu Islam pada masa akan datang. Mereka mencadangkan agar pendedahan awal kepada Bahasa Arab diberikan kepada murid-murid di peringkat prasekolah melalui pendekatan bermain sambil belajar.

Kegagalan untuk mendedahkan murid-murid kepada bahasa Arab dan al-Quran bermula daripada peringkat prasekolah boleh membawa kesan negatif terhadap penghayatan dan pemahaman mereka terhadap Kitab suci tersebut pada masa akan datang. Berikut merupakan huraian tentang akibat yang mungkin timbul sekiranya pendedahan awal ini diabaikan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Kegagalan menguasai bahasa Arab pada peringkat yang lebih tinggi

Kajian yang dijalankan oleh Zaini et al. (2019) menunjukkan bahawa murid-murid yang menguasai asas bahasa Arab di peringkat prasekolah berupaya mempelajari bahasa tersebut dengan lebih berkesan di peringkat sekolah rendah. Sebaliknya, murid-murid yang tidak didedahkan dengan bahasa Arab sejak awal menghadapi kesukaran untuk menguasai bahasa tersebut pada peringkat yang lebih tinggi. Hal ini secara tidak langsung akan menjejaskan keupayaan mereka untuk memahami al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab.

Selain itu, kajian Daud dan Pisal (2014) menunjukkan murid mengalami masalah menguasai kosa kata bahasa Arab hingga mengakibatkan sukar bertutur dan menulis perenggan dalam bahasa Arab. Kekurangan kosa kata menyebabkan pelajar menghadapi kekangan dalam menyampaikan idea dan mesej dengan jelas serta terpaksa menggunakan perkataan yang kurang tepat untuk mewakili maksud sebenar. Selain itu, ia turut menjejaskan keupayaan memahami bahan bacaan dan penyampaian lisan serta menguasai kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur dalam bahasa Arab. Kekangan ini juga boleh menimbulkan rasa kurang yakin untuk berkomunikasi dalam bahasa tersebut dan seterusnya menjejaskan motivasi untuk terus mempelajarinya. Oleh itu, penguasaan kosa kata yang mencukupi amat diperlukan untuk membolehkan pelajar berkomunikasi dengan berkesan, meningkatkan kefahaman, menguasai kemahiran bahasa, memberi keyakinan untuk berbahasa Arab serta mengekalkan minat dan motivasi dalam mempelajari bahasa ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Mengalami masalah dalam pembelajaran al-Quran

Kajian oleh Norsiah (2020) mendapati bahawa murid-murid yang tidak mempunyai asas bahasa Arab yang kukuh sejak dari peringkat prasekolah cenderung untuk mengalami masalah dalam membaca, menulis, dan memahami al-Quran. Hal ini boleh menyebabkan mereka hilang minat untuk mempelajari al-Quran dan seterusnya menjauhkan diri daripada ajaran Islam.

Justeru, pendedahan awal kepada Bahasa Arab dan al-Quran di peringkat prasekolah adalah penting untuk membentuk asas yang kukuh bagi murid-murid menghayati dan memahami bahasa al-Quran ini. Kegagalan untuk melakukan pendedahan ini boleh mengakibatkan masalah dalam penguasaan bahasa Arab dan pemahaman al-Quran pada peringkat yang lebih tinggi. Pendedahan awal kepada bahasa Arab sejak usia muda adalah sangat penting dalam menarik minat anak-anak untuk mencintai al-Quran. Hal ini demikian adalah kerana penguasaan bahasa Arab merupakan kunci utama untuk memahami dan menghayati kandungan al-Quran dengan lebih baik. Kajian-kajian menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran bahasa Arab yang sesuai bermula daripada peringkat prasekolah dapat membantu membina minat dan kecintaan murid-murid terhadap kitab suci al-Quran (Khasanah, 2016).

Secara keseluruhannya, Kajian mendapati bahawa murid-murid menghadapi kesukaran dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab, yang seterusnya menjejaskan keupayaan mereka untuk memahami al-Quran. Namun, tiada kajian khusus yang membincangkan penggunaan pendekatan inovatif seperti modul kosa kata berasaskan warna dan gambar untuk meningkatkan hafazan al-Quran. Kajian-kajian sedia ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti Mohd Faezy dan Azmey (2019) mencadangkan pendekatan bermain sambil belajar, tetapi tidak memperincikan strategi visual yang khusus. Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan modul pengajaran yang dapat mengatasi halangan bahasa, meningkatkan minat kanak-kanak, dan memudahkan proses pembelajaran kosa kata bahasa Arab serta hafazan al-Quran melalui kaedah visual yang menarik dan interaktif.

2.2.2 Peranan Kosa Kata Dalam Penguasaan Bahasa Arab

Penguasaan kosa kata memainkan peranan yang sangat penting dalam proses mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing, termasuk bahasa Arab. Dapatan kajian oleh Al-Masri dan Milton (2012) menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata mempunyai korelasi yang signifikan dengan kecekapan dalam kemahiran bahasa seperti membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Ini bermakna, semakin luas penguasaan kosa kata pelajar, semakin tinggi keupayaan mereka untuk menguasai kemahiran bahasa yang lain. Sebaliknya, kekurangan penguasaan kosa kata akan menghadkan kebolehan pelajar untuk memahami dan menyampaikan maklumat dalam bahasa sasaran dengan berkesan. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran kosa kata yang berkesan adalah sangat penting untuk membantu pelajar menguasai bahasa Arab dengan lebih sempurna.

Kepentingan penguasaan kosa kata dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing turut disokong oleh dapatan kajian terkini. Dalam kajian oleh Morin dan Goswami (2022) mereka mendapati bahawa penguasaan kosa kata mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hubungan yang signifikan dengan pencapaian dalam kemahiran membaca dan menulis bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kanada. Dapatan yang sama turut diperoleh dalam kajian yang dijalankan oleh Alqahtani (2021) terhadap pelajar bahasa Arab sebagai bahasa asing di Arab Saudi, yang menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata mempunyai korelasi yang kuat dengan prestasi dalam kemahiran mendengar dan bertutur.

Oleh itu, jelaslah bahawa penguasaan kosa kata merupakan komponen yang amat penting dalam proses mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing, termasuk bahasa Arab. Kekurangan penguasaan kosa kata akan menjadi penghalang kepada pelajar untuk memahami dan berkomunikasi dengan berkesan dalam bahasa sasaran. Justeru, penekanan terhadap pengajaran dan pembelajaran kosa kata yang sistematik dan berkesan adalah sangat diperlukan bagi membantu pelajar menguasai bahasa Arab dengan lebih cemerlang.

Selain itu, Nation (2011) mencadangkan bahawa pelajar perlu menguasai sekurang-kurangnya 8,000 hingga 9,000 perkataan untuk mencapai kecekapan dalam bahasa kedua. Namun, bilangan perkataan yang perlu dikuasai oleh pelajar bahasa Arab sebagai bahasa asing masih menjadi perdebatan dalam kalangan sarjana. Kajian oleh al-Rabaah dan al-Yaari (2017) mendapati bahawa pelajar Arab di Jordan memerlukan kira-kira 5,000 perkataan untuk memahami teks bahasa Arab pada tahap universiti. Manakala, kajian oleh al-Akloby (2001) mencadangkan bahawa pelajar bukan Arab perlu menguasai sekitar 3,000 perkataan untuk memahami teks bahasa Arab pada tahap permulaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam usaha untuk memilih kosa kata yang sesuai untuk diajar kepada pelajar bahasa Arab, aspek kualitatif turut memainkan peranan yang penting selain daripada kuantiti semata-mata. Menurut Nation (2016) faktor-faktor seperti kekerapan penggunaan sesuatu perkataan, kebolehsempadanan perkataan tersebut dengan perkataan lain, dan keperluan komunikasi dalam pelbagai situasi perlu diambil kira. Pendekatan ini disokong oleh kajian terkini yang dijalankan oleh Almusawi dan Murtadha (2022) yang mendapati bahawa kekerapan penggunaan sesuatu perkataan dalam teks bahasa Arab mempunyai hubungan yang signifikan dengan keupayaan pelajar untuk menguasai perkataan tersebut.

Selain itu, Schmitt (2010) turut menekankan kepentingan menguasai "perkataan teras" (*core words*) yang sering digunakan dalam pelbagai konteks, berbanding perkataan yang jarang digunakan. Perkataan teras ini merujuk kepada perkataan yang mempunyai kekerapan penggunaan yang tinggi dan boleh diaplikasikan dalam pelbagai situasi. Dalam kajian oleh Al-Rabaah dan Al-Yaari (2021) mereka mendapati bahawa penguasaan perkataan teras bahasa Arab memberikan kesan yang signifikan terhadap keupayaan pelajar untuk memahami dan berkomunikasi dalam bahasa sasaran. Ini membolehkan pelajar membina asas yang kukuh dalam penguasaan bahasa Arab sebelum mempelajari perkataan yang lebih spesifik atau jarang digunakan.

Oleh itu, dalam pemilihan kosa kata yang perlu diajar kepada pelajar bahasa Arab, aspek kualitatif seperti kekerapan, kebolehsempadanan, dan keperluan komunikasi perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Penekanan terhadap penguasaan perkataan teras yang sering digunakan dalam pelbagai konteks adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penting untuk membantu pelajar membina asas yang kukuh dalam penguasaan bahasa Arab. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan proses pembelajaran, tetapi juga membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan kosa kata yang dipelajari dalam situasi sebenar dengan lebih berkesan.

Selain memilih kosa kata yang sesuai, strategi pengajaran yang berkesan juga merupakan aspek penting yang mendapat perhatian para sarjana dalam bidang pembelajaran bahasa. Kajian oleh Alqahtani (2015) mendapati bahawa pengajaran kosa kata melalui pendekatan komunikatif dan kontekstual lebih berkesan berbanding kaedah pengajaran secara berasingan. Pendekatan komunikatif melibatkan penggunaan bahasa dalam situasi yang realistik dan autentik, manakala pendekatan kontekstual menekankan pembelajaran kosa kata dalam konteks yang bermakna. Dapatan ini disokong oleh kajian terkini yang dijalankan oleh Al-Ramahi dan Mohamad (2022) yang menunjukkan bahawa pelajar bahasa Arab di Jordan menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam penguasaan kosa kata apabila diajar melalui pendekatan komunikatif berbanding pendekatan tradisional.

Selain itu, Alharthi (2019) mencadangkan penggunaan teknologi seperti multimedia dan aplikasi mudah alih untuk memperkayakan pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Kajian yang dilakukan oleh Al-Shehri dan Ahmed (2021) mendapati bahawa penggunaan aplikasi mudah alih berasaskan permainan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab dapat meningkatkan motivasi dan pencapaian pelajar dengan ketara. Ini disebabkan oleh elemen interaktiviti dan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan yang disediakan oleh aplikasi tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan perbincangan di atas, adalah jelas bahawa terdapat beberapa jurang pengetahuan dalam bidang peranan kosa kata dalam penguasaan bahasa Arab yang perlu diisi melalui penyelidikan lanjut. Pertama, kajian yang mengkaji secara khusus peranan dan impak penguasaan kosa kata terhadap pencapaian kemahiran bahasa Arab seperti membaca, menulis, mendengar dan bertutur dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing adalah terhad (Al-Masri & Milton, 2012). Kedua, bilangan perkataan yang perlu dikuasai oleh pelajar bahasa Arab sebagai bahasa asing masih menjadi perdebatan dan memerlukan penyelidikan lanjut, memandangkan kebanyakan kajian lepas memberi tumpuan kepada keperluan pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua (Nation, 2011; Al-Rabaah & Al-Yaari, 2017; Al-Akloby, 2001).

Kesimpulan yang dapat dibuat adalah kajian yang memberikan garis panduan atau kerangka yang jelas tentang cara memilih dan menyusun kosa kata berdasarkan aspek-aspek kualitatif seperti kekerapan, kebolehsempadanan, dan keperluan komunikasi secara sistematik dan berkesan adalah terhad (Nation, 2016; Schmitt, 2010). Tambahan pula, kajian yang mendalam dan terperinci tentang kaedah, teknik, dan strategi khusus untuk pengajaran kosa kata bahasa Arab sebagai bahasa asing yang berkesan masih kekurangan (al-Qahtani, 2015). Akhir sekali, kajian empirikal yang mengkaji keberkesanan penggunaan teknologi seperti multimedia dan aplikasi mudah alih dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab sebagai bahasa asing, serta faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaannya masih terhad (Alharthi, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Pembinaan Modul Hafazan al-Quran Berasaskan Warna dan Gambar

Lingkungan usia keemasan (*golden age*) dalam proses perkembangan kanak-kanak adalah semasa mereka pada usia tiga hingga enam tahun merupakan masa yang penting untuk diisi dengan sesuatu yang bermakna (Hurlock, 1993). Kanak-kanak mengalami kemajuan intelektual, sosial mahupun emosional yang sangat hebat pada usia keemasan ini. Otak kanak-kanak pada waktu ini sedang membentuk jaringan otak bersesuaian dengan tahap usia mereka. Oleh itu, rangsangan pendidikan yang bersesuaian harus diberikan sebagai usaha mengembangkan potensi diri mereka (Nopriyanti, 2012).

Pendidikan tahfiz di Malaysia mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ibu bapa atas kesedaran kepentingan al-Quran sebagai teras rujukan utama umat Islam. Permintaan ibu bapa kepada sekolah yang berlatarkan al-Quran mendapat sambutan yang menggalakkan (Zetty Nurzuliana, 2016) dan menerima permintaan yang tinggi dalam kalangan ibu bapa (Fathiyah et al., 2015). Justeru, ia telah memberi kesan kepada sistem pendidikan di Malaysia yang telah mengalami kepelbagaian kemajuan dan transformasi seiring perkembangan teknologi dan perubahan zaman (Amelia & Lilia , 2019).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Noor Hisham dan Nasrun Hakim (2017) memaparkan bahawa guru di institusi tahfiz menggunakan kaedah pengajaran dan hafazan yang kurang berkesan. Masalah ini timbul disebabkan oleh guru-guru yang mengajar tahfiz ini tidak mempunyai kelayakan dalam bidang pengajian tahfiz ataupun bukanlah seorang yang hafiz. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berlakunya permasalahan dalam pengisian program tahfiz di dalam negara kita yang mengakibatkan kerencatan hasil produk yang dikeluarkan oleh institusi tahfiz.

Pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran kepada kanak-kanak khususnya murid prasekolah memerlukan guru Pendidikan Islam atau guru tahfiz yang berkemahiran, sama ada dalam menangani masalah atau melaksanakan pengurusan kelas secara profesional dan berkesan. Walau bagaimanapun, penilaian prestasi terhadap hafazan surah kanak-kanak yang dilakukan oleh guru pendidikan Islam di prasekolah kawasan Klang telah mendapati hanya sebahagian murid dapat menguasai kemahiran hafazan dengan baik (Johaibi & Zainab, 2015).

Menurut Abdul Hafiz dan Norhanan (2009) antara syarat menjadi guru tahfiz ialah guru yang dibenarkan melaksanakan tasmik adalah perlu daripada kalangan guru yang berkelayakan dalam kalangan mereka yang menghafaz al-Quran. Guru perlu terus memberi teguran ketika mendengar bacaan yang dibaca oleh pelajar itu salah. Sesi pembelajaran perlu berjalan dengan baik terutama pada peringkat prasekolah bagi melahirkan pelajar masa depan yang sempurna perkembangannya (Syarifah Rahimah & Aliza, 2020).

Pembelajaran hafazan mempunyai kaedah dan teknik yang pelbagai dalam menentukan pelajar tahfiz dapat menghafaz al-Quran dengan baik, lancar dan berkesan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Azmil dan Ab Halim (2012) yang berobjektif meninjau persepsi kaedah amalan pembelajaran tahfiz di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) di Malaysia mendapati bahawa kajian tersebut menunjukkan beberapa teknik yang sering digunakan oleh pelajar bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memudahkan hafazan al-Quran adalah seperti kaedah takrar dan tasmik. Kajian ini juga menunjukkan pelajar hanya cenderung kepada menghafaz al-Quran daripada kecenderungan memahami maksud al-Quran.

Satu kajian penyelidikan yang dijalankan oleh Safinah et al. (2018) mengetengahkan kaedah hafazan al-Quran secara non-verbal di prasekolah. Kategori hafazan al-Quran secara *non-verbal* adalah mendengar hafazan al-Quran anak-anak, membimbing mereka sehingga berjaya menghafaz al-Quran, menunjuk contoh teladan yang baik dan memberikan kasih sayang. Di samping itu, kaedah ini menggunakan peralatan multimedia, gaya pengajaran auditori dan kinestetik. Hasil dapatan menunjukkan pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan dan sangar berkesan. Kajian oleh Mazlina (2011); Nor Musliza dan Mokmin (2014) juga menyokong hasil dapatan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Norizah et al. (2017) menggunakan pendekatan teori kecerdasan pelbagai dengan mengetengahkan teknik muzikal-ritma dapat meningkatkan kemahiran menghafaz kanak-kanak prasekolah. Kaedah ini mengkehendaki pelajar bertepuk sambil menghafaz, menonton compact disc (CD) dan pita rakaman bacaan ayat al-Quran. Dapatan kajian ini menunjukkan kanak-kanak dapat menghafaz al-Quran dengan cepat walaupun ada daripada kalangan kecil pelajar tidak dapat mengikuti sepenuhnya kaedah ini. Walau bagaimanapun, kaedah ini perlu dilaksanakan secara menyeluruh melibatkan penerangan kepada ibu bapa bagi mengelakkan salah faham ibu bapa terhadap percampuran muzik dalam hafazan al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah tasmik merupakan kaedah terkenal dan digunakan dalam proses hafazan al-Quran. Tasmik kebiasaannya dijalankan secara bersemuka kerana proses ini berlaku sejak sekian lama bertepatan sunnah Baginda Nabi SAW menerima wahyu secara bersemuka antara Nabi SAW dan Jibril a.s. Kaedah ini sangat penting bagi menentukan kelancaran hafazan seseorang pelajar dan menjadi penentu kepada perbezaan menghafaz al-Quran atau menghafaz sesuatu selain daripadanya (Ashraf et al., 2020). Selain itu, kanak-kanak memerlukan motivasi dalam meningkatkan kualiti hafazan al-Quran. Antara teknik yang perlu digunakan ialah teknik penghargaan dan pujian kerana teknik ini terbukti berkesan dan banyak disebut dalam al-Quran (Mohd Zulkarnain & Mohd Isa, 2021).

2.3.1 Kajian Lepas Keberkesanan Modul Hafazan al-Quran Berasaskan Warna dan Gambar

Hafazan Al-Quran merupakan satu aspek penting dalam pendidikan Islam dan telah menjadi fokus utama dalam pelbagai institusi pengajian tahfiz di seluruh dunia. Kajian oleh Al-Azmi et al. (2019) dalam jurnal *"International Journal of Instruction"* mendapati bahawa hafazan al-Quran dapat meningkatkan kemahiran kognitif dan bahasa kanak-kanak. Proses menghafal dan mengingat ayat-ayat Al-Quran membantu mengukuhkan daya ingatan, tumpuan, dan pemikiran analitikal mereka. Kajian oleh Noor, Mohd Saleh, dan Jasmi (2021) dalam jurnal "Al-Hikmah" menekankan bahawa hafazan al-Quran memainkan peranan penting dalam pembangunan spiritual dan moral kanak-kanak. Pendedahan kepada al-Quran sejak usia muda dapat membentuk nilai-nilai murni seperti keimanan, akhlak mulia, dan disiplin diri dalam kalangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak-kanak. Ini selari dengan matlamat KSPK dalam memperkembangkan kemahiran berbahasa, literasi, dan pemikiran kritis kanak-kanak.

Walau bagaimanapun, proses menghafal ayat-ayat al-Quran sering dianggap sebagai cabaran yang besar, terutamanya bagi pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran seperti daya tumpuan yang rendah dan kesukaran mengingat maklumat. Oleh itu, terdapat keperluan untuk membangunkan kaedah dan modul hafazan yang lebih efektif dan menarik untuk membantu pelajar dalam proses menghafal al-Quran. Dalam usaha untuk menangani cabaran ini, beberapa kajian telah dijalankan untuk menilai keberkesanan modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar. Salah satu kajian yang signifikan dalam bidang ini adalah oleh Mohamed et al. (2020) dalam *"The Effectiveness of Colour-Coded Quran Memorization Techniques among Tahfiz Students"*. Kajian ini menggunakan pendekatan eksperimen dengan kumpulan kawalan, di mana pelajar tahfiz dibahagikan kepada dua kumpulan: kumpulan yang menggunakan teknik hafazan berasaskan kod warna dan kumpulan kawalan yang menggunakan teknik hafazan tradisional.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan teknik hafazan berasaskan kod warna menunjukkan prestasi hafalan yang lebih baik berbanding kumpulan kawalan yang menggunakan teknik tradisional. Ini mengesahkan bahawa penggunaan warna dan gambar dalam modul hafazan al-Quran dapat membantu pelajar mengingat ayat-ayat al-Quran dengan lebih berkesan. Penemuan ini mempunyai implikasi penting terhadap pembangunan modul hafazan yang lebih efektif dan menarik, di mana penggunaan elemen visual seperti warna dan gambar dapat meningkatkan keupayaan pelajar untuk menghafal dan mengingat maklumat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan lebih baik. Kajian ini menyumbang kepada bidang pendidikan Islam dan teknik hafazan al-Quran dengan menyediakan bukti empirikal mengenai keberkesanan modul hafazan berasaskan warna dan gambar. Ia menyokong idea bahawa pendekatan pembelajaran yang lebih menarik dan melibatkan elemen visual dapat membantu pelajar menguasai hafalan al-Quran dengan lebih baik. Penemuan ini membuka peluang untuk kajian lanjutan yang lebih mendalam mengenai penggunaan elemen visual dan multimedia dalam modul hafazan al-Quran, serta penerokaan kaedah hafazan yang lebih inovatif dan berkesan.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyerlahkan kepentingan mengintegrasikan elemen visual seperti warna dan gambar dalam modul hafazan al-Quran untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan hafalan pelajar. Ia menyediakan asas yang kukuh untuk kajian lanjutan dan pembangunan modul hafazan yang lebih menarik dan berkesan, sejajar dengan usaha untuk memudahkan proses menghafal al-Quran dan memperkukuhkan ilmu pengetahuan dalam kalangan pelajar.

Walaupun kajian terdahulu telah menunjukkan keberkesanan modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar, terdapat keperluan untuk mengkaji penggunaan elemen visual ini dengan lebih mendalam. Dalam usaha untuk memahami impak sebenar visual mnemonik dalam pendidikan hafazan al-Quran, kajian oleh Razak et al. (2021) dalam "*Visual Mnemonics and Quranic Memorization: A Study on the Use of Images and Colors in Quranic Education"* telah dijalankan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menilai keberkesanan penggunaan gambar dan warna dalam membantu pelajar mengingat ayat-ayat Al-Quran. Data dikumpulkan daripada pelajar melalui soal selidik dan ujian hafalan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

direka bentuk untuk mengukur kesan visual mnemonik terhadap prestasi hafalan mereka. Pendekatan kuantitatif ini membolehkan pengumpulan data yang lebih objektif dan analisis statistik yang lebih tepat dilakukan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan visual mnemonik, seperti gambar dan warna, dapat membantu pelajar mengingat ayat-ayat al-Quran dengan lebih cepat dan tepat. Pelajar yang menggunakan teknik hafazan berasaskan visual mnemonik menunjukkan prestasi hafalan yang lebih baik berbanding pelajar yang tidak menggunakan kaedah tersebut. Ini menegaskan bahawa elemen visual seperti gambar dan warna dapat bertindak sebagai pemangkin kepada proses hafalan dan mengukuhkan keupayaan pelajar untuk mengingat maklumat dengan lebih berkesan. Penemuan kajian ini mempunyai implikasi penting terhadap pembangunan modul hafazan al-Quran dan strategi pengajaran yang lebih efektif. Ia menunjukkan bahawa penggunaan visual mnemonik, seperti gambar dan warna, bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan hafalan pelajar, tetapi juga menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan bermakna. Justeru, pengintegrasian elemen visual dalam modul hafazan al-Quran seharusnya diberi perhatian yang sewajarnya untuk memaksimumkan potensi pembelajaran pelajar.

Kajian ini menyumbang kepada bidang pendidikan Islam dan teknik hafazan al-Quran dengan menyediakan bukti empirikal yang kukuh mengenai kesan positif visual mnemonik terhadap prestasi hafalan pelajar. Ia membuka peluang untuk kajian lanjutan yang lebih mendalam mengenai penggunaan pelbagai jenis elemen visual, seperti animasi dan realiti maya, dalam modul hafazan al-Quran. Selain itu, kajian ini juga menyumbang kepada pembangunan teori pembelajaran dan membantu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memahami bagaimana elemen visual dapat mempengaruhi proses hafalan dan ingatan manusia. Secara keseluruhannya, kajian ini mengesahkan kepentingan menggunakan visual mnemonik, seperti gambar dan warna, dalam pendidikan hafazan al-Quran. Ia menyediakan asas yang kukuh untuk kajian lanjutan dan pembangunan modul hafazan yang lebih menarik, efektif, dan berasaskan pendekatan visual. Dengan mengambil kira penemuan ini, institusi pendidikan Islam dapat merancang strategi pengajaran yang lebih inovatif dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif untuk meningkatkan keberkesanan hafalan al-Quran dalam kalangan pelajar.

Selain kajian kuantitatif yang telah dijalankan, terdapat keperluan untuk memahami keberkesanan modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar dalam persekitaran sebenar melalui kajian kes oleh Mohamed et al. (2021) dalam *"Enhancing Quran Memorization with Color and Image-Based Modules: A Case Study"* menyediakan perspektif yang bernilai dalam hal ini. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes untuk menilai keberkesanan modul hafazan yang menggabungkan warna dan gambar dalam persekitaran sekolah tahfiz yang sebenar. Pengkaji telah melakukan pemerhatian secara langsung terhadap proses pengajaran dan pembelajaran, serta menjalankan temu bual dengan guru dan pelajar untuk mendapatkan maklum balas yang lebih mendalam. Pendekatan kajian kes ini membolehkan pengkaji memahami situasi sebenar dan mengumpul data yang lebih kontekstual.

Hasil kajian kes menunjukkan bahawa modul hafazan yang menggabungkan warna dan gambar dapat meningkatkan motivasi dan keupayaan hafalan pelajar. Pelajar didapati lebih tertarik dan terlibat dalam proses pembelajaran disebabkan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

unsur visual yang menarik dalam modul tersebut. Selain itu, penggunaan warna dan gambar juga membantu pelajar untuk mengaitkan ayat-ayat al-Quran dengan imej yang sesuai, seterusnya memudahkan proses hafalan dan mengukuhkan ingatan mereka. Penemuan kajian kes ini mempunyai implikasi penting terhadap pembangunan modul hafazan al-Quran yang lebih efektif dan menarik. Ia menunjukkan bahawa penggunaan warna dan gambar bukan sahaja dapat meningkatkan prestasi hafalan pelajar, tetapi juga dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan mereka dalam proses pembelajaran. Justeru, pengintegrasian elemen visual dalam modul hafazan al-Quran seharusnya diberi perhatian yang sewajarnya untuk memaksimumkan potensi pembelajaran dan mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif bagi pelajar.

Kajian kes ini menyumbang kepada bidang pendidikan Islam dan teknik hafazan al-Quran dengan menyediakan bukti empirikal daripada persekitaran sebenar. Ia memberi gambaran yang lebih jelas mengenai keberkesanan modul hafazan berasaskan warna dan gambar dalam konteks sekolah tahfiz, serta menunjukkan bagaimana elemen visual dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Penemuan ini dapat membimbing pembangunan modul hafazan yang lebih berkesan dan disesuaikan dengan keperluan pelajar serta persekitaran sebenar. Kajian kes ini menyokong dapatan kajian terdahulu dan menyerlahkan kepentingan mengintegrasikan elemen visual seperti warna dan gambar dalam modul hafazan al-Quran. Ia menyediakan bukti empirikal daripada persekitaran sebenar dan menunjukkan bahawa pendekatan ini bukan sahaja dapat meningkatkan prestasi hafalan pelajar, tetapi juga meningkatkan motivasi dan penglibatan mereka dalam proses pembelajaran. Justeru, pembangunan modul hafazan al-Quran yang mengambil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kira unsur visual dan motivasi pelajar adalah penting untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih efektif dan menarik.

Selain kajian kes, terdapat keperluan untuk mengkaji kesan penggunaan bantuan visual seperti gambar dan warna dalam hafazan al-Quran melalui pendekatan eksperimen yang lebih terkawal. Kajian eksperimen oleh Abidin et al. (2022) dalam *"The Impact of Visual Aids in Quranic Memorization: An Experimental Study"* menyediakan bukti empirikal yang kukuh dalam hal ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk eksperimen dengan pra-ujian dan pasca-ujian untuk menilai kesan penggunaan bantuan visual dalam hafazan al-Quran. Pelajar telah dibahagikan secara rawak kepada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen menerima intervensi dalam bentuk penggunaan bantuan visual seperti gambar dan warna semasa proses hafazan, manakala kumpulan kawalan menggunakan kaedah tradisional tanpa bantuan visual. Pra-ujian dijalankan untuk menilai tahap hafalan awal pelajar, sementara pasca-ujian dilakukan selepas intervensi untuk mengukur peningkatan hafalan mereka.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar dalam kumpulan eksperimen yang menggunakan bantuan visual seperti gambar dan warna menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam hafalan mereka berbanding kumpulan kawalan yang tidak menggunakan bantuan visual. Ini mengesahkan bahawa penggunaan bantuan visual dapat membantu meningkatkan keberkesanan proses hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar. Penemuan kajian ini mempunyai implikasi penting terhadap pembangunan modul hafazan al-Quran yang lebih efektif dan berasaskan bukti. Ia menunjukkan bahawa pengintegrasian bantuan visual seperti gambar dan warna

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam modul hafazan dapat meningkatkan prestasi hafalan pelajar secara signifikan. Justeru, institusi pendidikan Islam seharusnya mengambil kira penemuan ini semasa merancang dan membangunkan modul hafazan yang lebih inovatif dan berkesan.

Kajian eksperimen ini menyumbang kepada bidang pendidikan Islam dan teknik hafazan al-Quran dengan menyediakan bukti empirikal yang kukuh mengenai kesan positif penggunaan bantuan visual dalam meningkatkan hafalan pelajar. Ia mengukuhkan dapatan kajian terdahulu dan memberikan sokongan yang lebih kuat kepada idea mengintegrasikan elemen visual dalam modul hafazan al-Quran. Selain itu, kajian ini juga menyumbang kepada pembangunan teori pembelajaran dan membantu memahami bagaimana bantuan visual dapat mempengaruhi proses hafalan dan ingatan manusia. Secara keseluruhannya, kajian eksperimen ini memberikan bukti yang jelas mengenai keberkesanan penggunaan bantuan visual seperti gambar dan warna dalam meningkatkan hafalan al-Quran dalam kalangan pelajar. Ia menyokong dapatan kajian terdahulu dan menegaskan kepentingan mengintegrasikan elemen visual dalam pembangunan modul hafazan yang lebih efektif. Dengan mengambil kira penemuan ini, institusi pendidikan Islam dapat merancang strategi pengajaran yang lebih inovatif dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif untuk meningkatkan keberkesanan hafalan al-Quran dalam kalangan pelajar.

Selain menilai keberkesanan teknik hafalan berasaskan warna dan gambar dalam meningkatkan prestasi hafalan pelajar, terdapat keperluan untuk mengkaji kesan teknik ini dalam mengekalkan hafalan dalam jangka masa panjang. Kajian oleh Yusuf et al. (2022) dalam *"Memorizing the Quran Using Visual Techniques: A Study on the Use of Color and Images"* memberikan perspektif yang bernilai dalam hal ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menggunakan pendekatan campuran yang menggabungkan analisis kuantitatif dan kualitatif untuk mendapatkan pandangan yang mendalam tentang pengalaman pelajar dalam menggunakan teknik hafalan berasaskan warna dan gambar. Data kuantitatif dikumpulkan melalui ujian hafalan yang dijalankan pada selang masa tertentu untuk menilai keupayaan pelajar dalam mengekalkan hafalan mereka. Sementara itu, data kualitatif diperoleh daripada temu bual dan pemerhatian untuk mendapatkan maklum balas dan perspektif pelajar tentang keberkesanan teknik ini.

Hasil kajian menunjukkan bahawa teknik hafalan yang menggunakan warna dan gambar bukan sahaja meningkatkan kecekapan hafalan pelajar, tetapi juga membantu dalam mengekalkan hafalan dalam jangka masa panjang. Pelajar yang menggunakan teknik ini menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam ujian hafalan yang dilakukan selepas beberapa bulan, menunjukkan bahawa hafalan mereka lebih kekal dan tahan lama. Data kualitatif turut menyokong penemuan ini, dengan pelajar melaporkan bahawa penggunaan warna dan gambar membantu mereka mengingat ayat-ayat al-Quran dengan lebih baik dan mengurangkan kemungkinan untuk melupakan hafalan mereka.

Penemuan kajian ini mempunyai implikasi penting terhadap pembangunan modul hafazan al-Quran yang lebih efektif dan berkesan dalam jangka masa panjang. Ia menunjukkan bahawa penggunaan teknik hafalan berasaskan warna dan gambar bukan sahaja dapat membantu pelajar dalam proses menghafal, tetapi juga membantu mereka mengekalkan hafalan mereka untuk tempoh yang lebih lama. Justeru, institusi pendidikan Islam seharusnya mengambil kira penemuan ini semasa merancang dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membangunkan modul hafazan yang lebih inovatif dan berkesan untuk jangka panjang. Kajian ini menyumbang kepada bidang pendidikan Islam dan teknik hafazan al-Quran dengan menyediakan bukti empirikal mengenai kesan positif teknik hafalan berasaskan warna dan gambar dalam mengekalkan hafalan pelajar dalam jangka masa panjang. Ia memperkukuhkan dapatan kajian terdahulu dan memberikan perspektif baharu tentang keberkesanan teknik ini dalam membantu pelajar mengekalkan hafalan mereka untuk tempoh yang lebih lama. Selain itu, pendekatan campuran yang digunakan dalam kajian ini turut menyumbang kepada metodologi penyelidikan dalam bidang ini.

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan bukti yang meyakinkan mengenai keberkesanan teknik hafalan berasaskan warna dan gambar dalam meningkatkan kecekapan hafalan pelajar dan membantu mereka mengekalkan hafalan dalam jangka masa panjang. Ia menyokong dapatan kajian terdahulu dan menegaskan kepentingan mengintegrasikan elemen visual dalam pembangunan modul hafazan al-Quran yang lebih efektif dan berkesan untuk jangka panjang. Dengan mengambil kira penemuan ini, institusi pendidikan Islam dapat merancang strategi pengajaran yang lebih inovatif dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif untuk memastikan keberkesanan hafalan al-Quran dalam kalangan pelajar dalam jangka masa panjang.

Walaupun kajian-kajian terdahulu menunjukkan keberkesanan penggunaan warna dan gambar dalam hafazan al-Quran, terdapat beberapa kekurangan yang perlu ditangani. Kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada pelajar tahfiz atau pelajar sekolah rendah, dan kurang memberi tumpuan kepada murid tadika, pelajar dewasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau pelajar dengan keperluan khas. Selain itu, kajian-kajian ini kebanyakannya menggunakan pendekatan kuantitatif dengan soal selidik dan ujian hafalan sebagai alat pengukuran utama. Kajian mendalam yang menggunakan pendekatan yang dapat menghubungkan penglibatan pakar untuk mendapatkan pandangan lebih mendalam dan menyeluruh masih kurang dilakukan. Tambahan pula, kajian-kajian ini terhad kepada konteks tertentu dan mungkin tidak mengambil kira variasi budaya dan pendidikan di pelbagai negara Islam. Oleh itu, terdapat keperluan untuk kajian lanjutan yang lebih menyeluruh dan holistik yang mengambil kira pelbagai faktor demografi dan sosio-ekonomi serta menggunakan pendekatan campuran *(mixed methods)* untuk mendapatkan gambaran yang lebih komprehensif tentang keberkesanan modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Konsep Warna dalam Proses Pengajaran

Teknologi dalam bidang pendidikan yang pesat pada hari ini menuntut guru agar sentiasa menambah baik ilmu berkaitan pendidikan awal kanak-kanak. Menurut Fahrur Rozi dan Khalimatul (2019) semasa kanak-kanak berusia dua hingga lima tahun perlu didedahkan dengan aspek warna bagi meningkatkan kecerdasan dan kreativiti kanak-kanak di samping melatih proses belajar sambil bermain. Tidak dinafikan, warna berperanan penting dalam kehidupan manusia kerana warna sering dimanfaatkan untuk menentukan dan mempengaruhi emosi serta tindakan kita (Intan et al., 2020). Warna merupakan komponen grafik yang terpenting (Fenrich, 1997) kerana warna akan memberikan kesan kepada penerimaan pelajar apabila digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Oleh sebab itu, suatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aplikasi permainan android telah dibina bagi membantu guru dan ibu bapa bagi menarik minat anak-anak untuk belajar mengenal warna, huruf, angka dan bentuk melalui permainan animasi interaktif kepada kanak-kanak.

Manakala menurut Achmad Ghozali (2017) menerangkan sejarah pengenalan warna pada zaman awal manusia iaitu bermula ketika zaman batu lagi. Kemudian beliau juga menyentuh fungsi beberapa jenis warna dalam kehidupan manusia dan juga alam sekitar. Selain itu, beliau juga turut mengaitkan pemilihan warna bagi seseorang mempunyai hubungan psikologi dengan diri seseorang. Bagi menyokong pandangan berkenaan, penulis ini juga telah membawakan pandangan daripada beberapa tokoh seperti *FS Breeds, SE Katz, Maitland Graves* dan beberapa tokoh lain. Menurut Fenrich (1997) beliau menyatakan warna mempunyai peranan tertentu sebagai contoh, kategori warna yang harmoni dan tenang ialah warna biru. Manakala dalam blok animasi, warna putih digunakan bertujuan bagi menarik fokus dan tumpuan pelajar kepada animasi yang ditayangkan atau disampaikan. Pemilihan warna latar mestilah kontras dengan warna fon, supaya teks mudah dibaca oleh pelajar (Fenrich, 1997).

Kajian yang dilakukan oleh Norasikin et al. (2011) menfokuskan kepada kaedah pemahaman ilmu hadis melalui teori berasaskan persepsi visual. Dalam kajian ini mendapati tujuan penggunaan visual yang mempunyai ciri-ciri bentuk, warna dan susunan adalah bertujuan untuk menyampaikan sesuatu idea yang mencakupi maklumat abstrak agar disampaikan dengan lebih jelas dalam proses pengecaman imej visual yang dilihat (Healey, 1996). Penggunaaan warna dimasukkan dalam kaedah pengecaman sanad hadis dalam kajian ini bagi memudahkan pemahaman dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengingati jalur hadis perawi dan sanad tertentu. Hasilnya, suatu gabung jalin ilmu dapat dihasilkan antara teknologi komputer melalui visualisasi maklumat dalam memahami ilmu hadis.

Manakala dalam kajian yang dilakukan oleh Siti Fadzilah et al. (2018) pula menumpukan kepada kaedah memahami syarah hadis menggunakan teknik visualisasi maklumat. Dalam konteks pendidikan, kaedah ini bertujuan bagi memudahkan pengguna memahami, menghafaz dan mengingat dalam bidang ilmu hadis. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan penggunaan warna yang sesuai pada paparan rajah di aplikasi yang dibangunkan dapat memudahkan pemahaman pengguna kepada maksud syarah hadis tersebut.

Walau bagaimanapun, dalam jurnal yang dihasilkan ini tidak menyentuh secara langsung pemilihan warna bagi konteks penghafalan al-Quran untuk kanak-kanak sepertimana kajian yang akan dihasilkan oleh pengkaji kelak. Maka daripada kelompongan ini, kajian berkenaan kaitan warna ketika penghafalan al-Quran akan dihasilkan.

Elemen warna dalam proses pembelajaran kanak-kanak sangat memberi kesan yang baik. Kajian yang dilaksanakan dalam melihat peranan warna dalam permainan kanak-kanak menunjukkan kanak-kanak lebih cenderung kepada makna warna tertentu bagi menyatakan emosi dan perasaan mereka. Pemilihan warna yang betul dalam permainan boleh menghasilkan emosi yang stabil (Lee et al., 2016). Pada waktu awal usia kanak-kanak, mereka begitu peka dengan benda yang wujud secara berwarna (Muraini & Samsul Alam, 2016). Oleh yang demikian, kaedah hafazan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menarik menggunakan pemilihan warna yang betul akan menarik minat anak-anak untuk belajar. Menurut Darwish (2019) guru yang bijak memilih kaedah pengajaran yang kreatif dan menarik akan menarik minat pelajar untuk lebih fokus dan memberi tumpuan serta meningkatkan keseronokan belajar.

Penggunaan warna dalam al-Quran telah lama dipraktikkan dalam ilmu qiraat. Dalam kajian Sabri Mohamad et al. (2019) sejak pertengahan kurun pertama Hijrah lagi penggunaan warna dalam penandaan teks al-Quran telah bermula. Malah menurut kajian tersebut, terdapat perselisihan pendapat terhadap keharusan penggunaan warna dalan al-Quran. Walau bagaimanapun, penulis kajian tersebut menyimpulkan keharusan penggunaan elemen warna dalam al-Quran dengan peraturan dan syarat agar keistimewaan al-Quran tidak hilang. Hal ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Purnama (2010) menurut kajian tersebut Allah SWT sangat menyukai keindahan dan manusia secara semula jadinya menyukai keindahan. Hal yang demikian, warna adalah sebahagian daripada keindahan yang perlu ditonjolkan dalam proses pembelajaran berkaitan pendidikan Islam.

Kajian lain yang dilaksanakan juga menunjukkan warna dapat mempengaruhi ingatan manusia. Memilih warna yang betul memberikan kesan dalam menentukan tahap perhatian dan seterusnya, meningkatkan ingatan seseorang. Ingatan manusia dapat ditingkatkan dengan menggunakan warna melalui pemilihan kombinasi warna yang betul dan juga kaedah konsintensi warna yang betul. (Mariam Adawiah & Muhammad Faiz, 2012). Menerusi kajian yang dilakukan oleh Sujarwo dan Oktaviana (2017) terhadap pelajar sekolah menengah, menunjukkan angka yang diwarnai dengan selain hitam dan putih lebih mudah diingati berbanding warna hitam dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

putih. Selain daripada mudah mengingati angka tersebut, pelajar juga cenderung mengingati warna yang terdapat pada angka tersebut.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Rubeeny et al. (2019) bagi meningkatkan penguasaan literasi menulis ayat bahasa Melayu di sekolah kebangsaan juga menggunakan kaedah meletakkan lampu LED berwarna-warni untuk tujuan meningkatkan perhatian fokus murid. Dapatan daripada kajian tersebut menunjukkan kaedah warna melalui lampu LED berjaya meningkatkan penguasaan literasi menulis bahasa Melayu. Dapatan daripada kajian lain juga menunjukkan bahawa pemilihan warna juga haruslah mengikut tingkat usia pelajar itu. Dengan pemilihan warna yang betul dapat memberikan tindak balas positif untuk terus belajar (Purnama, 2010).

Vernon dan Jones (2003) menjalankan kajian untuk melihat lebih mendalam kesan warna dalam prestasi ingatan yang tersirat dan tersurat. Pengkaji telah memilih 75 objek biasa berwarna untuk digunakan sebagai rangsangan dalam kajian. Dapatan kajian menunjukkan peserta mengambil masa yang lebih cepat untuk mengecam objek dalam keadaan berwarna berbanding dengan objek yang tidak berwarna. Objek berwarna dengan latar belakang tidak berwarna mempunyai konsistensi memori yang lebih baik dan menghasilkan masa tindak balas yang lebih cepat berbanding objek berwarna dengan latar belakang berwarna. Dapatan kajian ini disokong oleh Chung dan Fam (2018) dalam kajian yang dilakukan terhadap pelajar sekolah rendah bagi tanda bacaan dalam pengajaran bahasa Melayu. Melalui teknik warna yang digunakan terhadap pelajar, memberikan suasana keceriaan terhadap penguasaan pembelajaran dengan lebih menyeronokkan dan lebih santai kerana pelajar dapat bermain dengan warna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1 Elemen Warna Dalam Pembinaan Modul

Warna merupakan unsur rangsangan visual yang mudah dan biasa terdapat dalam persekitaran serta banyak penemuan lazim mengenai kesan warna terhadap pembelajaran. Clarke dan Costall (2008) menekankan penggunaan warna seperti hijau, biru dan ungu dianggap sebagai sejuk, damai dan menyenangkan yang boleh membantu dalam mengurangkan tekanan dan kebimbangan. Warna juga mempunyai pengaruh terhadap fisiologi manusia seperti kadar denyutan jantung, tekanan darah, suhu badan dan penglihatan (Pile, 1997). Dalam kajian Abbas et al. (2006) menyatakan warna dan lampu memberi kesan kepada fisiolgi manusia. Keputusan kajian ini menunjukkan perubahan ketara kadar denyutan jantung selepas pendedahan selama dua minit kepada lampu berwarna yang berbeza dengan pelbagai intensiti. Mereka juga mendapati peningkatan dalam kadar denyutan jantung semasa pendedahan kepada warna merah, menunjukkan bahawa merah membangkitkan. Dalam keadaan warna biru, kadar denyutan jantung peserta menurun sedikit, jadi biru boleh dianggap menenangkan.

Terapi warna juga dikenali dengan nama *chromatherapy* menyatakan bahawa setiap warna tertentu mengandungi tenaga penyembuhan dan memberi kesan kepada fizikal manusia (Dagget, 2008). Kajian Rachmat Susanto (2012) menerangkan bahawa penggunaan terapi warna dapat mencegah kemerosotan memori oleh pesakit hipertensi. Pengaruh warna terhadap sikap, emosi dan fizikal manusia dikenali sebagai psikologi warna. Warna hijau memberi rasa nyaman, rileks, tenang dan menenangkan emosi. Warna oren ialah warna ceria. Warna ini mampu menghilangkan rasa mengasihani diri, rasa tidak berguna dan membebaskan serta melepaskan emosi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Warna ungu memberikan kesan dalam jiwa dan digunakan oleh pakar psikiatri untuk membantu menenangkan pesakit gangguan mental dan serangan panik. Biru merupakan warna yang sejuk dan menenangkan (Pytel, 2006).

Menurut al-Ayash et al. (2016) menyatakan warna mempengaruhi emosi, degupan jantung dan prestasi dalam persekitaran pembelajaran. Kajiannya mendapati warna pucat dinilai lebih positif daripada warna terang kerana ia dianggap menenangkan dan menyamankan. Biru dan kuning meletakkan peserta dalam keadaan yang lebih positif dan untuk memberi kefahaman tentang sesuatu perkara lebih baik dengan ketara dalam keadaan warna yang terang. Tambahan pula, kadar denyutan jantung dipengaruhi dengan ketara oleh warna; ia meningkat dalam keadaan merah dan kuning serta menurun dalam keadaan biru. Hal ini menunjukkan bahawa warna boleh menimbulkan tindak balas fisiologi dan emosi dalam individu yang menumpukan perhatian dan dengan itu memudahkan pembelajaran.

Irma Damayantie et al (2021) menyatakan warna ialah satu kajian yang berpengaruh dalam psikologi reka bentuk. Pendidik seperti guru dan pensyarah perlu menimba ilmu berkaitan peranan warna terhadap ruang dan media. Pemilihan warna yang baik akan memberi pengaruh kepada psikologi pengguna (ruang dan media). Meningkatkan pengetahuan masyarakat dalam psikologi reka bentuk terutamanya pemilihan warna boleh memberi pengaruh yang baik kepada pelajar.

Menurut Majidah et al. (2019) penggunaan reka bentuk dalaman dan warna dalam ruangan menjadi tarikan utama dalam meningkatkan jumlah kunjungan murid-murid ke sesebuah perpustakaan. Pemilihan warna yang sesuai amat penting untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan kunjungan murid-murid ke perpustakaan. Pihak pengurusan perpustakaan perlu bijak memilih dan menggunakan warna yang menarik serta mampu memotivasikan murid-murid untuk terus belajar dan menikmati suasana yang harmoni di perpustakaan. Pemilihan warna seperti hijau dapat memberikan ketenangan dan mengurangkan stres kepada murid-murid kerana warna ini bersifat lembut dan nyaman. Biru juga merupakan warna yang sesuai digunakan kerana warna ini dapat meningkatkan kefahaman murid-murid semasa belajar. Menurut Grube (seperti yang dinyatakan dalam Nurlelawati et al., 2021) penggunaan cat dinding bewarna putih tidak sesuai dalam pembelajaran sekitar kerana boleh menyebabkan pantulan dinding yang mengganggu dan silau.

Dalam kajian Nurlelawati et al. (2021) menyatakan warna memberi pengaruh dalam persekitaran pembelajaran. Hasil kajian menyatakan penggunaan dinding warna hijau dalam kelas membantu dalam menghafal al-Quran dan dapat mengenal pasti kriteria yang ideal dalam mereka bentuk persekitaran baru pembelajaran tahfiz. Dalam konteks prestasi, kesan meremajakan daripada warna hijau mendorong kewaspadaan, yang penting untuk prestasi yang lebih baik sesuai untuk tempoh pembelajaran yang lama. Sebaliknya, Kwallek et al. (1988) mendapati bahawa dinding berwarna hijau juga dapat memberi kesan buruk dengan kesan santai dan menenangkan boleh menjejaskan tugas yang diberikan dan juga mempengaruhi prestasi seseorang.

Menurut Farha Latifah (seperti yang dinyatakan dalam Muhd Irsyad, 2018) peranan warna sangat penting dalam kehidupan terutama kanak-kanak. Kanak-kanak menggunakan warna untuk mengenali dan mengenal pasti sesuatu objek. Sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

contoh, untuk mengecam warna merah, buah epal digunakan manakala bagi warna kuning, menerusi jentolak. Muhd Irsyad Zamani Abdullah (2018) dalam kajiannya menggunakan Kit Qalqalah untuk membantu pelajar dalam mengecam, mengingati dan membezakan antara hukum qalqalah sughrȧ dengan qalqalah kubrȧ. Ag Ruzaini Ag Ali Omar (2012) dalam kajiannya melakukan inovasi bagi membantu murid menguasai hukum Mad Asli secara mudah dengan menggunakan warna. Hasil daripada kajian ini mendapati kefahaman murid dan penguasaan terhadap bacaan hukum Mad Asli mereka meningkat. Baharuddin (seperti yang dinyatakan dalam Ag Ruzaini, 2012) penggunaan warna dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kefahaman murid terhadap konsep dan isi pembelajaran.

Menurut Azizul Hakim (2018) penggunaan warna dalam mengira harakat bagi hukum Mad Silah Qasirah dan Mad Silah Tawilah dengan mengaplikasikan Papan Harakat Berwarna dapat membantu murid menguasai kedua-dua hukum ini. Kod warna merah digunakan pada tanda hukum Mad Silah Tawilah dan hijau pada tanda hukum Mad Silah Qasirah mengikut kaedah papan harakat berwarna ini. Penggunaan warna pada papan harakat ini dapat memudahkan murid-murid membezakan dan mengira kadar harakat dengan tepat bagi kedua-dua hukum tersebut.

Siti Hajar (2012) pula menggunakan warna pada hukum Mad Asli bagi membantu murid-murid membaca surah al-Bayyinnah dengan hukum tajwid yang tepat. Warna merah digunakan pada huruf-huruf Mad Asli bagi membantu murid-murid mengenal pasti hukum Mad Asli yang terdapat dalam suruh al-Bayyinnah tersebut. Hasil kajian memberikan maklum balas yang positif iaitu murid-murid dapat mengenal pasti dan membaca kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

betul dan tepat. Menurut psikologi seni, warna boleh mempengaruhi emosi seseorang. Misalnya, warna yang cerah dan terang dapat menimbulkan perasaan gembira dan riang (Mohd Johari seperti yang dinyatakan dalam Siti Hajar, 2012).

Resti (2015) menggunakan kod warna bagi memberi rangsangan visual untuk membantu murid dalam mengenal pasti dan mengingati kedudukan benua di dunia. Kaedah kod warna digunakan untuk membezakan benua-benua yang ada pada peta dunia. Kod warna yang digunakan seperti hijau muda (Benua Amerika Utara), hijau tua (Benua Amerika Selatan), biru (Benua Antartika), ungu (Benua Ocenia), jingga (Benua Asia), merah (Benua Eropah) dan kuning (Benua Afrika). Penggunaan kod warna ini dapat merangsang minda murid dalam mengingati, mengenal pasti dan membezakan benua-benua yang terdapat dalam peta dunia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian Md. Hidayat (2012) bagi membantu murid-murid yang lemah dalam menyambung huruf Jawi, penggunaan warna dan simbol (W&S) telah digunakan. Dalam kajiannya, beliau menerangkan perbezaan antara huruf yang boleh disambung dengan huruf yang tidak boleh disambung menggunakan konsep simbol (+) dan (-). Beliau juga menerangkan konsep mengenai warna yang digunakan seperti merah, hitam, biru dan hijau. Maksud konsep warna yang digunakan diterangkan:

a) Hitam: Huruf yang disambung tanpa mengubah bentuk huruf.

b) Merah: Huruf yang tidak boleh disambung selepasnya.

c) Biru: Huruf sambung yang mempunyai bentuk yang sama. Digelar huruf bersaudara iaitu Jim, Ha', Kho', Cha, Ain, Ghain, dan Nga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d) Hijau: Huruf sambung yang berlainan bentuk ketika berada di hadapan, di tengah dan di hujung perkataan. Huruf ini digelar huruf unik iaitu Mim, Ha, dan Ya.

(Md. Hidayat, 2012, p.131)

Penggunaan konsep ini memudahkan murid memahami dan berkesan dalam membantu murid yang lemah dalam menyambung huruf Jawi. Konsep ini juga dapat menarik minat murid untuk mempelajari pelajaran Jawi. Warna merupakan elemen penting kepada kanak-kanak kerana mereka boleh membuat pengecaman objek di sekeliling melalui warna dan mereka sangat tertarik dengan warna. Janius et al. (2023) *puzzle* merupakan media yang menarik dan berwarna-warni yang boleh dibuka dan dipasang semula. Ia terdiri daripada pelbagai bentuk, huruf, gambar dan lain-lain yang dapat merangsang minda dan imaginasi kanak-kanak. Nurul Jannah Bosini (2018) dalam kajiannya telah menggunakan kaedah Kit Landasan *Puzzle* Warna bagi membantu murid-murid menghafal bacaan tahiyat awal. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah ini memberikan reaksi yang positif kepada pelajar dan sangat membantu pelajar dalam menghafal bacaan tahiyat awal.

Penggunaan alat atau bahan yang menggunakan warna dan bentuk lebih menarik atau memberi lebih perhatian. Warna, pergerakan, bentuk, cahaya dan kegelapan menjadi asas perkara yang mempengaruhi perhatian murid. Pembelajaran menggunakan bentuk visual dapat menarik minat dan perhatian murid semasa sesi pengajaran. Dalam kajian Haliza Othman (2012) beliau menggunakan teknik meletakkan warna pada huruf vokal Jawi bagi membantu murid dalam menulis suku kata terbuka Jawi. Beliau juga membuat spesifikasi warna bagi setiap huruf vokal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jawi iaitu huruf Alif dengan warna merah, Waw warna hijau dan Ya dengan warna biru. Hasil kajian mendapati penggunaan warna pada huruf vokal ini memberi postif. Hal ini demikian kerana ia dapat merangsang ingatan dan minat murid. Selain itu, ia juga menggalakkan perubahan tingkah laku murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan.

Dalam kajian Mardhiyyah (2012) menggunakan warna dalam membantu murid-murid menyambung tulisan Jawi dengan memperkenalkan Papan "Tiru Macam Saya". Tiga kod warna digunakan iaitu hijau sebagai warna "Mesra Alam". Huruf berwarna hijau boleh disambung kiri dan kanan. Huruf berwarna kuning boleh disambung kanan sahaja dikenali sebagai "Kedekut". Warna merah dikenali sebagai "Pemarah" kerana huruf ini tidak boleh disambung kanan atau kiri. Penggunaan warna memudahkan murid mengingati lambang bagi setiap warna dan meningkatkan kefahaman murid. Malah, murid juga dapat mengingati sesuatu konsep yang berkaitan hanya melalui warna yang digunakan.

Dunia penuh dengan warna dan kanak-kanak suka akan warna terutama warna yang terang. Dalam pemilihan pakaian, makanan dan juga permainan mereka cenderung memilih warna-warna yang terang dan cerah. Semasa di peringkat prasekolah, mereka juga suka menggunakan atau memilih warna terang seperti warna merah, biru, kuning, hijau atau warna pelangi. Permainan warna yang diberikan kepada murid tadika dapat meningkatkan kreativiti kanak-kanak dalam mewarna gambar. Kebaikan permainan warna dapat meningkatkan kreativiti kanak-kanak pada usia muda (Aisyah, 2017). Menurut (Permana, 2015; Majidah et al., 2019) pengenalan warna merupakan elemen penting permulaan pembelajaran anak-anak. Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

warna dapat mengasah aspek kognitif kanak-kanak dalam berfikir. Setiap kanak-kanak mempunyai perkembangan berbeza-beza sehingga untuk mengetahui sejauh mana perkembangan kognitif tersebut, kanak-kanak itu mestilah boleh mengenal warna.

Napitupulu et al. (2021) menyatakan penggunaan warna yang menarik dalam bahan pengajaran dan pembelajaran telah terbukti memainkan peranan penting dalam mewujudkan reaksi emosi yang berbeza dan menarik perhatian murid-murid. Dzulkifli dan Mustafar (2013) menyatakan bahawa warna membantu meningkatkan tahap perhatian murid-murid. Warna membantu maklumat dipindahkan ke ingatan jangka pendek dan jangka panjang, seterusnya meningkatkan peluang mereka dalam menghafal. Kenyataan ini disokong Chang et al. (2018) menyatakan maklumat visual berkod warna dapat membantu murid-murid untuk lebih cekap menerima maklumat kerana ia membantu murid-murid mengakses maklumat dengan cepat.

2.4.2 Pemilihan Warna Menurut Johannes Itten

Berdasarkan pengalaman jangka panjang daripada penelitian, kajian dan pembelajaran, Itten menghasilkan karya *The Art of Color* yang memfokuskan kepada bidang warna dan penglihatan warna. Karya ini sangat bermakna dan telah diterbitkan lebih dari sekali dalam beberapa bahasa seperti Jerman, Perancis, Inggeris, Itali, Jepun dan lain-lain lagi. Itten mengiktiraf peraturan asas warna dan bentuk, perkadaran, tekstur dan ritma sebagai asas dalam pendidikan seni. Menurut beliau, dalam menghasilkan sesebuah karya, seseorang juga perlu mempunyai bakat. Bakat ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perlulah dipupuk, dikembangkan seterusnya disempurnakan melalui latihan dan pengaplikasian yang berterusan. Menurut Itten, bentuk citra yang dihasilkan juga boleh mengarah kepada pendidikan klasik. Hal ini demikian kerana ia dapat mengungkapkan ritma, komposisi tindakan, peranan tekstur dan material, membantu untuk belajar melihat serta mengirimkannya dalam bentuk gambar, tema subjek yang berbeza, mengajarkan penggunaan warna kontras dan sebagainya. Menurut Teori Ittens, terdapat tujuh kontras warna yang meliputi (Itten, 1961):

i. Kontras melalui rona (*hue*).

ii. Kontras melalui nilai (*light-dark*).

iii. Kontras melalui suhu (*cold-warm*).

iv. Kontras melalui pelengkap (*complementary*).

v. Kontars serentak (*simultaneous*).

vi. Kontras melalui ketepuan (*saturation*).

vii. Kontras lanjutan (*extension*).

Ketujuh-tujuh prinsip kontras warna ini merupakan bahagian terpenting dalam buku beliau untuk diamalkan dengan betul dan berkesan kerana akan memastikan kecekapan pelajar sepanjang kehidupannya. Itten sering memulakan kelas dengan latihan dan kawalan badan. Beliau menulis, “Sesiapa yang ingin mahir dalam warna mesti melihat, merasai dan mengalami setiap warna individu dalam kombinasi yang tidak berkesudahan dengan semua warna lain. Warna mestilah mempunyai kapasiti mistik untuk ekspresi rohani, tanpa terikat dengan sesuatu objek.”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui buku *"The Art of Color"* karya Johannes Itten ini juga boleh dirumuskan bahawa terdapat hubungan antara komposisi warna yang terdapat pada sesuatu dan sensasi yang ditimbulkan daripadanya. Antara sensasi yang dirumuskan Itten ialah sensasi hangat, dingin, santai serta hidup. Warna-warna yang digunakan dalam penentuan sensasi ialah warna dominan pada citra (Itten, 1961). Teori Johannes Itten ini bertepatan dengan keperluan pada peringkat kanak-kanak yang cenderung kepada warna yang sangat terang dan saiz bentuk gambar itu sesuai dengan tahap murid (Lajiwin et. al, 2015). Hujah ini diperkuatkan oleh kajian Spence et al. (2006) melalui eksperimen yang dijalankan menunjukkan pengecaman penglihatan melalui warna dapat ditingkatkan sebanyak 5% serta merupakan peningkatan yang ketara dan corak prestasi yang diperoleh dalam eksperimen ini adalah konsisten.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Buku ini juga amat penting kerana kaya dengan kajian mengenai manifestasi warna alami dan penggunaan sifat-sifatnya dalam budaya dan seni dalam kehidupan. Hal ini boleh disimpulkan bahawa warna memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan seharian manusia. Pengkaji tertarik untuk mengungkapkan betapa warna dan gambar dapat mempengaruhi dan memberi kesan kepada teknik hafazan murid. Selain itu, menurut Christopher (1996) yang juga melakukan kajian mengenai warna menyatakan bahawa kaedah biasa yang digunakan bagi menggambarkan set data melibatkan pemetaan atribut data kepada ciri-ciri visual seperti bentuk, saiz lokasi spatial dan orientasi adalah melalui warna. Jika menggunakan warna bagi mewakili data, soalan penting yang digunakan ialah, "Bagaimanakah kita boleh memilih warna yang berkesan yang memberikan perbezaan yang baik antara elemen data semasa dan tugas visualisasi?" Bagi menangani masalah ini, tiga persoalan yang berkaitan akan dijawab, yang merangkumi:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Bagaimanakah kita boleh membenarkan pengenalpastian pantas dan tepat bagi elemen data individu melalui penggunaan warna?

b) Apakah faktor yang menentukan sama ada warna elemen "sasaran" akan menjadikannya mudah untuk dicari, berbanding unsur "bukan sasaran" warna berbeza?

c) Berapa banyakkah warna yang boleh dipaparkan sekali gus, sementara masih membenarkan untuk pengenalan sasaran yang cepat dan tepat? (Christopher, 1996)

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini, jelaslah bahawa warna berperanan penting bukan sahaja dalam kehidupan, malah dalam bidang pendidikan juga. Bentuk dan warna yang pelbagai lagi menarik serta memberi kesan kepada ingatan dan boleh menarik minat dan meningkatkan perhatian serta fokus murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Warna juga boleh merangsang minda anak-anak berdasarkan kajian yang dilakukan pada tahun 2018 terhadap 200 ibu bapa. Hasil kajian menunjukkan 70 peratus kanak-kanak menghabiskan masa di rumah termasuklah selama lapan jam di pusat asuhan. Menurut Wong Meng Lee, yang merupakan Penolong Pengurus Besar (Pemasaran) kumpulan *Nippon Paint* Malaysia, warna tertentu di dalam rumah, tadika atau pusat asuhan mampu memberi faedah dan sangat bermanfaat kepada kognitif dan pertumbuhan tingkah laku anak-anak. Hal ini sekali gus membantu merangsang minda mereka untuk berfikir secara kreatif (Siti Zarinah, 2019). Selain itu, warna gambar yang menarik seperti dalam komik lebih berkesan digunakan sebagai media pembelajaran kerana implementasi warna dan gambar lebih disukai murid dalam proses pembelajaran (Subroto et al., 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam hal ini, Itten menyatakan terdapat tujuh kumpulan warna utama yang serasi untuk digunakan (Hamid et al., 2018). Antaranya termasuklah warna kontras yang melibatkan kombinasi warna berlawanan pada rodaan warna seperti merah dan hijau atau ungu dan kuning. Kombinasi warna kontras sebegini bersifat dinamik dan menarik (Mahnke, 1996). Seterusnya, warna kejiranan pula melibatkan warna yang bersebelahan pada rodaan warna contohnya biru dan ungu atau hijau dan kuning. Gabungan warna kejiranan ini bersifat tenang dan harmoni. Selain itu, terdapat juga warna tindihan yang terhasil daripada campuran warna bersebelahan seperti ungu biru, kombinasi warna serasi yang melibatkan tiga atau lebih warna bersebelahan, serta warna sejuk dan panas yang mewujudkan daya tarikan visual. Terakhir, Itten turut menyenaraikan warna penuh yang kelihatan kuat dan dinamik serta warna tertawan yang lembut dan halus (Hamid et al., 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah berkait dengan kajian Itten kerana pengkaji menggunakan gambar dan warna dalam teknik hafazan murid. Bahkan, sesetengah warna tertentu dapat memberi kesan positif kepada ingatan terhadap sesuatu yang pernah dilihat atau dipelajari. Selain itu, warna memudahkan dan membantu kita untuk mengingati sesuatu perkara, sama ada ia merupakan ingatan jangka panjang ataupun jangka pendek. Hal ini adalah selaras dengan pendapat Dzulkifli dan Mustafar (2013) yang menyatakan bahawa warna merupakan pengalaman visual manusia yang paling penting. Warna juga didapati berperanan penting dalam menguatkan ingatan manusia dan berfungsi sebagai saluran maklumat yang penting dan berkesan kepada sistem kognitif manusia (Olurinola & Tayo, 2015). Justeru, penggunaan warna telah terbukti memberi banyak manfaat dan memainkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peranan penting dalam merangsang emosi dan kognitif serta menarik perhatian murid dalan kehidupan seharian (Chang et al., 2018).

2.5 Konsep Gambar dalam Proses Pengajaran

Penggunaaan gambar dalam pembelajaran khususnya kepada kanak-kanak prasekolah sangat penting bagi memastikan pembelajaran al-Quran itu menarik dan meyeronokkan. Kajian yang dilakukan telah menunjukkan bahawa apabila grafik statik yang digunakan dalam pembelajaran berjaya menarik minat dan memberikan motivasi kepada pelajar (Hazil et al., 2002). Grafik adalah merujuk kepada kepelbagaian persembahan imej yang statik atau tidak bergerak seperti contoh lukisan, gambar, ilustrasi, gambar foto dan sebagainya. Penggunaan grafik yang berkesan dalam proses pembelajaran mampu memudahkan penyampaian guru secara tepat dan berkesan (Jamalluddin & Zaidatun, 2003).

Grafik merupakan elemen utama untuk proses penyampaian maklumat secara visual dalam bahan berasaskan pendidikan. Maklumat yang diperoleh melalui pemprosesan secara grafik adalah diterima lebih cepat dan pantas oleh murid berbanding secara konvensional. Mutu grafik yang menarik, baik dan berkesan berupaya meningkatkan motivasi dan rangsangan terhadap murid untuk terus fokus dengan sesi pengajaran dan pembelajaran (Ahmad Zamzuri, 2021). Manakala Clark dan Lyons (2011) menggariskan fungsi utama pembelajaran menggunakan komunikasi grafik adalah melalui perwakilan yang digunakan untuk menggambarkan rupa sebenar sesuatu objek atau tempat yang boleh dipandang dalam dunia sebenar. Ia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

boleh dipersembahkan dalam bentuk fotografi atau juga lukisan. Grafik ini sesuai digunakan untuk persembahan sesuatu yang akan dijumpai oleh pelajar dalam dunia dan tugasan sebenar.

Menurut Ahmad Rizal dan Jailani (2005) dengan menggunakan grafik dalam proses pengajaran dapat memberikan daya penarik perhatian pelajar kepada pengajaran guru. Pembelajaran lebih interaktif dan memberikan ruang komunikasi secara tidak sedar sepanjang proses pengajaran guru berlangsung. Grafik juga berperanan sebagai alat kognitif dalam pendidikan, dengan pelajar akan dapat memahami dengan lebih sempurna melalui grafik dan teks yang berkaitan berbanding teks semata-mata (Mayer, 2001). Hubungan antara teks dengan imej sebagai elemen dalam proses membaca yang diketengahkan oleh teori *dual coding* (Paivio, 1991) menjelaskan bahawa kanak-kanak yang didedahkan dengan dua mod pembelajaran iaitu melalui visual dan verbal akan dapat meningkatkan ingatan dan kefahaman. Kanak-kanak yang diberi peluang atau kebebasan membina makna daripada bahan yang dibaca menerusi penghasilan gambaran visual membolehkan mereka menguasai kemahiran bahasa dengan pantas.

Visual-visual yang direka dalam bentuk animasi pula berkeupayaan mewujudkan simulasi dan aktiviti interaktiviti yang boleh membayangkan atau menggambarkan bentuk sebenar sesuatu objek atau komponen. Ingatan juga dapat ditingkatkan dengan proses imaginasi. Kanak-kanak prasekolah juga menyukai aktiviti mewarna. Suatu kajian yang dilakukan oleh Sri Slamet (2020) menunjukkan bahawa peningkatan kognitif dan kemahiran seni anak-anak menjadikan mereka boleh menghafaz al-Quran sambil menerokai aktiviti seni mewarna. Pada pendapat yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lain, penggunaan media bergambar juga dapat menghasilkan peranan positif kepada guru sebagai alat bantu mengajar sekali gus membangkitkan suasana di dalam kelas. Melalui media bergambar juga, murid dapat mengambangkan kreativiti dan imaginasi berfikir mereka. Hal ini adalah dengan cara mentafsirkan sesuatu melalui gambar tersebut secara bebas menurut cara pandang mereka sendiri (Unsi, 2014). Namun begitu, menurut Carreker (2002) kanak-kanak tidak mampu menghasilkan gambaran visual secara efektif sekiranya guru tidak membantu memberi galakan atau pendedahan menggunakan strategi pembelajaran ini.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Suppiah (2013) menyatakan bahawa proses pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas akan menjadi lebih berkesan dan mudah apabila berlakunya penggabungan teks dan grafik. Menurut beliau, penggunaan *dual coding* perlu diaplikasikan pada tahap prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah untuk meningkatkan rangsangan pembelajaran seterusnya, pencapaian akademik pelajar akan meningkat. Teknik MATA yang dihasilkan bagi memperbaiki bacaan al-Quran anak-anak yang buta huruf juga mengetengahkan suatu kaedah penceritaan yang menyeronokkan dengan menyusun huruf hijaiyah dalam bentuk ilustrasi. Seterusnya, diolah menjadi gambar untuk penceritaan yang menyeronokkan bagi maksud surah al-Quran kepada anak-anak. Dapatan kajian menunjukkan pembelajaran menjadi lebih menarik dan secara tidak langsung merangsang otak anak untuk berfikir (Nadri Taja et al., 2019).

Penggunaan bahan digital berupa gambar yang ditayangkan kepada pelajar prasekolah berusia 5 tahun dan 6 tahun menunjukkan bahawa pelajar dapat memberikan fokus yang tinggi ketika pengajaran dan pembelajaran menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penceritaan digital. Mereka kelihatan sangat teruja dan memberikan perhatian walaupun terdapat gangguan bising oleh pelajar lain di sekeliling mereka. Dapatan ini mengesahkan kajian yang dijalankan oleh Hafiza Abas dan Halimah Badioze (2010) yang mengatakan bahawa imej berbentuk 2D dan 3D, muzik serta animasi mampu meningkatkan kefahaman dan minat pelajar terhadap sesuatu pengajaran serta memberikan kreativiti kepada pelajar. Selain itu, gambar juga boleh membantu guru bagi mancapai tujuan instruksional. Hal ini demikian kerana gambar ialah bahan yang murah dan mudah diperoleh serta dapat meningkatkan mutu pengajaran guru (Ahmad Rohani, 2004). Menurut Tarigan (2007) kualiti berbahasa seseorang pula bergantung kepada kuantiti kosa kata yang diperolehnya. Pada hujah yang lain, menyatakan gambar dan suara yang disusun secara menarik dan mudah difahami akan lebih membuatkan pengguna media lebih tertarik untuk mengetahui kandungan tersebut (Pribadi & Katrin, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1 Model *Response Facilitators*

Melalui kajian yang dilakukan oleh Werderich (2006) yang bertajuk *The Teacher's Response Process in Dialogue Journals*, beliau membina suatu model Response Facilitators. Terdapat empat kategori dalam model ini yang meliputi:

a) Bantuan Visual – surat pengenalan, ketelusan, poster atau carta, dan surat contoh.
b) Pemodelan – proses respons penulisan, strategi pembacaan, skil dan pengalaman, mentafsir elemen sastera, dan teknik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) Maklum balas – menyedia galakan, menjawab persoalan pelajar, menawarkan cadangan, dan memberi pujian.
d) Pertanyaan dan permintaan – mempelawa pelajar untuk perbincangan, memperjelaskan pemahaman pelajar, mengubah hala dan memanjangkan pemikiran pelajar.

(Werderich, 2006, p. 58–64)

Kesemua kategori ini adalah saling berhubung kait antara satu sama lain dan berfungsi secara serentak serta bersepadu. Hal ini demikian adalah kerana guru memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Guru harus memberi respons kepada pelajar semasa berinteraksi atau berkomunikasi untuk membina keyakinan dan lebih memajukan mereka (Nurul Salmi & Mohd Isha, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam proses pengajaran dan pembelajaran, alat bantu visual sangat efektif dalam mencapai objektif pembelajaran murid kerana ia menggalakkan proses pembelajaran dan membantu untuk memudahkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu perkara. Alat bantu visual membangkitkan minat pelajar dan membantu guru menerangkan konsep dengan mudah. Antara alat bantu visual ini ialah gambar, model, carta, peta, video, slaid, objek sebenar dan sebagainya. (Ghulam Shabiralyani et al., 2015).

Patesan et al. (2018) pula menyatakan bahawa integrasi alat bantu visual dalam bilik darjah membantu guru menerangkan konsep dan idea dengan lebih berkesan. Manakala pemerolehan pelajar akan bertambah baik serta bilik darjah akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi lebih baik dan interaktif. Menurut Romana & Cameron (2010) berlaku peningkatan minat terhadap penggunaan alat bantu visual dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Alat bantu visual juga merupakan alat untuk pembelajaran berkesan dan alat penyebaran ilmu yang terbaik.

Selain itu, alat bantu visual ialah peranti yang membantu guru untuk menjelaskan, menetapkan dan mengaitkan serta menyelaras dengan tepat. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, kepentingan alat bantu visual adalah merangkumi:

a) Pelajar boleh belajar dengan baik apabila mereka diilhamkan dengan betul melalui alat bantu visual yang berbeza.

b) Alat bantu visual mengembangkan imej yang tepat apabila pelajar melihat dan mendengar dengan betul.

c) Alat bantu visual dapat memberikan contoh lengkap untuk pemikiran konseptual.

d) Alat bantu visual mewujudkan persekitaran yang menarik minat pelajar.

e) Alat bantu visual membantu meningkatkan kosa kata murid.

f) Alat bantuan visual membantu guru menjimatkan masa dan menjadikan pembelajaran kekal dan berkesan.

g) Alat bantu visual memberikan pengalaman langsung kepada pelajar. (Ghulam Shabiralyani et al., 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepentingan ini jelas membuktikan bahawa alat bantu visual sangat berguna dalam proses pengajaran dan pembelajaran masa kini.

Melalui penyelidikan Cuban (2001) pula menunjukkan bahawa psikologi alat bantu visual adalah seperti berikut iaitu 1% daripada apa yang dipelajari adalah daripada deria rasa, 1.5% pula adalah daripada deria sentuhan, manakala 3.5% adalah daripada deria bau, 11% adalah daripada deria pendengaran dan 83% adalah daripada deria penglihatan. (Cuban, 2001). Hal ini jelas membuktikan bahawa apa yang dilihat oleh murid akan lebih mudah diingat dan lebih memberi kesan kepada minda dan kognitif pelajar. Justeru, model *response facilitators* dalam kajian ini dapat menjelaskan kepentingan alat bantu visual atau bahan bervisual dalam proses hafazan murid dan meningkatkan perbendaharaan kata pelajar. Pengkaji juga berminat untuk membuktikan bahawa penggunaan alat bantu visual adalah berkesan di dalam kelas bagi menggalakkan proses pengajaran dan pembelajaran serta menjadikannya lebih menarik dan mudah.

2.6 Kerangka Teoritikal Kajian

Merriam dan Tisdell (2015) menyatakan bahawa kerangka teori kajian merujuk kepada teori atau model yang dijadikan panduan untuk merangka sesuatu kajian. Menurut Grant dan Osanloo (2014) kerangka teori berfungsi sebagai landasan yang menerangkan perspektif atau pandangan dari mana fenomena dikaji secara teoretikal. Pemilihan teori atau model yang sesuai memandu proses pengumpulan data, pemilihan pemboleh ubah dan analisis data serta hasil kajian. Selain itu, kerangka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teori yang kukuh turut menyumbang kepada kesahan dalam pembinaan instrumen kajian (Luse et al., 2012).

Dalam penyelidikan reka bentuk dan pembangunan, model seperti ADDIE sering dijadikan sebagai kerangka teori pembangunan produk atau intervensi pendidikan baharu (Branch, 2009) manakala dalam kajian ini penyelidik telah memilih pendekatan DDR sebagai asas kepada pembentukan kerangka kajian. Pendekatan penyelidikan ini memberi penekanan terhadap proses mereka bentuk dan membangunkan satu produk atau intervensi baharu untuk menangani sesuatu masalah atau memenuhi keperluan tertentu (Richey & Klein, 2007). Pemilihan satu kerangka teori yang relevan dan mampu menjelaskan fenomena atau permasalahan kajian dengan baik amatlah dititikberatkan dalam penyediaan cadangan penyelidikan pada peringkat awal. **Rajah 2.1** di bawah menunjukkan teori dan model yang diaplikasikan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.1

Teori dan Model yang digunakan dalam kajian



2.6.1 Teori Konstruktivisme

Teori Konstruktivisme adalah salah satu rujukan utama dalam falsafah dan psikologi pendidikan yang menekankan peranan aktif pelajar dalam membina pemahaman pengetahuan secara individu (Sjoberg, 2010). Menurut Piaget (1953) pengetahuan dibina secara aktif oleh individu melalui tindakan dan interaksi mereka dengan persekitaran. Manakala menurut Vygotsky (1978) pembinaan pengetahuan berlaku dalam konteks sosial dan dipengaruhi oleh interaksi sosiobudaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala dalam pengajaran konstruktivisme, pelajar diberi peluang untuk meneroka, menyoal dan menyelesaikan masalah bagi membina pemahaman konsep sendiri (Applefield et al., 2000). Guru berperanan sebagai fasilitator dengan memberi bimbingan, tunjuk arar dan *scaffolding* yang minimum. Antara strategi pengajaran konstruktivis adalah seperti pembelajaran inkuiri, simulasi, projek dan peta minda menekankan pembelajaran aktif, kendiri dan kontekstual pelajar (Applefield et al., 2000; Abdal-Haqq, 1998). Objektif utamanya adalah untuk melahirkan pelajar yang berdikari dan mampu membina pengetahuan baharu secara kreatif dan kritikal.

2.6.1.1.Teori Konstruktivisme Dalam Pengajaran

Kajian ini adalah mengenai pembangunan modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dalam pengajaran hafazan al-Quran di tadika Islam malaysia. Pengkaji cenderung untuk mengetahui sejauh manakah modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar mampu dilaksanakan dalam proses pengajaran hafazan al-Quran dalam kalangan murid. Hal ini demikian adalah kerana proses pengajaran ini boleh menguji kebolehan inkuiri, meneroka, menyiasat dan menyelesaikan masalah melalui pendekatan hafazan al-Quran berkonsepkan warna dan gambar. Kajian ini adalah berdasarkan bahawa murid mampu membina pemahaman dan kemahiran dalam pendekatan hafazan al-Quran sekiranya mereka melibatkan diri secara langsung dalam proses menghafaz al-Quran dan memahami maksud secara bergambar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dilakukan berlandaskan teori konstruktivisme sosial Vygotsky (1978). Teori ini juga mampu menjana pemikiran murid yang merupakan proses dalam membina pengetahuan melalui pengalaman dirinya sendiri seterusnya dikaitkan dengan realiti dunia sebenar (Bashah & Zulkifli, 2022). Manakala Piaget ialah pengasas teori konstruktivisme kognitif, kaedah pembelajaran ini boleh digabung jalin dengan pemikiran Vygotsky dalam penyelidikan ini. Peranan kognitif dalam memproses maklumat yang diperoleh melalui deria sama ada dalam bentuk visual atau bukan visual.adalah dilibatkan dalam pembelajaran yang mengkehendaki pelajar membaca serta dapat memahami teks yang dibaca. Oleh itu, memahami maksud sesuatu maklumat yang diperoleh adalah tujuan akhir dalam pembelajaran membaca. Hal ini merupakan hasil yang diperoleh daripada pengalaman belajar atau pengetahuan sedia ada pada kanak-kanak (Jonassen, 1994).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, konsep ini sejajar dengan pandangan Vygotsky iaitu murid membina pemahaman dan pengetahuan melalui interaksi sosial sama ada dengan individu yang lebih berpengetahuan atau *more knowledgeable others* (MKO), bimbingan guru *(scaffolding)* dan pendedahan kepada pengalaman di luar zon perkembangan proksimal (ZPD) mereka (DeVries & Zan, 1995; Hendricks, 1997; Katz, 1993). Manakala berdasarkan teori konstruktivis sosial Vygotsky pula, guru ialah ko-konstruktor dan berperanan sebagai MKO kepada murid. Murid diberi peluang oleh guru untuk berinteraksi sama ada murid bertanya soalan mengenai perkara yang ingin mereka ketahui atau memberikan idea dan pendapat mengenai maksud tema ayat melalui gambar yang dilihat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Vygotsky lagi, murid membina pemahaman yang lebih baik mengenai perkara yang sedang dipelajari melalui interaksi sosial. Kewujudan MKO dalam sesebuah kumpulan dapat membantu murid belajar antara satu sama lain. Bimbingan guru *(scaffolding)* pula dapat mengukuhkan lagi pemahaman dan pembentukan (construction) ilmu pengetahuan murid (Confrey, 1995:38; Taylor, 1993:3). Sesuatu tugasan yang mencabar dan bertaraf tinggi dapat memberi pengalaman pembelajaran yang maksimum dalam ZPD murid, sekali gus meningkatkan potensi murid ke tahap yang tinggi (Brunning, 1995:218). Berpandukan kepada teori Vygotsky, modul hafazan al-Quran yang dibina telah disesuaikan kepada ZPD murid di tadika. Guru pula telah dilatih untuk memainkan peranan sebagai MKO yang hanya memberi bimbingan *(scaffolding)* atau pembimbing dan kokonstruktor kepada murid, bukannya melaksanakan tugasan itu untuk murid (Slavin, 2000:270). Perkara ini selari dengan pernyataan Vygotsky (dalam Ormrod, 1995:178) iaitu guru dilatih untuk memberi peluang kepada murid bertanya, meneroka, menyiasat, bekerjasama dan merasai sendiri perkara yang sedang dipelajari. Melalui proses ini, murid membina pemahaman akan konsep Sains dan Matematik serta Teknologi dan Kejuruteraan yang berkaitan dengan Pendidikan Seni Visual. Katz (2003) menyatakan bahawa:

> Within the social constructivist theory, learning is explained as involving a complex interaction of interdependent social and individual processes that co-construct knowledge … children learn as they explore the world around them and the exploration provides an avenue for problem solving. As children explore, they develop new questions, and theorize answers. (katz, 2003, p. 16)

Apabila murid meneroka dan menemui penemuan baru, minat dan motivasi mereka akan meningkat. Pengetahuan dan pengalaman baru ini akan merangsang murid untuk menyiasat dengan lebih aktif dan bertenaga. Aktiviti dalam kumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendorong murid-murid untuk saling berinteraksi dan bekerjasama dengan gembira bagi menghasilkan penyelesaian kepada tema maksud sesuatu ayat, seterusnya dapat menambah pemahaman kosa kata bahasa Arab. Selain itu, menurut Abdul Hakim dan Ab. Aziz (2015) lima faktor yang paling memberi pengaruh terhadap motivasi pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab sebagai bahasa kedua mengikut turutan menurun ialah: pertama: sikap terhadap mata pelajaran Bahasa Arab yang dianggap penting, kedua: persekitaran Bahasa Arab, ketiga: sikap terhadap mata pelajaran Bahasa Arab yang dianggap mudah difahami dan dipelajari, keempat: kesedaran diri sendiri dan kelima: keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

2.6.1.2 Konsep Perancah (*Scaffolding*) Lev Vygotsky

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Idea *scaffolding* dikemukakan oleh Lev Vygotsky. Menurut Ormrod (1995:368) model yang dipelopori oleh Lev Vygotsky ini juga dapat dirujuk sebagai sesuatu perkara yang dapat dilaksanakan oleh murid secara bersendirian mengikut tingkat perkembangan dan objektif yang perlu dicapai oleh murid. Tujuannya adalah untuk meningkatkan potensi diri murid. Namun begitu, tugasan yang diberikan perlu dibantu oleh golongan dewasa atau dengan kata lain mendapat bimbingan daripada seorang tenaga pengajar yang lebih berpengetahuan.

Menurut penjelasan Campione et al. (seperti yang dinyatakan dalam Confrey (1995:43) *scaffolding* memainkan peranan penting untuk mencapai tahap perkembangan potensi tersebut. *Scaffolding* juga dapat dirujuk sebagai satu strategi pembelajaran yang memegang peranan utama dalam meningkatkan perkembangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

potensi seseorang. Pembelajaran scaffolding juga merupakan satu teknik pemberian dalam menyokong seseorang untuk belajar secara sistematik yang dilaksanakan pada peringkat awal untuk mempengaruhi murid agar mempelajari sesuatu (Confrey 1995:48). Bruner (seperti yang dinyatakan dalam Arends, 1997:165) menyatakan dari sudut sejarah, istilah *scaffolding* berasal daripada perkataan *scaffold* yang kebiasaannya diamalkan oleh 53 orang pekerja yang bekerja di bangunan dalam proses memberi semangat atau menyokong mereka untuk menyelesaikan pekerjaaan yang tidak mampu dilaksanakan dalam kerja-kerja seharian. Istilah *scaffolding* ini diperluas dan digunakan untuk membantu tenaga pengajar dalam sesi pembelajaran. Menurut proses *scaffolding*, guru perlu membimbing murid dalam menyiapkan setiap tugas yang diberikan. Pada peringkat awal pembelajaran tugas tersebut, murid tidak mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan, Ormrod (1995:369).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Vygotsky pula berpendapat, untuk memastikan strategi *scaffolding* dapat diterapkan dalam proses pembelajaran, maka tenaga pengajar perlulah lebih arif dan memahami *Zone of Proximal Development* (ZPD) dalam diri murid (Taylor, 1993:4). *Zone of Proximal Development* (ZPD) ialah jarak antara peringkat perkembangan sebenar murid dengan guru boleh mengenal pasti tahap tersebut yang ditentukan melalui penyelesaian terhadap sesuatu masalah seseorang (Taylor, 1993: 5). Dalam hal ini, guru hanya memberi bantuan yang berkaitan dengan teknik-teknik tertentu berkaitan tugasan yang diberikan dengan tugas tersebut didapati berada di luar kemampuan murid tersebut. Pada peringkat awal, proses fading atau mengurangkan proses bantuan dan bimbingan semasa murid melaksanakan tugas yang diberikan, maka tenaga pengajar perlu memulakan tugas atau pembelajaran tersebut agar murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat melaksanakan tugas yang diberi secara sendiri tanpa mengharapkan bantuan guru, (Confrey, 1995:47).

Justeru, hal ini menunjukkan bahawa *Scaffolding* merupakan hubungan interaksi antara golongan kanak-kanak dengan golongan dewasa yang dapat membantu kanak-kanak untuk melakukan sesuatu di luar usahanya. Sokongan kepada murid untuk mempelajari sesuatu perkara ini dilakukan secara berterusan dan seiring dengan tingkat kemampuan diri murid. Selepas itu, guru boleh mengurangkan pengajaran kepada murid secara beransur-ansur (Confrey, 1995:50). Menurut Ormrod (1995:378) pembelajaran *scaffolding* mempunyai kelebihan tersendiri. Salah satu daripadanya adalah dapat memberi motivasi kepada murid dan menghubungkaitkan minat murid dengan tugas yang perlu dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran, meringankan tugasan yang diberikan oleh guru supaya lebih mudah diurus dan lebih mudah dicapai serta memberi petunjuk atau garis panduan dalaman murid supaya mencapai fokus yang diingini. Menurut Tharp dan Gallimore (1988:35) untuk lebih difahami dan diimplementasi, langkah-langkah pembelajaran Scaffolding adalah seperti berikut:

i. Menjelaskan konsep pembelajaran.

ii. Mengenal pasti *Zone of Proximal Development* (ZPD) atau tingkat perkembangan murid menerusi tahap kognitif murid tersebut dengan membandingkan hasil pembelajaran sebelumnya.

iii. Mengumpulkan murid menurut ZPD mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Guru menyerahkan tugas pembelajaran berupa soalan-soalan yang berkaitan dengan sesuatu pembelajaran.

v. Guru membimbing murid untuk melaksanakan tugas yang diberi dan murid belajar menyelesaikan sendiri soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru.

vi. Guru memberi bantuan seperti bimbingan, motivasi, menyatakan contoh tertentu, kata kunci atau hal-hal lain yang dapat menarik minat ke tahap pembangunan murid.

vii. Guru memberi arahan kepada murid yang mempunyai ZPD yang tinggi supaya dapat membantu murid yang mempunyai ZPD yang rendah.

viii. Guru membuat kesimpulan terhadap tugas-tugas yang diberikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lantaran itu, pada pandangan pengkaji, dengan adanya strategi *scaffolding* dalam proses pengajaran dan pembelajaran, maka akan memudahkan murid untuk belajar dengan lebih aktif dan proaktif. Dari sudut pelaksanaan, strategi *scaffolding* juga merupakan salah satu kaedah yang boleh diaplikasikan oleh tenaga pengajar bagi memudahkan dan mengurangkan kesukaran yang dialami oleh murid dalam menyiapkan sesuatu tugasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.2 Teori Interaksional

Menurut pakar-pakar interaksional, kebolehan kognitif sahaja tidak berupaya menjelaskan pemerolehan bahasa. Hal ini seperti dinyatakan oleh Schlesinger, Halliday, Cromer, dan lain-lain. Hal ini demikian adalah disebabkan perkembangan kognitif hanya dapat melengkapkan kebolehan mentafsir makna bagi seseorang kanak-kanak. Menurut Halliday, (seperti yang dinyatakan dalam Sidek Ab. Aziz, 2007) beliau menyatakan bahawa proses kognitif dan proses interaksi bahasa terlibat dalam proses perkembangan bahasa. Beliau juga berpendirian bahawa kanak-kanak dapat menguasai sesuatu bahasa disebabkan mereka perlu untuk berinteraksi dengan ahli masyarakat dalam persekitaran mereka.

Jika diimbas kembali dapatan Feng et al. (2021) yang merumuskan kaedah pembelajaran bahasa dengan penggunaan kaedah yang betul akan memberikan motivasi kepada murid dalam melibatkan kehadiran, penglibatan dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) dan penghantaran tugasan. Selain itu, pendekatan secara santai dan tidak formal dalam kemahiran berkomunikasi ini dapat meningkatkan tahap motivasi untuk belajar dalam kalangan murid, memperhebat tahap pencapaian dalam penilaian, mempercepatkan penguasaan kemahiran berkomunikasi yang sangat penting dalam proses perkembangaan awal mempelajari sesuatu bahasa asing pada peringkat asas di samping dapat merangsang pembelajaran sepanjang hayat golongan dewasa (Muniandy et al., 2017).

Rushdi Ta'eimah (1986) mentafsirkan pemerolehan bahasa yang dimaksudkan ialah satu proses yang berlaku tanpa sedar. Kanak-kanak merupakan golongan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

paling cepat menerima pemerolehan bahasa disebabkan mereka akan mengalami refleksi dan sangat peka pada alam sekeliling yang menyebabkan pembelajaran itu berlaku. Pemerolehan bahasa juga boleh ditafsirkan sebagai satu dapatan bahasa pada situasi semula yang terjadi tanpa disedari dalam kalangan murid. Manakala pembelajaran bahasa pula menjurus kepada satu proses yang berlaku secara sedar ketika pembelajaran bahasa kedua, sama ada peka dan mengetahui pada sistem tatabahasa serta mampu untuk berkomunikasi dengannya. Justeru, sebahagian pakar menyimpulkan bahawa pemerolehan bahasa ialah proses yang berlaku khusus melibatkan kanak-kanak, manakala pembelajaran bahasa merupakan proses yang berlaku khusus untuk golongan dewasa bagi membezakan antara kedua-dua konsep ini.

Dikatakan, sejak bayi dilahirkan lagi pemerolehan bahasa telah bermula. Sebelum mula bercakap, bayi telah mempelajari bahasa melalui konteks sosial di persekitarannya. Konteks sosial memainkan peranan penting dalam membantu bayi memahami dan mempelajari bahasa. Pemerolehan bahasa ini juga turut melibatkan dan dipengaruhi oleh keupayaan psikomotor bayi, khasnya yang melibatkan pengawalan lidah, bibir, mulut, tekak, saluran suara dan vokal. Di samping itu, perkembangan neurologi otak manusia juga mempengaruhi perkembangan bahasa pada bayi. Setelah otak semakin matang dan berkembang, maka seseorang individu itu akan berupaya menghasilkan bahasa yang lebih bermakna dan kompleks. (Zamri Mahamod, 2007).

Menurut teori interaksional, proses mental dan interaksional juga terlibat dalam proses pemerolehan bahasa. Hal ini bermaksud, konsep bahawa perkembangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kognitif melengkapkan diri seseorang individu dengan kebolehan mentafsir makna. Manakala interaksi bahasa pula dapat mendedahkan seseorang kepada cara-cara untuk menggambarkan makna kognitif dalam bentuk bahasa yang tepat (Muhammad Hafiz, 2009). Nik Hassan Basri (2003) telah meringkaskan seperti berikut ciri-ciri pembelajaran bahasa dalam teori interaksional yang merangkumi:

i. Pembelajaran bahasa merupakan proses mental dan linguistik.

ii. Penyampaian maksud boleh diutamakan daripada struktur bahasa, menurut sesuatu interaksi bahasa.

iii. Sekiranya murid menumpukan perhatian kepada tugas-tugas atau aktiviti-aktiviti yang bermakna, struktur bahasa boleh dikuasai secara lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Pembelajaran merupakan satu proses yang aktif. Sesuatu pengetahuan bukannya diterima secara terus, tetapi akan diproses terlebih dahulu. Supaya pengetahuan dapat diterima dengan berkesan oleh murid, sesuatu pengetahuan baharu perlulah dapat disesuaikan dengan pengetahuan sedia ada.

v. Proses pembelajaran berlaku disebabkan oleh beberapa cara dan mengikut keadaan serta masa tertentu.

vi. Seandainya sesuatu yang disampaikan itu mempunyai makna dan hubungan dengan pengalaman sedia ada, proses pembelajaran telah berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vii. Pengajaran dengan pembelajaran adalah dua perkara berbeza, maka tiada hubungan secara langsung antara kedua-duanya kerana pembelajaran tidak boleh disamakan dengan pengajaran.

viii. Pembelajaran juga melibatkan berkait rapat dengan emosi dan perasaan seseorang.

ix. Selain itu, pembelajaran juga bersifat pemikiran. Pengetahuan kecerdasan dan kebolehan dalam bahasa adalah saling berkait rapat.

x. Pembelajaran berlaku secara perlahan-lahan iaitu sedikit demi sedikit sama ada daripada segi masa ataupun kuantiti. Teori interaksional juga adalah seiring dengan kajian ini, sama seperti teori-teori lain dalam kelompok teori pemerolehan bahasa. Hal ini demikian adalah disebabkan kajian ini melibatkan pembelajaran dan pemerolehan bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini tidak boleh dipisahkan dengan prinsip pemerolehan bahasa itu sendiri meskipun skop kajian ini menjurus kepada bidang kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Hal ini demikian kerana apabila berbicara tentang bahasa, berbanding struktur bahasa itu sendiri, prinsip interaksi dan cara penyampaian adalah amat penting. Malahan, pembelajaran juga ialah satu proses linguistik, mental dan interaksi dengan orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.3 Model Pengajaran Gardner

Kajian ini bertitik tolak daripada konsep yang dikemukakan dalam buku *Five Minds for the Future* oleh Howard Gardner. Kajian ini juga selaras dengan pandangan yang diutarakan oleh Gardner (2007) yang mengatakan, "is that science even with engineering, technology, and mathematics thrown in, is not the only, and not even the only important, area of knowledge" (p. 14).

Hal ini menjelaskan bahawa bukan hanya mata pelajaran seperti Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi sahaja yang merupakan bidang utama dalam ilmu pengetahuan dan mendominasi ilmu pengetahuan, tetapi bidang sains sosial seperti bahasa juga berhak berada dalam kurikulum. Justeru, kajian tentang pembangunan modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dalam pengajaran hafazan al-Quran ini sangat bertepatan dengan teori yang diketengahkan oleh Gardner. Gardner telah menjelaskan dalam bukunya bahawa terdapat lima jenis pemikiran untuk masa depan. Pemikiran pertama ialah *Disciplined Mind*, iaitu seseorang murid perlu menguasai sekurang-kurangnya satu disiplin ilmu atau bidang utama yang dipelajari. *Disciplined mind* ini juga bererti seseorang itu mempunyai paradigma yang boleh menyelesaikan masalah dalam sesuatu hal.

Pemikiran kedua adalah *Synthesizing Mind*. Pemikiran ini bermakna bahawa keupayaan menggabungkan dan mengintegrasikan idea dan pemikiran daripada disiplin ilmu yang berbeza. Di sinilah kaedah menggabung jalin digunakan dalam pengajaran, dengan guru menggabungkan disiplin lain dalam pengajaran hafazan al-Quran. Pemikiran ketiga pula adalah *Creating Mind,* iaitu menyelesaikan masalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui kreativiti dan idea inovatif. Seterusnya, dengan minda mencipta ini murid dapat mencipta dan menghasilkan karya-karya baharu yang segar, kreatif, inovatif dan autentik. Pemikiran Gardner yang keempat adalah *Respectfull Mind.* Pemikiran ini membawa kita kepada kesedaran untuk menghargai perbezaan antara orang lain. Pemikiran Gardner yang terakhir adalah *Ethical Mind* iaitu berfikir untuk orang lain demi kepentingan bersama. Akhir sekali, kedua-dua pemikiran ini akan memberi nilai kepada murid dan secara tidak langsung melalui kelima-lima pemikiran ini akan menghasilkan murid yang holistik.


Model ini sering dirujuk dalam pembangunan model pengajaran yang melibatkan sembilan langkah pengajaran. Kaedah ini amat bersesuaian bagi proses pengajaran yang berasaskan pengajaran moden dan terkini di samping merangsang minda dalam kemahiran berfikir. **Rajah 2.2** merujuk kepada sembilan (9) langkah yang diterapkan dalam model pengajaran Gagne.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.2

Sembilan (9) Langkah dalam Model Pengajaran Gagne



Gagne et al. (1992) telah berkongsi pendekatan *behaviorisme* untuk pembelajaran, dalam proses mereka bentuk pengajaran yang sistematik dengan memberi tumpuan kepada tingkah laku atau latihan. Setiap satu elemen yang terdapat dalam langkah tersebut diterapkan dengan Taksonomi Bloom agar reka bentuk pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan, menarik dan bermakna.

i. Menarik Perhatian

Guru perlulah memastikan murid bersedia untuk terlibat mengambil bahagian secara langsung dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran dengan mengemukakan rangsangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang berkesan bagi mendapatkan perhatian murid. Antara kaedah yang boleh digunakan untuk mendapatkan perhatian murid-murid adalah seperti:

a) Merangsang murid dengan sesuatu yang baru atau memunyai elemen kejutan.

b) Guru memprovokasi murid dengan soalan-soalan yang mencabar.

c) Merangsang murid untuk mengemukakan soalan agar dijawab oleh murid lain.

ii. Penjelasan Matlamat (Objektif)

Guru menerangkan objektif atau hasil pembelajaran kepada murid untuk membantu murid memahami apa yang dipelajari semasa kursus. Penyediakan objektif pengajaran hendaklah disiapkan sebelum pengajaran bermula. Kaedah untuk menyatakan hasil termasuklah:

a) Menerangkan tahap pencapaian yang diperlukan oleh para murid.

b) Menerangkan kriteria prestasi standard yang perlu dicapai.

c) Pengetahuan sedia ada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Pengetahuan Sedia Ada

Guru membantu pelajar memahami maklumat baharu dan menghubung kait maklumat tersebut dengan sesuatu yang telah diketahui atau sesuatu yang telah dialami. Kaedah untuk merangsang pengetahuan sedia ada termasuklah:

a) Bertanya soalan mengenai pengalaman sebelum ini.

b) Bertanya kepada murid mengenai pemahaman mereka tentang konsep yang telah dipelajari sebelum ini.

iv. Membentangkan Bahan atau Kandungan

Guru menggunakan kaedah untuk menyampaikan kandungan pelajaran serta menyediakan strategi pengajaran yang cekap dan berkesan melalui teknik yang bermakna. Menjelaskan strategi yang akan digunakan selepas demonstrasi. Menggunakan kepelbagaian media dalam menangani permasalahan pembelajaran yang berbeza dengan memahami maklumat baharu dan menghubungkannya dengan pengetahuan sedia ada.

v. Memberi Tunjuk Ajar

Memberi tunjuk ajar dan membantu mereka untuk memahami serta mempelajari kandungan melalui sumber dan bahan yang sedia ada. Kaedah untuk menyediakan pembelajaran bimbingan termasuklah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Memberi sokongan kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung.

b) Menerapkan model pengajaran dan pembelajaran yang berubah mengikut keperluan kesesuaian.

c) Menyediakan analogi, kajian kes, imej visual dan metafora – kajian kes untuk aplikasi dunia sebenar, analogi untuk pembinaan pengetahuan, imej visual untuk membuat penyatuan visual, metafora untuk menyokong pembelajaran.

vi. Pemindahan Pembelajaran

Proses pembelajaran yang aktif agar dapat membantu para pelajar mendalami kemahiran dan pengetahuan baharu serta dapat memahami konsep asas yang betul dan tepat. Antara kaedah mengaktifkan proses pembelajaran pelajar:

a) Mewujudkan kepelbagaian aktiviti pelajar seperti soal jawab dalam pembelajaran, merujuk kepada pengetahuan sedia ada serta kerjasama dengan rakan-rakan mereka untuk menjawab soalan.

b) Meminta pelajar mengulang kaji, mengkaji semula membaca, atau mengulangi maklumat yang telah dipelajari.

c) Membantu pelajar mengintegrasikan pengetahuan baharu – menyediakan kandungan dengan cara dan konteks yang sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vii. Memberi Maklum Balas

Memberikan maklum balas mengenai prestasi pelajar secara serta-merta untuk tujuan penilaian dan memudahkan pembelajaran. Maklum balas yang boleh diberikan termasuklah:

a) Memaklumkan kepada pelajar tentang perkara yang akan dilakukan dan apa yang sepatutnya mereka lakukan.

b) Memberi maklum balas pembetulan dan pemulihan iaitu mengarahkan pelajar ke arah mencari jawapan yang betul. Maklumat ini membolehkan perkongsian antara dua orang.

c) Maklum balas analisis iaitu menyediakan pelajar dengan cadangan dan maklumat untuk membetulkan prestasi mereka.

d) Tanya soalan dalam – pembelajaran, membuat rujukan kepada apa yang sudah diketahui oleh pelajar.

e) Membantu pelajar mengintegrasikan pengetahuan baharu dengan memberikan contoh-contoh sebenar.

viii. Mengakses Kemajuan

Dalam usaha untuk memberi penilaian kepada keberkesanan pengajaran, guru perlu menguji murid bagi menyimpulkan mengenai hasil pembelajaran yang diharapkan sama ada telah dicapai ataupun tidak. Prestasi akhir hendaklah berpandukan objektif yang telah dinyatakan pada awal pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ix. Meningkatkan Pengukuhan

Bagi membantu pelajar membangunkan kepakaran, mereka perlu mendalami pengetahuan baharu. Guru juga memberi peluang kepada pelajar untuk tampil dengan memanfaatkan segala pengetahuan dan sikap sewaktu melaksanaan tugasan.

2.6.4 Model Pembangunan Instruksional Sidek

Sidek Mohd memperkenalkan model pembangunan instruksional dan dikenali sebagai model Sidek pada tahun 2001 (Sidek & Jamaludin, 2005). Terdapat dua peringkat utama reka bentuk Model Sidek iaitu peringkat pertama ialah peringkat penyediaan draf modul. Manakala pada peringkat kedua ialah peringkat percubaan dan penilaian modul. Pada peringkat penyediaan draf modul, ia meliputi sembilan langkah yang bermula dengan pembinaan matlamat dan diakhiri dengan langkah penyatuan draf modul. Pada peringkat ini juga terdapat satu kajian sokongan yang perlu dilaksanakan oleh pembina modul iaitu kajian keperluan modul yang bertujuan untuk menganalisis keperluan pelajar dan kandungan modul. Draf yang telah siap dibina dan diolah akan melalui proses peringkat seterusnya iaitu peringkat percubaan dan pemilaian modul. Terdapat dua kajian sokongan pada peringkat ini iaitu kajian penilaian kesahan kandungan dan kajian keberkesanan modul. Penjelasan terperinci tentang peringkat pertama pembinaan modul dan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh pembina modul berdasarkan Model Sidek (Sidek & Jamaludin, 2005) adalah sepertimana yang terdapat dalam **Jadual 2.1.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1

Peringkat Pertama Penyediaan Modul Sidek

Langkah	Penjelasan
Pembinaan matlamat	• Perlu untuk menentukan secara umum tujuan pembinaan modul bagi menentukan isi kandungan modul dan kumpulan sasarannya. Proses ini banyak bergantung pada minat dan nilai pembina modul.
Pengenalpastian kepada teori, rasional, falsafah, konsep, sasaran dan tempoh masa	• Memilih satu teori atau kombinasi beberapa teori yang akan menjadi asas pembinaan modul khususnya dari segi kandungan, susunan dan urutan modul. • Menjelaskan lebih spesifik tentang rasional keperluan modul dan falsafah di sebalik kebaikan penggunaan modul berkenaan. • Menentukan konsep modul seperti berbentuk permainan, latihan, ceramah, latih tubi dan sebagainya. • Menentukan tempoh masa dengan tepat agar ia bersesuaian dan mampu mencapai tujuan yang telah ditetapkan.
Kajian keperluan	• Melaksanakan kajian keperluan terhadap mana-mana pihak yang ada kaitan dengan kumpulan sasaran seperti guru dan pelajar.
Penetapan objektif	• Membina objektif atau tujuan spesifik modul dengan lebih terperinci. Objektif hendaklah bersifat tingkah laku yang boleh dilihat dan diukur.
Pemilihan isi kandungan	• Menyenaraikan, memilih dan menyaring isi kandungan yang ingin dimuatkan ke dalam modul supaya bertepatan dan bersesuaian. Isi kandungan yang dipilih hendaklah berupaya mencapai objektif.
Pemilihan strategi	• Menumpukan perhatian kepada strategi atau langkah-langkah ke arah kelancaran pelaksanaan modul yang akan dihasilkan.
Pemilihan logistic	• Menyenaraikan semua bahan-bahan bantu modul yang boleh melancarkan penggunaan modul.
Pemilihan media	• Memilih media sama ada secara tunggal atau gabungan dua ataupun gabungan pelbagai media. Media yang dipilih hendaklah mampu menarik minat, memotivasi dan merangsang kumpulan sasaran bagi mengikuti modul tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah	Penjelasan
Penyatuan draf modul	• Menyatukan 8 langkah sebelum ini menjadi draf modul. Dinamakan draf modul kerana bahan tersebut belum diuji kesahan dan kebolehpercayaannya.

Diadaptasi daripada *Model Pembinaan Modul Sidek* , Sidek & Jamaludin, 2005

Draf modul yang telah dibina pada peringkat pertama akan melalui prosedur peringkat kedua, iaitu penilaian kesahan kandungan secara formatif dan pengujian keberkesanan modul secara eksperimental. Kesahan kandungan draf modul perlu diperoleh daripada penilaian pakar bidang. Draf yang telah disahkan, perlu diperbaiki dan dikemas kini terlebih dahulu berdasarkan komentar dan pandangan pakar. Draf yang kedua (yang telah dibaiki hasil penilaian pakar) akan dibuat penilaian keberkesanan dalam kumpulan kecil terlebih dahulu sebelum dibuat penilaian dalam kumpulan yang lebih besar. Peringkat ini merupakan peringkat yang terakhir dalam penilaian modul. Selepas pelaksanaan dan penilaian dalam kumpulan besar, modul bermutu dan lengkap sedia untuk digunakan sekiranya hasil pengujian mencapai tahap yang diingini oleh pembina. Sekiranya sebaliknya, proses pembinaan modul perlu diulang semula pada peringkat pemilihan isi kandungan modul (Sidek & Jamaludin, 2005).

Kesimpulannya, Model Sidek merupakan sebuah model reka bentuk pengajaran yang komprehensif bagi membina dan mereka bentuk satu sistem pengajaran yang baik. Prosedur model ini terdiri daripada dua peringkat utama yang merangkumi enam elemen asas model reka bentuk pengajaran. Ia adalah seperti menentukan keperluan murid, menentukan objektif dan matlamat, membina prosedur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penilaian, memilih strategi dan mereka bentuk penyampaian serta menilai dan mencuba keseluruhan sistem pengajaran.

2.6.5 Model Kurikulum TABA

Model Kurikulum Taba yang yang disusun oleh Hilda Taba (1962) merupakan satu model pembangunan kurikulum yang menekankan pendekatan induktif dalam mereka bentuk kurikulum yang spesifik dan bergerak pada reka bentuk am. Laanemets dan Ruubel (2013) menyatakan bahawa Model TABA dilihat mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk membangunkan dan membentuk kurikulum hingga kini. Model TABA menggunakan pendekatan *grass root* iaitu pengajar memain peranan utama dalam perancangan kurikulum dengan membina idea pengajaran dan pembelajaran khusus kepada pelajar (Saedah, 2005). Laanemets dan Ruubel (2013) menyatakan terdapat beberapa idea daripada Model TABA dapat dijadikan panduan dalam perancangan kurikulum seperti berikut:

a) Keupayaaan model TABA berkembang kepada bentuk pengalaman yang lebih sistematik, luas dan tersusun melalui bimbingan, melalui pemilihan bahan pelajaran, dan dengan menyediakan persekitaran yang merangsang pembangunan objektif kurikulum.

b) Memberi kepentingan dan bimbingan kepada idea perkembangan pendidikan menyeluruh yang diperlukan oleh sistem pendidikan.

c) Objektif yang diperlukan diberi tumpuan berdasarkan kepada keperluan penyediaan kurikulum pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d) Kurikulum dibina agar dapat menjana kebolehan berfikir dan memupuk kreativiti pelajar.

e) Membangunkan pemikiran pelajar secara produktif berdasarkan pengetahuan yang pelbagai cara yang dapat mereka bentuk dan menghasilkan pembelajaran berasaskan inkuiri.

f) Mempunyai pegangan jelas terhadap pembentukan kurikulum untuk mencapai objektif yang terdapat dalam model yang dikehendaki oleh pelajar.

g) Mewujudkan pegangan untuk para pengajar dan pelajar untuk melaksanakan kurikulum pembelajaran.

h) Reka bentuk kurikulum pembelajaran yang mempunyai objektif yang sistematik dan konsisten.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.5.1 Fokus Model TABA

Model TABA banyak diguna pakai dan diubah sesuai mengikut keperluan dalam pembangunan kurikulum pembelajaran sistem pendidikan. Krull (seperti yang dinyatakan dalam kajian Laanemets dan Ruubel, 2013) berpendapat bahawa idea dalam model TABA adalah relevan dan unik dalam mereka bentuk kurikulum pembelajaran. Model TABA ini memfokuskan kepada empat perkara yang menjadikannya unik iaitu; 1) proses sosial; 2) institusi sosial; 3) pembangunan kurikulum baharu; dan 4) kajian semula kurikulum sedia ada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses sosial menjelaskan pembelajaran dan mereka bentuk keperibadian tidak boleh dianggap sebagai proses sehala untuk mewujudkan matlamat pendidikan. Institusi sosial merujuk kepada penyusunan semula pentadbiran dari atas ke bawah kepada sistem pembangunan yang berasas dan diselaraskan dari bawah ke atas boleh digunakan dengan berkesan. Selain itu, pembangunan kurikulum baharu lebih berkesan sekiranya berlandaskan prinsip bimbingan demokrasi dan pengagihan kerja yang berkesan. Penekanan adalah melibatkan perkongsian berdasarkan kecekapan, dan bukan pada pentadbiran. Kajian semula kurikulum sedia ada dilaksanakan agar kurikulum yang dibina bukan diguna untuk jangka masa pendek akan tetapi dapat digunakan untuk jangka masa panjang mengikut tugas dan keperluan selama bertahun-tahun dalam sistem pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.5.2 Langkah-langkah Model TABA

Model TABA terdiri daripada tujuh langkah asas yang boleh digunakan dalam membangunkan kurikulum pendidikan (Taba, 1962). Langkah-langkah yang terlibat merangkumi: 1) Diagnosis keperluan; 2) Membentuk objektif; 3) Memilih isi kandungan; 4) Penyusunan kandungan; 5) Pemilihan pengalaman pembelajaran; 6) Penyusunan pengalaman pembelajaran; dan 7) Menentukan apa dan bagaimana menilai. **Jadual 2.2** menunjukkan penerangan setiap langkah dalam model TABA (Taba, 1962) dan **Rajah 2.3** menunjukkan Gambaran Langkah-langkah dalam model TABA.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.2

Fungsi Langkah Model Kurikulum TABA


Bil	Langkah-langkah Model TABA	Penerangan Langkah
1	Diagnosis keperluan	Peringkat ini merupakan langkah penting dalam model TABA. Langkah ini memfokuskan pada keperluan pelajar sebagai pemula dalam membina kurikulum dengan mengetahui perbezaan permasalahan yang dihadapi pelajar secara terperinci.
2	Membentuk objektif	Dalam pembentukan objektif perlulah komprehensif dan jelas. Agar pembangunan kurikulum dapat fokus kepada menyelesaikan masalah yang terdapat daripada dapatan analisis pelajar.
3	Memilih isi kandungan	Pemilihan isi kandungan perlu berdasarkan kepada tujuan yang mesti dicapai pada langkah kedua. Perkara lain juga perlu diambil kira untuk dipertimbangkan mengikut kepada kesesuaian dan kesahan pelajar. Bagi memastikan kurikulum yang dibangunkan mengikut model TABA dan sesuai pada keupayaan dan kehendak pelajar.
4	Penyusunan kandungan	Penyusunan kandungan menyusun secara teratur mengikut urutan yang betul dan jelas kepada tujuan kurikulum itu dirancang. Memerlukan pengetahuan dan kepakaran dalam bidang tertentu sesuai kurikulum yang dibangunkan.
5	Pemilihan pengalaman pembelajaran	Proses pemilihan pembelajaran adalah berhubung kait pada kandungan kurikulum yang akan direka. Tenaga pakar terhadap bidang tertentu diperlukan agar penghasilan kurikulum memenuhi keperluan pengajar dan pelajar.
6	Penyusunan pengalaman pembelajaran	Langkah seterusnya, pengajar menyesuaikan bagaimana pengalaman belajar ditentukan dalam aktiviti belajar. Dalam proses ini pengajar menggalakkan pelajar terlibat dalam aktiviti belajar untuk memberi pengalaman kepada mereka.
7	Menentukan apa dan bagaimana menilai	Proses akhir ini akan melakukan pengujian untuk melihat kesesuaian isi, cara belajar dan pengalaman belajar. Pengajar perlu kreatif dalam menentukan alat pengujian untuk menilai hasil aktiviti yang dijalankan. Jenis penilaian bergantung pada kebijaksanaan pengajar itu sendiri untuk menilai agar kurikulum yang dibina tercapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.3

Memaparkan langkah-langkah yang ada dalam Model TABA/



2.7 Konstruk Pembinaan Modul Pengajaran SMART-KQ

Konstruk pembinaan modul pengajaran merupakan proses membangunkan dan mereka bentuk sebuah modul pengajaran dan pembelajaran secara sistematik berdasarkan prinsip-prinsip reka bentuk pengajaran. Selain itu, konstruk merupakan satu proses yang melibatkan beberapa peringkat utama iaitu menganalisis keperluan dan matlamat pembelajaran, mereka bentuk modul, membangunkan dan menghasilkan modul dalam bentuk fizikal atau digital, melaksanakan penilaian dan penambahbaikan modul, serta penggunaan modul dalam proses pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran (Lee & Owens, 2004). Matlamat utama konstruk pembinaan modul pengajaran adalah untuk menghasilkan bahan pengajaran berbentuk modul yang berkualiti dan mampu memenuhi objektif pembelajaran dengan berkesan. Ia juga bertujuan memastikan pengalaman pembelajaran murid menjadi lebih menarik dan bermakna.

2.7.1 Isi Kandungan Modul

Isi kandungan modul merupakan komponen utama dan teras dalam sesebuah modul pengajaran (Abdul Rahim, 2011). Hal ini demikian kerana isi kandungan berperanan sebagai sumber rujukan dan input pembelajaran kepada pelajar. Ia juga berfungsi sebagai panduan kepada fasilitator dalam merancang aktiviti pembelajaran dan pengajaran (Nik Aziz, 2013). Menurut Baharuddin et al. (2009) isi kandungan yang lengkap dan tersusun sistematik mampu memudahkan proses penilaian dilaksanakan bagi mengukur pencapaian objektif pembelajaran. Selain itu, Abdul Rahim (2011) menjelaskan bahawa isi kandungan modul perlu disusun berdasarkan objektif pembelajaran yang ditetapkan agar dapat membantu pelajar menguasai kemahiran dan pengetahuan seperti yang dikehendaki.

Manakala isi kandungan modul yang berkaitan pengajaran hafazan al-Quran dan bahasa Arab pula amat penting kerana ia merupakan teras utama dan fokus dalam proses pengajaran dan pembelajaran kedua-dua bidang ilmu ini. Menurut Abdul Rahim (2011) isi kandungan modul bahasa Arab perlu merangkumi perkara asas seperti tatabahasa, perbendaharaan kata, kemahiran berkomunikasi, membaca dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menulis. Hal ini adalah bagi membolehkan murid menguasai kemahiran berbahasa Arab dengan berkesan. Manakala bagi modul hafazan al-Quran pula, isi kandungan perlu memberi penekanan kepada kaedah menghafaz dengan betul, teknik mengulang hafalan, etika membaca al-Quran dan sebagainya (Mohd Zulkifli Mohd Yusoff, 2009). Melalui isi kandungan modul yang lengkap dan tersusun, ia dapat membantu pelajar mencapai objektif pembelajaran dalam bidang bahasa Arab dan juga hafazan al-Quran. Modul berkualiti juga memudahkan guru merancang aktiviti pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang bersesuaian. Kesimpulannya, isi kandungan modul adalah teras uatama dan amat penting dalam memastikan modul pengajaran yang dihasilkan adalah berkualiti, baik dan berkesan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.2 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

Cara, kaedah atau teknik yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan isi kandungan pelajaran dan memudahkan proses pembelajaran dalam kalangan murid merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran (Abd Halim & Mahyuddin, 2010). Terdapat pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran seperti kaedah perbincangan, syarahan, simulasi, projek, inkuiri penemuan, pembelajaran koperatif dan pembelajaran berasaskan masalah. Pemilihan kaedah yang sesuai bergantung kepada matlamat dan objektif pembelajaran, kebolehan pelajar, kemudahan sumber, dan kandungan pelajaran (Baharuddin et al., 2009). Guru perlu bijak memilih dan menggunakan gabungan kaedah pengajaran bagi merangsang pemikiran kritis dan kreatif, menarik minat murid, serta menyokong pembelajaran aktif. Hal ini dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang baik dan berkesan. Guru yang kreatif dan inovatif mampu menggabungkan pelbagai kaedah pengajaran untuk mendapatkan suasana pembelajaran di dalam yang lebih berkesan dan bermakna kepada murid (Rusman, 2012).

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek berkaitan hafazan al-Quran dan juga bahasa Arab, terdapat pelbagai kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan oleh guru. Antara teknik yang boleh digunakan ialah melalui syarahan yang diselangi dengan contoh-contoh yang berkaitan, amat membantu murid bagi menguasai kosa kata dan memahami tatabahasa bahasa Arab dengan lebih mendalam. Bagi subjek berkaitan hafazan pula, guru boleh menggunakan kaedah syarahan untuk menerangkan teknik menghafaz ayat al-Quran secara berperingkat selain berkongsi petua mengulangi hafalan dengan berkesan. Selain itu, kaedah latih tubi sesuai digunakan untuk mempertingkat kemahiran bertutur, mendengar, menulis dan membaca dalam bahasa Arab (Zulkifli Mohd Yusoff, 2013). Dengan cara mengulang ayat demi ayat al-Quran juga dapat memperkukuh hafalan pelajar.

Kaedah simulasi seperti aktiviti perbualan dan lakonan situasi pula dapat memperkaya pengalaman pelajar menggunakan bahasa Arab dalam situasi yang hampir sebenar. Dalam konteks hafazan pula, simulasi cara bacaan al-Quran oleh guru dapat diteladani oleh murid. Akhir sekali, aktiviti pembelajaran koperatif seperti projek penulisan karangan bahasa Arab secara berkumpulan didapati berkesan meningkatkan motivasi dan kemahiran berbahasa pelajar. Sesi mengulang hafalan secara berpasangan juga amat bagus untuk saling membetulkan hafalan (Mahmood et

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

al., 2011). Kesimpulannya, bagi memastikan pengajaran hafazan al-Quran dan juga bahasa Arab lebih berkesan dan menarik minat pelajar, gabungan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian adalah amat penting. Guru yang bijak memilih strategi pengajaran pasti mampu melahirkan pelajar cemerlang dalam kedua-dua bidang ini.

2.7.3 Protokol Pengurusan Penilaian Kemajuan

Protokol penilaian kemajuan murid merupakan satu set prosedur dan garis panduan yang terancang dan sistematik untuk melaksanakan penilaian terhadap murid (Jones & Tanner, 2002). Tujuan utamanya adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai tahap pembelajaran, kefahaman dan perkembangan akademik murid dari semasa ke semasa (Clarke et al., 2010).

Menurut pendapat Darling-Hammond dan Bransford (2005) protokol penilaian yang baik harus mengandungi pelbagai jenis penilaian seperti pemerhatian, ujian, projek dan sebagainya. Langkah-langkah yang terperinci untuk setiap penilaian perlu dimasukkan. Data hasil penilaian dianalisis untuk mengenal pasti topik yang telah dikuasai atau sebaliknya oleh setiap murid bagi tujuan perancangan aktiviti susulan (Harlen, 2004). Pelaksanaan penilaian mengikut protokol yang lengkap dapat memastikan guru membuat penambahbaikan dalam pengajaran mereka berdasarkan maklumat yang diperoleh. Ia juga membolehkan penilaian yang objektif dan adil dilakukan terhadap setiap murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala penilaian dalam konteks hafazan al-Quran pula merupakan proses menghafaz ayat-ayat al-Quran yang memerlukan disiplin tinggi dan usaha yang gigih. Oleh yang demikian, pelbagai bentuk penilaian perlu dilaksanakan secara berterusan oleh guru bagi memantau proses dan kemajuan hafazan setiap murid (Abdul Fatah & Hanapi, 2014). Menurut Zulkifli (2013) protokol penilaian yang lengkap dan sistematik dapat membantu guru menilai tahap kemajuan hafazan murid dari semasa ke semasa.

Antara protokol penilaian yang dicadangkan untuk hafazan termasuklah ujian prahafazan, ujian hafazan mingguan, ujian pengukuhan bulanan dan ujian akhir hafazan (Noor, 2011). Ujian pra hafazan bertujuan menguji kesediaan murid daripada aspek makhraj, kelancaran membaca dan tajwid sebelum memulakan hafazan. Manakala ujian mingguan pula untuk menilai jumlah ayat baharu yang berjaya dihafaz dan mengulangi semula ayat yang lepas. Ujian pengukuhan pula dilakukan secara individu antara guru dengan murid bagi menilai kefasihan menghafaz secara keseluruhan. Akhir sekali, ujian akhir diadakan untuk menilai hafazan secara menyeluruh sebelum beralih ke juzuk seterusnya. Pelaksanaan penilaian mengikut protokol yang dirancang teliti dapat membantu memastikan hafazan al-Quran berjalan dengan sistematik dan berkesan. Ia juga membolehkan guru membuat tindakan susulan yang sewajarnya berdasarkan keputusan penilaian bagi meningkatkan mutu hafazan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.4 Pemilihan Warna

Warna berperanan penting bagi mempengaruhi emosi dan minda dalam proses pembelajaran kanak-kanak (Jalil et al., 2012). Menurut Bright (2010) guru perlu bijak memilih kombinasi warna yang cocok dan sesuai untuk kegunaan di dalam kelas tadika supaya dapat merangsang minda dan menggalakkan pembelajaran aktif. Antara prinsip pemilihan warna adalah menggunakan warna cerah dan kontras untuk menarik perhatian kanak-kanak, tetapi dielakkan daripada terlalu mengelirukan.

Warna selaras dengan tema pengajaran juga digalakkan agar kanak-kanak dapat membuat kaitan pembelajaran (Mohamed Amin, 2016). Selain itu, warna mesra pengguna seperti biru dan hijau dapat menenangkan kanak-kanak, manakala merah dan jingga boleh merangsang minda tetapi tidak sesuai digunakan terlalu banyak (Engelbrecht, 2003). Guru juga perlu peka terhadap kanak-kanak yang mengalami masalah penglihatan warna. Secara keseluruhannya, pemilihan warna yang tepat dan bersesuaian penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan menyeronokkan bagi kanak-kanak prasekolah di tadika.

2.7.5 Pemilihan Gambar

Penggunaan gambar dalam pengajaran amat penting untuk merangsang minda dan pemikiran kanak-kanak tadika (Jalongo, 2007). Walau bagaimanapun, beberapa prinsip pemilihan gambar tidak boleh dipandang ringan, perlu diambil kira dan dianggap penting oleh guru tadika. Menurut Bright (2010) gambar yang dipilih mestilah jelas, tajam dan mempunyai saiz yang jelas, dapat dilihat dengan serta sesuai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan penglihatan kanak-kanak. Selain itu, gambar hendaklah berkait rapat dengan tajuk dan isi pelajaran (Mohamed Amin, 2016). Guru perlu memastikan gambar yang dipilih tidak mengelirukan atau mempunyai maksud berbeza daripada objektif pengajaran. Dalam konteks ini, Clayton (2013) menekankan kepentingan menyemak kesahihan dan ketepatan fakta sesuatu gambar sebelum menggunakannya. Secara keseluruhannya, pemilihan gambar yang berkualiti tinggi dan bersesuaian penting untuk menarik minat dan meningkatkan pemahaman murid terhadap pengajaran guru.

2.7.6 Teks Surah

Pengajaran menghafaz surah-surah pendek al-Quran merupakan aktiviti asas dalam pendidikan Islam pada peringkat tadika (Hasan, 2007). Meskipun begitu, guru tadika perlu mematuhi beberapa prinsip pemilihan yang telah ditetapkan. Menurut Zulkifli (2013) surah yang dipilih untuk dihafaz mestilah pendek dan mudah ditulis serta dihafaz oleh kanak-kanak. Antara contoh surah yang sesuai ialah surah al-Fatihah, surah al-Ikhlas, surah al-Falaq dan surah-surah lain yang mempunyai ayat-ayat pendek.

Selain itu, Abdul Fatah dan Hanapi Mohamad (2014) menjelaskan surah yang dipilih perlu bersesuaian dengan perkembangan kognitif dan kemahiran membaca kanak-kanak. Guru boleh memulakan dengan surah yang lebih mudah diikuti dengan surah yang lebih mencabar secara berperingkat. Secara keseluruhannya, pemilihan surah yang sesuai penting dalam memastikan murid tadika berjaya menghafaz dan menanam minat terhadap al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.7 Meningkatkan Pengukuhan Murid

Pembangunan modul yang berkualiti bermula dengan reka bentuk yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak (Brown, 2009). Kaedah penyelidikan melibatkan proses reka bentuk modul yang mempertimbangkan kepelbagaian aktiviti, penggunaan media, dan cara penyampaian yang sesuai dengan tahap pemahaman murid tadika adalah berkesan kepada peringkat umur murid tadika (Piaget, 1952). Melalui kajian kes di tadika, telah dikenal pasti bahawa pengalaman praktikal dalam pelaksanaan modul berkualiti mampu membantu dalam meningkatkan pengukuhan murid secara berkesan dalam proses pengajaran di tadika (Skinner, 1953).

Secara keseluruhan, kaedah meningkatkan pengukuhan murid dengan modul yang baik membuktikan keberkesanannya dalam konteks tadika (Cherry, 2019). Dengan memberikan penekanan kepada aspek-aspek pembelajaran yang bersifat interaktif dan kreatif, modul ini mampu membantu dalam memperkukuh kemahiran dan pengetahuan murid pada peringkat awal perkembangan mereka (Cameron & Pierce, 2002).

2.8 Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR)

Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research*, DDR) telah digunakan dalam penyelidikan ini, pendekatan DDR merupakan satu konsep penyelidikan yang membinan dan membangunkan kajian pembangunan secara sistematik dan teratur. Kajian ini bertujuan untuk membina asas empirikal bagi pembinaan alatan, produk instruksional, model atau pengubahsuaian yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyebabkan berlakunya perkembangan produk tersebut (Richey & Klien, 2007). Menurut Richey & Klien (2007) juga, pendekatan ini secara asasnya terbentuk melalui empat fasa utama iatu fasa pertama ialah analisis keperluan, fasa kedua ialah reka bentuk, fasa ketiga ialah pembangunan dan fasa keempat ialah penilaian. Walau bagaimanapun, menurut Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Nurulrabihah Mat Noh (2021) kebiasaannya fasa reka bentuk dan pembangunan boleh digabungkan dalam satu fasa sahaja.

Dalam Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan, fasa analisis keperluan adalah fasa yang paling awal dan merupakan asas kepada keseluruhan kajian. Fasa ini melibatkan pengenalpastian masalah atau keperluan yang perlu diselesaikan atau dipenuhi melalui pembangunan produk atau intervensi tertentu (Richey & Klien, 2007; Plomp, 2013). Dalam fasa ini, pengkaji perlu menjalankan analisis konteks secara mendalam untuk memahami situasi, persekitaran, dan keperluan sasaran yang ingin dicapai. Hal ini boleh dilakukan melalui pelbagai kaedah seperti kajian literatur, tinjauan keperluan, pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen (Richey & Klien, 2007; Herrington et al., 2007). Analisis ini bertujuan mengumpulkan maklumat yang menyeluruh dan relevan mengenai masalah atau keperluan yang dihadapi oleh kumpulan sasaran.

Selain itu, pengkaji juga perlu menentukan ciri-ciri atau kriteria yang diperlukan untuk membangunkan produk atau intervensi yang berkesan dalam menangani masalah atau keperluan tersebut. Ini melibatkan pengenalpastian sumber, kekangan, dan batasan yang mungkin mempengaruhi pembangunan produk atau intervensi (Richey & Klien, 2007; Herrington et al., 2007). Hasil daripada fasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

analisis keperluan ini akan menjadi asas kepada fasa-fasa seterusnya dalam Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR). Maklumat yang diperoleh akan membantu pengkaji dalam membangunkan dan mereka bentuk produk atau intervensi yang berkesan dan sesuai bagi menangani masalah atau keperluan yang telah dikenal pasti.

Fasa Pembangunan dan Fasa Reka Bentuk merupakan dua fasa penting dalam Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan yang kebiasaannya digabungkan dalam fasa kedua. Selepas fasa analisis keperluan, akan berlaku fasa reka bentuk yang melibatkan proses merancang dan mereka bentuk produk atau intervensi yang akan memenuhi keperluan dan menangani masalah yang telah dikenal pasti (Richey & Klein, 2007). Dalam fasa ini, pengkaji perlu menterjemahkan maklumat yang diperoleh daripada fasa analisis keperluan kepada spesifikasi reka bentuk yang terperinci. Hal ini termasuklah menentukan objektif pembelajaran, strategi instruksional, bahan bantu mengajar, aktiviti pembelajaran, dan penilaian yang akan dipilih untuk diaplikasikan dalam produk atau intervensi tersebut (Plomp, 2013). Pengkaji juga perlu mengambil kira prinsip-prinsip reka bentuk instruksional, teori pembelajaran, dan dapatan kajian terdahulu untuk memastikan produk atau intervensi yang dibangunkan adalah berkesan dan sesuai dengan kumpulan sasaran (Herrington et al., 2007). Fasa reka bentuk ini sering melibatkan kitaran semakan dan penyemakan berdasarkan maklum balas daripada pakar bidang, pakar reka bentuk, dan kumpulan sasaran.

Setelah reka bentuk produk atau intervensi dimuktamadkan, fasa pembangunan bermula. Dalam fasa ini, produk atau intervensi tersebut dibangunkan sepenuhnya berdasarkan reka bentuk yang telah ditetapkan (Richey & Klein, 2007). Ini melibatkan penghasilan bahan-bahan seperti buku teks, perisian, modul, atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

platform dalam talian, bergantung kepada jenis produk atau intervensi yang dibangunkan. Proses pembangunan sering melibatkan pelbagai sumber seperti pereka grafik, pembangun perisian, penulis, dan pakar subjek untuk memastikan produk atau intervensi yang dihasilkan berkualiti tinggi dan memenuhi keperluan yang telah dikenalpasti (Plomp, 2013). Fasa pembangunan juga mungkin melibatkan pengujian awal atau penilaian formatif untuk mengesan dan membetulkan sebarang masalah atau kekurangan sebelum produk atau intervensi itu diuji secara lebih meluas.

Seterusnya, ialah fasa penilaian iaitu fasa terakhir dalam Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan. Fasa terakhir ini berperanan yang sangat penting bagi memastikan keberkesanan dan kualiti intervensi atau produk yang dibangunkan (Richey & Klein, 2007; Plomp, 2013). Dalam fasa penilaian, produk atau intervensi yang telah dibangunkan dalam fasa sebelumnya akan diuji dan dinilai secara empirikal (Richey & Klein, 2007; Nieveen & Folmer, 2013). Penilaian ini bertujuan untuk menentukan sama ada produk atau intervensi tersebut berjaya memenuhi objektif dan keperluan yang telah ditetapkan semasa fasa analisis keperluan.

Dalam fasa ini, terdapat dua penilaian utama yang sering dipilih dan digunakan iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif (Plomp, 2013; Nieveen & Folmer, 2013). Penilaian formatif dilakukan sepanjang proses pembangunan produk atau intervensi untuk mengesan dan membetulkan sebarang kekurangan atau masalah. Manakala penilaian sumatif dilakukan selepas produk atau intervensi selesai dibangunkan untuk menilai keberkesanan dan kebolehgunaannya secara keseluruhan. Pelbagai kaedah, teknik dan instrumen yang boleh diaplikasikan dalam fasa penilaian, seperti eksperimen, kajian kes, tinjauan, temu bual, dan pemerhatian (Herrington et

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

al., 2007; McKenney & Reeves, 2019). Pemilihan kaedah dan instrumen bergantung kepada jenis produk atau intervensi yang dinilai dan objektif penilaian itu sendiri. Hasil daripada fasa penilaian ini bukan sahaja akan menunjukkan keberkesanan produk atau intervensi yang dibangunkan, tetapi juga memberi input yang berguna untuk memperbaiki dan menyempurnakan produk atau intervensi tersebut pada masa akan datang (Richey & Klein, 2007; Plomp, 2013).

Akhir sekali, menurut Richey dan Klien (2007) "Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan adalah kajian sistematik terhadap proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian dengan tujuan untuk mewujudkan asas empirikal bagi penciptaan produk dan alatan instruksional dan bukan instruksional, serta model baharu atau yang dipertingkatkan yang mengawal pembangunan mereka" (m.s 1). Penggunaan pendekatan ini membolehkan pengkaji mereka bentuk kajian secara sistematik dan menggunakan pelbagai kaedah, instrumen dan teknik kajian mengikut fasa-fasa yang terdapat di dalamnya.

2.8.1 Teknik *Delphi*

Kaedah *Delphi* telah diaplikasikan dalam pelbagai bidang kajian secara meluas, antaranya adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan, penilaian polisi, pentadbiran dan penilaian program (Okoli & Pawlowski, 2004). Istilah Delphi merujuk kepada sebuah tempat di Greek yang terkenal sebagai pusat meramal masa depan, di mana ramai individu mengunjunginya untuk mengetahui nasib mereka. Menurut Lang (2000) kaedah ini diperkenalkan Olaf Helmer dan Norman Dalkey dari *RAND*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Corporation pada tahun 1953 sebagai satu teknik penyelidikan. Namun begitu, sebelum itu, dinyatakan bahawa teknik ini telah dinamakan oleh seorang ahli falsafah bernama Abraham Kaplan (Henson, 1980). Semasa peringkat awal, teknik ini digunakan oleh pengkaji dalam penilaian peruntukan kewangan, kajian-kajian berkaitan ramalan cuaca jangka panjang, pembinaan model-model struktur dan perancangan korporat (Snyder-Halpern & Lang, 2000). Setelah itu, dinyatakan bahawa teknik ini mula berkembang luas dalam pelbagai disiplin ilmu menurut laporan *RAND Corporation* menerusi penulisan jurnal dan artikel (Dalkey & Helmer, 1963; Dalkey, 1967; Brown, 1968 & Rescher, 1969).

Dalam konteks penyelidikan di Malaysia, teknik Delphi telah diaplikasikan secara meluas oleh para pengkaji merentas pelbagai bidang kajian. Teknik Delphi telah diaplikasikan dalam kajian Hussin (2008) dalam membina kandungan kurikulum Pendidikan Akhlak bagi latihan perguruan yang menggunakan lapan orang pakar dalam bidang Pendidikan Islam. Teknik Delphi juga digunakan dalam kajian oleh Dahaman (2014) melalui modifikasi tiga pusingan yang mengaplikasikan analisis statistik Ujian *Wilcoxon Sign Rank Test*. Ia menunjukkan tidak berlaku perbezaan yang signifikan antara item-item di pusingan kedua dan ketiga. Hal ini mencerminkan tidak berlaku perubahan pandangan pakar bagi pusingan kedua dan ketiga. Pada tahun 1953, Helmer dan Dalkey mula menggunakan Teknik Delphi Klasik *(Classical Delphi)* untuk kajian yang melibatkan pembangunan model atau produk di *RAND Corporation*. Ia digunakan bagi mengkaji masalah-masalah tertentu dalam bidang ketenteraan. Terdapat lima asas utama dalam teknik ini menurut Fritz dan Mantooth (2005) iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Setiap sampel tidak mengetahui jawapan sampel lain dalam panel pakar kerana pemilihan sampel dilakukan secara individu.

b) Dalam menentukan jawapan soal selidik mereka tidak terdapat sebarang tekanan pada sampel.

c) Penyelidik akan melakukan analisis data untuk melihat jawapan sampel yang diperoleh pada pusingan kedua,.

d) Data dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif.

e) panel berperanan untuk mencari penyelesaian atau mencapai konsensus disebabkan data yang diberi oleh sampel adalah bebas daripada *bias.*

Menurut kebanyakan sarjana, mereka telah menjelaskan bahawa teknik Delphi telah dinamakan berlandaskan fungsinya, Ia merujuk kepada satu set prosedur untuk memurnikan, memperoleh pandangan dan pendapat sesuatu kumpulan, yang biasanya terdiri daripada panel pakar terhadap isu-isu tertentu bagi tujuan kesahan sesuatu kandungan (Dalkey, 1967; Brown, 1968; Anderson, 1975). Secara amnya, Teknik Delphi boleh dimaksudkan sebagai satu teknik berdasarkan kumpulan pakar yang diminta untuk mengumpul dan meninjau pendapat bagi membentuk konsensus terhadap sesuatu isu dan maklumat. Ia juga dianggap sebagai teknik untuk memperoleh data secara berstruktur berasaskan kesepakatan pakar (Yousuf, 2007). Selain itu, Teknik Delphi juga mengambil kira pandangan satu kumpulan pakar dan penggunaannya sangat meluas dalam pelbagai bidang, khususnya dalam pendidikan. Menurut Woudenberg (1991), Teknik Delphi ini mempunyai tiga kategori, yang meliputi:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Delphi Konvensional: Teknik ini mempunyai dua fungsi utama, iaitu menganggarkan dan meramalkan parameter yang tidak diketahui serta biasanya diamalkan dalam bidang sains dan teknologi.

b) Delphi Polisi: Teknik ini bertujuan mendapatkan persetujuan atau pandangan yang paling kuat terhadap sesuatu isu, sama ada berbentuk positif atau negatif, dan boleh digunakan dalam bentuk umum.

c) Delphi Keputusan: Tujuan teknik ini adalah untuk menghasilkan satu resolusi yang jitu berdasarkan pandangan pakar, seperti dalam proses mencapai kata sepakat dalam masalah belanjawan, pengguguran, dan seumpamanya.

Seterusnya, berlandaskan laporan dari Universiti Sukhothai Thammathirat, Thailand pada tahun 1994 yang dirujuk dalam kajian Ibrahem (2003), ciri-ciri prosedur penggunaan Teknik Delphi adalah seperti berikut:

a) Anonimiti: Barisan pakar yang terlibat dalam kajian menggunakan Teknik Delphi tidak diperkenalkan antara satu sama lain. Ini bertujuan membolehkan para pakar mengemukakan pandangan secara sukarela tanpa dipengaruhi oleh pihak lain. Ciri ini dapat mengurangkan wujudnya kesan bias daripada individu yang dominan, tekanan dalam kumpulan, dan komunikasi yang tidak relevan.

b) Interaksi Terkawal: Kendatipun para pakar tidak mengenali sesama sendiri atau berpeluang bertemu, mereka berinteraksi menerusi pandangan dan jawapan yang dinyatakan dalam instrumen. Teknik ini membenarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semua komen, pandangan, serta rumusan statistik dimasukkan pada pusingan-pusingan berikutnya. Semua pakar diminta menyatakan respon atau persetujuan terhadap pandangan pihak lain dan mengesahkan pandangan mereka. Proses ini berulang sehingga persetujuan pakar dapat diperolehi.

c) Ulasan Terkawal: Ciri-diri ini memfokuskan sifat ulasan pakar yang neutral. Setiap ulasan yang berulang perlu dikawal supaya tidak dipengaruhi oleh individu atau pakar yang lebih dominan.

d) Ulasan Statistik: Setiap respons pakar dianalisis berdasarkan analisis statistik yang lebih menekankan kepada ciri-ciri umum berbanding skor min.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadi, statistik yang digunakan adalah dalam bentuk median, frekuensi dan interkuartil. Singkatnya, semua ciri tersebut perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin bertujuan untuk memperoleh persetujuan pakar. Langkah ini dilakukan bagi menggabungkan pelbagai pendapat, pandangan, dan idea pakar ke arah persetujuan mereka. Istimewanya, persetujuan ini tercapai tanpa tekanan dan bias daripada pihak-pihak yang lebih dominan. Terdapat beberapa kelemahan Teknik Delphi menurut Jamil et al. (2013), iaitu:

a) Tempoh masa kajian yang agak panjang.

b) Tiada peraturan tertentu dalam penghasilan keputusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) Pengkaji yang melakukan ringkasan kajian hendaklah mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk mengurangkan kadar maklumat yang perlu disusun.

d) Mewujudkan rasa bosan kerana tempoh kajian yang terlalu lama.

e) Risiko yang tinggi untuk kehilangan data kerana masa yang panjang diambil dalam kajian.

f) Pakar yang dipilih haruslah mempunyai kredibiliti sepenuhnya dan diiktiraf dalam bidang yang dikaji.

2.8.1.1 Pengenalan Teknik *Fuzzy Delphi*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pipino, Gigch, dan Murray (1985) memperkenalkan Teknik *Fuzzy Delphi* atau *Fuzzy Delphi Method* (FDM) Gupta dan Kaufman (1988) telah mengembangkan teknik ini. Ia merupakan kombinasi antara teori set *Fuzzy* dan Teknik *Delphi*. Hal ini bermaksud bahawa Teknik *Fuzzy Delphi* ialah satu instrumen yang memperbaiki Teknik Delphi sedia ada sebaliknya ia bukanlah satu teknik baru, (Jamil et al., 2013). Kaedah *Fuzzy Delphi* atau *Fuzzy Delphi Method* (FDM) ialah satu instrumen dan teknik pengukuran yang dilakukan penyemakan semula berdasarkan Teknik *Delphi. Gigch, Pipino*, dan *Murray* telah memperkenalkan kaedah ini pada tahun 1985. Kaedah *Fuzzy Delphi* ini merupakan suatu kombinasi antara Kaedah *Delphi* dengan Set Pernomboran *Fuzzy*. Hal ini bermaksud Kaedah *Fuzzy Delphi* merupakan instrumen yang telah ditambah baik daripada Kaedah *Delphi* dan bukannya instrumen baru. Melalui penambahbaikan ini, secara tidak langsung dapat menjadikan penggunaan Kaedah *Fuzzy Delphi*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai satu alat pengukuran yang lebih efektif disebabkan ia dilihat mampu menyelesaikan masalah yang mempunyai ketidakpastian bagi sesuatu kajian.

Kaedah *Fuzzy Delphi* adalah suatu kombinasi antara Teori Set Kabur *(Fuzzy)* dan Kaedah *Delphi* Tradisional seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Zadeh, seorang penyelidik dan pakar dalam bidang matematik telah memperkenalkan Teori Set Kabur ini pada tahun 1965. Teori ini berfungsi sebagai lanjutan daripada Teori Set Klasik dengan setiap elemen dalam satu set dinilai berdasarkan set binari (Ya atau Tidak). Teori Set Kabur juga membenarkan tafsiran dan taksiran secara beransur-ansur terhadap setiap elemen dalam satu set. Malah nilai yang terkandung dalam set kabur ini adalah dari 0 hingga 1 atau dalam selang unit (0,1) (Ragin, 2007). *Fuzzy Delphi Method* mampu menyediakan perkara-perkara berikut (Lin, Huang, dan Chang, 2000):

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Ia memproses kekaburan berhubung kandungan maklumat dan item ramalan responden.

b) Boleh dijelaskan ciri-ciri individu peserta.

Antara kaedahm teknik dan instrumen yang boleh digunakan dalam fasa penilaian bagi kajian yang melibatkan pembangunan sebuah model ialah temu bual pakar bagi mengetahui kebolehgunaan model sebagai rujukan bagi kajian akan datang. Selain itu, menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi* dan Teknik *Delphi* untuk mendapatkan kesepakatan dan pandangan pakar terhadap penghasilan model (Linstone, Turoff, Helmer-Hirschberg, & Trenn, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses penilaian yang boleh digunakan bagi kajian pembangunan sebuah modul adalah menggunakan kaedah soal selidik bagi mendapatkan pandangan pengguna (ujian pra dan ujian pos), menggunakan teknik temu bual daripada responden yang terlibat bagi mendapatkan persepsi cadangan dan mereka, menggunakan teknik temu bual pakar bagi mendapatkan kebolehgunaan dan kesahan modul, serta menggunakan Teknik *Delphi* dan Kaedah *Fuzzy Delphi* bagi mendapatkan konsensus pakar terhadap kebolehgunaan modul tersebut kepada pengguna. Pengaplikasian teknik eksperimen kuasi juga boleh dilakukan bagi melihat keberkesanan modul yang dibangunkan.

Namun begitu, penggunaan instrumen ini akan melibatkan suatu kajian yang panjang. Walau bagaimanapun, Abdul Wahab et al. (2012) menyatakan bahawa reka bentuk kajian kuantitatif, iaitu kajian eksperimen melalui ujian pos dan ujian pra, merupakan pilihan terbaik bagi mengukur keberkesanan sesebuah modul. Secara umumnya, kaedah *Fuzzy Delphi* ini digunakan bagi mendapatkan konsensus pakar yang bertindak sebagai responden berdasarkan pendekatan kuantitatif.

2.8.1.2 Kekuatan Kaedah *Fuzzy Delphi* Sebagai Alat Pengukuran Yang Afektif

Dalam kajian yang melibatkan pandangan pakar Teknik *Delphi* merupakan suatu teknik yang telah lama digunakan. Teknik ini adalah berlandaskan sekumpulan pakar untuk mengumpulkan dan meninjau pendapat bagi membentuk konsensus terhadap sesuatu maklumat. Singkatnya, ia juga boleh dianggap sebagai teknik untuk mendapatkan data secara berstruktur berdasarkan kesepakatan pakar (Yousuf, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu, seperti ditegaskan oleh Siraj (2008) terdapat tiga kelemahan Teknik *Delphi*, iaitu ia mampu menyebabkan kebolehpercayaan data diragui jika pengkaji gagal memilih pakar yang sebenar, pakar akan kebosanan kerana kajian yang berulang, dan bilangan pakar yang digunakan terlalu kecil bagi menilai sesuatu yang besar. Huraian ini dikukuhkan dengan pendapat daripada David (2007) yang menyatakan bahawa teknik *Delphi* melibatkan suatu kajian yang berulang dan panjang. Di samping itu, ia boleh menyebabkan keputusan hanya tertakluk kepada jumlah pakar yang kecil dan sangat subjektif.

Kontroversi ini akan mengundang persoalan ketidakupayaan pakar dalam mengukur dan menilai sesuatu yang besar. Dalam kata lain, ia tidak mengukur sesuatu hal yang hendak diukur. Bagi meredakan isu yang dibahaskan ini, sebagai alat untuk mendapat kesepakatan pakar penggunaan teknik *Fuzzy Delphi* telah diguna pakai. Kekuatan teknik ini adalah mampu mengurangkan tempoh masa kajian yang panjang dengan cara mengurangkan pusingan *Delphi*. Penggunaan elemen kabur yang disepadukan ke dalam Teknik *Delphi* berupaya menganalisis kesepakatan pakar dalam satu pusingan sahaja. Tambahan pula, Chang et al. (2011) berpendirian bahawa kekuatan teknik *Fuzzy Delphi* adalah mampu untuk meletakkan keutamaan dan kedudukan sesuatu elemen berdasarkan kesepakatan pakar. Manakala pembinaan soal selidiknya adalah berdasarkan sorotan literatur yang telah disahkan oleh pakar, dan data yang tepat padat diperoleh dengan hanya melalui satu pusingan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8.2 Pengenalan Kepada Teknik Kumpulan Nominal (NGT)

Teknik Kumpulan Nominal (NGT) merupakan teknik yang digunakan untuk menjana data kajian secara empirikal. Pendekatan teknik ini melibatkan sesi perbincangan bersemuka mengikut struktur dengan tujuan untuk mencapai satu kesepakatan atau konsensus di kalangan ahli dalam sesebuah kumpulan perbincangan yang dijalankan (Varga-Atkins & Mcisaac, 2011). Sebenarnya, penggunaan teknik ini di dalam bidang pendidikan telah lama digunapakai sejak bertahun-tahun lamanya, khususnya dalam konteks penilaian dan pembangunan kurikulum (Abdullah & Islam, 2011; Crenshaw et al., 2011). Hakikatnya, kurikulum yang dibangunkan adalah bersifat dinamik, di mana perubahan boleh berlaku berkadaran dengan perubahan masa dan keadaan masa kini. Oleh yang demikian, dalam proses reka bentuk, pembangunan, serta penilaian kurikulum, Teknik Kumpulan Nominal (NGT) sering digunakan dan diaplikasikan bagi mendapatkan dapatan yang sebenar dan objektif, yang tidak bersifat persepsi semata-mata.

Dalam konteks ini, NGT membolehkan pengumpulan data yang lebih tepat dan menyeluruh daripada pelbagai perspektif ahli dalam kumpulan tersebut. Melalui perbincangan bersemuka yang berstruktur, setiap ahli berpeluang untuk menyuarakan pendapat dan pandangan mereka secara bebas dan terbuka, tanpa dipengaruhi oleh ahli lain dalam kumpulan tersebut (Delbecq et al., 1975; Van de Ven & Delbecq, 1974). Dengan cara ini, data yang diperoleh adalah lebih menyeluruh dan kurang bias, kerana ia merangkumi pelbagai perspektif dan pengalaman ahli yang berbeza. Selain itu, NGT juga membolehkan penjanaan idea dan penyelesaian masalah secara kolektif, di mana ahli kumpulan dapat memberi maklum balas dan mengembangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

idea-idea yang dikemukakan oleh ahli lain (Varga-Atkins et al., 2010). Proses ini membolehkan penghasilan dapatan yang lebih kaya, serta penyelesaian yang lebih komprehensif dan inovatif.

Dalam membincangkan tentang kepentingan mendapatkan dapatan yang sebenar dan tidak bersifat persepsi semata-mata, setiap pengkaji seharusnya melihat teknik ini dengan cara memahami konteks bahawa teknik Kumpulan Nominal (NGT) ini merupakan suatu teknik yang mendapatkan data secara bersemuka dan diperbincangkan secara mendalam oleh ahli atau peserta kajian yang arif dalam sesuatu kajian yang dijalankan. Jika diperhatikan dalam pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (DDR), pendekatan teknik ini dapat digunapakai dalam fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan, serta fasa penilaian. Dalam konteks fasa analisis keperluan serta fasa reka bentuk dan pembangunan, teknik NGT dapat diaplikasikan sebagai kaedah sumbang saran *(brainstorming)* bagi mengupas sesuatu permasalahan, dengan mereka bentuk sesuatu kerangka yang diperlukan. Seterusnya dalam konteks fasa penilaian pula, teknik ini dapat digunakan dengan menilai integriti dan kesahan yang terkait dengan elemen, komponen, isu, dan sebagainya berdasarkan kepada kumpulan pakar yang akan melaksanakan. Oleh yang demikian, dalam fasa penilaian, Teknik Kumpulan Nominal (NGT) ini jelas boleh digunakan dan ia adalah suatu teknik yang tergolong dalam penilaian pengesahan dalaman *(internal evaluation)* seperti yang telah digunakan pengkaji dalam fasa 1 melalui tajuk kajian tesis ini.

Kupasan ini adalah bersandarkan kepada pandangan Richey (2005) yang menyatakan bahawa kesilapan pengkaji terdahulu adalah terus menggunapakai ujian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keberkesanan kepada kumpulan sasaran bagi mendapatkan impak produk yang dihasilkan, namun terlupa terhadap keperluan melihat integriti berserta kesahihan elemen, komponen, kandungan, dan sebagainya bagi produk yang digunakan bersandarkan kepada hujahan dan pendapat mereka yang arif dalam penggunaan produk yang dibangunkan. Oleh itu, penggunaan teknik NGT dalam fasa penilaian pengesahan dalaman *(internal evaluation)* adalah penting bagi memastikan integriti dan kesahihan produk yang dibangunkan sebelum diuji keberkesanannya kepada kumpulan sasaran. Dalam meneliti dan mengimbas kembali, Teknik Kumpulan Nominal (NGT) adalah suatu kaedah yang melibatkan satu kaedah membuat sebarang keputusan dengan cara berdiskusi dengan kumpulan kecil secara bersemuka (Aizzat Mohd. Nasurdin, Intan Osman, & Zainal Ariffin Ahmad, 2006). Pengumpulan data bagi teknik ini boleh melalui proses berbentuk semi kuantitatif dan berstruktur (Dobble, Freeman, Rhodes, & Tysinger, 2004; O'Neil & Jackson, 1983; Perry & Linsley, 2006). Pendapat para sarjana terhadap teknik ini di mana ia lebih terarah kepada pendekatan yang berbentuk separa kuantitatif adalah disebabkan ia berupaya mencantumkan kaedah kualitatif di dalamnya.

Mereka menjelaskan bahawa melalui teknik ini dimulakan dengan kaedah 'penerimaan idea tanpa penilaian' (kualitatif), seterusnya dituruti dengan proses susunan keutamaan idea berasaskan kepada penomboran dan angka (kuantitatif) (O'Neil & Jackson, 1983). Daripada perspektif yang berbeza pula, terdapat sarjana yang berpendapat teknik ini turut dapat bersifat kuantitatif secara keseluruhan, sekiranya digunakan sebagai satu kaedah untuk menilai kebolehgunaan sesetengah produk di mana ia juga dapat dikenali dengan Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuai *(Modified NGT)* (O'Neil & Jackson, 1983). Sekiranya terdapat pandangan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghujahkan teknik ini terlalu ringkas dan mudah dalam konteks analisisnya yang melibatkan peratusan, ia adalah pendapat yang boleh diterima namun sangat bersifat subjektif. Bagi pandangan pengkaji sendiri, hal ini adalah suatu perkara yang kecil dan terlalu remeh untuk diperdebatkan kerana pada pandangan Dang (2015) teknik ini adalah suatu teknik menjanakan kaedah sumbang saran dan pencetusan idea kepada sesuatu isu. Ia membawa maksud bahawa semua konteks kajian ilmiah boleh menggunakan teknik ini termasuk juga dalam perkara terkait penilaian kerana itu akan turut membawa terhadap suatu proses dalam menghasilkan sesuatu keputusan yang ampuh dan hebat daripada peserta kajian yang turut menyertainya.

Pandangan sedemikian dibuktikan apabila banyak kajian dalam bidang kritikal dan penting seperti perubatan, klinikal, dan sebagainya menggunakan kaedah ini dalam proses penilaian berasaskan pandangan mereka yang ahli atau pakar dalam pelaksanaan sesuatu bidang tersebut. Oleh itu, perbicaraan tentang nilai peratusan yang dinyatakan tidak bersifat wajar digunakan kerana filosofi teknik ini adalah melihat kepada keadaan sebenar yang berlaku pada konteks kajian. Berdasarkan penjelasan dan perbincangan di atas, Teknik Kumpulan Nominal (NGT) dapat disimpulkan sebagai berupaya untuk digunakan dalam proses sumbang saran dan pencetusan idea terhadap sesuatu isu sama ada dalam pembinaan sesuatu produk mahupun penilaian sesuatu produk. Teknik ini jelas membuktikan bahawa ia juga mampu digunakan untuk mengukur sesuatu produk yang telah dibangunkan. Hujah ini adalah bersamaan dengan kajian Dobbie et al. (2004) yang telah menjalankan kajian penilaian terhadap kurikulum dengan menggunakan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) yang telah diubahsuai kepada beberapa langkah untuk melihat kebolehgunaan kurikulum tersebut. Dalam kajian tersebut, Dobbie et al. (2004) mengaplikasikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengiktirafan yang diterima melalui anugerah inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi Modul Pengajaran SMART-KQ telah mengukuhkan kesahan dalaman dan luaran modul tersebut. Pencapaian ini membuktikan bahawa modul ini bukan sahaja memenuhi piawaian pembangunan yang ditetapkan oleh pakar dalam bidang pendidikan bahasa Arab dan hafazan al-Quran, malah ia turut diiktiraf sebagai inovasi yang memberi impak positif kepada komuniti pendidikan. Anugerah-anugerah yang diterima mengesahkan keberkesanan pendekatan visual yang digunakan dalam modul ini, sekaligus menyokong dapatan kajian Richey dan Klein (2007) serta Fraenkel et al. (2012) tentang kepentingan kesahan dalaman dan luaran dalam pembangunan produk inovasi pendidikan.

2.10 Rumusan

Kajian kepustakaan merupakan aspek yang penting dalam pembangunan sesuatu penyelidikan bersifat empirikal. Bab ini memberikan landasan kefahaman yang kukuh dan mendalam mengenai perkembangan terkini dalam bidang penyelidikan. Dalam penyelidikan ini, kita telah menjelajahi beberapa aspek kunci yang merangkumi analisis literatur terkini, perbandingan kajian kritikal, teori dan konsep utama, serta isu-isu kritis yang perlu diselesaikan. Bab kajian kepustakaan juga telah menghuraikan teori dan konsep utama yang membentuk landasan teoritikal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidikan ini. Dengan memahami konsep-konsep ini, tentunya kita akan dapat melihat hubungan yang jelas antara penyelidikan ini dengan aspek teoretikal penyelidikan dan memberikan kesedaran tentang pentingnya penyelidikan ini dalam konteks ilmiah yang lebih luas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada bab ini, akan diperhalusi perbincangan berkaitan kaedah penyelidikan yang akan digunakan oleh pengkaji bagi menjalankan kajian ini. Kajian ini adalah berkaitan reka bentuk kajian yang mempunyai kerangka metodologi dan reka bentuk modul. Dalam bab ini juga, pengkaji akan menerangkan tentang fasa yang terlibat dengan kajian ini iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan, dan fasa kebolehgunaan. Pada setiap fasa, pengkaji akan memperincikan berkaitan metode yang akan digunakan bagi menjadikan kajian ini bersifat empirikal serta hasilnya bersifat ilmiah. Sehubungan itu, akan disertakan dalam bab ini berkenaan hal berkaitan prosedur pemilihan responden, proses pengumpulan data dan prosedur penganalisisan data serta diakhiri dengan rumusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian reka bentuk dan pembangunan (DDR) yang akan digunakan dalam menghasilkan kajian ini. Dalam konteks ini, sebuah modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar yang memfokuskan kepada elemen pengajaran hafazan al-Quran di tadika Islam akan digunakan. Menurut Richey dan Klein (2007) kajian pembangunan merupakan satu penyelidikan yang merangkumi proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian sesuatu produk secara sistematik. Justeru, kajian ini dijalankan dengan melalui tiga fasa utama iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan modul, dan fasa penilaian kebolehgunaan modul berdasarkan ciri-ciri kajian pembangunan (Akker et al., 2013).

Fasa analisis keperluan melibatkan kajian literatur, soal selidik dan temu bual pakar untuk mengenal pasti masalah, keperluan dan ciri-ciri modul yang diperlukan. Seterusnya, fasa reka bentuk dan pembangunan modul dijalankan dengan mengintegrasikan dapatan analisis keperluan dengan input pakar menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi.* Akhir sekali, satu set modul dihasilkan dan dinilai tahap kebolehgunaannya oleh pakar sasaran menggunakan kaedah teknik kumpulan norminal (NGT). Ketiga-tiga fasa ini dilaksanakan secara sistematik dengan menggunakan pendekatan kajian secara metod campuran. Berikut menunjukkan kaedah penganalisisan data kajian ini seperti **Jadual 3.1** tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Butiran Penganalisisan Data Kajian Berdasarkan Reka bentuk dan Pembangunan Modul (DDR)

Fasa	Kaedah
Fasa 1: Analisis keperluan	-Kajian literatur -Soal selidik (melihat skor min dan peratus) -Temu bual pakar (separa berstruktur dan tematik)
Fasa 2: Reka bentuk dan pembangunan	- Kajian Literatur - Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) - Pakar
Fasa 3: Penilaian kebolehgunaan modul	-Teknik Kumpulan Nominal (NGT) -Pakar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.1 Kerangka Metodologi Kajian


Menurut Chua (2011) metodologi ialah kaedah dan teknik sesuatu pengetahuan berkaitan fenomena sosial diperoleh. Justeru, hal ini bagi memantapkan lagi kajian ini agar menjadi lebih tersusun dan teratur. **Rajah 3.1** dibina bagi menunjukkan susun galur kajian menggunakan kaedah pendekatan Reka bentuk dan Pembangunan Modul (DDR) yang dibahagikan kepada tiga fasa seperti yang dinyatakan pada rajah di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.1

Kerangka metodologi kajian



3.3 Fasa Pertama: Analisis Keperluan

Fasa analisis keperluan merupakan fasa bagi menilai keperluan kepada pembangunan Modul SMART-KQ. Pada bahagian ini kaedah soal selidik dan temu bual pakar digunakan. Responden soal selidik yang terlibat adalah terdiri daripada 214 guru tadika yang terlibat dengan proses pengajaran kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran di Tadika Islam Malaysia. Manakala pakar yang terlibat sebagai responden temu bual pula terdiri daripada lima orang guru tadika yang memenuhi kelayakan sebagai pakar serta pensyarah bidang bahasa Arab dan juga pendidikan awal kanak-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak. Dalam fasa ini juga, akan menentukan kepada keperluan untuk membangunkan modul pengajaran SMART-KQ.

Justeru, analisis keperluan merupakan satu fasa yang amat penting dalam proses pembangunan modul menggunakan pendekatan reka bentuk. Fasa ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan dan kehendak pengguna sasaran terhadap modul yang bakal dibangunkan (Pressman, 2005). Selain itu, analisis keperluan juga membantu menentukan skop dan batasan pembangunan modul, mengenal pasti sumber dan kekangan yang terlibat, serta menghasilkan spesifikasi reka bentuk yang terperinci (Sommerville, 2011). Melalui analisis keperluan yang teliti, risiko kegagalan projek pembangunan modul dapat dikurangkan memandangkan keperluan sebenar pengguna telah diambil kira sebelum memulakan proses pembangunan (Leffingwell & Widrig, 2003). Oleh yang demikian, analisis keperluan merupakan satu fasa yang kritikal untuk memastikan modul yang dibangunkan memenuhi kehendak dan keperluan pengguna sasaran serta meningkatkan daya penerimaan dan keberkesanan modul tersebut.

3.3.1 Kaedah Soal Selidik

Pembentukan item dalam borang soal selidik telah mengambil kira tujuan sebenar item tersebut dibina bersandarkan kepada objektif dalam kajian ini. Lantaran itu, instrumen soal selidik analisis keperluan (Rujuk Lampiran A), terdapat lima bahagian utama di dalamnya iaitu Bahagian A yang merujuk kepada maklumat demografi responden. Manakala bahagian B merujuk kepada keperluan terhadap pembangunan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

modul pengajaran SMART-KQ. Selanjutnya, Bahagian C adalah berkaitan dengan kaedah hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar sebagai faktor memudahkan pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Bahagian D adalah melibatkan reka bentuk modul pengajaran SMART-KQ. Seterusnya, bahagian terakhir ialah Bahagian E yang merujuk kepada kesediaan guru dalam proses pengajaran bahasa Arab di tadika. Penghasilan setiap elemen soal selidik adalah berdasarkan adaptasi daripada kajian lepas.

Penghasilan setiap elemen dalam soal selidik ini melibatkan item-item yang diadaptasi daripada soal selidik dalam kajian Mohd Fauzi et al. (2020). Manakala bagi menguatkan lagi kestabilan dan keupayaan instrumen soal selidik yang telah diadaptasi, ujian kesahan bahasa dan kandungan telah dijalankan berdasarkan kepada penilaian pakar dalam bidang yang bersesuaian dengan konteks kajian (Rujuk Lampiran G). Kesahan bahasa dan kandungan ini adalah dikategorikan dalam pendekatan kesahan rasional dengan kajian yang dijalankan adalah untuk melihat kepada keperluan rasional kajian sahaja.

Hal ini adalah berpadanan dengan pandangan Mahaliza dan Norlia (2010) yang menyatakan bahawa pendekatan kesahan rasional adalah melibatkan beberapa faktor pembinaan item itu sendiri seperti; (1) item dibina berdasarkan pemikiran dan kepercayaan serta disahkan oleh pakar dalam sesebuah kajian; (2) item dibina adalah berdasarkan teori dan merujuk kepada jangkaan tingkah laku yang dapat mentafsirkan teori yang digunakan; dan (3) item dibina adalah amat berkesan dan mempunyai kesahan yang tinggi. Penghujahan Mahaliza dan Norlia (2010) ini juga turut disokong oleh Murphy dan Davidshofer (1998) yang menyatakan bahawa terdapat tiga jenis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendekatan dalam menjalankan kesahan dalam soal selidik; (1) pendekatan kesahan rasional; (2) pendekatan kesahan empirikal; dan (3) pendekatan kesahan gabungan rasional dan empirikal. Murphy dan Davidshofer (1998) juga turut menegaskan bahawa hanya kajian yang melibatkan penilaian psikometrik sahaja yang mempunyai keperluan menggunakan pendekatan kesahan empirikal. Maka dalam konteks kajian ini, penggunaan kesahan rasional sahaja yang digunakan oleh pengkaji.

Bagi melihat ujian kebolehpercayaan *(reliability)* item pula, kajian rintis terhadap 30 orang guru tadika di Pulau Pinang yang terlibat dengan pengajaran bahasa Arab dan hafazan turut dijalankan bagi memastikan soal selidik yang digunakan mengukur dengan konsisten seperti yang telah dipaparkan dalam **Jadual 3.2** kajian rintis dengan 30 responden dianggap mencukupi untuk mendapatkan maklum balas awal dan mengenal pasti isu-isu utama. Menurut Johanson dan Brooks (2010) saiz sampel 30 responden adalah mencukupi untuk kajian rintis dalam kebanyakan penyelidikan kuantitatif. Menggunakan 30 responden untuk kajian rintis adalah pendekatan yang pragmatik dan efisien untuk menguji instrumen dan prosedur kajian sebelum melaksanakan kajian sebenar yang lebih besar. Manakala pemilihan guru tadika di Pulau Pinang yang mengajar hafazan al-Quran pula dipilih berdasarkan justifikasi bahawa mereka mempunyai kriteria yang sama dengan guru Tadika Islam seluruh Malaysia yang telah dipilih sebagai sampel kajian sebenar di Tadika Islam Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Nilai alpha cronbach bagi setiap item soal selidik analisis keperluan

Bil	Item soalan	Nilai *Alpha Cronbach*	Bil. Item
1	Keperluan terhadap pembangunan modul pengajaran SMART-KQ.	0.822	6
2	Kaedah hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar sebagai faktor memudahkan pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab.	0.909	7
3	Reka bentuk modul pengajaran SMART-KQ.	0.878	10
4	Kesediaan guru dalam proses pengajaran bahasa Arab di tadika.	0.876	5
	Keseluruhan	0.938	28

Berdasarkan kajian rintis di atas, purata keseluruhan bagi *alpha cronbach* yang diperoleh ialah 0.938. Manakala nilai *alpha cronbach* bagi setiap bahagian yang diperoleh lebih daripada 0.5. Menurut pendapat Julie (2011) sekiranya pekali kebolehpercayaan tersebut lebih daripada 0.5 bagi setiap bahagian yang kurang daripada 10 soalan boleh dianggap instrumen yang digunakan dalam kajian mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan item tersebut boleh digunakan. Oleh itu, instrumen yang dibina mempunyai autoriti dan boleh digunakan untuk diedarkan kepada sampel sebenar. Walaupun keputusan menunjukkan nilai *alpha cronbach* untuk item soalan berada di tahap tinggi dan boleh ditadbir sepenuhnya, proses penelitian bagi penambahbaikan tetap dibuat dengan melaporkan kepada penyelia untuk meminta pandangan bagi proses penambahbaikan. Hasilnya, susunan kepada item soalan disemak kembali dan disusun mengikut keperluan agar tidak timbul sebarang kekeliruan semasa menjawab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika disoroti kembali, penggunaan kajian rintis juga mampu mengelakkan daripada pengkaji memperoleh maklumat yang terlalu sedikit atau tidak memberi maklumat langsung (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2019). Mohd Najib (2003) pula menegaskan bahawa kajian rintis adalah salah satu aktiviti yang paling penting bagi setiap kajian tinjauan kerana kajian rintis juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik dalam mentadbir dan menginterpretasikan instrumen dan mengenal sampel serta kesesuaian kaedah analisis. Responden kajian dikehendaki untuk menyatakan tahap persetujuan mereka berdasarkan skala likert lima mata seperti di dalam **Jadual 3.3** yang dinyatakan.

Jadual 3.3

Tahap persetujuan bagi skala likert 5 mata

Kod	Skala
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Neutral
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Berkenaan dengan proses penganalisisan data bagi fasa analisis keperluan ini, pengkaji telah menganalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social versi Science* (SPSS) 21.0 bagi mendapatkan nilai skor min dan sisihan piawai. Keputusan data yang dianalisis ini adalah berfungsi untuk menunjukkan bahawa terdapat kewajaran dalam membangunkan modul pengajaran SMART-KQ bagi meningkatkan kosa kata bahasa Arab murid di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.2 Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual merupakan kaedah kualitatif yang digunakan bagi mengenal pasti elemen reka bentuk modul hafazan al-Quran (Creswell, 2014; Chua, 2011; Noraini Idris, 2010) yang telah digunakan dalam kajian ini. Kahn dan Cannell (Marshall & Rossman, 1957) mendefinisikan temu bual sebagai perbualan dengan bertujuan (*conversation with a purpose*). Tujuan utama temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat yang khusus. Mengikut Patton (1990: 196) pengkaji hendaklah mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang.

Temu bual perlu apabila kita tidak boleh memerhati perlakuan, perasaan atau bagaimana manusia mentafsir dunia sekeliling mereka, juga apabila kita berminat untuk mengetahui peristiwa lalu yang sukar untuk ditiru semula. Teknik temu bual mempunyai beberapa kelebihan. Antaranya dari segi keanjalan penemu bual menyelidik dan menentukan isu yang perlu diteroka secara mendalam. Selain itu, penemu bual bebas mengemukakan soalan baharu yang tidak dirancang semasa penyediaan protokol temu bual (Patton, 2002). Robson (2011) pula mendakwa teknik temu bual mempunyai potensi untuk menghasilkan bahan yang kaya dan menyerlah.

Temu bual mempunyai kelebihan dari segi memperoleh dan menerokai pengalaman orang lain dan dapat menghasil data yang unik (Patton, 2002). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Kaedah ini dilaksanakan dengan menyediakan set arahan yang jelas dan menjadikan data kualitatif lebih reliable (Cohen & Crabtree, 2006). Data yang diperoleh melalui teknik ini dipercayai mampu menonjolkan perkara yang tersimpan dalam fikiran responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik ini juga amat berkesan untuk meninjau persepsi seseorang, termasuklah pemikiran, sikap, nilai dan pendapat.

Selain itu, bagi menguatkan lagi kestabilan dan keupayaan soalan yang bakal diajukan kepada pakar, ujian kesahan bahasa dan kandungan telah dijalankan terhadap skrip soalan temu bual tersebut berdasarkan kepada penilaian pakar dalam bidang yang bersesuaian dengan konteks soalan (Rujuk Lampiran H) .

3.3.2.1 Justifikasi Pemilihan Kaedah Temu Bual

Pengkaji memilih temu bual sebagai salah satu daripada kaedah pengumpulan data bagi menyokong hasil dapatan kajian daripada kajian tinjauan menggunakan kaedah soal selidik yang dijalankan. Hal ini adalah berasaskan kepada jenis maklumat yang diperlukan dalam kajian yang memerlukan data tentang pandangan, pengalaman, permasalahan serta untuk mendapatkan maklum balas dan pendapat terhadap elemen yang perlu ada dalam modul hafazan al-Quran berdasarkan objektif kajian.

Menurut Patton (1980) terdapat tiga jenis teknik temu bual iaitu temu bual formal, temu bual tidak formal dan temu bual terbuka. Merriam (1998) juga menyatakan terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan tidak berstruktur. Dalam kajian ini, pengkaji memilih kaedah temu bual separa berstruktur. Temu bual terbuka ini akan dijalankan pada awal kajian untuk mendapatkan gambaran awal tentang pandangan, kemahiran, pengetahuan sedia ada tentang modul hafazan dan keperluan membangunkan modul hafazan. Kaedah temu bual soalan terbuka *(open-ended questions)* juga akan digunakan dalam mendapatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pandangan mereka yang terlibat. Menurut Creswell (2005) “In qualitative research, you ask open-ended questions so that participants can best voice their experiences unconstrained by any perspectives of the researcher or past research findings”(p. 214).

Selain temu bual terbuka, pengkaji juga menggunakan temu bual semistruktur yang pada asasnya juga menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka atau tidak berstruktur dengan ciri-ciri mengarah dan seragam temu bual berstruktur. Pengkaji akan menyediakan terlebih dahulu soalan dalam temu bual semi struktur tetapi jawapan kepada soalan tersebut adalah terbuka. Justeru, temu bual jenis ini amat sesuai untuk pengkaji meneroka kefahaman, permasalahan dan pandangan dalam mereka bentuk modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar ini. Selain itu, temu bual yang dilakukan juga membantu pengkaji menganalisis teknik pelaksanaan modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar dalam meningkatkan kosa kata bahasa Arab di tadika.

Temu bual dalam kajian ini dijalankan terhadap guru tadika dan pensyarah yang terlibat dengan pengajaran bahasa Arab, hafazan al-Quran dan pendidikan awal kanak-kanak. Temu bual dilaksanakan dengan menggunakan alat perakam bagi mengelakkan berlaku keciciran maklumat jika pengkaji tidak sempat untuk mencatat jawapan semasa temu bual dijalankan (Marohaini Yusoff, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.2.2 Kelemahan Kaedah Temu Bual

Menurut Robson (2011) antara kelemahan kaedah temu bual adalah kurangnya piawaian yang memberi kesan terhadap persoalan kebolehpercayaan. Selain itu, Robson menambah adalah sukar untuk mengelak temu bual yang berat sebelah atau cenderung kepada isu tertentu. Justeru, bagi mengatasi masalah ini, Patton (2002) mencadangkan penggabungan kedua-dua jenis temu bual terbuka dan separuh berstruktur. Di samping itu, bagi mengelak temu bual tersebut melencong dari konteks kajian, pengkaji perlu menyediakan senarai soalan umum berdasarkan isu yang hendak diterokai (Patton, 2002).

3.3.3 Prosedur Pemilihan Responden Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan pada fasa pertama ini adalah menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan seramai 214 orang guru di 214 buah tadika yang terlibat dalam pengajaran hafazan al-Quran dan bahasa Arab di tadika. Pemilihan responden yang dilakukan adalah melibatkan populasi keseluruhan tadika yang berada di laman sesawang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia merangkumi tadika Islam yang berada di semua negeri di Malaysia iaitu sebanyak 477 buah. Semua Tadika ini ialah tadika yang berdaftar di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah Akta Pendidikan 1996 yang merupakan syarat yang ditetapkan bagi pembukaan sesebuah premis tadika. Walau bagaimanapun, pengkaji memilih untuk menggunakan data yang terdapat di laman sesawang milik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia kerana sampel bagi kajian ini sudah pasti telah mendaftar di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan memenuhi kriteria dalam kajian ini yang mempunyai kelas berkaitan hafazan al-Quran dan bahasa Arab. Selain itu surat kelulusan kebenaran menggunkan data tersebut telah diperolehi terlebih dahulu sebelum gerak kerja penelitian data dilakukan (Rujuk Lampiran K).

Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan kluster (rujuk **Rajah 3.2**). Jumlah *sampel* ini merujuk kepada Krejcie dan Morgan (1970) dan jadual Cohen dan Crabtree (2006). Ketika menentukan jumlah sampel untuk Zon Selatan yang terdiri daripada 57 orang, pembahagian sampel dilakukan berdasarkan jumlah tadika yang terdapat di setiap negeri dalam zon tersebut. Johor memiliki 18 tadika, manakala Melaka mempunyai 71 tadika. Dengan menggunakan perbandingan jumlah tadika, Johor akan menyumbang sebahagian kecil daripada 57 orang sampel, sementara Melaka akan menyumbang sebahagian besar.

Pengiraan yang digunakan adalah:

a) Johor: 18 tadika / (18 + 71) = 0.202 x 57 orang = 11.5 orang (dibulatkan ke 12 orang)
b) Melaka: 71 tadika / (18 + 71) = 0.798 x 57 orang = 45.5 orang (dibulatkan ke 45 orang)


Oleh itu, sampel 57 orang dari Zon Selatan akan terdiri daripada 12 orang dari Johor dan 45 orang dari Melaka. Selain itu, terdapat kaedah undian rawak mudah yang boleh digunakan untuk memilih negeri secara rawak. Dalam kaedah ini, setiap negeri dalam sesebuah zon mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Nama-nama negeri diletakkan dalam satu bekas dan dipilih secara rawak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.2

Pemilihan Sampel Kajian



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, menerusi kajian ini lima orang pakar telah dipilih bagi menjawab soalan temu bual. Penentuan bilangan pakar bagi subfasa yang menggunakan kaedah temu bual tidak menjadi isu dalam kajian kualitatif kerana tiada satu peraturan khusus yang boleh diguna bagi menentukan saiz sampel temu bual (Patton, 2002; Connaway & Powell, 2010). Sebagai contoh, Priftis dan Oppenheim (1999) menemu bual 23 responden dan Rabina (2001) tujuh responden. Manakala Kulkarni (1999); Forrest (2006) dan Noriah Ismail et al. (2008) masing-masing menemu bual 15, 10 dan 3 orang responden.

Patton (2002) menjelaskan dengan batasan masa dan sumber, suatu kajian boleh memilih untuk mengkaji set pengalaman yang khusus bagi bilangan orang yang ramai atau kajian yang terbuka julat pengalamannya dengan bilangan orang yang sedikit. Justeru, menentu saiz sampel responden bukanlah satu keperluan kerana tujuan kajian kualitatif adalah untuk memahami dan bukan membuat generalisasi. Kajian bagi subfasa ini memilih untuk menemu bual responden yang sedikit tetapi dijangka dapat memberikan maklumat yang terperinci dan mendalam. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan bertujuan bagi mendapatkan maklumat dan pandangan pakar yang dilantik bagi mengetahui keperluan kepada pembangunan modul pengajaran SMART-KQ.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.4 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data merujuk kepada penggunaan pelbagai strategi bagi mengumpul data untuk mencapai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi (Bell & Bryman, 2007). Bagi Wolcott (2009), kaedah pengumpulan data kajian atau kaedah kajian merujuk kepada prinsip yang mendasari sesuatu persoalan dan tidak hanya merujuk kepada kaedah yang khusus sahaja. Robson (2011) menyatakan bahawa pemilihan kaedah kajian adalah berdasarkan kepada jenis maklumat yang hendak dicari, daripada siapa maklumat tersebut diperoleh dan dalam keadaan apa ia dipilih.

Pada bahagian ini adalah merupakan bahagian yang menjelaskan tentang proses pengumpulan data. Pengkaji telah membahagikan proses pengumpulan data mengikut fasa-fasa yang telah dirancang dalam kajian ini. Instrumen soal selidik digunakan bagi fasa pertama analisis keperluan. Item-item yang terkandung dalam soal selidik ini adalah berdasarkan kajian literatur dan diadaptasi daripada soal selidik yang sudah teruji keupayaannya dalam mengukur sesuatu isu dalam kajian.

Selain itu, perlu bagi sebarang penyelidikan yang melibatkan manusia untuk mendapatkan kelulusan Etika Penyelidikan (Rujuk Lampiran E). Ini bertujuan untuk melindungi hak dan kebajikan peserta kajian, serta memastikan penyelidikan dijalankan dengan cara yang beretika dan menghormati privasi serta kerahsiaan mereka (Pusat Pengurusan Penyelidikan, Institut Pengajian Tinggi dan Komuniti [RMIC], Universiti Pendidikan Sultan Idris [UPSI], n.d.). Kelulusan Etika Penyelidikan turut diperlukan walaupun penyelidikan tidak melibatkan manusia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara langsung sebagai sampel, tetapi melibatkan interaksi atau intervensi terhadap manusia seperti temu bual, eksperimen, atau aktiviti lain. Ini bagi memastikan keselamatan dan kerahsiaan peserta terjamin (RMIC, UPSI, n.d.).

Kelulusan Etika Penyelidikan juga diperlukan sekiranya penyelidikan melibatkan penggunaan data atau maklumat yang berkaitan dengan kerahsiaan dan identiti individu, walaupun tidak melibatkan interaksi langsung dengan manusia (RMIC, UPSI, n.d.). Langkah ini diambil bagi melindungi privasi dan kerahsiaan maklumat tersebut. Dengan mematuhi prosedur kelulusan Etika Penyelidikan, penyelidik dapat memastikan penyelidikan mereka dijalankan dengan cara yang beretika, sah, dan menghormati hak serta kebajikan semua pihak yang terlibat.

Menerusi kajian pada fasa ini terdapat lima konstruk utama dalam borang soal selidik telah dibina. Bahagian A merujuk kepada demografi responden, manakala bahagian B merujuk kepada keperluan terhadap pembangunan modul pengajaran SMART-KQ. Selanjutnya bahagian C adalah berkaitan dengan kaedah hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar sebagai faktor memudahkan pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Manakala bahagian D pula berkaitan dengan reka bentuk modul pengajaran SMART-KQ dan bahagian terakhir, bahagian E pula berkaitan kesediaan guru dalam proses pengajaran bahasa Arab di tadika. Penghasilan kepada setiap item borang soal selidik ini adalah berdasarkan proses adaptasi daripada kajian lepas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesahan pakar terhadap instrumen soal selidik ini dijalankan oleh pakar berkaitan bidang bagi kesahan bahasa dan kandungan. Kesahan bahasa dan kandungan ini adalah dikategorikan dalam pendekatan kesahan rasional dengan kajian yang dijalankan adalah untuk melihat kepada keperluan rasional sahaja. Kajian rintis pula dijalankan terhadap 30 orang responden kajian yang terdiri daripada sampel kajian sebenar untuk menguji kebolehpercayaan instrumen kajian dan mengukur apa yang hendak diukur. Jika diteliti daripada kajian lepas, didapati penggunaan kajian rintis dapat mengelakkan daripada pengkaji mendapat maklumat yang terlalu sedikit atau tidak memberi maklumat langsung (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2019).

Seterusnya, borang soal selidik diedar kepada responden yang telah ditentukan melalui proses persampelan yang jitu. Pengkaji mengambil inisiatif menganjurkan bengkel perlatihan hafazan al-Quran kepada guru tadika di setiap negeri yang ditetapkan. Peluang berkumpulnya guru-guru tadika tersebut digunakan oleh pengkaji bagi memohon setiap peserta yang berkenaan menjawab borang soal selidik yang dibangunkan.

Manakala proses pengumpulan data kaedah temu bual pula melibatkan pertemuan secara individu antara pengkaji dengan pakar yang melibatkan pensyarah universiti. Manakala yang melibatkan pakar daripada kalangan guru tadika pula pengkaji telah menganjurkan program pembengkelan bagi menjemput guru-guru tadika untuk berkongsi pengalaman berkaitan program tahfiz. Daripada pertemuan pembengkelan tersebut, pengkaji telah memilih guru tadika yang memenuhi syarat kelayakan sebagai pakar bagi dijadikan responden dalam kajian ini. Selain itu, semua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

responden yang dipilih, terlebih dahulu akan menerima surat lantikan pakar daripada pihak universiti (Rujuk Lampiran F).

3.3.5 Prosedur Penganalisisan Data

Kajian ini melalui proses penganalisisan data dalam setiap fasa, data yang dikumpul melalui proses pengekodan dan penyaringan. Penyaringan data dijalankan untuk memastikan data yang dianalisis adalah tepat, bertabur secara normal, *missing value* (data hilang atau tiada) dan *outliers* (nilai ekstrem) dapat dikawal agar tidak menjejaskan dapatan kajian (Coakes et al., 2009).

Proses analisis data pada bahagian ini adalah menggunakan perisian *Statistical Package for Social versi Science* (SPSS) 21.0. Penganalisisan data dibuat adalah berdasarkan kepada statistik deskriptif yang melihat kepada kekerapan, peratusan, skor min dan juga sisihan piawai. Menurut Uma Sekaran (2000) menyatakan bahawa statitistik deskriptif dapat digunakan untuk menjelaskan sesuatu fenomena ataupun situasi yang sedang berlaku. Hasil dapatan kajian ini telah mencapai objektif kajian yang ditetapkan.

Keputusan data yang dianalisis ini adalah berfungsi untuk menunjukkan bahawa terdapat kewajaran dalam membangunkan modul pengajaran SMART-KQ di Tadika Islam Malaysia. Manakala penganalisisan data temu bual pula adalah melibatkan pendekatan kaedah temu bual pakar bagi menyokong dapatan data soal selidik. Selain itu, tujuan temu bual juga adalah bagi mengenal pasti item utama yang perlu ada dalam modul pengajaran SMART-KQ.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada peringkat awal sebelum data dianalisis, data yang telah dikumpulkan perlu ditranskripsikan ke dalam bentuk teks yang tersusun. Ini adalah proses data mentah dari nota lapangan ditukar kepada bentuk 'tulisan' yang boleh dibaca, disunting, dikomen, dikod dan seterusnya dianalisis (Miles et al., 2018). Seterusnya, data diproses dengan mengimbas dan membandingkan untuk mencari persepsi yang sama atau berbeza. Sebarang maklumat yang kurang jelas atau corak penemuan abstrak yang berulang turut dicatat (Merriam & Tisdell, 2015). Seterusnya, perisian komputer ATLAS.ti22 telah digunakan dalam menganalisis data secara induktif iaitu dengan mentafsirkan data mentah yang khusus kepada satu kesimpulan (Merriam & Grenier, 2019) bagi menjawab persoalan kajian dan memenuhi tujuan kajian ini.

3.4 Fasa Kedua: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Fasa reka bentuk dan pembangunan modul adalah suatu fasa yang penting dalam kajian ini secara umumnya. Menurut Akker et al. (2006) menegaskan bahawa terdapat tiga motif mengapa fasa ini sangat penting, yang pertama adalah kerana setiap modul, kurikulum dan sebagainya yang dibangunkan adalah berkait rapat dengan bidang pendidikan. Kedua, pembangunan dan pembinaan sesuatu produk mempunyai nilai ilmiah dan sangat berkait rapat dengan bidang pendidikan dan melalui teori yang boleh disandarkan. Manakala yang ketiga, pembangunan dan reka bentuk sesuatu produk dapat memperkukuh serta memperkembang amalan pengajaran dan pembelajaran. **Rajah 3.3** memaparkan reka bentuk dan pembangunan modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab berdasarkan pendekatan yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.3

Reka bentuk dan pembangunan modul berdasarkan model pengajaran SMART-KQ



Merujuk kepada **Rajah 3.3** di atas, ia menunjukkan proses yang akan dijalankan sepanjang mendapatkan data bagi menjawab persoalan kajian dalam fasa reka bentuk dan pembangunan. Pada fasa ini, pengkaji telah membahagikan kepada dua subfasa. Subfasa pertama merujuk kepada reka bentuk dan subfasa kedua merujuk kepada pembangunan bagi modul pengajaran kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada subfasa reka bentuk merujuk kepada pendekatan yang digunakan bagi pemilihan konstruk utama untuk pembentukan idea membangunkan modul pengajaran SMART-KQ berasaskan warna dan gambar. Kaedah yang digunakan ini adalah merujuk kepada dapatan soal selidik serta temu bual yang akan memberikan maklumat secara mendalam apabila soalan temu bual ditujukan kepada pakar yang terlibat dalam sesi temu bual tersebut. Oleh yang demikian, pemilihan pakar adalah sangat penting bagi memastikan jawapan yang diberikan adalah dapat menjawab persoalan kajian. Selain itu, kaedah kajian literatur juga digunakan bagi mendapatkan maklumat tambahan dalam menyokong menghasilkan konstruk utama dalam mereka bentuk modul berkualiti.

Manakala bagi subfasa pembangunan modul pula adalah melibatkan proses pembangunan modul hafazan al-Quran. Dalam subfasa ini, setiap konstruk akan melahirkan item yang akan memperincikan maksud konstruk sebenar dan disahkan oleh pakar menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM). Hal ini adalah melalui kesepakatan sekumpulan pakar bagi mengesahkannya, menilai serta menolak dan menambah setiap elemen dalam modul yang dibangunkan. Pendekatan ini juga melibatkan sekumpulan pakar dalam bidang bahasa Arab, hafazan al-Quran dan pendidikan awal kanak-kanak. **Jadual 3.4** menunjukkan penerangan ringkas tentang subfasa reka bentuk dan subfasa pembangunan yang terdapat dalam fasa dua ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Sub fasa, metod dan penerangan dalam fasa reka bentuk dan pembangunan

Bil	Subfasa	Metode	Penerangan
1	Reka Bentuk	Kajian literatur, soal selidik, temu bual dan pendekatan Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM)	Proses menghasilkan konstruk utama modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar.
2	Pembangunan	Pendekatan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)	Proses membangunkan item-item setiap konstruk serta menyusun mengikut keutamaan dan disahkan oleh sekumpulan pakar.

3.4.1 Prosedur Kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Modul

Fasa kedua kajian adalah peringkat penyelidik mereka bentuk, seterusnya membangunkan modul SMART-KQ di Tadika Islam Malaysia. Ia dilaksanakan menggunakan teknik *Fuzzy Delphi*. Berdasarkan kepada Teknik *Fuzzy Delphi*, pengkaji telah mengenal pasti pakar yang sesuai dengan bidang masing-masing. Surat jemputan rasmi kepada pakar telah dihantar dan mengandungi penerangan secara ringkas tentang kajian yang dilaksanakan (Rujuk Lampiran F). Selain itu, pakar yang terlibat ialah pensyarah peringkat Doktor Falsafah (PhD) yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang dikaji dan guru-guru tadika yang mempunyai pengalaman mengajar subjek berkaitan hafazan dan bahasa Arab.

Kesemua pakar dalam kajian ini adalah terdiri daripada mereka yang telah berkhidmat sebagai pensyarah atau guru di universiti, maktab perguruan dan Institut Darul Quran dalam bidang tahfiz, bahasa Arab atau pendidikan awal kanak-kanak serta mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun. Dalam fasa ini, pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memilih responden daripada kalangan pakar yang terdiri daripada 12 panel pakar iaitu tiga (3) pakar dalam bidang bahasa Arab, tiga (3) pakar dalam bidang tahfiz, tiga (3) pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan tiga (3) pakar lagi merupakan guru tadika yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran di tadika. Kriteria kepakaran adalah berdasarkan kepada:

a) Pensyarah Kanan dalam bidang pendidikan Bahasa Arab.

b) Pensyarah Kanan dalam bidang hafazan al-Quran.

c) Pensyarah Kanan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

d) Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang berkaitan.

e) Pensyarah atau guru yang berkhidmat melebihi 10 tahun dalam bidang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Berliner (2004) seseorang yang telah berkhidmat antara 5 hingga 10 tahun dalam sesuatu bidang boleh dikategorikan sebagai pakar memandangkan telah menjalani amalan secara konsisten. Oleh itu, kajian ini melibatkan seramai 12 orang pakar dalam kaedah *Fuzzy Delphi* selaras dengan cadangan saiz *sampel* oleh Jones dan Twiss (1978) iaitu antara 10 hingga 50 orang. Hal ini juga dipersetujui oleh Adler dan Ziglo (1996) yang menyatakan 10 hingga 15 orang pakar adalah memadai sekiranya darjah kesepakatan dan keseragaman maklum balas adalah tinggi. **Jadual 3.5** menunjukkan bilangan pakar yang terlibat dalam setiap proses reka bentuk dan pembangunan modul pengajaran SMART-KQ yang merangkumi pemilihan konstruk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

utama dan item setiap konstruk. Pemilihan pakar adalah berasaskan tahap kepakaran dan pengalaman untuk memberi maklum balas yang sahih dan boleh dipercayai.

Jadual 3.5

Sampel kajian Fasa Reka bentuk dan Pembangunan

Bil.	Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	Sampel Pakar	Instrumen Kajian	Bentuk Skala
1.	Pemilihan konstruk modul bagi mereka bentuk modul. Pemilihan item bagi setiap konstruk secara terperinci bagi pembentukan modul	12 orang pakar	Teknik Fuzzy Delphi Soal Selidik	7 skala likert

3.4.2 Instrumen Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, item-item instrumen telah diadaptasi daripada instrumen yang digunakan dalam kajian lepas oleh Mohd Khairul (2020). Menurut Hamid (2008) pengadaptasian instrumen merupakan satu proses yang umum dilakukan dalam penyelidikan untuk menjimatkan kos, masa dan tenaga dengan menggunakan semula alat ukur yang telah terbukti baik serta sesuai dengan konteks kajian semasa.

Walau bagaimanapun, penyelidik perlu membuat pengubahsuaian tertentu agar bahasa, istilah serta item relevan dengan situasi tempatan dan tujuan kajian (Creswell, 2012). Justeru, instrumen asal telah melalui proses penambahbaikan mengikut keperluan kajian sebelum diedarkan. Selain itu, ujian kesahan turut dilakukan oleh pakar bidang untuk memastikan item yang diadaptasi mempunyai ketepatan dan kebolehpercayaan yang memuaskan sebelum digunakan terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sampel kajian sebenar (Chua, 2006). Antara langkah utama pengadaptasian instrumen ialah melakukan kesahan muka dan kandungan oleh pakar (Adnan & Bakar, 2015). Menurut Abdullah dan Fatimah (2018) ujian kesahan muka dan kandungan adalah kritikal untuk memastikan item yang diadaptasi menggunakan bahasa yang mudah difahami responden dan mengukur konstruk yang ditetapkan. Input pakar dari segi kejelasan arahan, keterbacaan item dan ketetapan konsep dapat menambah baik instrumen (Rujuk Lampiran I).

Proses kesahan instrumen yang diadaptasi oleh panel pakar amat berguna untuk meningkatkan kualiti dan mendapatkan sokongan kesahan kandungan sebelum instrumen diguna pakai dalam kajian sebenar (Zamanzadeh et al., 2015). Dua set soal selidik *Fuzzy Delphi* telah direka bentuk khusus untuk kajian ini bagi mendapatkan maklum balas daripada panel pakar (Yaakob et al., 2022). Set soal selidik pertama (Rujuk Lampiran B) mengandungi senarai konstruk utama dan penerangan terperinci tentang konstruk cadangan untuk modul pengajaran SMART-KQ. Ia bertujuan memperoleh kesepakatan pakar terhadap kesesuaian konstruk utama seperti yang terkandung adalah seperti berikut:

a) Isi Kandungan .

b) Kaedah Pengajaran .

c) Protokol Pengurusan.

d) Pemilihan Warna.

e) Pemilihan Gambar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

f) Teks Surah.

g) Meningkatkan Pengukuhan.

Set kedua (Rujuk Lampiran B) pula mengandungi item-item yang dicadangkan bagi setiap konstruk utama modul untuk dinilai dan disahkan oleh pakar. Kedua-dua set soal selidik diedarkan melalui e-mel secara individu kepada setiap panel pakar yang ditentukan mengikut kepakaran tertentu. Pembangunan instrumen dibuat berasaskan dapatan kajian literatur dan temu bual pakar bagi mendapatkan data berkaitan cadangan model pengajaran (Kuo & Chen, 2008). Memandangkan pendekatan *Fuzzy Delphi* memerlukan formula matematik khusus untuk menentukan tahap kesepakatan pakar, maka borang soal selidik dipilih sebagai instrumen paling sesuai (Kaufmann & Gupta, 1988; Chen et al., 2011). Walaupun konstruk dan item telah dicadangkan oleh penyelidik, namun keputusan muktamad adalah berdasarkan kepada pengesahan panel pakar agar modul yang dihasilkan benar-benar memenuhi keperluan sasaran (Yaakob et al., 2022).

3.4.3 Analisis dan Pemprosesan Data

Pemilihan teknik *Fuzzy Delphi* dalam fasa ini adalah bertujuan mendapatkan kesepakatan pakar untuk menjadikan reka bentuk dan pembangunan modul yang dapat membantu guru di tadika secara berkesan. Justeru, dalam penggunaan teknik *Fuzzy Delphi* bagi sesuatu penyelidikan, terdapat beberapa langkah yang mesti dipatuhi agar kajian ini dianggap kajian yang empirikal. Berikut adalah turutan langkah yang perlu diikuti dalam kajian bagi fasa ini: (Mohd Ridhuan, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Langkah satu (1):

Pengkaji membangunkan soal selidik pakar yang menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* berdasarkan perkara-perkara berikut:

a. Sorotan kajian.

b. Temu bual pakar.

Proses pembentukan skrip soal selidik pakar ini merupakan proses yang sama kepada pembangunan skrip soal selidik biasa. Skala *likert* telah digunakan dalam soal selidik ini. Ia adalah berdasarkan kepada kehendak soalan kajian yang diperlukan mengikut keperluan yang perlu diukur oleh pengkaji seperti aras persetujuan, aras kesesuaian dan aras kepentingan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Langkah dua (2):

Memilih 12 orang pakar yang dilantik dan dijemput untuk menilai meliputi proses penerimaan dan penolakan bagi setiap item yang dibentuk berasaskan Langkah Satu (1) tadi. Antara kaedah yang telah dilakukan adalah seperti berikut:

a. Bersemuka secara atas talian dengan setiap pakar.

b. Pengedaran borang soal selidik melalui e-mel kepada pakar yang telah ditentukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Langkah tiga (3):

Memindahkan kesemua skala *likert* kepada bentuk dalam penomboran segi tiga fuzzy *(triangular fuzzy number)*. Hal ini melibatkan proses analisis dengan nilai skala *likert* diubah kepada skala *fuzzy* (Mohd Ridhuan et al., 2014, 2016). **Jadual 3.6** memaparkan skala fuzzy yang merangkumi pengukuran pemboleh ubah yang menunjukkan tujuh skala dalam kaedah *fuzzy delphi.*

Jadual 3.6

Aras Persetujuan dan Skala Fuzzy bagi 7 Mata

Pemboleh ubah lingustik	Skala *Fuzzy*
Sangat-sangat tidak setuju	(0.0, 0.0, 0.1)
Sangat Tidak setuju	(0.0, 0.1, 0.3)
Tidak Setuju	(0.1, 0.3, 0.5)
Tidak Pasti	(0.3, 0.5, 0.7)
Setuju	(0.5, 0.7, 0.9)
Sangat Setuju	(0.7, 0.9, 1.0)
Sangat-sangat setuju	(0.9, 1.0, 1.0)

iv. Langkah empat (4):

Setelah pengkaji berjaya dapatkan semua data dan maklumat daripada pakar, pengkaji hendaklah menukarkan semua skala *likert* kepada skala *fuzzy*. Segala data dan maklumat ini dianalisis menggunakan perisian *microsoft excel.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi setiap pakar, kaedah vertex digunakan untuk mengira jarak antara purata rij (Chen, 2000). Jarak bagi dua nombor purata fuzzy, m = (m1, m2, m3) dan setiap nombor unsur fuzzy berdasarkan pakar, n = (m1, m2, m3) dikira menggunakan rumus.

v. Langkah lima (5):

Pada pandangan Cheng & Lin (2002) jika jarak antara purata dengan data penilaian pakar adalah kurang daripada nilai *threshold* 0.2, maka semua pakar dianggap telah mencapai konsensus. Selain itu, dalam kalangan pakar m x n, jika peratusan mencapai konsensus kumpulan adalah lebih daripada 75% (Chu & Hwang, 2008; Mury & Hammons, 1995) seterusnya, pergi ke langkah lima (5). Jika data sebaliknya didapati, pusingan kedua *Fuzzy Delphi Method* perlu dilakukan atau item tersebut dibuang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Langkah enam (6):

Agregat penilaian *fuzzy* dengan:

Tujuan mengagregat nilai skor *fuzzy* adalah untuk mendapatkan kedudukan dan keutamaan item yang dikaji berdasarkan pandangan pakar.

vii. Langkah tujuh (7):

Bagi setiap pilihan alternatif, penilaian *fuzzy* Ai = (m1, m2, m3) di *defuzzication* dengan A = 1/3 * (m1 + m2 + m3). Alternatif turutan pilihan *ranking* boleh ditentukan mengikut kepada nilai Ai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.4 Prosedur Pengumpulan Data

Jadual 3.7 menerangkan tentang kaedah pengumpulan data yang dilakukan iaitu dengan menggunakan teknik *Fuzzy Delphi*.

Jadual 3.7

Kaedah Pengumpulan Data

Bil	Fasa/Peringkat	Objektif	Teknik Pengumpulan
1.	Reka Bentuk dan Pembangunan	Mereka bentuk dan membangunkan modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab di Tadika Islam Malaysia.	Teknik *Fuzzy Delphi* 12 panel pakar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data

Dalam fasa ini, penilaian terhadap kesahan dan kebolehpercayaan item dalam instrumen kajian amat dititikberatkan bagi memastikan kesesuaian konstruk utama dan item yang akan digunakan dalam pembinaan modul (Yaakob et al., 2022). Instrumen soal selidik skala tujuh mata *Fuzzy* digunakan untuk proses pengesahan oleh pakar. Seramai tiga orang pakar bidang telah dilantik sebagai panel penilai kesahan instrumen berdasarkan pengesyoran minimum tiga pakar (Makki et al., 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maklum balas, komen dan cadangan pembetulan pakar terhadap ayat dan item yang tidak jelas atau mengelirukan telah diambil kira sepenuhnya sebelum instrumen diguna pakai dalam kajian (Yaakob et al., 2022). Hal ini bagi memastikan ketepatan dan kesahan kandungan berdasarkan konstruk atau domain yang dikaji. Menurut Cresswell (2008); dan Chua (2006) penentuan kesahan kandungan melibatkan pengesahan pakar terhadap kesesuaian item dan persoalan dalam sesuatu instrumen penyelidikan yang merangkumi bidang pengkajian.

3.4.6 Prosedur Pemilihan Responden Kajian

Dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul, kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan *Fuzzy Delphi* (FDM). Dalam Fasa ini akan melibatkan seramai 12 orang pakar yang dipilih. Manakala pertemuan dengan pakar adalah dijalankan secara secara atas talian.

Kaedah pemilihan jumlah pakar bagi fasa ini menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) adalah seramai 12 orang pakar. Hal ini adalah berdasarkan kepada pandangan Adler dan Ziglio (1996) yang menegaskan bahawa bilangan pakar bagi teknik Delphi adalah seramai 10 hingga 15 orang sekiranya pakar mampu untuk mendapat kesepakatan yang tinggi antara satu sama lain. Namun begitu, terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa bilangan pakar yang minimum bagi teknik *Delphi* adalah seramai lima orang pakar (Rosnaini, 2006). Hal ini adalah berpadanan dengan hujah Rowe dan Wright (2001) bahawa bilangan pakar boleh bermula daripada 5 hingga 20 orang berdasarkan bidang kepakaran mereka. Jones dan Twiss (1978) pula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mencadangkan bilangan pakar yang terlibat dalam pendekatan kaedah Delphi adalah seramai 10 hingga 50 orang pakar.

Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan bertujuan bagi mendapatkan maklumat dan pandangan pakar bagi mereka bentuk modul pengajaran SMART-KQ. Kriteria dan ciri-ciri pakar yang menjadi subjek kajian ini adalah amat berpadanan dengan konteks kajian kerana melibatkan pakar dalam bidang hafazan al-Quran, pakar dalam bidang bahasa Arab, dan pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Pemilihan ini juga adalah bersandarkan kepada Berliner (2004a; 2004b) yang berhujah bahawa pakar adalah kompeten sekiranya mereka telah terlibat dalam sesuatu bidang secara konsisten melebihi tempoh 5 tahun. Manakala terdapat sekumpulan sarjana menegaskan bahawa pakar ialah mereka yang sangat mahir dan berpengalaman dalam bidang yang dikaji (Swanson & Falkman, 1997; Dalkey & Helmet, 1963).

Maka berdasarkan kepada perbincangan tentang pemilihan pakar bagi fasa reka bentuk dan pembangunan modul ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa kriteria yang diambil sebagai pakar dan kriterianya adalah seperti berikut:

i. Pensyarah kanan dalam bidang bahasa Arab yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah (PhD) dan merupakan pensyarah yang memiliki pengalaman mengajar melebihi 5 tahun dari universiti atau institusi pendidikan tempatan.

ii. Pensyarah kanan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah (PhD) dan merupakan pensyarah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang memiliki pengalaman mengajar melebihi 5 tahun dari universiti atau institusi pendidikan tempatan.

iii. Pensyarah kanan dalam bidang tahfiz yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah (PhD) dan merupakan pensyarah yang memiliki pengalaman mengajar melebihi 5 tahun dari universiti atau institusi pendidikan tempatan.

iv. Pensyarah kanan dari universiti dan Darul Quran JAKIM, berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang tahfiz dan mempunyai kepakaran dalam bidang hafazan al-Quran.

v. Guru tadika yang memiliki pengalaman mengajar bidang hafazan al-Quran di tadika dan mempunyai pengalaman mengajar bidang berkaitan melebihi 10 tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.7 Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dalam fasa ini adalah bermula dengan permohonan kelulusan Etika Penyelidikan dari Pusat Pengurusan Penyelidikan, UPSI. Setelah kelulusan diperolehi barulah proses penghantaran email soal selidik pakar yang telah siap dibina dilaksanakan dengan teratur. Menurut Wright (2005) pengedaran borang soal selidik melalui e-mel kepada responden sasaran memberi banyak kelebihan berbanding pendekatan konvensional. Antara prosedurnya termasuklah memuat naik soal selidik dalam format seperti *Google Forms*, diikuti penyediaan surat jemputan rasmi yang dikeluarkan oleh pihak UPSI. Surat jemputan rasmi dan lampiran borang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fuzzy Delphi diedarkan melalui e-mel kepada pakar yang dipilih. (Granello & Wheaton, 2004).

Seterusnya, penyelidik membuat peringatan selepas lima hingga tujuh hari kepada mereka yang masih belum memberi sebarang maklum balas. Tempoh masa yang mencukupi iaitu dua hingga empat minggu perlu diberikan agar responden dapat melengkapkan borang soal selidik tersebut tanpa rasa tergesa-gesa (Lin & Van Ryzin, 2014). Akhir sekali, penghargaan diemelkan kepada responden selepas tarikh tutup menjawab borang kajian. Keseluruhan data yang terkumpul secara dalam talian kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel (Wright, 2005; Lin & Van Ryzin, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.8 Prosedur Penganalisaan Data

Dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul, penganalisisan data melibatkan pendekatan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM). Kaedah ini digunakan untuk mengenal pasti, menilai, dan mengesahkan kesemua konstruk utama serta item bagi setiap konstruk modul pengajaran SMART-KQ. Proses ini berdasarkan tiga syarat kesepakatan pakar Ridhuan dan Nurulrabihah (2020):

a. Nilai *threshold* (d).

b. Peratus kesepakatan pakar.

c. Nilai skor fuzzy (A).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesemua data tersebut dianalisis menggunakan formula analisis data *Microsoft Excel.* Pendekatan ini memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dalam proses penganalisisan data untuk pembangunan modul yang efektif. Pendekatan ini membolehkan pengkaji:

a) Mengenal pasti konstruk utama yang perlu dimasukkan dalam modul.

b) Menilai kesesuaian setiap item dalam konstruk tersebut.

c) Mengesahkan kandungan keseluruhan modul pengajaran SMART-KQ.

Melalui prosedur penganalisisan data yang sistematik ini, pengkaji dapat memastikan pembangunan modul yang efektif dan memenuhi standard yang ditetapkan oleh pakar dalam bidang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Fasa Ketiga: Penilaian dan Kebolehgunaan Modul

Umumnya, diketahui bahawa kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk dan membangunkan modul kurikulum kosa kata bahasa Arab menerusi pengajaran hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar (Mack & Sharples, 2009). Modul ini dihasilkan sebagai panduan kepada guru Pendidikan Islam dalam membimbing pembelajaran kosa kata Arab murid tadika. Justeru, modul yang dihasilkan perlu dinilai kebolehgunaannya mengikut pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan (DDR) (Millano & Ullius, 1998).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebolehgunaan ditakrifkan sebagai pengukuran terhadap keupayaan sesuatu produk untuk digunakan dengan berkesan oleh sasaran pengguna yang dikenal pasti (Jeng & Tzeng, 2012). Ia merangkumi aspek keberkesanan, kecekapan dan kepuasan pengguna bergantung kepada jenis produk. Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan penilaian kepada aspek kepuasan iaitu pandangan pakar daripada kalangan guru Pendidikan Islam di tadika terhadap kebolehgunaan modul SMART-KQ yang dibangunkan untuk membantu pengajaran bahasa Arab melalui hafazan dengan memanfaatkan unsur warna dan gambar.

Instrumen kajian mengambil bentuk soal selidik yang telah melalui proses pengesahan kandungan oleh tiga orang pakar bahasa dan kandungan (Rujuk Lampiran J). Seramai 23 orang guru tadika yang dikategorikan sebagai pakar dengan pengalaman melebihi 5 tahun menilai modul menerusi undian menggunakan borang soal selidik kebolehgunaan (Rujuk Lampiran C). Dapatan kajian dibentang dan dianalisis pada bahagian seterusnya. Pakar dalam kajian reka bentuk dan pembangunan merujuk kepada individu yang mempunyai pengetahuan meluas dan pengalaman mendalam dalam sesuatu bidang berkaitan yang menjadi fokus utama kajian (Watts, 2019).

Penglibatan pakar adalah kritikal dalam kajian reka bentuk dan pembangunan kerana kepakaran mereka diperlukan dalam memberi maklum balas, komen dan pengesahan pada setiap fasa kajian untuk memastikan model, produk atau intervensi yang sedang dibangunkan itu mencapai tahap kesahan dan kebolehgunaan yang ditetapkan (Richey & Klein, 2007). Maklum balas pakar ini sangat bernilai memandangkan mereka mempunyai pengalaman meluas dalam bidang berkaitan di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

samping mengetahui kehendak sebenar pengguna sasaran kajian (Galluzzo, 2005). Justeru, pakar bertindak sebagai validator dan boleh menilai sama ada produk kajian yang dihasilkan betul-betul memenuhi keperluan, standard dan manfaat kepada kumpulan sasaran. Terdapat lima bahagian dalam soal selidik kebolehgunaan modul iaitu seperti berikut:

1. Bahagian A: Demografi Peserta Kajian.
2. Bahagian B: Kesesuaian Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ.
3. Bahagian C: Kesesuaian Item dalam Setiap Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ.
4. Bahagian D: Kesesuaian Keutamaan Item dalam Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ.
5. Bahagian E: Kesesuaian Keseluruhan Kebolehgunaan Modul Pengajaran SMART-KQ.

3.5.1 Pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)

Dalam fasa penilaian kebolehgunaan Modul Pengajaran SMART-KQ, maklum balas dan pandangan daripada 23 orang guru Pendidikan Islam sebagai pakar telah dikumpul menerusi borang soal selidik. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) (Aizzat et al., 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik Kumpulan Nominal merupakan proses membuat keputusan secara bersemuka dalam kumpulan kecil yang boleh bersifat separa kuantitatif dan berstruktur (O'Neil & Jackson, 1983). Teknik ini menjadikan kajian terarah kepada pendekatan kualitatif dan kuantitatif kerana bermula dengan penerimaan idea tanpa penilaian, diikuti proses keutamaan idea (Dobbie et al., 2004). Bagi tujuan pengukuran kebolehgunaan produk, Teknik Kumpulan Nominal diubah suai kepada beberapa langkah khusus (Perry & Linsley, 2006).

Justeru, kajian ini menggunakan Teknik Kumpulan Nominal ubah suai untuk menilai tahap persetujuan guru terhadap modul SMART-KQ yang dibangunkan (Dung, 2015). Penggunaan teknik ini membolehkan penentuan peratus dan tahap penerimaan setiap konstruk dan item modul. Hal ini selari dengan kajian Dobbie et al. (2004) yang menggunakan Teknik Kumpulan Nominal ubah suai dalam menilai kebolehgunaan sesuatu kurikulum pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1.1 Kekuatan Pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)

Terdapat banyak kajian yang telah mengaplikasikan pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) dalam mendapatkan data kajian dan menjawab persoalan berkaitan sesuatu isu (Delp et al., 1977). Penggunaan teknik ini dilihat merangkumi pelbagai bidang seperti pendidikan, sains sosial, pengurusan, kejuruteraan dan perubatan klinikal. Menurut Delp et al. (1977) terdapat enam kekuatan utama bagi teknik NGT, iaitu; (a) menyamaratakan tahap pendidikan dan kedudukan peserta, (b) memfokuskan peserta terhadap isu kajian, (c) mendorong pencetusan idea tanpa kritikan, (d)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mencatatkan idea yang dicetuskan, (e) menjelaskan isu secara terperinci, dan (f) meningkatkan kreativiti peserta.

Kekuatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) turut dibincangkan oleh sarjana lain. Teknik ini dianggap sebagai pendekatan penyelesaian masalah yang konstruktif dan berstruktur bagi mencapai konsensus dalam isu yang luas (Williams et al., 2006; Aizzat et al., 2006). Ia bertujuan untuk menghasilkan satu set cadangan atau penyelesaian berprioriti (Dobbie et al., 2004; Aizzat et al., 2006). Setiap ahli kumpulan perlu menjana dan menyusun idea masing-masing bagi menilai item yang diberikan (Dobbie et al., 2004). Selain itu, teknik ini membolehkan penyertaan semua ahli kumpulan, mengurangkan dominasi individu tertentu, dan mengurangkan tekanan mengikut kumpulan (O'Neil & Jackson, 1983; Lomax & McLeman, 1984; Dobbie et al., 2004; Aizzat et al., 2006). Walaupun perbincangan digalakkan untuk mendapatkan penjelasan, kritikan adalah tidak dibenarkan (Holtzapple & Reece, 2010).

Dalam pelaksanaan Teknik Kumpulan Nominal (NGT), interaksi dalam kumpulan dikawal hampir sepenuhnya oleh seorang ketua atau fasilitator (Perry & Linsley, 2006). Menurut O'Neil dan Jackson (1983) fasilitator teknik ini perlu bersikap neutral dalam menerima lontaran idea ahli kumpulan dan mampu mengurus aliran maklumat dalam kumpulan. Fasilitator tidak sepatutnya mencampuri atau menyumbang idea semasa proses perbincangan kerana tugasnya adalah untuk mengumpul idea seperti yang dinyatakan oleh peserta. Fasilitator juga tidak boleh mentafsir semula idea individu, membuat keputusan dan perlu memberi masa kepada peserta untuk berfikir serta tidak membenarkan saling mencabar antara satu sama lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari aspek kesahan dan kebolehpercayaan, Williams et al. (2006) menyatakan bahawa kesahan dan kebolehpercayaan teknik ini boleh dipertingkatkan menerusi penentuan kriteria pemilihan ahli kumpulan yang betul, melaksanakan kajian rintis, dan menetapkan soalan perbincangan yang sesuai. Ahli kumpulan Teknik Kumpulan Nominal juga perlu benar-benar mewakili kumpulan sasaran agar dapat memastikan kesahan teknik tersebut (Lomax & McLeman, 1984).

3.5.1.2 Prosedur Menjalankan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)

Terdapat lima langkah asas dalam melaksanakan teknik Kumpulan Nominal (NGT) berdasarkan kesepakatan pakar (Dung, 2015; Harvey & Holmes, 2012; Williams et al., 2006). Kelima-lima langkah tersebut merangkumi penerangan mengenai kajian, proses pencetusan idea, perkongsian idea antara ahli kumpulan, perbincangan isu yang dikaji dan proses pengundian oleh ahli kumpulan.

Jadual 3.8 ini diadaptasi daripada kajian Khairul Nuzul (2020) dan Mohd Ridhuan (2016) yang memperjelaskan secara terperinci tentang langkah yang perlu dijalankan menggunakan teknik kumpulan nominal. Langkah-langkah ini juga adalah sama dengan kajian lepas yang dijalankan oleh O'Neil dan Jackson (1983); Dobbie et al. (2004); dan Perry dan Linsley (2006). Selain itu, pada bahagian E item pada instrumen kajian diadaptasi daripada model USE (Lund, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.8

Langkah asas dalam menjalankan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)

Bil	Langkah	Penerangan
1.	Penerangan tentang kajian yang akan dijalankan	Fasilitator hendaklah menerangkan dengan jelas tentang tujuan kajian dijalankan meliputi prosedur kajian yang dijalankan dan tanggungjawab yang perlu ada pada peserta kajian. Proses pembentangan produk perlu dipersembahkan kepada peserta kajian (model, struktur kurikulum, struktur program dan sebagainya). Peserta akan dilampirkan kertas yang mengandungi soalan untuk perbincangan. Soalan perlulah diungkap dengan bahasa yang mudah dan jelas agar mudah untuk dibincangkan (peringkat pembukaan lebih kurang 15 minit).
2.	Proses pencetusan idea oleh peserta kajian	Proses ini haruslah dibuka kepada kesemua peserta dan setiap peserta diberikan hak untuk mencatat idea hasil pembentangan yang dilakukan. Langkah ini mengambil masa 5 minit sahaja (Perry & Linsley, 2006). Namun., ia boleh menjangkau sehingga 15 minit kerana memberi ruang kepada para peserta kajian mengeluarkan idea dan dicatatkan.
3.	Perbincangan antara peserta kajian	Peringkat ini melibatkan idea semua peserta yang turut dikongsi oleh semua manakala idea yang diperoleh ahli akan dicatatkan di atas papan untuk dipaparkan serta diperlihatkan kepada semua ahli (idea serta cadangan yang dikemukakan perlu menggunakan frasa pendek atau ayat ringkas tanpa huraian). Cadangan serta idea yang dikemukakan dianggap sebagai produk hasil. Ini mengambil masa lebih kurang 25 hingga 30 minit. Tiada perbincangan bagi memastikan peserta diberikan peluang menambah idea tanpa dipengaruhi oleh sesiapa. Satu idea ditulis oleh setiap ahli pada satu masa mengikut giliran dan langkah ini diulangi sehingga semua idea peserta telah dicatatkan.
4	Perbincangan item, tema dan item bagi isu yang dikaji	Peringkat seterusnya adalah peringkat penjelasan item, fasilitator akan membacakan setiap item dan akan diterangkan secara ringkas. (Masa yang diperuntukan selama 5 hingga 10 minit. Fasilitator perlu memastikan komen atau kritikan bukanlah berbentuk penilaian. Setiap peserta boleh mengemukakan penerangan atau memberikan komen terhadap mana-mana item. Jika berlaku pertindihan idea antara peserta, idea tersebut boleh digabungkan mengikut persetujuan atau dibuang mengikut budi bicara peserta. (Proses ini mengambil masa selama 20 hingga 30 minit).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Langkah	Penerangan
5.	Proses pengundian peserta kajian	Semasa proses pengundian, peserta akan menilai item-item dan diminta untuk mengundi atau memilih idea yang disukai secara individu. (Kad kosong akan diedarkan kepada setiap peserta dan mereka perlu menulis enam idea yang difikirkan paling penting. Idea yang paling bagus diberikan 5 markah, diikuti 4 markah dan seterusnya. Kad-kad akan dikumpulkan semula dan jumlah skor setiap item akan dikira mengikut susunan keutamaan yang diberikan oleh ahli kumpulan. (Masa yang dicadangkan untuk peringkat ini adalah lebih kurang 2 minit).

Berdasarkan kepada perbincangan sebelum ini, maka pengkaji telah menjalankan pendekatan teknik kumpulan nominal ini sepertimana yang diperlukan iaitu; satu (1) Pembentangan dan penjelasan modul yang dibangunkan; dua (2) Penjelasan terhadap konstruk utama dan item dalam modul; tiga (3) Perbincangan antara peserta kajian; empat (4) Pengundian melalui soal selidik berdasarkan modul yang dibentangkan; dan yang terakhir kelima (5) Pembentangan dapatan kajian kebolehgunaan. **Jadual 3.9** menunjukkan prosedur dan langkah menggunakan pendekatan teknik kumpulan nominal yang telah diubah suai mengikut konteks kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Jadual 3.9

Prosedur Teknik Kumpulan Nominal yang dijalankan dalam konteks kajian sebenar

Bil	Langkah	Penerangan
1.	Pembentangan serta penerangan modul yang dibangunkan	Sesi perbengkelan oleh pengkaji selaku fasilitator menggunakan Teknik Kumpulan Nominal dengan menerangkan modul pengajaran SMART-KQ yang telah dibangunkan.
2.	Penerangan tentang konstruk utama dan item dalam modul	Fasilitator telah memberi ruang untuk soal jawab kepada para peserta kajian terhadap perkara yang tidak difahami dan agak kabur semasa pembentangan modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Langkah	Penerangan
		dijalankan.
3.	Perbincangan antara peserta kajian	Para peserta boleh untuk berbincang sesama sendiri tentang pembentangan oleh pengkaji dan menyentuh konstruk serta item yang terdapat dalam soal selidik penilaian kebolehgunaan yang telah dibekalkan di permulaan tadi. Pendapat peserta kajian turut direkodkan.
4.	Pengundian berdasarkan soal selidik merujuk kepada modul yang dibentangkan dan yang terakhir	Dalam langkah seterusnya, para peserta diberikan tempoh masa untuk membuat proses penilaian melalui borang penilaian kebolehgunaan yang dibekalkan dan semua borang penilaian kebolehgunaan modul dikutip semula oleh fasiliator setelah selesai proses tersebut.
5.	Pembentangan dapatan kajian kebolehgunaan	Akhir sekali, fasilitator akan memasukkan segala data penilaian kebolehgunaan ke dalam aplikasi NGT *PLUS* bagi melihat peratusan dan penerimaan para peserta kajian terhadap modul yang telah dibangunkan. Hasil dapatan tersebut seterusnya akan dibentangkan kepada kesemua peserta bagi menunjukkan tahap peratusan dan penerimaan mereka terhadap modul pengajaran SMART-KQ yang dibangunkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1.3 Tempoh Masa Kajian Dijalankan

Tempoh masa yang mencukupi perlu dipertimbangkan dalam melaksanakan sesuatu kajian. Dalam kajian kebolehgunaan modul pengajaran SMART-KQ ini, jangka masa selama 2 jam 30 minit telah diperuntukkan bagi aktiviti pembentangan modul dan dapatan kajian kepada para peserta. Menurut O'Neil dan Jackson (1983) tempoh ini amat ideal memandangkan lazimnya perbengkelan yang menggunakan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) dijalankan dalam lingkungan 2 jam hingga 2 jam 30 minit. Hal ini bagi memastikan para peserta dapat mengikuti dan memberi tumpuan serta menyertai semua aktiviti yang dijalankan dengan aktif tanpa rasa jemu atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bosan. Justeru, penetapan tempoh masa yang mencukupi adalah amat wajar diberi perhatian bagi memaksimumkan keberkesanan sesuatu kajian.

3.5.1.4 Bilangan Pakar dalam Teknik Kumpulan Nominal (NGT)

Pakar adalah merujuk kepada responden atau subjek kajian yang memberi maklumat dan data bagi menjawab persoalan kajian dalam fasa penilaian kebolehgunaan (Dalkey & Helmer, 1963). Pemilihan pakar bagi pendekatan NGT adalah berdasarkan kumpulan sasaran pengguna modul yang dikaji (Swanson & Holton, 2008). Justeru, dalam kajian modul pengajaran SMART-KQ ini, pakar terdiri daripada guru tadika yang terlibat dalam proses pengajaran subjek Pendidikan Islam yang secara langsung terlibat dalam pengajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran memandangkan mereka yang akan menggunakan modul pengajaran tersebut.

Terdapat pandangan sarjana yang menyatakan saiz sampel pakar bagi kajian NGT adalah antara 5 hingga 12 orang (Van de Ven & Delbecq, 1971; Allen et al. 2004; Harvey & Holmes, 2012). Walau bagaimanapun, saiz sampel yang sesuai adalah subjektif bergantung kepada objektif kajian dengan kajian lalu melibatkan peserta antara 30 hingga 92 orang (Dobbie et al., 2004; Williams et al., 2006). Memandangkan NGT boleh diubah suai untuk penilaian kebolehgunaan produk (Dobbie et al., 2004), kajian ini melibatkan 23 orang guru tadika sebagai pakar bagi menilai modul pengajaran SMART-KQ yang bakal digunakan dalam program berkaitan di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2 Prosedur Pemilihan Responden Kajian

Fasa penilaian kebolehgunaan melibatkan sekumpulan pakar terdiri daripada guru pendidikan Islam yang bertugas di tadika yang juga terlibat dalam proses pengajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran. Hal ini selari dengan fungsi modul pengajaran SMART-KQ sebagai panduan kepada guru tadika dalam membimbing murid tadika menguasai kemahiran bahasa Arab dan hafazan al-Quran. Pemilihan guru sebagai pakar adalah wajar kerana mereka terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran program berkenaan di tadika (Berliner, 2004a; 2004b). Menurut Witkin dan Altschuld (1995) pemilihan pakar yang bersesuaian adalah kritikal dalam menentukan keberkesanan kaedah Teknik Kumpulan Norminal (NGT). Hal ini demikian adalah kerana hujah dan input yang diberikan oleh panel dalam menilai sesuatu isu berkait rapat dengan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian (Boh et al., 2016).

Justeru, bagi memastikan kesahan dapatan penilaian, guru yang dipilih sebagai pakar perlu mempunyai pengalaman mengajar subjek berkaitan kajian sekurang-kurangnya lima tahun dalam bidang bahasa Arab dan hafazan al-Quran. Hal ini adalah bertepatan dengan kriteria yang ditetapkan oleh Berliner (2004a; 2004b) yang menyatakan bahawa seseorang itu dianggap kompeten dan pakar dalam sesuatu bidang sekiranya terlibat melebihi lima tahun secara konsisten. Terdapat beberapa kriteria asas dalam pemilihan pakar iaitu mereka yang mempunyai; (i) latar belakang akademik dan pengalaman luas dalam bidang berkaitan; (ii) terlibat secara langsung dalam isu atau kumpulan sasaran kajian; dan (iii) berupaya memberi input dan ulasan yang bernas untuk tujuan pembentukan konsensus dan seterusnya penambahbaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

produk, sistem, strategi dan sebagainya (Witkin & Altschuld, 1995; Ham et al., 2022). Selain menyenaraikan kriteria pemilihan pakar, pengkaji juga telah mempelbagaikan pakar yang terlibat dari segi tempat mengajar supaya dapat merangkumi perspektif yang berbeza dalam menilai isu yang dikaji (Boh et al., 2016). Gabungan input daripada pelbagai bidang kepakaran dapat menghasilkan konsensus yang lebih mantap.

3.5.3 Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dalam fasa ini adalah bermula dengan permohonan kelulusan Etika Penyelidikan dari Pusat Pengurusan Penyelidikan, UPSI. Justeru itu dalam fasa penilaian kebolehgunaan modul pengajaran SMART-KQ, setelah kelulusan diperolehi barulah satu perbengkelan secara atas talian dimulakan melibatkan pakar yang terdiri daripada guru tadika yang terpilih. Pendekatan Teknik Kumpulan Nominal Ubah Suai (*Modified* NGT) yang dipilih memerlukan kehadiran semua peserta dari kalangan pakar bagi sesi pembentangan modul dan perbincangan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Teknik Kumpulan Nominal Ubah Suai (*modified* NGT) diaplikasikan dalam mendapatkan maklum balas kebolehgunaan modul memandangkan ia bakal diguna pakai oleh guru tadika sebagai panduan dalam proses pengajaran kepada murid (Dobbie et al., 2004). Kaedah ini mampu menentukan tahap penerimaan dan keutamaan item atau konstruk sesuatu modul atau produk yang dibangunkan. Justeru, ia sesuai untuk konteks kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.4 Prosedur Penganalisaan Data

Dalam fasa penilaian kebolehgunaan, seramai 23 orang guru tadika yang terlibat secara langsung dengan pengajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran telah dipilih sebagai pakar kajian menggunakan pendekatan Teknik Kumpulan Nominal Ubah Suai (*Modified* NGT). Satu perbengkelan secara atas talian turut diadakan bagi mendapatkan maklum balas pakar terhadap modul pengajaran SMART-KQ yang dibangunkan dari aspek kebolehgunaannya. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan sistem analisis data NGT *Plus.* Sistem ini dibangunkan bagi menganalisis data dengan kaedah menukarkan skor undian pakar kepada bentuk peratusan. Seterusnya, data mentah dalam bentuk peratusan dianalisis dengan bersandarkan perbandingan berasaskan sorotan literatur bagi membuat rumusan dan kesimpulan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, berkenaan dengan kaedah menterjemahkan data, penyelidik telah menggunakan pendekatan pengelompokan peserta kajian ke dalam satu kumpulan yang seragam. Pendekatan ini adalah selari dengan saranan Ridhuan dan Nurulrabihah (2020); Mustapha dan Darusalam (2022) yang menegaskan bahawa pengelompokan peserta dalam satu kumpulan sahaja adalah mencukupi sekiranya ciri dan kriteria peserta kajian adalah homogen dan tidak terdapat keperluan khusus lain yang perlu diambil kira. Justeru, memandangkan peserta kajian ini mempunyai latar belakang dan kriteria yang seragam, maka pengelompokan secara sedemikian adalah bersesuaian bagi memastikan integriti dan kesahihan dapatan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Matriks Kajian Pembangunan Modul

Matrik kajian merupakan jadual ringkas yang menghimpunkan maklumat penting berkaitan pelbagai aspek reka bentuk sesuatu kajian penyelidikan dalam satu paparan secara grafikal (Creswell, 2012; Leavy, 2017). Menurut Leavy (2017) matriks kajian berperanan sebagai panduan mudah dan pantas untuk penyelidik merancang aktiviti penyelidikan selain memastikan keteraturan setiap langkah yang akan diambil. Umumnya, matrik kajian mengandungi butiran asas objektif kajian, persoalan kajian, pemboleh ubah yang dikaji, bentuk reka bentuk kajian serta kaedah pengumpulan dan analisis data (Creswell, 2012).

Melalui maklumat ringkas yang dipaparkan secara grafik ini, pembaca dapat memahami skop dan hala tuju keseluruhan projek penyelidikan yang dirancang, justeru membantu perancangan yang lebih sistematik (Leavy, 2017). Dalam kajian ini, penyelidik telah menghasilkan jadual yang mengandungi kaedah dan teknik bagi setiap fasa kajian ini. Dengan pembangunan matrik kajian ini, diharap akan memudahkan penyelidik melihat perincian setiap gerak kerja yang telah dan akan dijalankan. **Jadual 3.10** di bawah menunjukkan matrik kajian dalam proses pembangunan modul ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10

Matriks kajian pembangunan modul pengajaran SMART-KQ.

FASA	SOALAN KAJIAN	TEKNIK/KAEDAH	RESPONDEN
FASA 1: ANALISIS KEPERLUAN MODUL PENGAJARAN SMART-KQ	Apakah keperluan untuk membangunkan modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab di Tadika Islam Malaysia?	Dapatan fasa kajian ini adalah menggunakan kaedah dapatan berdasarkan: a) Soal selidik	Bilangan Responden: Guru Tadika (214 orang). Analisis Deskriptif dijalankan menggunakan perisian SPSS 21.0 untuk mendapatkan: a) Min b) Sisihan Piawai
		Menjalankan kajian rintis untuk mendapatkan kebolehpercayaan soal selidik.	Bilangan responden kajian rintis: Guru Tadika (30 orang) Memastikan *alpha cronbach* berada pada nilai lebih 0.5.
		b) Temu bual	Bilangan Responden: Guru tadika, pensyarah bidang bahasa Arab, guru pendidikan awal kanak-kanak dan guru tahfiz. (5 orang)’

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

FASA	SOALAN KAJIAN	TEKNIK/KAEDAH	RESPONDEN
FASA 2: REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN SMART-KQ	Bagaimanakah reka bentuk dan pembangunan modul SMART-KQ untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab di Tadika Islam Malaysia?	Dapatan kajian bagi fasa ini adalah berdasarkan pendekatan berikut: 1) Kajian Literatur 2) Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)	Mendapatkan kesepakatan pakar terdiri daripada: Pensyarah Universiti, Maktab Perguruan dan Institut Darul Quran JAKIM dalam bidang bahasa Arab, pendidikan awal-kanak dan tahfiz. Guru tadika yang mengajar melebihi 5 tahun dalam bidang bahasa Arab dan tahfiz.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

FASA	SOALAN KAJIAN	TEKNIK/KAEDAH	RESPONDEN
FASA 3: PENILAIAN KEBOLEHGUNAAN MODUL PENGAJARAN SMART-KQ	Sejauh manakah kebolehgunaan modul SMART-KQ dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab di Tadika Islam Malaysia?	Dapatan kajian fasa ini adalah berdasarkan pendekatan Teknik Kumpulan Nominal Ubah Suai *(NGT Modified).*	Pakar kajian yang telah terlibat dalam ujian kebolehgunaan modul pengajaran SMART-KQ ini ialah mereka yang melaksanakan proses pengajaran berkaitan bahasa Arab dan hafazan al-Quran di tadika. Mereka juga diklasifikasikan sebagai guru pakar yang telah mengajar dalam bidang ini melebihi 5 tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mengaplikasikan pendekatan reka bentuk dan pembangunan yang merangkumi tiga fasa utama (Richey & Klein, 2007). Pendekatan reka bentuk dan pembangunan merujuk kepada satu pendekatan penyelidikan yang memberi fokus kepada proses mereka bentuk, membangunkan dan menilai satu bahan pengajaran seperti modul pengajaran SMART-KQ yang dibangunkan ini. Dalam modul ini merangkumi fasa analisis keperluan melibatkan kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik dan kaedah temu bual separa berstruktur. Kaedah ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah dan keperluan pembangunan modul. Seterusnya, fasa reka bentuk dan pembangunan pula menerapkan pendekatan kaedah *Fuzzy Delphi* yang memerlukan penglibatan panel pakar dalam menjawab soal selidik yang dibangunkan. Tujuannya adalah bagi mencapai persetujuan pakar terhadap konstruk dan item yang dibangunkan. Akhir sekali, fasa penilaian kebolehgunaan juga melibatkan pertemuan secara atas talian dengan pakar yang merupakan guru tadika yang terlibat dalam proses pengajaran melebihi 5 tahun dalam bidang berkaitan (Dobbie et al., 2004). Pemilihan mereka sebagai penilai adalah amat wajar memandangkan modul pengajaran yang dihasilkan akan menjadi panduan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan hasil kajian yang dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN FASA 1: ANALISIS KEPERLUAN

4.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini membincangkan tentang dapatan kajian yang akan menjadikan perkara utama bagi mengukur keperluan pembangunan modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dalam pengajaran hafazan al-Quran di Tadika Islam Malaysia. Bab ini akan menjawab objektif kajian dalam fasa kajian pertama yang dijadikan asas bagi menjalankan kajian ini. Paparan secara terperinci diletakkan bagi setiap data yang telah dikumpul daripada responden kajian berdasarkan soalan kajian yang telah dikemukakan.

Menurut Lowenthal dan Wilson (2010) analisis keperluan merupakan langkah yang penting dan pertama dalam proses pembangunan modul pengajaran. Fasa ini bertujuan untuk mengenal pasti jurang pembelajaran dan keperluan dalam penggunaan modul. Maklumat daripada analisis keperluan digunakan sebagai asas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi mereka bentuk modul (Branch, 2009). Antara maklumat penting yang diperoleh daripada analisis keperluan adalah objektif pembelajaran yang perlu ditekankan dalam modul, tahap kemahiran sedia ada pengguna, gaya pembelajaran, serta kemudahan dan sumber sedia ada (Zakaria et al., 2022).

Kajian yang telah dilaksanakan dalam fasa satu ini berkaitan pengajaran kosa kata bahasa Arab di tadika Islam Malaysia dengan membangunkan modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar. Responden daripada kajian ini terdiri daripada guru tadika yang terlibat dalam proses pengajaran hafazan al-Quran di tadika Islam seluruh Malaysia. Data yang diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan akan dianalisis menggunakan perisian *Statiscal Package for Social Science* (SPSS 21.0). Perisian ini digunakan untuk memperolehi nilai seperti Alpha Cronbach atau pekali kebolehpercayaan, skor min, sisihan piawai, purata keseluruhan, frekuensi dan peratusan.

Bab ini akan membincangkan analisis data yang diprolehi berpandukan kepada 5 bahagian utama dalam borang soal selidik yang dibina iaitu:

a) Maklumat demografi.

b) Keperluan terhadap pembangunan modul pengajaran SMART-KQ.

c) Kaedah hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar sebagai faktor memudahkan pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab.

d) Reka bentuk modul pengajaran SMART-KQ.

e) Kesediaan guru dalam proses pengajaran bahasa Arab di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, objektif utama kajian adalah untuk menganalisis keperluan pembangunan modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dalam pengajaran hafazan al-Quran di Tadika Islam Malaysia. Dapatan kajian fasa ini diharap dapat menyokong penggunaan modul SMART-KQ ini bagi meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan murid tadika.

4.2 Maklumat Demografi

Kajian yang dijalankan ini melibatkan 214 responden yang terdiri daripada guru tadika yang terlibat di dalam proses pengajaran subjek berkaitan pengajaran kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran. Responden dalam kajian ini adalah majoritinya melibatkan tenaga pengajar daripada kalangan wanita yang mewakili 94%, manakala selebihnya pula mewakili 6% adalah tenaga pengajar lelaki. Hal ini disokong oleh kajian Mohamad Albaree et al. (2022) menyatakan kerjaya guru pendidikan awal kanak-kanak didominasi oleh kaum perempuan berbanding lelaki.

Berdasarkan analisis deskriptif dalam **Jadual 4.1** mendapati item bagi pengalaman mengajar menunjukkan 24% responden dalam kajian ini memiliki pengalaman mengajar 1 tahun dan merupakan responden kedua tertinggi. Seterusnya, responden yang mempunyai pengalaman mengajar 2 tahun adalah mewakili 10%. Manakala responden yang memiliki pengalaman 3 tahun mengajar pula menunjukkan 17%. Seterusnya, responden yang mempunyai 4 tahun pengalaman mengajar pula mewakili 13%. Seterusnya, merupakan responden tertinggi pada item ini adalah pengalaman mengajar melebihi 5 tahun keatas adalah sebanyak 36%.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi kategori kelayakan akademik dalam **Jadual 4.1** menunjukkan, bahawa sebahagian besar sampel kajian mempunyai tahap pendidikan di peringkat Diploma iaitu 58% atau 125 orang. Manakala, responden yang mempunyai kelayakan akademik di peringkat sijil merekodkan 19% bersamaan dengan 41 orang daripada jumlah saiz sampel dan merupakan nilai kedua tertinggi dalam kategori ini. Seterusnya, responden yang mempunyai kelayakan akademik bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda mencatatkan 20% atau 43 orang. Terdapat juga responden yang mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana iaitu seramai 5 orang bersamaan 3% daripada jumlah saiz sampel dalam kajian ini.

Analisis bagi kategori responden yang tidak memiliki ikhtisas perguruan pula menunjukkan 43% atau 92 orang tidak memiliki ikhtisas perguruan dan merupakan jumlah sampel terendah. Seterusnya, bagi responden yang memiliki ikhtisas perguruan pula berada ditahap tertinggi iaitu 57% atau 122 orang daripada jumlah sampel keseluruhan kajian ini.

Jadual 4.1

Demografi responden

Item	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	12	6
Perempuan	202	94
Jumlah	214	100
Pengalaman mengajar		
1 tahun	53	24
2 tahun	21	10
3 tahun	36	17
4 tahun	27	13
5 tahun ke atas	77	36
Jumlah	214	100

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Item	Kekerapan	Peratus (%)
Kelulusan akademik		
Sijil	41	19
Diploma	125	58
Ijazah Sarjana Muda	43	20
Ijazah Sarjana	5	3
Jumlah	214	100
Memiliki ikhtisas perguruan		
Ya	122	57
Tidak	92	43
Jumlah	214	100

4.3 Keperluan Terhadap Pembangunan Modul Pengajaran SMART-KQ

Pada bahagian ini menyatakan data secara deskriptif yang dilaksanakan bagi menganalisis keperluan terhadap pembangunan Modul Pengajaran SMART-KQ. Terdapat enam item soalan telah dipilih dan dibangunkan dalam instrumen soal selidik ini. Penggunaan skala likert 5 mata digunakan bagi melihat persetujuan guru tadika terhadap semua soalan yang dibangunkan. Enam item soalan tersebut dan dapatan data seperti dalam **Jadual 4.2.**

Jadual 4.2 menunjukkan skor min dan sisihan piawai secara terperinci serta tahap keperluan bagi setiap item yang dikemukakan kepada responden yang terlibat dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, keperluan guru terhadap pembangunan modul pengajaran kosa kata bahasa Arab di tadika dengan membangunkan modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar berada pada tahap tinggi dengan mencatatkan purata keseluruhan skor min 4.67 dan sisihan piawai 0.40. Petunjuk ini memberi gambaran bahawa, menjadi suatu keperluan dibangunkan Modul Pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SMART-KQ di Tadika Islam Malaysia bagi proses pengajaran dan pembelajaran terhadap murid tadika.

Manakala berdasarkan perincian item dalam **Jadual 4.2,** didapati item bilangan tiga "modul pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan" mempunyai skor min yang paling tinggi berbanding dengan item-item yang lain iaitu 4.80 dan sisihan piawai adalah 0.40 berada pada tahap tinggi. Seterusnya, diikuti oleh item-item yang lain juga berada ditahap tinggi iaitu item dua "Modul pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar dapat menarik minat murid untuk menghafaz al-Quran" mempunyai skor min 4.78 dan sisihan piawai 0.44. Manakala item bilangan lima pula "Modul pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar akan lebih mudah dan berkesan sekiranya terdapat modul yang sesuai dengan murid tadika." mempunyai skor min 4.76 dan sisihan piawai 0.44.

Item bilangan satu "Modul pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar perlu dibangunkan kerana dapat meningkatkan pemahaman kosa kata bahasa Arab" mempunyai skor min 4.73 dan sisihan piawai 0.46. Seterusnya, item bilangan 4 "Modul pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar memupuk pembelajaran secara berkumpulan" mempunyai skor min 4.71 dan sisihan piawai 0.49. Bagi item yang paling rendah adalah item bilangan enam "Modul yang pernah digunakan sebelum ini juga mempunyai ciri-ciri warna dan gambar" mempunyai skor min 4.21 dan sisihan piawai 0.97.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Item Soalan dan Dapatan Responden terhadap Pembangunan Modul Pengajaran SMART-KQ

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai (SP)	Tahap Keperluan	Rujukan
1.	Modul pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar perlu dibangunkan kerana dapat meningkatkan pemahaman kosa kata bahasa Arab.	4.73	0.46	Tinggi	Spence et. al (2006) Ghulam Shabiralyani et al. (2015) Fenrich (1997)
2.	Modul pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar dapat menarik minat murid untuk menghafaz al-Quran.	4.78	0.44	Tinggi	Hazil et al. (2002) Ahmad Zamzuri (2021) Vernon dan Jones (2003)
3.	Modul pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan.	4.80	0.40	Tinggi	Darwish (2019) Chung dan Fam (2018) Nadri Taja et al. (2019)
4.	Modul pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar memupuk pembelajaran secara berkumpulan.	4.71	0.49	Tinggi	Confrey (1995:38); Taylor (1993:3) Abdul Hakim et al. (2015)
5.	Modul pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar akan lebih mudah dan berkesan sekiranya terdapat modul yang sesuai dengan murid tadika.	4.76	0.44	Tinggi	Fenrich (1997) Jamalludin Harun dan Zaidatun (2003) Clark dan Lyons (2011)
6.	Modul yang pernah digunakan sebelum ini juga mempunyai ciri-ciri warna dan gambar.	4.21	0.97	Tinggi	Sri Slamet (2020) Unsi (2014)
	Purata Keseluruhan	4.67	0.40	Tinggi	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Kaedah Hafazan al-Quran Berasaskan Warna dan Gambar sebagai Faktor Memudahkan Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab

Pada bahagian ini pula merupakan instrumen yang telah dibangunkan berkaitan hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar dalam meningkatkan kosa kata bahasa Arab. Justeru, terdapat tujuh item soalan telah dipilih bagi membangunkan instrumen untuk mendapatkan maklumat sokongan kepada keperluan terhadap pembangunan Modul Pengajaran SMART-KQ seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 4.3** dibawah.

Jadual 4.3 secara keseluruhannya menunjukkan responden bersetuju bahawa kaedah hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar merupakan faktor peningkatkan kosa kata bahasa Arab murid tadika. Ini kerana data keseluruhan menunjukkan nilai skor berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.75 dan sisihan piawai 0.38. Ini menggambarkan bahawa kaedah hafazan menggunakan gambar dan warna dapat memudahkan pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab di tadika.

Manakala berdasarkan perincian item dalam **Jadual 4.3** pula didapati semua item memiliki nilai min pada tahap yang tinggi. Pada bahagian item bilangan enam "saya percaya bahawa maklumat bergambar boleh meningkatkan pemikiran kreatif murid saya" mendapat skor min yang paling tinggi berbanding item-item yang lain. Pada bahagian ini iaitu sebanyak 4.78 dan sisihan piawai adalah 0.43. Dapatan ini diikuti oleh item bilangan empat "saya percaya warna dapat meningkatkan perhatian murid untuk mempelajari sesuatu yang diajar" memiliki skor min 4.76 dan sisihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

piawai 0.43. Seterusnya, diikuti item bilangan lima "saya percaya bahawa maklumat bergambar mendorong murid untuk belajar dengan lebih baik" memiliki skor min 4.75 dan sisihan piawai 0.46.

Seterusnya, item bilangan dua "saya percaya penggunaan warna dan gambar memudahkan pemahaman kosa kata bahasa Arab" memiliki skor min 4.74 dan sisihan piawai 0.49. Item bilangan tiga "saya percaya bahawa maklumat gambar berwarna menambahkan fokus murid saya" memiliki skor min 4.74 dan sisihan piawai 0.44. Manakala item bilangan tujuh "saya percaya bahawa maklumat bergambar menjadikan pembelajaran lebih pantas" memiliki skor min 4.74 dan sisihan piawai 0.45. Yang terakhir item bilangan satu nilai terendah "saya percaya bahawa maklumat bergambar membantu murid memahami maksud ayat secara bertema dengan lebih baik" memiliki skor min 4.72 dan sisihan piawai 0.46.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Item Soalan dan Dapatan Responden yang Menyokong Keperluan Pembangunan Modul Pengajaran SMART-KQ

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai (SP)	Tahap Keperluan	Rujukan
1.	Saya percaya bahawa maklumat bergambar membantu murid memahami maksud ayat secara bertema dengan lebih baik.	4.72	0.46	Tinggi	Jonassen (1994) Mayer (2001) Suppiah Nachiappan (2013)
2.	Saya percaya penggunaan warna dan gambar memudahkan pemahaman kosa kata bahasa Arab.	4.74	0.49	Tinggi	Ghulam Shabiralyani et. al (2015) Jonassen (1994) Mayer (2001)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai (SP)	Tahap Keperluan	Rujukan
3.	Saya percaya bahawa maklumat gambar berwarna menambahkan fokus murid saya.	4.74	0.44	Tinggi	Ahmad Zamzuri (2021) Chang et al. (2018) Mariam Adawiah (2012)
4.	Saya percaya warna dapat meningkatkan perhatian murid untuk mempelajari sesuatu yang diajar.	4.76	0.43	Tinggi	Ahmad Zamzuri (2021) Chang et al. (2011) Mariam Adawiah (2012)
5.	Saya percaya bahawa maklumat bergambar mendorong murid untuk belajar dengan lebih baik.	4.75	0.46	Tinggi	Feng et. al (2021) Muniandy et. al (2017) Hazil et. al (2002).
6.	Saya percaya bahawa maklumat bergambar boleh meningkatkan pemikiran kreatif murid saya.	4.78	0.43	Tinggi	Gardner (2007: 14) Siti Zarinah (2019)
7.	Saya percaya bahawa maklumat bergambar menjadikan pembelajaran lebih pantas.	4.74	0.45	Tinggi	Feng et. al (2021) Ahmad Zamzuri (2021)
	Purata Keseluruhan	4.75	0.38	Tinggi	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Reka Bentuk Modul Pengajaran SMART-KQ

Bahagian ini mengandungi 10 item soalan yang berkaitan reka bentuk modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 4.4.**

Jadual 4.4 menunjukkan jenis item yang perlu ada di dalam Modul Pengajaran SMART-KQ, hal ini kerana dapatan kajian keseluruhan pada bahagian ini menunjukkan nilai skor berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.74 dan sisihan piawai 0.38.

Hal demikian digambarkan dalam perincian dapatan kajian ini, menunjukkan item dalam **Jadual 4.4** mendapati semua item memiliki nilai min pada tahap yang tinggi. Pada bahagian item bilangan sembilan "Maklumat yang ingin disampaikan kepada murid haruslah secara berfokus dan tepat" mendapat skor min yang paling tinggi berbanding item-item yang lain pada bahagian ini iaitu sebanyak 4.79 dan sisihan piawai adalah 0.41. Seterusnya, diikuti item bilangan lapan "grafik yang dipilih haruslah menarik minat pembaca" mendapat skor min 4.76 dan sisihan piawai adalah 0.44. Nilai min yg sama dengan item bilangan 10 "gambar tema yang dipilih perlulah bersesuaian dengan maksud ayat mengikut tahap umur murid tadika" mendapat skor min 4.76 dan sisihan piawai 0.45.

Manakala item bilangan enam "tema bergambar mestilah bersesuaian dengan maksud ayat al-Quran kerana dapat menambah kosa kata bahasa Arab murid" mendapat nilai skor min 4.75 dan sisihan piawai adalah 0.46. Bagi item bilangan dua "teks ayat al-Quran yang diletakkan warna dapat menarik minat murid" mendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nilai skor min 4.75 dan sisihan piawai 0.43. Seterusnya bagi item "ayat al-Quran yang berjaya dihafaz murid perlu dijelaskan maksudnya berpandukan tema bergambar" mendapat nilai skor min 4.74 dan sisihan piawai 0.46.

Manakala bagi item "warna yang dipilih haruslah sesuai mengikut teori warna bagi menarik minat murid untuk menghafaz al-Quran" mendapat nilai skor min 4.73 dan sisihan piawai 0.45. Item seterusnya, juga berkongsi nilai min yang sama "Ayat al-Quran yang panjang perlu disusun menggunakan kaedah yang menarik bagi memudahkan murid tadika menghafaz" mendapat nilai skor min 4.73 dan sisihan piawai 0.46. Bagi item bilangan satu pula "Tema bergambar dalam semua topik dapat memudahkan pemahaman murid" nilai skor min 4.71 dan sisihan piawai 0.49. Seterusnya, item yang terakhir mendapat nilai min terendah pada bahagian ini "pemilihan fon yang bersesuaian dapat menarik minat murid tadika" mendapat nilai min 4.66 dan sisihan piawai 0.45.

Jadual 4.4

Item Soalan dan Dapatan Responden Terhadap Reka Bentuk Modul Pengajaran SMART-KQ

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai (SP)	Tahap Keperluan	Rujukan
1.	Tema bergambar dalam semua topik dapat memudahkan pemahaman murid.	4.71	0.49	Tinggi	Noza Aflisia (2016) Aprizal (2021) Nurain et al. (2017)
2.	Teks ayat al-Quran yang diletakkan warna dapat menarik minat murid.	4.75	0.43	Tinggi	Subroto et al. (2020) Ghulam Shabiralyani et al. (2015)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai (SP)	Tahap Keperluan	Rujukan
3.	Ayat al-Quran yang panjang perlu disusun menggunakan kaedah yang menarik bagi memudahkan murid tadika menghafaz.	4.73	0.46	Tinggi	Feng et, al (2021) Jonassen (1994). Christopher (1996)
4.	Ayat al-Quran yang berjaya dihafaz murid perlu dijelaskan maksudnya berpandukan tema bergambar.	4.74	0.46	Tinggi	Noza Aflisia (2016) Aprizal (2021) Nurain et al. (2017)
5.	Warna yang dipilih haruslah sesuai mengikut teori warna bagi menarik minat murid untuk menghafaz al-Quran.	4.73	0.45	Tinggi	Mariam Adawiah (2012) Sujarwo & Oktaviana (2017)
6.	Tema bergambar mestilah bersesuaian dengan maksud ayat al-Quran kerana dapat menambah kosa kata bahasa Arab murid.	4.75	0.46	Tinggi	Ghulam Shabiralyani et. al., (2015) Jonassen (1994) Mayer (2001)
7.	Pemilihan fon yang bersesuaian dapat menarik minat murid tadika.	4.66	0.45	Tinggi	Fenrich (1997) Mayer (2001)
8.	Grafik yang dipilih haruslah menarik minat pembaca.	4.76	0.44	Tinggi	Ghulam Shabiralyani et. al., (2015) Jonassen (1994) Mayer (2001)
9.	Maklumat yang ingin disampaikan kepada murid haruslah secara berfokus dan tepat.	4.79	0.41	Tinggi	Ormrod (1995:378) Darwish (2019)
10.	Gambar tema yang dipilih perlulah bersesuaian dengan maksud ayat mengikut tahap umur murid tadika.	4.76	0.45	Tinggi	Ghulam Shabiralyani et. al., (2015) Jonassen (1994) Mayer (2001)
	Purata Keseluruhan	4.74	0.38	Tinggi	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Kesedian Guru dalam Proses Pengajaran Bahasa Arab di Tadika

Bahagian ini adalah bahagian yang terakhir dalam borang soal selidik ini memfokuskan kesediaan guru untuk proses pengajaran bahasa Arab di tadika. **Jadual 4.5** menunjukkan terdapat lima item soalan yang dikemukakan bagi mendapat maklumat yang berkaitan.

Jadual 4.5 menunjukkan tentang dapatan kesediaan guru dalam proses pengajaran kosa kata bahasa Arab di tadika menunjukkan dapatan purata keseluruhan dengan nilai min 4.40 dan sisihan piawai 0.76 memberi maksud kesediaan guru untuk terlibat dalam proses pengajaran subjek berkaitan kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk melihat perincian dapatan setiap item, rujuk pada item bilangan dua "saya berminat untuk meningkatkan kemahiran bahasa Arab" mendapati nilai min tertinggi pada nilai 4.48 dan sisihan piawai 0.79. Seterusnya, pada bilangan lima pula "saya akan mengubahsuai pembelajaran bahasa Arab mengikut kemampuan murid" mendapat nilai skor min 4.46 dan sisihan piawai 0.77. Manakala pada bilangan 4 "saya memberikan penerangan tentang apa yang murid tidak faham tentang bahasa Arab" mendapat nilai min 4.37 dan sisihan piawai 0.89. Seterusnya, rujuk kepada bilangan tiga berkongsi nilai min yang sama "saya memberikan motivasi bagi menarik minat murid untuk belajar bahasa Arab" mendapat nilai min 4.37 dan sisihan piawai 0.81. Item bilangan satu yang terakhir pula "Saya bersedia untuk mengajar subjek berkaitan Bahasa Arab" mendapat nilai skor min 4.23 dan sisihan piawai 0.87.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Item Soalan dan Dapatan Kesediaan Guru dalam Proses Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab di Tadika

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai (SP)	Tahap Keperluan	Rujukan
1.	Saya bersedia untuk mengajar subjek berkaitan bahasa Arab.	4.33	0.87	Tinggi	Kamisah Buang (2013) Gober (2008)
2.	Saya berminat untuk meningkatkan kemahiran bahasa Arab.	4.48	0.79	Tinggi	Ghulam Shabiralyani et al. (2015)
3.	Saya memberikan motivasi bagi menarik minat murid untuk belajar bahasa Arab.	4.37	0.81	Tinggi	Mohd Zulkarnain Abd Hamid dan Mohd Isa Hamzah (2021)
4.	Saya memberikan penerangan tentang apa yang murid tidak faham tentang bahasa Arab.	4.37	0.89	Tinggi	Norizah Tukiman (2017) Gardner (2007: 14)
5.	Saya akan mengubahsuai pembelajaran bahasa Arab mengikut kemampuan murid.	4.46	0.77	Tinggi	Ormrod (1995:369) Confrey (1995:47)
	Purata Keseluruhan	4.40	0.76	Tinggi	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7 Analisis Temu Bual Pandangan Pakar Terhadap Keperluan Reka Bentuk Pembangunan Modul dan Elemen Reka Bentuk Modul Kosa Kata Bahasa Arab Berasaskan Warna dan Gambar

Berdasarkan dapatan kajian analisis keperluan, penyelidik telah berjaya mendapatkan kesepakatan pakar dalam menentukan elemen penting dalam mereka bentuk modul pengajaran SMART-KQ. Semua pakar yang telah ditemu bual dalam fasa ini telah memberikan justifikasi dan persetujuan keperluan modul hafazan al-Quran ini dibangunkan bagi digunakan di tadika.


Hasil analisis temu bual pakar melalui perisian ATLAS. Ti menunjukkan terdapat dua tema yang digunakan dalam menghasilkan rangkaian dalam temu bual pakar. Tema pertama terdiri daripada keperluan modul dan tema kedua komponen dalam modul. Setiap tema telah dipecahkan kepada kod masing-masing. Berikut merupakan pandangan pakar yang ditemu bual berdasarkan rangkaian **Rajah 4.1** yang dianalisis menggunakan ATLAS. ti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.1.

Ringkasan Tema Keperluan Pembangunan Modul Pengajaran SMART-KQ



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7.1 Pandangan Lima (5) Pakar Terhadap Keperluan Reka Bentuk Modul

Berikut adalah dapatan daripada temu bual pakar bagi menjawab persoalan analisis keperluan yang dijalankan terhadap lima (5) orang pakar.

i. Sepanjang pengalaman mengajar, adakah mudah mendapatkan buku rujukan atau modul berkaitan bahasa Arab dan hafazan al-Quran dipasaran?

Jadual 4.6 menunjukkan dapatan temu bual dan kesimpulan dapatan bagi kemudahan capaian mendapatkan buku rujukan atau modul berkaitan bahasa Arab dan hafazan al-Quran dipasaran.

Jadual 4.6

Dapatan Temu Bual dan Kesimpulan Dapatan Terhadap Keperluan Reka Bentuk Modul

Pakar	Dapatan Temu bual	Kesimpulan Dapatan
P1	"Kalau modul tu memang susah la nak cari yang untuk kanak-kanak ni terutamanya kat tadika. Tu pun macam kena cari dalam internet juga la kena cari dalam internet tu banyak la. Kena pandai-pandai pilih la"	Terdapat keperluan dibangunkan modul hafazan al-Quran bagi meningkatkan kosa kata bahasa Arab kerana modul berkaitan pelajaran ini sukar untuk diperolehi sehingga menyebabkan bahan rujukan sedia ada tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan guru.
P2	"Memang agak kurang. Tahfiz di peringkat atas tu lagi lah. Dia sebenarnya Tahfiz, kalau kita masih menggunakan kaedah tradisional sangat lah. Tradisional sangat ni iaitu maksudnya minta pelajar tu mengulang baca, bila dah bagus bacaan tilawah dia ulang, baca ulang, baca ulang, baca ulang tengok ayat tu baca ulang, baca ulang macam tu je"	
P3	"Kalau modul untuk bacaan al-Quran itu susahlah nak dapat. Kalau bahasa arab untuk tadika senang jah. Tengok kadang-kadang tengok *youtube*. Kadang-kadang beli dekat kedai buku. Haa itu sajalah"	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar	Dapatan Temu bual	Kesimpulan Dapatan
P4	"Kita tengok jenis buku apa la, kalau macam buku bacaan melayu, bahasa Malaysia, membaca semua senang. Mungkin kalau bahasa Arab. Kalau bahasa Arab la jenis-jenis yang berlainan sikit macam unsur-unsur menyanyi, nyanyian apa semua mungkin banyak tak ada"	
P5	"Tak mencukupi. Saya pernah la tengok buku satu dua. Ia agak sukar, kemudian kalau ada pun terhad dan dia kurang mantap"	

Hasil kajian temu bual kepada pakar bagi mendapatkan maklum balas berkaitan kemudah capaian bahan rujukan menunjukkan pakar berpendapat bahan rujukan berkaitan bahasa Arab dan hafazan sukar untuk diperolehi terutamanya berkaitan modul khusus kepada kanak-kanak. Pakar juga memberi gambaran rujukan yang terdapat di pasaran masih menggunakan kaedah tradisional dalam proses hafazan dan kurang memberikan keyakinan kepada golongan kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Berdasarkan pengalaman Dr/ Cikgu/ Ustaz, adakah terdapat keperluan kepada guru yang mengajar berkaitan kosa kata bahasa Arab untuk meningkatkan kemahiran mengajar secara kreatif dan inovatif?

Jadual 4.7 menunjukkan dapatan temu bual dan kesimpulan dapatan bagi keperluan kepada guru yang mengajar berkaitan kosa kata bahasa Arab untuk meningkatkan kemahiran mengajar secara kreatif dan inovatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Dapatan temu bual dan kesimpulan dapatan bagi keperluan kepada guru yang mengajar berkaitan kosa kata bahasa Arab untuk meningkatkan kemahiran mengajar secara kreatif dan inovatif.

Pakar	Dapatan Temu bual	Kesimpulan Dapatan
P1	"Perlu. Sangat perlu. Sebelum kelas kena buat persediaan la sebelum mengajar tu kena. Cikgu kena buat persediaan dulu, kena cari bahan alat bantu, kena cari kertas kerja. Pastu kena la buat persediaan lebih awal untuk mengajar. Untuk baca dulu, untuk cikgu faham dulu gapo benda hok nak ajar"	Terdapat keperluan guru untuk meningkatkan kemahiran mengajar berkaitan kosa kata bahasa Arab secara kreatif dan inovatif di dalam proses PdP. Guru perlu membuat persediaan sebelum proses pengajaran berlaku dan bahan bantu mengajar perlulah kreatif dengan memiliki elemen gambar, bentuk dan warna yang menarik. Inovasi dan kreativiti menjadikan pengajaran dan pembelajaran seronok serta dapat mengikat jiwa dan perasaan pelajar.
P2	"Ye. Pada saya memang perlu lah. Memang perlu sebab kita tengok la sekarang ni PdP pentingkan perkara ini dan dia menjurus kepada itu. Menjurus kepada itu lebih lagi kalau peringkat rendah la peringkat kanak-kanak dia. dia lebih kepada nak gambar, dia lebih kepada bentuk-bentuk, warna lebih kepada tu. jadi memang perlu kepada kreativiti"	
P3	"Yang pertama perlulah kena cikgu itu kena rajin ulang kaji tengok *youtube* kah. Beli buku. Baca bahan itu sebagai rujukan"	
P4	"Sangat penting. Cerita pasal inovasi, kreativiti dia tak lari daripada benda-benda sesuatu yang kita boleh berasa seronok tentang itu. Jadi. ada kala tu penting. Begitulah cara ikat jiwa dan perasaan pelajar ni.	
P5	"Ini memang sangat sangat-sangat perlu. Perlu kepada kreatif dan inovatif"	

Dapatan kajian bagi keperluan kepada guru untuk meningkatkan kemahiran mengajar secara kreatif dan inovatif pula menunjukkan pakar bersepakat menyatakan semua guru yang terlibat dalam proses pengajaran hafazan dan kosa kata bahasa Arab perlu memiliki ciri-ciri pengajian yang berbentuk kreatif dasn inovatif. Pakar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mencadangkan para guru membuat persediaan dengan bahan yang bersifat kreatif dan inovatif sebelum mengajar di dalam kelas sebenar.

iii. Berdasarkan pengalaman Dr/Cikgu/Ustaz, adakah terdapat keperluan untuk mereka bentuk dan membangunkan modul pengajaran kosa kata bahasa Arab untuk hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar kepada murid tadika?

Jadual 4.8 menunjukkan dapatan temu bual dan kesimpulan bagi keperluan untuk mereka bentuk dan membangunkan modul pengajaran kosa kata bahasa Arab untuk hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar kepada murid tadika.

Jadual 4.8

Dapatan temu bual dan kesimpulan dapatan bagi keperluan untuk mereka bentuk dan membangunkan modul pengajaran kosa kata bahasa Arab untuk hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar kepada murid tadika.

Pakar	Dapatan Temu bual	Kesimpulan Dapatan
P1	"Ya perlu... Sangat-sangat perlu sebab dengan adanya gambar dan berwarna pelajar akan menarik minat pelajar untuk apa tu untuk dia ingat untuk dia hafal benda tu, kosa kata tu"	Terdapat keperluan mereka bentuk dan membangunkan modul pengajaran kosa kata bahasa Arab untuk hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar kepada murid tadika.
P2	"Pertama dia berkait rapat dengan keperluan dalam PdP juga maknanya sejauh mana pengaruh warna ni terhadap keberkesanan PdP. Mana kalau ada pengaruh di situ mungkin apa ni, kalau ada pengaruh warna bantu dari segi PdP, maka tak mustahil lah untuk apa nama ni untuk pengajaran hafazan ni pun boleh kita *apply* kan dalam pengajaran untuk dilaksanakan"	Elemen gambar yang berwarna dapat menarik minat pelajar dan memudahkan proses mengingat. Selain itu, warna dapat mempengaruhi keberkesanan proses PdP. Kaedah baru yang digunakan juga dapat mempercepatkan tempoh menghafaz berbanding kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar	Dapatan Temu bual	Kesimpulan Dapatan
P3	"Hmm. saya rasa kena ada kelas macam inilah. Kelas hafazan melatih guru- guru sebelum ajar anak-anak. Aa perlu sangat. Perlu ada."	lama.
P4	"Bukan setakat saya bagi satu keperluan, tapi benda yang kewajipan, kewajipan. Benda tu memang perlu ada"	
P5	"Ya memang sangat sangat perlu. Sebab macam ni, sebab selalunya kalau biasa, *style* lama dia hanya hafal-hafal gitu saja. Walaupun dia ikut kita punya hafalan, budak- budak ni dia cepat hafal sebenarnya. Lepas tu budak-budak ni dia cepat hafal, faham kurang. Tapi makin umur semakin lama meningkat hafalan tu makin kurang kefahaman makin tinggi. Makin naik. Ni cerita orang tua la. Hafazan makin teruk, kefahaman makin tinggi. Dia bersilang haa gitu. Maksudnya yang ni antara budak-budak dan orang dewasa, budak-budak dia hafal kuat dia dan dia apa nama tu faham kurang, makin meningkat hafalan tu makin tinggi. Sampai ke tua faham. Hafalan tu dah makin kurang dan kefahaman makin tinggi"	

Berdasarkan dapatan bagi keperluan mereka bentuk dan membangunkan modul menunjukkan kesemua pakar bersetuju keperluan mereka bentuk dan membangunkan modul hafazan Al-Quran ini berdasarkan keperluan dalam proses PdP. Justeru, terdapat pakar menekankan pembangunan modul yang akan dilaksana agar dapat memastikan modul tersebut dapat menarik minat murid untuk terus belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7.2 Pandangan Lima (5) Pakar Terhadap Elemen Reka Bentuk Modul Kosa Kata Bahasa Arab Berasaskan Warna Dan Gambar

Berikut adalah dapatan daripada temu bual pakar bagi menyokong analisis keperluan yang juga telah mencungkil pandangan lima (5) orang pakar bagi mereka bentuk dan membangunkan modul hafazan al-Quran.

iv. Pada pandangan Dr/Ustaz/Cikgu, apakah ciri-ciri yang Dr/Ustaz/Cikgu fikirkan bersesuaian untuk berada di dalam modul pengajaran kosa kata bahasa Arab untuk modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar bagi program di tadika?

Jadual 4.9 menunjukkan dapatan temu bual dan kesimpulan dapatan bagi ciri-ciri yang bersesuaian untuk berada di dalam modul pengajaran kosa kata bahasa Arab untuk modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar bagi program di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Dapatan Temu Bual dan Kesimpulan Dapatan Terhadap Kod Elemen Gambar

Pakar	Dapatan Temu bual	Kesimpulan Dapatan
P1	"Gambar pula yang menarik minat murid dan gambar yang bersesuaian."	Terdapat cadangan dari pakar untuk memastikan gambar diletakkan agar dapat menarik minat murid tadika. Gambar yang dicadangkan adalah gambar yang bersesuaian mudah difahami dengan maksud kosa kata bahasa Arab. Gambar yang digunakan harus bersaiz besar, jelas dan terang.
P2	"Gambar tu *related* dengan apa yang dia baca, kalau al-Lail kita letak gambar kereta jadi dia tak boleh fahamlah. Kalau al-lail tu kena letak gambar bulan bintang"	
P3	"Gambar yang bersaiz besar, jelas dan terang."	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar	Dapatan Temu bual	Kesimpulan Dapatan
P4	"Okay. gambar tu penting. supaya nanti bila budak-budak tengok saja gambar tu dia terus minat. Dari segi *content* tu kita kena faham macam mana kita nak mengabungkan antara semua elemen-elemen yang ada daripada segi warna, gambar, susunan perkataan, susunan aa dari segi keperluan aa apa. penceritaan kan"	Elemen ini harus digabungkan bagi memastikan gambar adalah releven dengan maksud kosa kata bahasa Arab tersebut.
P5	"Gambar tu releven dengan dengan apa kosa kata tu"	

Selain memperolehi kesepakatan pakar terhadap keperluan pembinaan modul hafazan al-Quran, pakar yang terlibat juga mengutarakan idea dan pandangan yang bernas untuk membantu penyelidik membangunkan modul hafazan al-Quran. Antara cadangan yang paling popular adalah modul yang dibangunkan dengan memasukkan komponen gambar yang mempunyai ciri-ciri yang bersesuaian dan dapat menarik minat murid untuk mengahafaz al-Quran dan meningkatkan kosa kata bahasa Arab. Selain itu, terdapat cadangan supaya gambar mestilah bersaiz besar, jelas dan terang. Pakar mencadangkan agar gambar tersebut dapat memberikan maksud kepada ayat yang dihafaz murid seterusnya dapat difahami dan dapat menambah kosa kata bahasa Arab murid tersebut.

v. Pada pandangan Dr/Ustaz/Cikgu, apakah ciri-ciri yang Dr,/Ustaz/Cikgu fikirkan bersesuaian untuk berada di dalam modul pengajaran kosa kata bahasa Arab untuk modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar bagi program di tadika?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10 menunjukkan dapatan temu bual dan kesimpulan dapatan bagi ciri-ciri yang bersesuaian untuk berada di dalam modul pengajaran kosa kata bahasa Arab untuk modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar bagi program di tadika.

Jadual 4.10

Dapatan Temu Bual dan Kesimpulan Dapatan Terhadap Kod Elemen Warna

Pakar	Dapatan Temu bual	Kesimpulan Dapatan
P1	"Okay ciri-ciri yang perlu ada gambar yang menarik pastu kena berwarna, tulisan tu dia bewarna"	Terdapat cadangan supaya warna yang digunakan di dalam modul hafazan yang mempunyai ciri-ciri yang dapat menarik minat murid, tulisan berwarna dan warna yang ceria.
P2	"Warna ni tadi lah warna yang aaa kalau kanak-kanak dia lebih suka yang menarik perhatian dia yang cerialah warna-warna yang tenang tu lebih lama masa dia akan beri tumpuan lah dan fokus. Hijau, warna biru aa warna-warna yang orang kata apa. Warna tenang lah"	
P3	"Biasanya kita guna warna *basic*. Warna *basic*. Merah, hijau, kuning. Haa biru. Warna juga mesti pelbagai"	
P4	"Warna kita tahu warna asas kan. Haa pastu seperti merah dan biru la, tu warna asas. Okay kalau ada pendapat. Kuning, merah dan biru tu warna asas jadi macam mana kita menggunakan warna tu lah, kalau warna hitam putih ni dia tak berapa ceria kan. Jadi kalau nak ceria satu, warna tu dipelbagaikan"	adalah warna hijau, biru, merah dan kuning. Warna yang dicadangkan juga haruslah dipelbagaikan mengikut keadaan bagi lebih nampak menonjol pada bahagian yang diwarnakan
P5	"Budak-budak tadi tertarik kepada benda yang menonjol. Hat sipi-sipi dia tak tahu, bukan tak tahu, dia tak tertarik. Sebab tu kaler yang hat yang kita kata apa kaler yang aaa yang tak terang depa tak tertarik"	

Manakala menurut pandangan pakar bagi kod elemen warna yang bersesuaian dalam mereka bentuk modul pula, pakar berpendapat warna yang bersesuaian perlulah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai ciri warna yang menceriakan, warna asas, warna yang terang dan jelas. Warna yang dicadangkan oleh pakar dan disebut dalam proses temu bual adalah warna hijau, biru, merah dan kuning. Antara warna yang dicadangkan agar tidak digunakan kerana tidak memberikan keceriaan adalah warna putih dan hitam.

vi. Pada pandangan Dr/Ustaz/Cikgu, apakah ciri-ciri yang Dr./Ustaz/Cikgu fikirkan bersesuaian untuk berada di dalam modul pengajaran kosa kata bahasa Arab untuk modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar bagi program di tadika?

Jadual 4.11 menunjukkan dapatan temu bual dan kesimpulan dapatan bagi ciri-ciri yang bersesuaian untuk berada di dalam modul pengajaran kosa kata bahasa Arab untuk modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar bagi program di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11

Dapatan Temu Bual dan Kesimpulan Dapatan Terhadap Kod elemen teks

Pakar	Dapatan Temu bual	Kesimpulan Dapatan
P1	"Teks tu aaa perlu jelas, tulisan dia tu perlu jelas aaa untuk aaa budak"	Terdapat cadangan supaya teks yang digunakan dalam modul hafazan mempunyai ciri-ciri tulisan teks yang jelas atau terang, saiz tulisan yang besar dan meletakkan warna pada tulisan. Manakala struktur ayat pula mestilah ringkas dan mudah difahami.
P2	"Sama juga kalau kanak-kanak tu. teksnya tadi tidaklah terlalu *complicated*. Mungkin prakata-prakata ke macam mana ke, dan Fonnya tu saiznya agak besar, agak besar dan dia boleh nampak dengan jelas. dan dia tadilah, berwarna. Berwarna ni aaa tadilah kita tengok Quran KPM tu pun dia dah ke arah itu"	
P3	"Teks pada buku kerja kena besar"	
P4	"Benda tu perlu lah aa *colourful*, ada lah *chart* kalau lagi cantik kalau benda tu 3D"	
P5	"Satu ayat tu berapa perkataan saja	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar	Dapatan Temu bual	Kesimpulan Dapatan
	jangan banyak”	

Berdasarkan dapatan bagi cadangan pakar bagi menentukan ciri-ciri elemen teks yang bersesuaian untuk mereka bentuk modul hafazan al-Quran mendapati justifikasi teks yang jelas diutarakan oleh pakar. Hal demikian, bagi memastikan murid mudah memahami apabila saiz tulisan besar dan dimasukkan elemen warna pada bahagian teks tersebut. Pakar juga memilih untuk mengulangi pendapat bahawa elemen teks perlu ringkas dan besar agar dapat diterima oleh murid bagi proses pemebelajaran yang lebih berkesan.

4.8 Rumusan Dapatan Kajian Fasa Analisis Keperluan Modul

Fasa analisis keperluan di dalam bab ini menghuraikan tentang dapatan kajian bagi fasa satu. Dapatan kajian melalui analisis deskriptif tinjauan soal selidik ini telah dibahagikan kepada lima bahagian iaitu pada bahagian A adalah berkenaan dengan demografi responden. Manakala pada bahagian B pula adalah berkenaan Keperluan Terhadap Pembangunan Modul Pengajaran SMART-KQ, bahagian C berkaitan Kaedah Hafazan al-Quran Berasaskan Warna dan Gambar sebagai Faktor Memudahkan Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab, pada bahagian D menjurus kepada Reka bentuk Modul Pengajaran SMART-KQ dan bahagian E berkaitan Kesedian Guru dalam Proses Pengajaran Bahasa Arab di Tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekiranya dilihat kepada dapatan bahagian A, penjelasan terperinci tertumpu kepada demografi responden yang terdiri daripada bilangan tahun mengajar di tadika, kelulusan tertinggi akademik dan kelayakan ikhtisas dalam bidang pendidikan.

Manakala pada bahagian B pula memaparkan peratusan responden terhadap keperluan pembangunan Modul Pengajaran SMART-KQ. Pada bahagian ini membantu pengkaji mendapat maklumat tentang keperluan modul kosa kata Bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dibangunkan. Dapatan tersebut memberikan gambaran bahawa modul yang perlu dibangunkan harus dapat menyeronokkan kanak-kanak yang dalam proses pembelajaran dan secara tidak langsung dapat memupuk semangat belajar secara berkumpulan. Selain itu, warna dan gambar sering digunakan di dalam proses pembelajaran di dalam subjek lain di tadika dan di dalam modul hafazan al-Quran juga amat wajar elemen warna dan gambar digunakan bagi sesi pengajaran dan pembelajaran.

Pada bahagian C pula merujuk kepada dapatan kajian berkaitan faktor yang memudahkan pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab dengan menggunakan modul hafazan berasaskan warna dan gambar. Melalui dapatan yang diperolehi menunjukkan elemen warna dan gambar dapat membantu murid memahami kosa kata bahasa Arab dan secara tidak langsung memberikan lebih fokus kepada pelajar. Hal yang demikian, menunjukkan suatu modul yang baik dan sesuai kepada murid prasekolah menyebabkan motivasi untuk belajar dapat dipertingkatkan.

Seterusnya, pada bahagian D adalah merupakan tentang Reka bentuk Modul Pengajaran SMART-KQ yang bersesuaian bagi pengajaran dan pembelajaran kosa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kata bahasa Arab. Dapatan yang diperolehi mendapati modul yang ingin dibangunkan perlulah mempunyai ciri-ciri seperti mempunyai gambar, warna yang menarik, kaedah susunan yang baik, fon yang sesuai dan grafik yang sesuai dengan tema ayat.

Manakala bahagian yang terakhir adalah bahagian E yang membincangkan tentang kesediaan guru dalam proses pengajaran bahasa Arab di tadika. Dapatan yang diperolehi menunjukkan guru memiliki minat dan motivasi bagi mengajar subjek berkaitan bahasa Arab melalui hafazan al-Quran. Guru-guru juga mempamerkan kesediaan mengubahsuai dan memperbaiki mutu pengajaran mengikut kemampuan murid mereka.

Seterusnya, dapatan temu bual pakar melalui perisian ATLAS.Ti telah membahagikan dua tema yang digunakan dalam menghasilkan rangkaian dalam temu bual pakar. Tema pertama terdiri daripada keperluan modul dan tema kedua komponen dalam modul. Setiap tema telah dipecahkan kepada kod masing-masing. Hasil dapatan analisis soalan temu bual bagi tema keperluan modul mendapati modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar bagi meningkatkan kosa kata bahasa Arab perlu dibangunkan bagi memudahkan rujukan guru dan membantu guru lebih kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala dapatan cadangan pakar terhadap komponen yang diperlukan dalam modul menunjukkan modul yang akan dibangunkan perlu mempunyai ciri gambar, warna dan teks tulisan yang dapat menarik minat dan memudahkan proses pengajaran terhadap murid tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN SMART-KQ

5.1 Pengenalan

Bab ini memperincikan kajian yang dilakukan dalam fasa reka bentuk dan pembangunan. Terdapat dua bahagian utama yang diberi tumpuan dalam kajian ini, iaitu kajian reka bentuk dan kajian pembangunan Modul Pengajaran SMART-KQ. Fasa ini menitikberatkan kepada pembentukan dan pembangunan Modul Pengajaran SMART-KQ khususnya untuk program hafazan di tadika.

Fokus tertumpu kepada bab empat (4) yang menjadi asas bagi meneruskan kajian kepada fasa yang seterusnya, dapatan bab empat (4) analisis keperluan dengan jelas menunjukkan keperluan untuk membangunkan Modul SMART-KQ di tadika. Dapatan ini, memberikan sokongan yang kuat terhadap kepentingan pembangunan Modul SMART-KQ. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, fasa kajian ini memfokuskan dua aspek utama, iaitu reka bentuk modul dan pembangunan modul menggunakan teknik *Fuzzy Delphi.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Analisis Reka Bentuk Modul Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab

Analisis reka bentuk modul ini adalah bertujuan bagi mendapatkan dan mengeluarkan konstruk-konstruk utama dan item-item yang diperlukan dalam penghasilan Modul SMART-KQ. Fasa ini amat penting kerana pembentukan Modul SMART-KQ adalah bersumberkan kepada beberapa model sedia ada yang telah diadaptasi dan dikenali dengan model pengajaran SMART-KQ. Jelas bahawa model tersusun yang lengkap amat penting sebagai sandaran untuk menghasilkan modul pembelajaran yang memenuhi ciri-ciri kualiti yang ditetapkan. Justeru, penghasilan modul ini hendaklah dilihat dalam konteks pengajaran yang bersesuaian dalam penggunaannya di tadika.


Dalam fasa analisis reka bentuk ini juga, terdapat lima (5) langkah yang telah digunakan oleh pengkaji bagi mengeluar dan menghasilkan konstruk utama dan item yang diperlukan oleh Modul SMART-KQ. Model sandaran bertindak sebagai sokongan utama dalam memandu sebarang penyelidikan pendidikan (Isman, 2011). Model yang komprehensif boleh meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan penemuan kajian (Shoorcheh et al., 2015). Pemilihan model yang berwibawa menjadi tunjang untuk menjamin kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian dan produk pendidikan yang dihasilkan (Isman, 2011; Richey, 1998). **Rajah 5.1** menunjukkan rumusan kepada setiap langkah yang digunakan dalam fasa analisis reka bentuk modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 5.1

Lima Langkah Reka Bentuk dan Membangunkan Modul Pengajaran SMART-KQ



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.1 Langkah 1: Pembangunan Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART KQ Berasaskan Model Sedia Ada

Terdapat tiga (3) model sedia ada yang menjadi sandaran kajian di dalam reka bentuk Modul SMART-KQ ini. Model yang terlibat adalah Model Gagne, Model TABA dan Model Sidek.

Jika disorot kembali dalam bab dua (2) telah menjelaskan secara terperinci tentang Model Gagne yang meliputi sembilan (9) fasa yang mewakili proses yang perlu dilakukan dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Model pengajaran Gagne telah menggariskan secara ringkas sembilan langkah utama seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Menarik perhatian.
2. Penjelasan matlamat.
3. Pengetahuan sedia ada.
4. Pembentangan bahan.
5. Memberi tunjuk ajar.
6. Pemindahan pembelajaran.
7. Memberi maklum balas.
8. Mengakses kemajuan.
9. Meningkatkan pengukuhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala terdapat tujuh (7) langkah utama yang terkandung dalam Model TABA yang boleh diaplikasikan dalam membangunkan sesebuah kurikulum bagi sesuatu program pendidikan (Taba, 1962):

1. Diagnosis keperluan pelajar.
2. Pembentukan objektif.
3. Pemilihan kandungan.
4. Penyusunan (pengorganisasian) kandungan.
5. Pemilihan aktiviti.
6. Penyusunan (pengorganisasian) aktiviti.
7. Penentuan proses penilaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, model yang dijadikan sandaran kepada penghasilan modul di dalam kajian ini ialah Model Sidek yang telah diadaptasi bagi penghasilan kandungan reka bentuk dan pembangunan yang terbaik dan berkesan adalah seperti berikut:

1. Pembinaan matlamat.
2. Pengenal pastian kepada teori, rasional, falsafah, konsep, sasaran dan tempoh masa.
3. Kajian keperluan.
4. Penetapan objektif.
5. Pemilihan isi kandungan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6. Pemilihan strategi.
7. Pemilihan logistik.
8. Pemilihan media.
9. Penyatuan draf modul.

Jelas disini menunjukkan bahawa keperluan perlaksanaan sesuatu model yang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah berfokuskan kepada kehendak dan keperluan pelajar itu sendiri. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa ketiga-tiga model ini iaitu Model Gagne, Model TABA dan Model Sidek menitikberatkan kepada keperluan para guru dalam melihat kepada persediaan diri mereka sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan yang melibatkan proses pertama iaitu proses penyediaan isi kandungan modul yang terbaik, pemilihan kaedah yang mampu menjadikan pembelajaran lebih berkesan dan kaedah meningkatkan pengukuhan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada gabung jalin ketiga-tiga model ini dan penambahbaikan yang dijalankan hasil pandangan pakar melalui semakan keesahan kandungan dan bahasa, konstruk utama telah dibentuk menjadi tujuh (7) konstruk yaang dinilai oleh sekumpulan panel pakar melalui pendekatan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM). Konstruk utama ini terdiri daripada konstruk yang dikenali dengan nama Model SMART-KQ seperti senarai berikut :

1. Isi kandungan modul.
2. Kaedah pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Protokol pengurusan penilaian kemajuan.
4. Pemilihan warna.
5. Pemilihan gambar.
6. Teks surah.
7. Meningkatkan pengukuhan murid.


Ketujuh-tujuh konstruk dalam **Rajah 5.2** yang dikenali dengan nama Model SMART-KQ merupakan satu kerangka model kurikulum yang diperkenalkan sebagai alternatif kepada model sedia ada, penghasilan model ini adalah melalui kaedah gabung jalin kepada model kurikulum Model Gagne, Model TABA dan Model Sidek. Kesemua elemen ini disepadukan bagi memastikan satu model pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang dan merangkumi input visual, auditori dan kinestetik untuk memberi manfaat pembelajaran optimum kepada semua murid khususnya dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 5.2.

Gabung Jalin bagi Menghasilkan Model SMART-KQ



5.2.2 Langkah 2: Pengesahan Konstruk Utama Modul Berdasarkan Kesepakatan Pakar Menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi*

Dalam penentuan konstruk utama bagi modul Pengajaran kosa kata bahasa Arab ini, pengkaji telah menjalankan kajian literatur terhadap tiga model seperti yang diperbincangkan di dalam dapatan langkah satu (1) yang dipaparkan sebelum subtopik ini. Justeru, dapatan langkah dua (2) ini adalah bertujuan untuk melihat pengesahan daripada sekumpulan pakar terhadap konstruk-konstruk utama yang telah dipilih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berdasarkan tiga (3) model sedia ada iaitu Model Gagne, Model TABA dan Model Sidek. Kumpulan pakar yang terlibat dalam melakukan pengesahan konstruk ini adalah amat penting kerana pakar-pakar ini hendaklah terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam konteks kajian.

Seperti yang dibicarakan dalam bab tiga (3), analisis data kajian bagi kaedah *Fuzzy Delphi* akan bersandarkan kepada nilai *threshold* (d) dan peratusan kesepakatan pakar di mana nilai *threshold* (d) bagi setiap item yang diukur mestilah kurang atau sama dengan 0.2 (Chen et al., 2011; Cheng & Lin, 2002; Mohd Ridhuan, 2016) dan peratusan kesepakatan pakar mestilah melebihi atau sama dengan 75% (Chu & Hwang, 2008; Mury & Hammons, 1995; Mohd Ridhuan, 2016). Nilai *threshold* (d) dianalisis menggunakan *microsoft excel* berpandukan kepada rumus berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Triangular Fuzzy Numbers

Nilai *threshold* (d) ≤ 0.2 Syarat 1 adalah melibatkan nilai *threshold* (d). Untuk mengukur kesepakatan kumpulan pakar, nilai *threshold* (d) yang terhasil mestilah lebih kecil atau sama dengan nilai 0.2. Dalam konteks kajian ini, tiga titik perpuluhan digunakan. Maka setiap item yang mengandungi nilai *threshold* (d) yang tidak mencapai nilai 0.3 dan ke atas, diterjemahkan sebagai di TERIMA berdasarkan kesepakatan pakar. Penentuan nilai *threshold* (d) ini adalah berdasarkan rumus berikut:

a. Peratus Kesepakatan Pakar ≥ 75%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Syarat dua (2) adalah melibatkan peratusan kesepakatan kumpulan pakar. Syarat ini adalah bersandarkan kepada pendekatan kaedah *delphi* tradisional di mana nilai peratusan ini ditentukan berdasarkan jumlah item yang mengandungi nilai *threshold* (d) yang tidak mencapai nilai 0.3 dan ke atas. Ini membawa maksud bahawa setiap item yang mempunyai nilai *threshold* (d) bersamaan atau kurang daripada 0.2, di TERIMA dan ditukarkan kepada nilai peratusan berdasarkan kaedah *delphi* tradisional.

b. *Defuzzification Value*

*Skor *Fuzzy* (A) ≥ nilai α – *cut* = 0.5

Bagi syarat 3 pula, penentuan nilai skor *fuzzy* (A) adalah bersandarkan kepada nilai α–*cut* iaitu 0.5. Sekiranya nilai skor *fuzzy* (A) adalah kurang daripada 0.5, maka item yang diukur adalah di TOLAK berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar. Sekiranya nilainya sama dengan 0.5 dan ke atas, maka ia di TERIMA berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar. Selanjutnya, proses menentukan kedudukan dan keutamaan item boleh dilakukan di mana nilai skor *fuzzy* (A) paling tinggi dianggap berada pada kedudukan pertama. Penentuan nilai skor *fuzzy* (A) ini adalah berdasarkan rumus berikut:

$$A = (1/3) *(m1 + m2 + m3) \qquad (5.1)$$

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.2.1 Latar Belakang Panel Pakar *Fuzzy Delphi*

Dalam proses reka bentuk model ini, terdapat 12 orang pakar telah dikenal pasti bagi melihat, menilai dan mengesahkan konstruk utama yang digunakan bagi modul Pengajaran kosa kata bahasa Arab ini. Kesemua item adalah amat kritikal dalam memastikan ia mampu membantu para guru menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran berkesan.

Lanjutan itu, proses pemilihan pakar ini amat penting bagi tujuan pengesahan dengan penilaian sama ada perlu dilakukan penambahan atau penolakan berdasarkan pertimbangan kesepakatan daripada sekumpulan pakar yang berpengalaman dan arif dalam konteks kajian. Panel pakar yang dikenal pasti terdiri daripada 12 orang pakar iaitu pakar daripada bidang bahasa Arab, pakar daripada bidang tahfiz, pakar daripada bidang pendidikan awal kanak-kanak dan pakar dalam kalangan pendidik di tadika Islam berfungsi memberi cadangan dan pengesahan terhadap konstruk utama dan item yang terkandung di dalam Modul Pengajaran kosa kata bahasa Arab ini. **Jadual 5.1** di bawah menerangkan latar belakang pakar mengikut bidang dan kepakaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1

Deskripsi Pakar Mengikut Bidang dan Kepakaran

Pakar	Kepakaran	Bidang
1.	Pensyarah Universiti Kelulusan Doktor Falsafah bidang bahasa Arab Pengalaman 5 hingga 10 tahun sebagai Pensyarah bidang bahasa Arab	Bahasa Arab
2.	Pensyarah Universiti Kelulusan Doktor Falsafah bidang bahasa Arab Pengalaman 5 hingga 10 tahun sebagai Pensyarah bidang bahasa Arab	
3.	Pensyarah Universiti Kelulusan Doktor Falsafah bidang bahasa Arab Pengalaman 17 hingga 22 tahun sebagai Pensyarah bidang bahasa Arab	
4.	Pensyarah Universiti Kelulusan Doktor Falsafah bidang Pengajian Islam (Al-Quran Dan Al-Hadith) Pengalaman 5 hingga 10 tahun sebagai Pensyarah Pendidikan Tahfiz al-Quran	Tahfiz
5.	Pensyarah Universiti Kelulusan Doktor Falsafah bidang Islamiyyat. Pengalaman 5 hingga 10 tahun sebagai Pensyarah Pendidikan Tahfiz al-Quran	
6.	Pensyarah Darul Quran Doktor Falsafah Pengajian Islam (Al-Quran dan Al-Hadith) Pengalaman 17 hingga 22 tahun sebagai Pensyarah Pendidikan Tahfiz al-Quran	
7.	Pensyarah Universiti Doktor Falsafah Pendidikan Prasekolah Pengalaman 11 hingga 16 tahun sebagai Pensyarah Pendidikan Awal Kanak-Kanak	Pendidikan Awal Kanak-Kanak
8.	Pensyarah Universiti Jawatan Prof. Madya Doktor Falsafah Pendidikan Prasekolah Pengalaman 17 hingga 22 tahun sebagai Pensyarah Pendidikan Awal Kanak-Kanak	
9.	Pensyarah Maktab Perguruan Ketua Jabatan (PAKK) Doktor Falsafah Pendidikan Prasekolah Pengalaman 11 hingga 16 tahun sebagai Pensyarah Pendidikan Awal Kanak-Kanak	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.	Warna terang yang digunakan dapat membantu murid menambah saiz kosa kata bahasa Arab.	Penggunaan warna terang dalam pengajaran dan pembelajaran sangat penting daripada segi psikologi, kognitif dan estetika demi meningkatkan keberkesanan proses pendidikan.
6.	Pelbagai warna yang digunakan dapat membantu murid menambah saiz kosa kata bahasa Arab.	Penggunaan warna secara kreatif dan berstrategi dalam pengajaran amat bermanfaat untuk pembelajaran kosa kata bahasa Arab yang lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.37

Perincian dan Huraian bagi Item Pemilihan Gambar

Bil.	Item	Perincian dan Huraian
1.	Gambar-gambar yang dapat memudahkan murid memahami ayat al-Quran dengan tema tertentu.	Dengan visualisasi berbantukan gambar yang sesuai, diharapkan dapat meningkatkan daya imaginasi dan pemahaman kontekstual murid terhadap kandungan ayat al-Quran.
2.	Gambar yang dapat menarik minat murid.	Elemen visual gambar perlu ada unsur menghibur, menarik minat dan rasa ingin tahu agar mampu meningkatkan tumpuan terhadap proses pembelajaran.
3.	Gambar bersaiz besar.	Lebih jelas dan terperinci butiran sesuatu objek menjadikan murid lebih memahami bentuk, rupa, warna dan tekstur dengan tepat.
4.	Gambar yang dapat memberikan maksud mudah kosa kata bahasa Arab.	Penggunaan gambar yang kontekstual sangat berkesan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab kerana bersifat visual, mudah difahami dan menyeronokkan pembelajaran murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.38

Perincian dan Huraian bagi Item Teks Surah

Bil.	Item	Perincian & Huraian
1.	Surah al-Fatihah.	Isi kandungan modul yang yang dibangunkan mengandungi 4 surah berikut seperti yang terkandung di dalam KSPK.
2.	Surah an-Nas.	
3.	Surah al-Ikhlas.	
4.	Surah al-Falaq.	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.39

Perincian dan Huraian bagi Item Meningkatkan Pengukuhan Murid

Bil.	Item	Perincian dan Huraian
1.	Warna dapat meningkatkan fokus pelajar.	Penggunaan warna yang sesuai dan berstrategi boleh membantu meningkatkan tumpuan dan fokus pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.
2.	Gambar dapat meningkatkan fokus pelajar.	Penggunaan gambar yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran boleh membantu meningkatkan tumpuan dan fokus pelajar.
3.	Warna yang digunakan menjadikan pembelajaran lebih kreatif.	Penggunaan warna yang kreatif dan berkesan boleh meningkatkan unsur kreativiti dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
4.	Gambar yang digunakan menjadikan pembelajaran lebih kreatif.	Gambar kartun dan animasi digunakan untuk menjelaskan konsep yang rumit dengan cara yang menghiburkan.
5.	Maklumat berwarna membantu murid menguasai saiz kosa kata bahasa Arab secara bertema dengan lebih baik.	Warna membolehkan murid mengaitkan makna perkataan dengan visual warna tertentu, sekaligus memperkukuh pemahaman konsep perkataan bahasa Arab.
6.	Maklumat bergambar membantu murid menguasai saiz kosa kata bahasa Arab secara bertema dengan lebih baik.	Murid dapat mengaitkan gambar dengan perkataan dengan lebih mudah berbanding hanya perkataan tanpa konteks visual.
7.	Warna memudahkan penguasaan kosa kata bahasa Arab.	Penggunaan warna yang kreatif dan berstrategi boleh memudahkan proses penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar.
8.	Gambar memudahkan penguasaan kosa kata bahasa Arab.	Elemen visual seperti gambar sangat bermanfaat untuk memudahkan usaha pelajar menguasai perbendaharaan kosa kata dalam bahasa Arab.
9.	Maklumat berwarna menjadikan pembelajaran lebih pantas.	Penggunaan kreatif unsur visual warna secara strategik mampu mempercepatkan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar.
10.	Maklumat bergambar menjadikan pembelajaran lebih pantas.	Gambar dan grafik berupaya menyampaikan mesej dan idea dengan lebih cepat berbanding perkataan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Rumusan Fasa Reka bentuk dan Pembangunan Modul Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab

Setelah siap dibangunkan Modul Pengajaran SMART-KQ, pengkaji merumuskan bahawa fasa reka bentuk dan pembangunan modul merupakan fasa yang sangat penting dalam kajian yang dijalankan. Fasa ini dibahagikan kepada dua subfasa utama iaitu subfasa reka bentuk modul dan subfasa pembangunan modul pengajaran. Dalam subfasa reka bentuk, pengkaji telah menjalankan kajian literatur dan penelitian data analisis keperluan. Seterusnya, mengenal pasti item bagi konstruk utama dan mereka bentuk setiap item dalam modul berdasarkan kesepakatan panel pakar menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*. Manakala dalam subfasa pembangunan pula, persetujuan dan keutamaan item daripada panel pakar yang sama diperoleh untuk penjelasan lanjut setiap item bagi memastikan ketepatan dan kesesuaian item dalam modul. Pengolahan data juga menggunakan kaedah yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Hasil perbincangan mendapati modul yang dihasilkan mengandungi tujuh struktur utama iaitu justifikasi pembangunan modul, isi kandungan modul, kaedah pengajaran dan pembelajaran, protokol mengakses kemajuan murid, pemilihan warna, pemilihan gambar, teks surah dan meningkatkan pengukuhan murid. Walau bagaimanapun, terdapat cadangan daripada pakar yang memberi maklum balas agar konstruk pemilihan surah ditambah bilangan surah hafazan kepada dua surah iaitu surah an-Nasr dan surah al-Kauthar. **Rajah 5.3** menunjukkan struktur konstruk Modul Pengajaran SMART-KQ yang telah dibangunkan berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 5.3

Struktur Pemasangan Item bagi Konstruk Modul Pengajaran SMART-KQ



Manakala Modul Pengajaran SMART-KQ yang dibangunkan adalah seperti di Lampiran L. Modul pengajaran SMART-KQ yang dibangunkan dalam kajian ini merupakan komponen penting untuk meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran. Untuk memudahkan akses dan rujukan, modul ini telah didigitalkan dan boleh dicapai melalui teknologi QR Kod. Para pembaca dan penyelidik yang berminat untuk meneroka modul ini secara lebih terperinci boleh berbuat demikian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan mudah. Untuk melihat kandungan lengkap modul pengajaran SMART-KQ, sila imbas QR Kod yang disertakan pada **Rajah 5.4** di bawah menggunakan peranti mudah alih anda. Kaedah akses ini membolehkan penyebaran maklumat yang cekap dan memudahkan rujukan semula pada bila-bila masa diperlukan.

Rajah 5.4

QR Kod Modul Pengajaran SMART-KQ



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 6

DAPATAN KAJIAN FASA 3: PENILAIAN KEBOLEHGUNAAN

6.1 Pengenalan

Pada fasa penilaian kebolehgunaan adalah merupakan suatu fasa bagi melihat kepada kebolehgunaan dan kesesuaian sesuatu produk yang berbentuk modul pengajaran yang telah dibangunkan oleh penyelidik. Fasa kebolehgunaan modul merujuk kepada peringkat di mana prototaip atau bentuk fizikal modul yang telah dibangunkan dinilai daripada aspek kebergunaan dan kesesuaiannya oleh kumpulan sasaran yang bakal menggunakan modul tersebut (Zaharias, 2012). Ia adalah fasa terakhir dalam kitaran pembangunan modul berdasarkan pendekatan model reka bentuk dan pembangunan (Richey & Klein, 2014). Hasil dapatan penilaian fasa kebolehgunaan ini akan dijadikan asas untuk tujuan penambahbaikan dalam penyediaan produk akhir sebelum sebarang pengkomersialan atau pelaksanaan dilakukan.

Dalam konteks kajian ini, satu perbincangan dalam kalangan guru prasekolah yang mengajar subjek pendidikan Islam melebihi 5 tahun dan boleh dikategorikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai pakar bidang telah diadakan, perbincangan ini bertujuan bagi mendapatkan pandangan mereka tentang kebolehgunaan modul yang dibentangkan. Suatu kaedah yang dikenali sebagai Teknik Kumpulan Nominal (NGT) telah digunakan di mana setiap guru memberikan pendapat secara bersemuka untuk menentukan persepsi, kepuasan dan kesesuaian modul untuk tujuan pembelajaran (Millano & Ullius, 1998) di tadika. Input daripada perbincangan ini disenaraikan bagi tujuan penambahbaikan sebelum pelaksanaan sepenuhnya (Azman et al., 2021). Keseluruhan proses NGT yang sistematik ini penting dalam menghasilkan modul yang memenuhi ciri-ciri kebolehgunaan untuk tujuan pengajaran kosa kata bahasa Arab dalam hafazan al-Quran yang lebih berkesan pada peringkat tadika khususnya. Justeru, penyelidik telah memilih seramai 23 orang guru pakar yang menjadi tenaga pengajar di tadika terpilih bagi mengikuti penilaian kebolehgunaan modul pengajaran SMART-KQ ini. Oleh yang demikian, jadual di bawah memaparkan pakar yang telah dikodkan seperti yang dipaparkan pada **Jadual 6.1** di bawah.

Jadual 6.1

Pengekodan pakar dalam kajian Teknik Kumpulan Norminal (NGT)

Bil.	Pengekodan Pakar		Bil.	Pengekodan Pakar	
1.	Pakar Kajian 1	A1	13.	Pakar Kajian 13	A13
2.	Pakar Kajian 2	A2	14.	Pakar Kajian 14	A14
3.	Pakar Kajian 3	A3	15.	Pakar Kajian 15	A15
4.	Pakar Kajian 4	A4	16.	Pakar Kajian 16	A16
5.	Pakar Kajian 5	A5	17.	Pakar Kajian 17	A17
6.	Pakar Kajian 6	A6	18.	Pakar Kajian 18	A18
7.	Pakar Kajian 7	A7	19.	Pakar Kajian 19	A19

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil.	Pengekodan Pakar		Bil.	Pengekodan Pakar	
8.	Pakar Kajian 8	A8	20.	Pakar Kajian 20	A20
9.	Pakar Kajian 9	A9	21.	Pakar Kajian 21	A21
10.	Pakar Kajian 10	A10	22.	Pakar Kajian 22	A22
11.	Pakar Kajian 11	A11	23.	Pakar Kajian 23	A23
12.	Pakar Kajian 12	A12			
Jumlah Peserta Kajian (N): 23 orang					

Dalam perbengkelan penilaian kebolehgunaan, setelah pembimbing yang merangkap sebagai moderator membentangkan klasifikasi modul yang dibangunkan, kesemua pakar diminta memberi pandangan dan menanda tahap persetujuan dalam skala *likert* pada borang soal selidik yang disediakan dan hasil pandangan melalui borang soal selidik tersebut ditayangkan bagi proses perbincangan serta percambahan idea untuk proses penambahbaikan sekiranya perlu. Selain itu, pakar juga diberikan ruang untuk memberikan cadangan dan komen mereka. Seterusnya, nilai skor yang ditandakan bagi setiap item atau elemen dalam soal selidik akan dinilai dan kemudiannya ditukar kepada bentuk peratusan (Deslandes et al., 2010). Melalui pendekatan teknik kumpulan nominal (NGT) yang diaplikasi, syarat minimum untuk sesuatu elemen modul, reka bentuk atau hasil diterima adalah sekurang-kurangnya 70 peratus berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar (Dobbie et al., 2004). Dengan itu, peratusan skor kumpulan yang sama atau lebih tinggi daripada nilai syarat ini akan menunjukkan elemen berkenaan sesuai dan boleh digunakan, justeru dapatan ini akan menyokong tahap kebolehgunaan modul pengajaran SMART-KQ.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menjalankan penilaian kebolehgunaan modul pengajaran SMART-KQ, satu set soal selidik yang mengandungi lima bahagian utama telah diedarkan kepada para pakar. Bahagian A mendapatkan maklumat demografi pakar, diikuti Bahagian B untuk menilai kesesuaian konstruk utama modul yang dicadangkan. Seterusnya, Bahagian C menilai kesesuaian item-item dalam setiap konstruk utama modul manakala Bahagian D pula menilai keutamaan item berdasarkan kepentingan. Akhir sekali, Bahagian E mendapatkan pandangan holistik pakar terhadap tahap kebolehgunaan keseluruhan modul pengajaran SMART-KQ serta cadangan penambahbaikan untuk penyediaan produk akhir (Dollah & Singh, 2021; Sota et al., 2021). Maklum balas yang diperolehi melalui set soal selidik ini telah dianalisis untuk menentukan persepsi penerimaan dan kebolehgunaan modul yang telah dibangunkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian terdapat persoalan kajian yang perlu dijawab dalam fasa ini adalah seperti berikut:

Sejauh manakah kebolehgunaan modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dalam pengajaran hafazan al-Quran di Tadika Islam Malaysia?

6.2 Demografi Pakar Kajian

Pada bahagian ini adalah merupakan demografi 23 orang pakar yang dipilih bagi mendapakan persepsi dan kepuasan pengguna seperti yang dihujahkan oleh Millano dan Ullius (1998) dalam penilaian kebolehgunaan sesuatu model atau modul yang dibangunkan. Pakar yang dipilih merupakan guru tadika yang terlibat dalam proses pengajaran pendidikan Islam di tadika terpilih. **Jadual 6.2** di bawah memaparkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapatan daripada kajian fasa 3 pada bahagian demografi responden bagi semua 23 orang pakar yang terpilih dalam pembangunan modul pengajaran SMART-KQ.

Jadual 6.2 di bawah menunjukkan, terdapat maklumat yang diperolehi pada bahagian demografi yang mana semua pakar yang terlibat daripada jumlah keseluruhan 23 orang dengan peratusan sebanyak 100% guru tadika merupakan daripada kalangan tenaga pengajar perempuan, dapatan ini selari dengan dapatan Nur Athirah et al. (2019) sebanyak 91.5% guru prasekolah di Malaysia adalah perempuan. Ini menunjukkan bahwa pekerjaan pengasuhan dan pendidikan anak usia tadika masih didominasi oleh kaum wanita. Seterusnya, tahap kelayakan akademik pula menunjukkan responden yang merupakan pakar dalam kajian ini memiliki kelayakan akademik Diploma merupakan peratusan yang tertinggi mewakili 12 orang dengan peratusan sebanyak 50%, diikuti pakar yang memiliki kelayakan akademik SPM atau STPM pula mewakili peratusan kedua tertinggi sebanyak 6 orang mewakili peratusan sebanyak 29%. Seterusnya, baki responden yang merupakan pakar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda pula sebanyak 5 orang mewakili peratusan sebanyak 21%. Hasil daripada dapatan pada bahagian ini, menggambarkan bahawa majoriti pakar yang memiliki Diploma dan Ijazah Sarjana Muda adalah sebanyak 17 orang mewakili peratusan sebanyak 71%. Menurut kajian Darling Hammond dan Richardson (2009) guru tadika yang mempunyai kelayakan akademik yang tinggi didapati lebih berkesan dalam pengajaran mereka. Ini kerana latar belakang pendidikan memberikan guru kefahaman mendalam tentang teori perkembangan kanak-kanak dan kaedah pengajaran terkini (Siraj-Blatchford, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, hasil daripada dapatan pada bahagian demografi telah menunjukkan tentang pengalaman mengajar dalam pengkhususan pendidikan Islam, menunjukkan pakar yang telah dilantik memiliki pengalaman mengajar antara 5 hingga 10 tahun adalah sebilangan besar daripada pakar kajian ini seramai 20 orang mewakili peratusan sebanyak 87%. Seterusnya, yang memiliki pengalaman mengajar 11 hingga 16 tahun pula adalah seramai 2 orang yang mewakili peratusan sebanyak 8%. Manakala seorang pakar yang terlibat telah memiliki pengalaman mengajar terlama iaitu pengalaman mengajar antara 29 hingga 34 tahun mewakili peratusan 5%. Justeru, kesemua pakar yang terlibat adalah bertepatan dengan Berliner (2004) yang menghujahkan bahawa setiap seseorang itu dianggap pakar apabila memiliki pengalaman dan pengkhususan bidang pengetahuan melebihi tempoh lima tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 6.2

Demografi pakar bagi kajian kebolehgunaan modul pengajaran SMART-KQ

Bil	Perkara	Jenis	Kekerapan	Peratusan (%)
1.	Jantina	Lelaki		
		Perempuan	23	100
2.	Kelayakan Akademik	SPM/STPM	6	29
		Diploma	12	50
		Ijazah Sarjana Muda	5	21
3.	Pengalaman Mengajar dalam Bidang Pendidikan Islam	5-10 tahun	20	87
		11-16 tahun	2	8
		29-34 tahun	1	5
	Jumlah		N = 23	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3 Kesesuaian Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ

Pada bahagian ini, dapatan daripada penilaian kebolehgunaan bagi konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ akan dilihat melalui persepsi dan kepuasan pengguna.

Jadual 6.3 menunjukkan dapatan daripada data pakar yang terlibat dengan menjawab soal selidik kebolehgunaan yang dibekalkan.

Berdasarkan **Jadual 6.3** di bawah, telah menunjukkan jelas bahawa kesemua konstruk utama Modul Pengajaran SMART-KQ adalah berada pada tahap status sesuai untuk digunakan bersandarkan kepada pandangan dan penilaian pakar di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 6.3

Dapatan Data Penilaian Kebolehgunaan Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ

Bil	Konstruk Utama	Jumlah Skor (N=23)	Peratus (%)	Status Penilaian
1.	Isi Kandungan	132	82%	Sesuai
2.	Kaedah Pengajaran	130	81%	Sesuai
3.	Protokol Pengurusan	127	79%	Sesuai
4.	Pemilihan Warna	141	88%	Sesuai
5.	Pemilihan Gambar	138	86%	Sesuai
6.	Teks Surah	134	83%	Sesuai
7.	Meningkatkan Pengukuhan	135	84%	Sesuai

*Peratusan kebolehgunaan $\geq$ 70.0%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4 Kesesuaian Item Dalam Setiap Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ

Pada bahagian ini, dapatan daripada penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian bagi item dalam setiap konstruk utama Modul pengajaran SMART-KQ akan dilihat.

6.4.1 Kesesuaian Item Konstruk Utama - Isi kandungan Modul Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab

Jadual 6.4 menunjukkan perincian dapatan daripada data pakar bagi penilaian kebolehgunaan item bagi konstruk Isi kandungan Modul Pengajaran Kosa Kata bahasa Arab yang mengandungi item di dalamnya, skor yang diberikan oleh pakar dengan kiraan peratus dan status kesesuaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan **Jadual 6.4** di bawah, telah menunjukkan jelas bahawa kesemua item utama bagi konstruk Isi Kandungan Modul Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab adalah berada pada tahap status sesuai untuk digunakan bersandarkan kepada pandangan dan penilaian pakar di tadika.

Jadual 6.4

Dapatan Data Penilaian Kebolehgunaan Item Bagi Konstruk Isi Kandungan Modul Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab

Bil.	Item Isi Kandungan Modul Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab	Jumlah Skor	Peratus (%)	Status Penilaian
1.	Mengenal pasti huruf hijaiyah.	136	84%	Sesuai
2.	Menguasai kosa kata bahasa Arab mudah.	132	82%	Sesuai
3.	Membezakan antara kata namaan.	124	77%	Sesuai
4.	Membezakan antara kata kerjaan.	124	77%	Sesuai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil.	Item Isi Kandungan Modul Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab	Jumlah Skor	Peratus (%)	Status Penilaian
5.	Membezakan antara huruf partikal.	126	78%	Sesuai
6.	Menghafaz enam surah dari juzuk amma.	139	86%	Sesuai
7.	Memahami maksud asas tema ayat al-Quran.	135	84%	Sesuai
8.	Mengamalkan adab mulia dalam kehidupan.	142	88%	Sesuai
9.	Mengamalkan akhlak mulia dalam kehidupan.	142	88%	Sesuai
10.	Kemahiran berbahasa dengan kemahiran mendengar.	140	87%	Sesuai
11.	Kemahiran berbahasa dengan kemahiran bertutur.	137	85%	Sesuai
12.	Kemahiran berbahasa dengan kemahiran membaca.	139	86%	Sesuai
*Peratus kebolehgunaan >70.0%				

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4.2 Kesesuaian Item Konstruk Utama - Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

Jadual 6.5 menunjukkan perincian dapatan daripada data pakar bagi penilaian kebolehgunaan item bagi konstruk kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mengandungi item di dalamnya, skor yang diberikan oleh pakar dengan kiraan peratus dan status kesesuaian.

Berdasarkan **Jadual 6.5** di bawah, telah menunjukkan jelas bahawa kesemua item utama bagi konstruk kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah berada pada tahap status sesuai untuk digunakan bersandarkan kepada pandangan dan penilaian pakar di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 6.5

Dapatan Data Penilaian Kebolehgunaan Item bagi Konstruk Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

Bil.	Item Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran	Jumlah Skor	Peratus (%)	Status Penilaian
1.	Pembelajaran bertema.	135	84%	Sesuai
2.	Pembelajaran berpusatkan murid.	135	84%	Sesuai
3.	Pembelajaran berasaskan inkuiri.	130	81%	Sesuai
4.	Pembelajaran masteri.	127	79%	Sesuai
5.	Pembelajaran kontekstual.	127	79%	Sesuai
6.	Pembelajaran berasaskan kepelbagaian kecerdasan.	132	82%	Sesuai
*Peratus kebolehgunaan ≥70.0%				

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4.3 Kesesuaian Item Konstruk Utama - Protokol Pengurusan Penilaian Kemajuan Murid

Jadual 6.6 menunjukkan perincian dapatan daripada data pakar bagi penilaian kebolehgunaan item bagi konstruk Protokol Pengurusan Penilaian Kemajuan Murid yang mengandungi item di dalamnya, skor yang diberikan oleh pakar dengan kiraan peratus dan status kesesuaian.

Berdasarkan **Jadual 6.6** di bawah, telah menunjukkan jelas bahawa kesemua item utama bagi konstruk Protokol Pengurusan Penilaian Kemajuan Murid adalah berada pada tahap status sesuai untuk digunakan bersandarkan kepada pandangan dan penilaian pakar di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 6.6

Dapatan Data Penilaian Kebolehgunaan Item bagi Konstruk Protokol Pengurusan Penilaian Kemajuan Murid

Bil.	Item Protokol Pengurusan Penilaian Kemajuan Murid	Jumlah Skor	Peratus (%)	Status Penilaian
1.	Penyediaan borang senarai semak pencapaian hafazan.	136	84%	Sesuai
2.	Mencatat kekerapan proses pengulangan bacaan ayat al-Quran.	133	83%	Sesuai
3.	Mencatat saiz kosa kata bahasa Arab yang dikuasai berdasarkan ayat yang dihafaz.	122	76%	Sesuai
4.	Mencatat kekerapan proses ulangan kosa kata bahasa Arab.	123	76%	Sesuai
5.	Memberikan skor kepada pencapaian murid.	131	81%	Sesuai
6.	Kemajuan murid ditulis oleh guru tasmik.	132	82%	Sesuai
7.	Pencapaian setiap murid dimaklumkan kepada murid.	128	80%	Sesuai
*Peratus kebolehgunaan ≥70.0%				

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4.4 Kesesuaian Item Konstruk Utama - Pemilihan Warna

Jadual 6.7 menunjukkan perincian dapatan daripada pakar bagi penilaian kebolehgunaan item bagi konstruk Pemilihan Warna yang mengandungi item di dalamnya, skor yang diberikan oleh pakar dengan kiraan peratus dan status kesesuaian.

Berdasarkan **Jadual 6.7** di bawah, telah menunjukkan jelas bahawa kesemua item utama bagi konstruk Pemilihan Warna adalah berada pada tahap status sesuai untuk digunakan bersandarkan kepada pandangan dan penilaian pakar di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 6.7

Dapatan Data Penilaian Kebolehgunaan Item bagi Konstruk Pemilihan Warna

Bil.	Item Pemilihan Warna	Jumlah Skor	Peratus (%)	Status Penilaian
1.	Warna asas (merah, hijau, kuning, biru dan unggu) yang digunakan pada tulisan.	138	86%	Sesuai
2.	Warna terang yang mudah dilihat.	135	84%	Sesuai
3.	Mempelbagaikan jenis warna bagi nampak lebih menarik.	134	83%	Sesuai
4.	Warna asas yang digunakan dapat membantu murid menambah saiz kosa kata bahasa Arab.	133	83%	Sesuai
5.	Warna terang yang digunakan dapat membantu murid menambah saiz kosa kata bahasa Arab.	136	84%	Sesuai
6.	Pelbagai warna yang digunakan dapat membantu murid menambah saiz kosa kata bahasa Arab.	134	83%	Sesuai

*Peratus kebolehgunaan $\geq$70.0%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4.5 Kesesuaian Item Konstruk Utama - Pemilihan Gambar

Jadual 6.8 menunjukkan perincian dapatan daripada data pakar bagi penilaian kebolehgunaan item bagi konstruk Pemilihan Gambar yang mengandungi item di dalamnya, skor yang diberikan oleh pakar dengan kiraan peratus dan status kesesuaian.

Berdasarkan **Jadual 6.8** di bawah, telah menunjukkan jelas bahawa kesemua item utama bagi konstruk Pemilihan Gambar adalah berada pada tahap status sesuai untuk digunakan bersandarkan kepada pandangan dan penilaian pakar di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 6.8

Dapatan Data Penilaian Kebolehgunaan Item bagi Konstruk Pemilihan Gambar

Bil.	Item Pemilihan Gambar	Jumlah Skor	Peratus (%)	Status Penilaian
1.	Gambar-gambar yang dapat memudahkan murid memahami ayat al-Quran dengan tema tertentu.	140	87%	Sesuai
2.	Gambar yang dapat menarik minat murid.	138	86%	Sesuai
3.	Gambar bersaiz besar.	138	86%	Sesuai
4.	Gambar yang dapat memberikan maksud mudah kosa kata bahasa Arab.	135	84%	Sesuai
*Peratus kebolehgunaan ≥70.0%				

6.4.6 Kesesuaian Item Konstruk Utama – Teks Surah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 6.9 menunjukkan perincian dapatan daripada data pakar bagi penilaian kebolehgunaan item bagi konstruk Teks Surah yang mengandungi item di dalamnya, skor yang diberikan oleh pakar dengan kiraan peratus dan status kesesuaian.

Berdasarkan **Jadual 6.9** di bawah, telah menunjukkan jelas bahawa kesemua item utama bagi konstruk Teks Surah adalah berada pada tahap status sesuai untuk digunakan bersandarkan kepada pandangan dan penilaian pakar di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 6.9

Dapatan Data Penilaian Kebolehgunaan Item bagi Konstruk Teks Surah

Bil.	Item Teks Surah	Jumlah Skor	Peratus (%)	Status Penilaian
1.	Surah al-Fatihah.	146	91%	Sesuai
2.	Surah an-Nas.	148	92%	Sesuai
3.	Surah al-Ikhlas.	148	92%	Sesuai
4.	Surah al-Falaq.	147	91%	Sesuai
5.	Surah An-Nasr	147	91%	Sesuai
6.	Surah Al-Kauthar	147	91%	Sesuai

*Peratus kebolehgunaan ≥70.0%

6.4.7 Kesesuaian Item Konstruk Utama – Meningkatkan Pengukuhan Murid

Jadual 6.10 menunjukkan perincian dapatan daripada data pakar bagi penilaian kebolehgunaan item bagi konstruk Meningkatkan Pengukuhan Murid yang mengandungi item di dalamnya, skor yang diberikan oleh pakar dengan kiraan peratus dan status kesesuaian.

Berdasarkan **Jadual 6.10** di bawah, telah menunjukkan jelas bahawa kesemua item utama bagi konstruk Meningkatkan Pengukuhan Murid adalah berada pada tahap status sesuai untuk digunakan bersandarkan kepada pandangan dan penilaian pakar di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 6.10

Dapatan Data Penilaian Kebolehgunaan Item bagi Konstruk Meningkatkan Pengukuhan Murid

Bil.	Meningkatkan Pengukuhan Murid	Jumlah Skor	Peratus (%)	Status Penilaian
1.	Warna dapat meningkatkan fokus pelajar.	140	87%	Sesuai
2.	Gambar dapat meningkatkan fokus pelajar.	140	87%	Sesuai
3.	Warna yang digunakan menjadikan pembelajaran lebih kreatif.	137	86%	Sesuai
4.	Gambar yang digunakan menjadikan pembelajaran lebih kreatif.	141	88%	Sesuai
5.	Maklumat berwarna membantu murid menguasai saiz kosa kata bahasa Arab secara bertema dengan lebih baik.	135	84%	Sesuai
6.	Maklumat bergambar membantu murid menguasai saiz kosa kata bahasa Arab secara bertema dengan lebih baik.	138	86%	Sesuai
7.	Warna memudahkan penguasaan kosa kata bahasa Arab.	138	86%	Sesuai
8.	Gambar memudahkan penguasaan kosa kata bahasa Arab.	141	88%	Sesuai
9.	Maklumat berwarna menjadikan pembelajaran lebih pantas.	139	86%	Sesuai
10.	Maklumat bergambar menjadikan pembelajaran lebih pantas.	142	88%	Sesuai

*Peratus kebolehgunaan ≥70.0%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.5 Kebolehgunaan Berdasarkan Keutamaan Item Dalam Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ

Seterusnya, dapatan pada bahagian ini, penilaian kebolehgunaan terhadap keutamaan item dalam konstruk utama Modul Pengajaran SMART-KQ dinilai berdasarkan pandangan pakar kajian.

Jadual 6.11 menunjukkan dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian, yang mengandungi item, jumlah skor, peratus dan status penilaian kebolehgunaan.

Berdasarkan **Jadual 6.11** di bawah, mendapati bahawa aliran dan keutamaan item bagi kesemua konstruk utama modul pengajaran SMART-KQ adalah berada pada status sesuai digunakan berpandukan pandangan dan penilaian pakar di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 6.11

Dapatan Data Kebolehgunaan Item bagi Kesemua Aliran keutamaan Modul Pengajaran SMART-KQ

Bil	Aliran / Keutamaan Item bagi Setiap Konstruk	Jumlah Skor (N=23)	Peratus (%)	Status Penilaian
1.	Aliran/Keutamaan Item bagi Isi Kandungan	132	82%	Sesuai
2.	Aliran/Keutamaan Item bagi Kaedah Pengajaran	135	84%	Sesuai
3.	Aliran/Keutamaan Item bagi Protokol Pengurusan	133	83%	Sesuai
4.	Aliran/Keutamaan Item bagi Pemilihan Warna	133	83%	Sesuai
5.	Aliran/Keutamaan Item bagi Pemilihan Gambar	132	82%	Sesuai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Aliran / Keutamaan Item bagi Setiap Konstruk	Jumlah Skor (N=23)	Peratus (%)	Status Penilaian
6.	Aliran/Keutamaan Item bagi Teks Surah	134	83%	Sesuai
7.	Aliran/Keutamaan Item bagi Meningkatkan Pengukuhan	131	81%	Sesuai
*Peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%				

6.6 Kebolehgunaan Keseluruhan Modul Pengajaran SMART-KQ

Pada bahagian ini, penilaian kebolehgunaan keseluruhan modul pengajaran SMART-KQ dilihat dan dinilai berdasarkan pandangan pakar kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 6.12 menunjukkan dapatan kajian yang mengandungi item, skor keseluruhan, peratus dan status kebolehgunaan.

Berdasarkan **Jadual 6.12** di bawah, menggambarkan secara jelas bahawa kesemua item bagi keseluruhan kebolehgunaan Modul Pengajaran SMART-KQ adalah berada pada status sesuai digunakan berdasarkan pandangan dan penilaian pakar di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 6.12

Dapatan Data Teknik Kumpulan Norminal: Kebolehgunaan Keseluruhan Modul Pengajaran SMART-KQ

Bil	Keseluruhan Kebolehgunaan Modul Pengajaran SMART-KQ	Jumlah Skor (N=23)	Peratus (%)	Status Penilaian
1.	Modul ini berguna bagi membantu guru dalam merancang pengajaran kosa kata bahasa Arab melalui hafazan al-Quran kepada murid tadika.	134	83%	Sesuai
2.	Modul ini menjimatkan masa apabila saya menggunakannya dalam merancang pengajaran kosa kata bahasa Arab melalui hafazan al-Quran kepada murid tadika.	130	81%	Sesuai
3.	Modul ini mudah digunakan dalam proses pengajaran kosa kata bahasa Arab melalui hafazan al-Quran kepada murid tadika.	131	81%	Sesuai
4.	Modul ini tidak memerlukan usaha yang banyak dalam menyiapkan bahan persediaan guru untuk proses pengajaran di tadika.	130	81%	Sesuai
5.	Modul ini menunjukkan secara jelas kepada guru tentang bahan bantu pengajaran mengikut keutamaan kepada murid.	134	83%	Sesuai
6.	Modul ini senang digunakan kerana saya dapat melaksanakan penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran dengan cepat.	130	81%	Sesuai
7.	Modul ini sesuai digunakan di tadika serta saya akan mencadang penggunaannya kepada rakan lain.	137	85%	Sesuai
8.	Modul pengajaran kosa kata bahasa Arab melalui hafazan al-Quran ini berfungsi mengikut objektif yang telah ditetapkan.	131	81%	Sesuai
	*Peratusan kebolehgunaan > 70.0%			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.7 Rumusan Dapatan Kajian Fasa Penilaian Kebolehgunaan Modul Pengajaran SMART-KQ

Secara keseluruhannya, fasa penilaian kebolehgunaan modul ini telah berjaya mengesahkan bahawa Modul Pengajaran SMART-KQ yang dibangunkan mencapai objektif sebagai satu modul pedagogi yang berkualiti dan berkesan untuk pengajaran kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran peringkat murid tadika.

Berdasarkan analisis maklum balas kebolehgunaan modul oleh 23 orang guru tadika yang bertindak sebagai panel pakar dalam kajian ini, majoriti memberikan skor 4 atau 5 pada skala likert berkaitan tahap kesesuaian dan kebolehgunaan Modul SMART-KQ. Ini menunjukkan tahap penerimaan yang tinggi dalam kalangan pakar (Chua, 2018). Setelah skor ini ditukar kepada bentuk peratus dan diambil purata, didapati nilai kebolehgunaan keseluruhan modul adalah melebihi 70%. Menurut Deslandes et al. (2010); Dobbie et al. (2004) had nilai minimum penerimaan bagi mana-mana produk atau sistem adalah 70%.

Ini bermaksud sekiranya peratusan persetujuan pakar adalah 70% dan ke atas seperti dalam kajian ini, ia menunjukkan modul berada pada tahap yang boleh diterima dan sesuai untuk digunakan dalam konteks sebenar pengajaran di tadika. Justeru, hasil kajian telah berjaya mengesahkan bahawa daripada perspektif pengguna sasaran iaitu guru tadika, Modul SMART-KQ yang dibangunkan telah mencapai tahap minimum keperluan kebolehgunaan untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran harian di tadika khususnya bagi subjek kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan penilaian kebolehgunaan keseluruhannya menunjukkan, pakar mengesahkan bahawa reka bentuk modul yang dihasilkan telah menepati ciri-ciri kebolehgunaan ditinjau daripada aspek kandungan, kaedah penyampaian, aktiviti pembelajaran dan strategi penilaian. Justeru, hasil kajian ini mengesahkan lagi keupayaan Modul SMART-KQ yang berasaskan model pedagogi SMART-KQ untuk meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di peringkat tadika.

6.7.1 Rumusan Dapatan Penilaian Kebolehgunaan Berdasarkan Pandangan Peserta Kajian

Jadual 6.13 menunjukkan rumusan penilaian fasa ketiga iaitu kebolehgunaan bagi Modul Pengajaran SMART-KQ.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 6.13

Rumusan Dapatan Penilaian Kebolehgunaan Modul Pengajaran SMART-KQ

Kesesuaian Kebolehgunaan	Pandangan Peserta Kajian
Perbincangan Kesesuaian Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ	Secara peribadi saya modul ini amat baik dan bermanfaat. Cuma tadika Islam kami tertaluk kepada KSPK, masa jadi sangat terhad untuk yang bergilir dengan subjek Iqra'. Konsep modul ini membaca secara individu, Ibu bapa sangat suka serta dengan latihan-latihan berkaitan. Bimbang kekangan masa bagi guru-guru untuk membuat penilaian secara individu untuk setiap murid, jadi tak sempurna atau mereka tidak mampu untuk laksanakan secara lengkap keseluruhannya. **Pakar Kajian A1**
	Saya sangat setuju dengan kemasukan modul pengajaran SMART-KQ dalam pendidikan awal kanak kanak di tadika, cuma peruntukan masa untuk subjek agama dalam KSPK boleh dipanjangkan lagi. **Pakar Kajian A15**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesesuaian Kebolehgunaan	Pandangan Peserta Kajian
Perbincangan Kesesuaian Item bagi Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ	Menerapkan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar dari bangku sekolah agar dapat memahami dan menghayati ayat al-Quran dengan mudah, tambah lagi kaedah pengajaran yang menarik sesuai untuk murid tadika. **Pakar Kajian A3** Penggunaan warna dan gambar amat sesuai untuk anak-anak pendidikan awal antara umur 4-6 tahun. **Pakar Kajian A7** Menerapkan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar dari bangku sekolah agar dapat memahami dan menghayati ayat al-Quran dgn mudah dan menjadikan murid kreatif dan lebih fokus dalam pembelajaran. **Pakar Kajian A18**
Perbincangan Kesesuaian Turutan (Keutamaan) Item bagi Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ	Saya sangat setuju dengan kemasukan modul pengajaran SMART-KQ dalam pendidikan awal kanak kanak kerana memiliki modul yang lengkap dan susun atur modul sesuai untuk kegunaan guru di tadika. **Pakar Kajian A19**
Perbincangan Keseluruhan Kebolehgunaan Modul Pengajaran SMART-KQ	Secara keseluruhannya, diharapkan dengan modul pengajaran SMART -KQ dapat memudahkan dan membantu guru dalam menyediakan bahan yang sesuai dengan keperluan kanak-kanak. Kanak-kanak juga didedahkan dengan pelbagai teknik untuk memahami pembelajaran yang lebih mudah dan berkesan. **Pakar Kajian A19** Insya-Allah, bagi prasekolah biasa, mungkin dapat menjayakan dengan baik. Tapi kami mungkin boleh usahakan dengan kaji semula *time table* yang agak terbatas mengikut KSPK **Pakar Kajian A21**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 7

PERBINCANGAN DAPATAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

7.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara kritis dapatan kajian yang telah diperoleh dalam bab-bab terdahulu. Perbincangan dapatan ini memberi tumpuan kepada mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian yang telah dibentuk pada peringkat awal penyelidikan. Dapatan kajian akan dianalisis melalui model dan teori berkaitan bagi menjelaskan persamaan dan perbezaan yang wujud. Justifikasi dan rasional turut dikemukakan bagi setiap dapatan penting sama ada menyokong atau menolak dapatan kajian terdahulu.

Bahagian seterusnya, membincangkan implikasi dapatan kajian daripada aspek teori dan metodologi. Implikasi teori merujuk kepada bagaimana dapatan kajian dapat menyumbang kepada perkembangan teori dalam bidang kajian ini. Bahagian ini menerangkan sama ada dapatan kajian menyokong, mengukuhkan atau menentang teori-teori sedia ada. Jika terdapat dapatan baru yang bertentangan dengan teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdahulu, suatu penjelasan rasional yang kritikal akan diberikan. Dengan kata lain, perlunya hubung kait dapatan dengan teori-teori berkaitan dan membincangkan bagaimana dapatan kajian memberi sumbangan baharu terhadap pengembangan teori tersebut. Ini mungkin dalam bentuk memperkukuhkan teori, mengembangkan teori, mengubahsuai teori, atau mencadangkan teori baharu berdasarkan limitasi teori-teori sedia ada. Manakala implikasi metodologi pula membincangkan sumbangan kajian daripada segi pendekatan dan metodologi yang digunakan. Justeru, tinjauan kelebihan dan kekuatan kaedah kajian yang digunakan serta bagaimana ia boleh diaplikasikan pada kajian masa depan perlu dihuraikan.

Akhir sekali, bahagian cadangan turut diberikan kepada pihak-pihak berkepentingan seperti penggubal dasar, kumpulan pelaksana, penyelidik akan datang dan orang ramai. Cadangan ini bertujuan untuk mengaplikasikan dapatan kajian secara meluas dan mengemukakan cadangan penambahbaikan serta kajian lanjutan yang boleh dijalankan pada masa hadapan bagi menangani limitasi kajian semasa dan meningkatkan lagi manfaat dapatan. Kesimpulannya, bab ini memberikan ruang yang mencukupi untuk membincangkan dapatan penting kajian, mengupas implikasinya serta mengemukakan cadangan berdasarkan limitasi dan peluang penambahbaikan yang dikenal pasti. Perbincangan yang kritis dan mendalam dalam bab ini akan menyerlahkan lagi kepentingan dan sumbangan kajian yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.2 Perbincangan Dapatan Kajian Fasa 1: Analisis Keperluan

Berdasarkan objektif kajian yang pertama iaitu menganalisis keperluan pembangunan modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dalam pengajaran hafazan al-Quran di Tadika Islam Malaysia. Justeru, analisis keperluan yang telah dijalankan adalah berfungsi bagi mengumpulkan maklumat daripada guru tadika Islam bagi melihat keperluan modul yang akan dibangunkan. Maklumat yang telah diperolehi dapat membantu pengkaji dalam proses membangunkan modul bagi membantu guru menyelesaikan masalah seperti yang dirungkaikan dalam bahagian penyataan masalah pada bab satu kajian ini.

Oleh yang demikian, bagi memastikan pembangunan dan pembinaan modul ini bersifat empirikal dan memenuhi keperluan, maka suatu kajian terhadap analisis keperluan telah dijalankan terlebih dahulu. Menerusi fasa analisis keperluan ini, pengkaji telah menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual separa struktur sebagai menjawab persoalan kajian yang merangkumi empat bahagian utama iaitu :

1) Demografi responden.
2) Keperluan terhadap pembangunan modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar.
3) Kaedah hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar sebagai faktor memudahkan pengajaran dan pembelajaran kosa kata Bahasa Arab.
4) Reka bentuk hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar dalam pembelajaran bahasa Arab.
5) Kesediaan guru dalam proses pengajaran Bahasa Arab di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian dalam fasa satu ini melibatkan edaran soal selidik terhadap 214 orang responden yang terdiri daripada guru tadika seluruh Malaysia yang mengajar subjek berkaitan hafazan al-Quran dan bahasa Arab. Soal selidik yang diagihkan kepada guru tadika meliputi keperluan modul hafazan berasaskan warna dan gambar bagi pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab dibangunkan bagi membantu guru di dalam melengkapkan modul bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Soal selidik ini juga menyentuh peranan warna dan gambar dalam proses pembelajaran dan peranan dalam memudahkan hafazan al-Quran dan memahami kosa kata bahasa Arab di kalangan murid prasekolah. Bagi menyokong dapatan soal selidik ini juga temu bual terhadap lima orang pakar di dalam bidang hafazan al-Quran, pendidikan awal kanak-kanak dan bahasa Arab juga telah dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal yang demikian, analisis keperluan ini dijalankan adalah bagi menjawab persoalan kajian utama iaitu “menganalisis keperluan modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab di tadika Islam Malaysia”. Sekiranya diteliti salah satu keperluan yang perlu dipenuhi di dalam model pembangunan DDR adalah membuat analisis keperluan. Analisis ini perlu dijalankan pada peringkat permulaan kajian untuk melihat sejauh mana kewajaran untuk membangunkan modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.2.1 Perbincangan Bahagian A: Demografi Responden

Hasil dapatan daripada dapatan soal selidik bahagian A adalah merupakan dapatan kepada maklumat demografi responden. Analisis demografi responden merupakan satu prosedur penting dalam penyelidikan untuk mendapatkan gambaran latar belakang sampel yang terlibat dalam sesebuah kajian (Creswell, 2014). Bahagian ini adalah melibatkan pengiraan statistik seperti kekerapan dan peratusan bagi ciri-ciri lazim responden seperti jantina, bangsa, umur, kelayakan pendidikan, tempoh berkhidmat dan lain-lain. SPSS digunakan bagi analisis ini memandangkan keupayaannya memproses data besar dengan pantas dan tepat, di samping menjana pelbagai *output* seperti jadual dan carta secara automatik (Muijs, 2022). Menurut Wiersma dan Jurs (2009) maklumat mengenai profil responden ini amat berguna untuk memberi gambaran yang jelas situasi sebenar sampel dalam konteks kajian yang dijalankan. Ia juga dapat membantu penentuan sejauh mana hasil kajian boleh digeneralisasikan kepada populasi yang mempunyai ciri demografi yang serupa (Fraenkel et al., 2012).

Justeru, dapatan pada bahagian ini mendapati, bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini mengikut jantina menunjukkan bilangan guru tadika perempuan mendominasi kajian ini dengan 202 orang dengan peratusan 94% dan baki responden dikalangan lelaki hanya 12 orang dengan nilai peratus 6%. Dapatan bagi jantina responden ini memberikan gambaran tentang keterlibatan kaum wanita dalam dunia pendidikan di tadika adalah bertepatan dengan kajian Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) mendapati majoriti guru tadika di Malaysia adalah perempuan melebihi 90%. Selain itu, kajian Abdul Latif et al. (2021) melaporkan bahawa 98.5%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru tadika terdiri daripada perempuan, manakala golongan lelaki hanya 1.5%. Begitu juga kajian terhadap graduan bidang pendidikan awal kanak-kanak di universiti dan Institut Pendidikan Guru menunjukkan majoriti besar pelajar adalah terdiri daripada perempuan (Mohd Abdul Kadir et al. 2020).

Situasi ini wujud mungkin disebabkan faktor sosial dan budaya masyarakat tempatan yang lebih melihat bidang pendidikan kanak-kanak sebagai kerjaya yang lebih sesuai untuk kaum perempuan. Tambahan pula, perwatakan lemah lembut dan keibuan dikaitkan dengan kesesuaian untuk mengendalikan dan mendidik kanak-kanak kecil dengan berkesan. Walau bagaimanapun, kehadiran guru lelaki juga diiktiraf penting dalam memberi persekitaran pendidikan yang lebih seimbang daripada sudut pengaruh dan tauladan daripada kedua-dua *gender* ibu dan bapa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dapatan pada bahagian A ini memperincikan tentang pengalaman mengajar responden yang terdiri daripada guru tadika, dapatan ini menunjukkan bahawa bilangan tahun pengalaman mengajar yang teramai adalah rata-ratanya memiliki pengalaman melebihi lima tahun dengan 77 responden mewakili peratus 36%. Menurut kajian oleh Jamil et al. (2021) guru prasekolah dengan pengalaman 6 hingga 10 tahun didapati berada pada fasa kematangan daripada aspek pengetahuan, kemahiran dan kompetensi. Justeru, input dan maklum balas daripada kumpulan berpengalaman ini amat bernilai dalam menilai keperluan semasa bidang pengajaran pada peringkat tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, bilangan pengalaman mengajar yang terendah adalah satu tahun dengan jumlah 53 orang mewakili peratus 24%. Guru yang memiliki pengalaman mengajar kurang 1 tahun dikategorikan berada dalam fasa orientasi, di mana mereka masih memiliki kemahiran asas dalam bidang perguruan (Berliner, 1988). Bagi memastikan peralihan yang lancar, beberapa langkah perlu dilaksanakan seperti menyediakan program induksi secara formal untuk membimbing guru pemula melalui sesi *mentor-mentee* bersama guru *senior* (Helms-Lorenz et al., 2013).

Selain itu, kursus dalaman memberi fokus untuk meningkatkan kemahiran pedagogi dan pengurusan bilik darjah juga amat penting pada peringkat ini (Berliner, 1988). Guru baharu juga perlu didedahkan kepada amalan terbaik guru cemerlang melalui sesi pemerhatian pengajaran bagi mempercepat pembelajaran (Helms-Lorenz et al., 2013). Di samping itu, menggalakkan komuniti pembelajaran sesama guru pemula juga dilihat berkesan dalam meningkatkan adaptasi kepada budaya sekolah (Shoorcheh et al., 2022). Kesemua inisiatif ini mampu membantu peralihan yang lebih lancar kepada guru baharu. Walau bagaimanapun, dapatan tentang pengalaman mengajar mendapati majoriti responden memliki pengalaman mengajar melebihi 2 tahun yang menunjukkan peratusan 76%.

Dapatan terakhir pada bahagian A ini adalah berkaitan kelulusan akademik yang menunjukkan responden yang memiliki kelulusan Diploma adalah yang teramai iaitu 125 orang dengan nilai peratusan 58%. Seterusnya, responden yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana adalah sebanyak 48 orang dengan nilai peratusan 23%. Baki daripada responden memiliki Sijil Pelajaran Malaysia adalah seramai 41 orang mewakili peratus 19%. Dapatan ini memberikan gambaran kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kita majoriti guru tadika memiliki kelayakan sekurang-kurangnya diploma dan ada diantaranya memiliki Ijazah Sarjana.

Menurut kajian, kelayakan pendidikan formal memastikan guru menguasai ilmu dan teori semasa berkaitan kurikulum, pedagogi dan psikologi perkembangan kanak-kanak (Susam et al., 2022). Ia membantu guru merancang aktiviti PdP yang lebih sistematik dan berkualiti serta sesuai dengan keperluan murid (Sharifah Nor et al., 2015). Selain itu, kelayakan bidang ini juga meningkatkan keyakinan dan profesionalisme guru untuk melaksana tugas (Susam et al., 2022). Tambahan lagi, kelayakan akademik membolehkan guru menilai amalan dan melakukan penambahbaikan secara berterusan (Sharifah Nor et al., 2015). Justeru, prasyarat kelayakan ini amat penting bagi melahirkan guru tadika yang kompeten.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara ringkasnya dapat disimpulkan pada bahagian A ini, terdapat perkaitan antara faktor jantina, pengalaman mengajar dan kelayakan akademik yang dimiliki oleh guru tadika (Brown, 2020; File & Gullo, 2002). Demografi jantina yang didominasi guru perempuan dalam kalangan guru prasekolah boleh dikaitkan dengan peranan sosial yang memberi pengaruh daripada aspek minat kerjaya berdasarkan *gender* (Brown, 2020). Manakala pengalaman pula amat berkait rapat dengan kemahiran dan kepakaran seseorang guru dalam melaksanakan tugas harian di tadika berdasarkan Model Kepakaran Dreyfus (Berliner, 2004). Akhirnya, standard kelayakan akademik minimum yang ditetapkan turut memberi kesan kepada tahap profesionalisme dan kualiti pengajaran guru tadika pada masa hadapan (File & Gullo, 2002). Ketiga-tiga faktor saling berkait dalam usaha melahirkan tenaga pendidik prasekolah yang kompeten dan berdedikasi dalam kerjaya mulia ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.2.2 Perbincangan Bahagian Satu: Keperluan Terhadap Pembangunan Modul Hafazan Al-Quran Berasaskan Warna dan Gambar

Daripada dapatan soal selidik bahagian satu jelas menunjukkan para guru bersetuju bahawa modul pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar perlu dibangunkan kerana dapat meningkatkan pemahaman kosa kata bahasa Arab dengan nilai skor min 4.73 dan sisihan piawai 0.46. Dapatan kajian yang diterjemahkan ini jelas menunjukkan kepentingan modul ini dibangunkan kerana ia bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Gardner (2007:14) yang menyatakan ia sebagai *Synthesizing Mind* yang bermaksud keupayaan menggabungkan dan mengintegrasikan idea dan pemikiran daripada disiplin ilmu yang berbeza. Menurut Piaget (1953) perkembangan intelektual melibatkan proses pengintegrasian struktur kognitif sedia ada dengan pengetahuan atau pengalaman baharu secara aktif oleh minda. Teori ini menjelaskan bagaimana kanak-kanak mengintegrasikan idea, konsep dan pengalaman baharu ke dalam skema pemikiran yang sedia ada. Skema yang sentiasa diperbaharui hasil integrasi input baharu berupaya memandu pembelajaran dan pemikiran yang lebih maju.

Selain itu, Vygotsky (1978) berpendapat minda dan pemikiran manusia berkembang menerusi proses sosial dan budaya. Elemen sosiobudaya seperti interaksi sosial, bahasa, nilai dan amalan masyarakat mengintegrasi input konstruktif yang membina minda. Kolaborasi idea, nilai dan amalan antara individu dan masyarakat membawa kepada perkembangan kognitif yang lebih tinggi. Jadi integrasi dan gabungan idea, nilai serta pengalaman daripada pelbagai sudut amat penting dalam pembangunan minda dan pemikiran. Justeru, melalui modul ini gabungan antara bahasa Arab dan hafazan al-Quran berkonsepkan warna dan gambar merupakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gabungan dua disiplin ilmu yang berbeza serta bertepatan dengan hujahan tokoh ini (Gardner, 2007:14; Piaget, 1972; Vygotsky, 1978). Penggunaan grafik dalam proses pembelajaran mampu memudahkan penyampaian guru secara tepat dan berkesan (Jamalluddin & Zaidatun, 2003) manakala penggunaan warna pula dapat meningkatkan kecerdasan dan kreativiti kanak-kanak (Fahrur & Khalimatul Khomsatun, 2019).

Dapatan kajian ini juga mengukuhkan lagi bahawa Modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar dapat menarik minat murid untuk menghafaz al-Quran dengan nilai skor min 4.78 dan sisihan piawai 0.44. Manakala modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan dengan nilai skor min 4.80 dan sisihan piawai 0.40. Jelas daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid di tadika akan lebih berminat dalam pembelajaran yang menyeronokkan apabila ada modul hafazan al-Quran berkonsepkan warna dan gambar. Terdapat banyak hujahan dan penegasan daripada kajian lampau yang menyatakan bahawa warna dan gambar perlu digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid terutama di peringkat awal kanak-kanak (Fahrur Rozi & Khalimatul Khomsatun, 2019; Lee et al., 2016; Muraini, & Samsul Alam, 2016). Hal ini turut disokong oleh Siti Zarinah (2019) dengan menghujahkan bahawa warna yang digunakan dengan betul terutamanya dalam proses pembelajaran sekaligus membantu merangsang minda kreatif kanak-kanak tersebut. Mujiati et al. (2019) pula berhujah bahawa warna mempunyai fungsi tertentu dalam lingkungannya iaitu boleh memberikan tenaga motivasi dan memberikan ketenangan dalam pemilihan warna-warna tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, terdapat pengesahan yang kukuh menerusi dapatan kajian pada bahagian ini dan sokongan kajian-kajian lepas tentang keberkesanan dan kepentingan pengintegrasian elemen visual seperti warna dan gambar dalam modul pembelajaran khususnya bagi subjek hafazan al-Quran. Ini kerana penggunaan warna dan gambar yang kreatif dan sistematik terbukti dapat menarik minat pembelajaran kanak-kanak, menyeronokkan proses pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, merangsang minda dan memotivasikan mereka untuk terus memberi tumpuan serta menumpukan usaha mempelajari sesuatu perkara baharu. Tambahan pula, pelbagai fungsi positif warna juga direkodkan seperti memberi tenaga dan ketenangan yang membolehkan pembelajaran berlaku dengan lebih berkesan. Justeru, pembangunan modul hafazan al-Quran yang mengaplikasikan warna dan gambar sebagai elemen utama adalah amat wajar dan mampu memberi impak yang signifikan terhadap motivasi dan pencapaian hafazan dalam kalangan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya, soalan kajian seterusnya bertujuan melihat sama ada modul yang sedia ada telah digunakan di tadika mempunyai ciri-ciri warna dan gambar, hasil dapatan menunjukkan nilai skor yang tinggi iaitu nilai min 4.21 dan sisihan piawai 0.97. Jika disorot kembali, Lajiwin et. al (2010) modul yang digunakan di tadika sedia ada telah pun mempunyai modul berkaitan pengajaran konsep nombor untuk kanak-kanak prasekolah menggunakan konsep nombor yang mempunyai elemen warna. Seterusnya, Clark dan Mayer (2016); Bath et al. (2008) bersetuju bahawa penggunaan warna dan gambar yang kreatif dapat menarik perhatian dan mempercepat proses mempelajari serta mengingati semula sesuatu konsep atau maklumat baharu. Kesannya, tahap interaksi dan penglibatan murid tadika dalam aktiviti pembelajaran menjadi lebih aktif dan bermakna (Brown, 2016; Harun & Fadzil, 2013). Tambahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lagi, modul visual didapati membantu proses konkritkan konsep abstrak agar lebih mudah difahami oleh minda prasekolah (Rosdiana et al., 2022). Jelas terdapat justifikasi empirikal yang kukuh menyokong dapatan kajian tentang tadika yang telah pun menggunakan elemen warna dalam modul sedia ada oleh kerana kebaikan terhadap proses pengajaran itu sendiri.

Manakala bagi item soalan modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar akan lebih mudah dan berkesan sekiranya terdapat modul yang sesuai dengan murid tadika menunjukkan nilai skor yang tinggi dengan nilai min 4.76 dan sisihan piawai 0.44, hal ini bertepatan dengan Nopriyanti (2012) yang menghujahkan bahawa rangsangan pendidikan yang bersesuaian harus diberikan kepada murid sebagai usaha mengembangkan potensi diri mereka. Menurut Noor Hisham dan Nasrun Hakim (2017) menghujahkan sekiranya kaedah dan pengajaran yang kurang berkesan akan memberikan kesan kepada pembelajaran dan pengajaran yang akan dilaksanakan.

Justifikasi dapatan soal selidik ini disokong oleh dapatan temu bual yang menunjukkan lima orang pakar yang ditemu bual bersetuju modul hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar perlu dibangunkan bagi memberikan kemudahan untuk mendapatkan bahan rujukan. Dapatan temu bual ini disokong oleh hujahan dan penegasan daripada kajian lampau yang menyatakan bahawa modul yang berasaskan warna dan gambar perlu digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid terutama pada peringkat awal kanak-kanak (Fahrur & Khalimatul Khomsatun, 2019; Lee et al., 2016; Muraini & Samsul, 2016). Tambahan pula, modul pembelajaran yang interaktif, pelbagai deria dan menyeronokkan dapat menarik serta mengekalkan tumpuan kanak-kanak yang memiliki tempoh tumpuan pendek (Virvou

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

et al., 2005). Malah menurut Ramli et al. (2019) modul yang kreatif dan inovatif juga mampu membantu perkembangan kognitif serta kecerdasan pelbagai dalam kalangan murid prasekolah. Justeru, pembangunan modul yang bersesuaian dengan tahap perkembangan dan gaya pembelajaran kanak-kanak amatlah dititikberatkan bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang optimum serta bermakna.

Walau bagaimanapun, menerusi dapatan daripada temu bual yang dijalankan menunjukkan terdapat kekurangan bahan rujukan berkaitan kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran yang khusus kepada pendidikan awal kanak-kanak. Natijahnya, akan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran akan terbantut kerana guru sukar untuk meningkatkan kemahiran mengajar akibat kekurangan bahan rujukan dan ini disokong oleh dapatan kajian Kamisah (2013). Kekurangan sumber rujukan seperti modul, buku teks dan garis panduan amat membataskan proses perancangan pengajaran dan pembelajaran yang sistematik oleh guru (Yin et al., 2021).

Keadaan ini menyukarkan guru menyediakan pengalaman pembelajaran yang pelbagai, interaktif dan menarik untuk murid. Selain menyukarkan pemilihan aktiviti PdP yang bersesuaian dengan tahap perkembangan dan kecerdasan pelbagai murid (Christodoulou & Cullinane, 2022) ia juga menyebabkan guru bergantung kepada garis panduan yang kabur dan bersandar kepada aspek pedagogi tanpa sokongan kukuh teori pembelajaran terkini. Natijahnya, pencapaian hasil pembelajaran yang optimum dalam kalangan murid tadika akan terencat pada masa hadapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.2.3 Perbincangan Bahagian Dua: Kaedah Hafazan Al-Quran Berasaskan Warna dan Gambar Sebagai Faktor Memudahkan Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab

Kaedah yang sistematik dan berkesan amat penting bagi memudahkan proses menghafaz dan mempelajari bahasa Arab (Abu Hammad, 2021). Antara teknik menghafaz yang berkesan termasuklah kaedah mnemonik seperti jenaka, akronim dan lirik yang merangsang daya kognitif serta imaginasi kanak-kanak (Yaakob et al., 2022). Seterusnya, pembelajaran bahasa Arab pula memerlukan kaedah pedagogi yang meransang pelbagai deria seperti pendedahan input audio, praktikal sebutan, aktiviti inkuiri dan simulasi perbualan dalam situasi bermakna (Hamid & Majid, 2022). Penggunaan multimedia dan aktiviti interaktif juga penting bagi meningkatkan penguasaan kosa kata dan kefasihan bertutur (Al-Shaboul et al., 2022). Kesemua ini menunjukkan kaedah berkesan amat memainkan peranan utama dalam proses menghafaz al-Quran dan penguasaan kosa kata bahasa Arab secara praktikal.

Justeru, hasil dapatan kajian pada bahagian dua berkaitan kaedah hafazan al-Quran berasaskan warna dan gambar sebagai faktor memudahkan pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab menunjukkan bahawa guru bersetuju secara umumnya maklumat bergambar membantu murid memahami maksud ayat secara bertema lebih baik dengan nilai skor min berada pada tahap tinggi dengan nilai 4.72 dan sisihan piawai 0.46. Dapatan ini bertepatan dengan pendapat yang dinyatakan oleh Muhammad Hafiz (2009) yang berhujah bahawa perkembangan kognitif melengkapkan seseorang dengan kebolehan mentafsir makna manakala interaksi bahasa pula dapat mendedahkan kepada cara-cara untuk menggambarkan makna kognitif dalam bentuk bahasa yang tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kekuatan dapatan kajian ini dipersetujui oleh dapatan bahawa penggunaan warna dan gambar memudahkan pemahaman kosa kata bahasa Arab. Dapatan ini berpadanan dengan Istanto (2004) dan Norasikin et. al (2011) menegaskan visual dapat difahami sebagai apa yang mempunyai ciri-ciri bentuk gambar, warna dan susunan bentuk. Gambar yang sesuai penting dalam membantu visualisasi minda bagi memahami maksud sesuatu perkataan bahasa Arab, lebih-lebih lagi bagi perkataan yang melambangkan objek, konsep dan tindakan (Mohamed et al., 2021).

Oleh yang demikian, gambar objek seperti rumah, kereta atau manusia disertakan bersama perkataan Arabnya dapat mengukuhkan lagi pemahaman dan daya ingat terhadap sebutan dan maksud perkataan berkenaan (Paivio, 1990; Mohamed et al., 2021). Malah, Sharma (2021) menegaskan gambar berwarna dan realistik lebih berkesan dalam konteks pembelajaran bahasa asing berbanding ilustrasi dalam bentuk lukisan tangan atau kartun. Ini kerana ia lebih hampir dengan bentuk sebenar objek atau konsep yang dilambangkan. Jelas bahawa gambar memainkan peranan besar dalam memperkukuh pemahaman kosa kata bahasa Arab. Justeru, menurut Ahmad Esa et al. (2007) dalam pengajaran dan pembelajaran kepada kanak-kanak harus mempunyai elemen multimedia yang mengandungi reka bentuk grafik bergambar, audio dan pemilihan warna yang sesuai bagi sesuatu produk yang dibangunkan bertujuan menjadikan pembelajaran berlaku lebih baik serta menarik melalui pengamatan dan pengecaman objek-objek visual.

Manakala dapatan kajian item kedua memperkukuhkan lagi dapatan pertama bahawa penggunaan warna dan gambar memudahkan pemahaman kosa kata bahasa Arab yang menunjukkan nilai skor yang tinggi dengan nilai min 4.74 dan sisihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

piawai 0.49. Jelaslah bahawa melalui dapatan penelitian kajian lepas menunjukkan media gambar berfungsi sebagai alat yang dapat menggabungkan fakta dengan pengungkapan kata-kata melalui media bergambar (Ahmad Rivai & Nana, 2006). Selain itu, gambar juga berfungsi bagi mengatasi masalah keterbatasan ruang dan waktu dengan mempamerkan gambar dihadapan murid (Angkowo & Kosasih, 2007). Jelaslah bahawa gambar dapat membantu guru dalam mancapai tujuan instruksional kerana gambar adalah media yang murah dan mudah diperolehi serta dapat mempertingkatkan mutu pengajaran guru (Rohani, 2004). Menurut Tarigan (2007) kualiti berbahasa seseorang pula bergantung kepada kuantiti kosa kata yang diperolehinya.

Selanjutnya, dapatan kajian berkaitan maklumat gambar berwarna menambahkan fokus murid saya yang menunjukkan nilai skor min 4.74 dan sisihan piawai 0.44 dan dapatan kajian berkaitan warna dapat meningkatkan perhatian murid untuk mempelajari sesuatu yang diajar menunjukkan nilai skor min 4.76 dan sisihan piawai 0.43. Secara ilmiahnya dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Rubeeny et al. (2019) mendapati penggunaan warna dapat meningkatkan perhatian fokus murid bagi meningkatkan penguasaan literasi menulis ayat bahasa.

Selain itu, tambahan elemen visual warna pada gambar juga didapati mengujakan lagi fungsi kerja otak kiri dan kanan, justeru meningkatkan fokus terutamanya dalam kalangan kanak-kanak yang memiliki tempoh tumpuan pendek (Jalongo, 2018). Di samping itu, kombinasi verbal dan visual menerusi sebutan dan gambar juga bertindak mencergaskan lagi minda melalui ingatan (Paivio, 1990). Malah menurut Clark dan Mayer (2016) prinsip multimedia pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjelaskan penggabungan gambar dan teks cetak dapat menambah baik pemusatan perhatian dan daya serapan maklumat berbanding teks tanpa grafik. Jadi jelas bahawa gabungan warna dan gambar yang kreatif bukan sahaja menarik malah mampu mengekalkan fokus kanak-kanak untuk terus memberi tumpuan dalam aktiviti pembelajaran.

Seterusnya, dapatan kajian bahawa maklumat bergambar mendorong murid untuk belajar dengan lebih baik menunjukkan nilai skor min 4.75 dan sisihan piawai 0.46. Ini selari dengan kajian yang dilakukan Purnama (2010) menyatakan penggunaan warna yang sesuai dalam multimedia berkaitan pembelajaran dapat membangkitkan motivasi, perasaan, perhatian dan kesediaan untuk belajar. Selain itu, kajian mendapati elemen motivasi memberi sumbangan yang besar kepada pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua (Lightbown & Spada, 1999). Menurut Harackiewicz dan Hulleman (2010) minat memainkan peranan besar dalam memotivasikan seseorang untuk memberi tumpuan dan terus terlibat dalam sesuatu aktiviti jangka panjang.

Dalam konteks pembelajaran pula, pelajar yang berminat cenderung untuk memberi fokus, usaha dan ketekunan yang lebih tinggi untuk memahami sesuatu topik berbanding mereka yang kurang berminat (Harackiewicz & Hulleman, 2010). Justeru, pembangunan modul pembelajaran yang kreatif, interaktif dan menyeronokkan adalah amat penting untuk menarik serta mengekalkan minat kanak-kanak agar terus memberi fokus sepenuhnya dalam aktiviti pembelajaran (Urhahne, 2015). Tambahan pula, suasana pembelajaran yang mengujakan diransang oleh modul yang inovatif dapat merangsang pengeluaran *dopamine* otak, justeru meningkatkan lagi tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tumpuan murid (Urhahne, 2015). Maka, transformasi modul konvensional kepada bentuk pembelajaran semasa yang lebih menghiburkan bukan sahaja dapat menyeronokkan malah berupaya meningkatkan fokus serta mengekalkan minat kanak-kanak untuk terus belajar.

Manakala dapatan kajian kepercayaan bahawa maklumat bergambar boleh meningkatkan pemikiran kreatif murid pula menunjukkan nilai skor min 4.78 dan sisihan piawai 0.43 dan dapatan maklumat bergambar menjadikan pembelajaran lebih pantas menunjukkan nilai skor min 4.74 dan sisihan piawai 0.45. Dapatan ini berpadanan dengan pandangan Lee et al. (2016) menyatakan pemilihan warna yang betul dalam permainan boleh menghasilkan emosi yang stabil. Manakala al-Quran berfungsi melahirkan murid yang dapat berfikir dengan tenang, kritis dan kreatif serta mempunyai kekuatan akal dan hati (Noor Hisham, 2017). Kenyataan ini disokong juga oleh Salleh dan Agus (2009) menyatakan penggunaan elemen seperti video, grafik, audio dan sebagainya dalam proses pengajaran dan pembelajaran mewujudkan suasana pembelajaran berkesan dan membolehkan aktiviti ini dilakukan dengan mudah dan lebih pantas.

Jika dilihat dari sudut dapatan temu bual pakar juga bersetuju sebuah modul hafazan al-Quran khususnya kepada kanak-kanak perlulah memiliki komponen warna dan gambar yang menarik dan berjaya menarik minat murid untuk terus untuk menerokai proses pengajaran dan pembeajaran tersebut. Pakar berpendapat abahawa proses pembinaan modul perlulah menepati ciri-ciri yang dapat memastikan guru dapat mengajar secara kreatif di dalam kelas. Ini bertepatan dengan pandangan Siti Zarinah (2019) dengan menghujahkan bahawa warna yang digunakan dengan betul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terutamanya dalam proses pembelajaran sekaligus membantu merangsang minda kreatif kanak-kanak tersebut.

7.2.4 Perbincangan Bahagian Tiga: Reka Bentuk Modul Pengajaran SMART-KQ

Reka bentuk modul pembelajaran yang sistematik adalah kritikal dalam menentukan keberkesanan penyampaian isi kandungan kepada pelajar. Tanpa reka bentuk instruksional yang lengkap, sesuatu modul pembelajaran gagal mencapai hasil pembelajaran dan tidak berupaya memenuhi keperluan sasaran pengguna (Richey et al., 2011). Justeru, kesemua aspek reka bentuk perlulah dipertimbangkan bagi menghasilkan satu modul yang benar-benar efektif sebagai sokongan utama aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas mahupun maya.

Menerusi dapatan kajian pada bahagian ini mendapati tema bergambar dalam semua topik dapat memudahkan pemahaman murid menunjukkan nilai skor min 4.71 dan sisihan piawai 0.49 dan dapatan soalan berkaitan ayat al-Quran yang berjaya dihafaz murid perlu dijelaskan maksudnya berpandukan tema bergambar menunjukkan nilai skor min 4.74 dan sisihan piawai 0.46. Sekaligus dua dapatan ini berpadanan dengan hujah yang dinyatakan oleh Unsi (2014) menyatakan gambar dapat melahirkan kreativiti dan imajinasi berfikir bagi setiap murid dengan menghuraikan makna gambar mengikut sudut pandang mereka sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendedahan awal terhadap al-Quran penting untuk memastikan generasi Islam memahami kandungan kitab suci agama mereka. Menurut Siti Marziah (2021) pemupukan minat terhadap al-Quran yang bermula sejak kecil dapat melahirkan Muslim yang mempunyai hubungan yang erat dengan al-Quran. Malah menurut Abdullah (2020) keupayaan kanak-kanak memahami maksud ayat al-Quran dengan baik bergantung kepada pengalaman positif menerusi aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan pada peringkat awal ini. Tambahan pula, kanak-kanak yang memahami maksud asas ayat al-Quran lebih cenderung untuk menghayati kandungan ayat dan mengamalkannya dalam kehidupan. Natijahnya, kefahaman awal menjadi pelengkap penting dalam usaha melahirkan generasi Quranik yang membaca dan menghayati al-Quran serta menjadikannya sebagai panduan dalam kehidupan kelak. Justeru, usaha memahamkan kanak-kanak terhadap ayat suci al-Quran wajar dimulakan seawal di usia tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dapatan berkaitan teks ayat al-Quran yang diletakkan warna dapat menarik minat murid pula menunjukkan nilai skor min 4.75 dan sisihan piawai 0.43. Jila disorot kembali, bahan bacaan yang mempunyai gambar berwarna lebih disukai dan lebih berkesan untuk menarik minat pembaca (Subroto et. al, 2020). Seterusnya, dapatan berkaitan ayat al-Quran yang panjang perlu disusun menggunakan kaedah yang menarik bagi memudahkan murid tadika menghafaz menunjukkan nilai skor min 4.73 dan sisihan piawai 0.46. Dapatan kajian ini disokong oleh Pribadi dan Katrin (2004) menyatakan gambar dan suara yang disusun secara menarik dan mudah difahami akan membuatkan pengguna media lebih tertarik untuk memperolehi informasi yang ada di dalam kandungan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan prinsip pembelajaran kognitif, kapasiti ingatan kerja dan tempoh penumpuan kanak-kanak amat terhad (Santrock, 2011). Capaian hafazan yang agak mencabar buat kanak-kanak wajar dipermudahkan dengan penggunaan pelbagai kaedah yang menarik dan interaktif. Menurut Safinah et al. (2023) aktiviti menghafaz yang menyeronokkan seperti main peranan, nyanyian dan permainan simulasi digital dapat menarik minat dan mengekalkan tumpuan kanak-kanak untuk terus menghafal ayat-ayat al-Quran yang panjang. Di samping itu, kaedah pembelajaran kinestetik melalui pergerakan, nyanyian dan pantomim juga membantu melancarkan pengingatan semula ayat yang tersimpan dalam memori.

Seterusnya, warna yang dipilih haruslah sesuai mengikut teori warna bagi menarik minat murid untuk menghafaz al-Quran menunjukkan nilai skor min 4.73 dan sisihan piawai 0.45. Kekuatan dapatan kajian ini selari dengan pandangan teori yang diketengahkan oleh Itten (1961) yang menyatakan pemilihan warna mengikut kaedah yang betul akan melahirkan sensasi hangat, dingin dan santai serta hidup. Peranan warna juga adalah berfungsi sebagai alat komunikasi yang kuat dan boleh digunakan untuk memberi isyarat tindakan, mempengaruhi mood, dan juga mempengaruhi tindak balas fisiologi (Intan Nur et al., 2020).

Manakala dapatan kajian tema bergambar mestilah bersesuaian dengan maksud ayat al-Quran kerana dapat menambah kosa kata bahasa Arab murid menunjukkan nilai skor min 4.75 dan sisihan piawai 0.46 dan soalan seterusnya berkaitan grafik yang dipilih haruslah menarik minat pembaca menunjukkan nilai skor min 4.76 dan sisihan piawai 0.44. Hal ini adalah gambar yang digunakan adalah tema yang memberikan maksud bagi ayat yang dihafaz murid tadika untuk memahami

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maksud ayat yang dihafaz. Menurut Ahmad Rivai dan Nana Sudjana. (2005) gambar berfungsi sebagai alat yang dapat menggabungkan fakta dengan pengungkapan kata-kata melalui media bergambar.

Seterusnya, soalan yang ditanyakan berkaitan pemilihan fon yang bersesuaian dapat menarik minat murid tadika menunjukkan nilai skor min 4.66 dan sisihan piawai 0.45 dan gambar tema yang dipilih perlulah bersesuaian dengan maksud ayat mengikut tahap umur murid tadika menunjukkan nilai skor min 4.76 dan sisihan piawai 0.45. Dapatan pada soalan ini menunjukkan ia selari dengan pandangan yang dinyatakan oleh Intan Nur et al. (2020) saiz pada pemilihan fon harus diselarikan dengan kesesuaian bentuk media dan tahap umur murid. Saiz dan jenis fon yang digunakan dalam mana-mana modul amat mempengaruhi tahap keterbacaan terutamanya kanak-kanak yang baru mempelajari kemahiran literasi awal (Jalongo & Sobolak, 2011). Menurut Davila et al. (2021) pemilihan saiz fon 14 hingga 16 mata dengan fon jenis '*sans serif*' seperti *Arial*, *Calibri* atau *Century Gothic* meningkatkan lagi keselesaan membaca dalam kalangan kanak-kanak 8 hingga 12 tahun.

Begitu juga jarak baris 1.5 adalah lebih sesuai berbanding penggunaan saiz sebenar atau *single spacing* dalam modul kanak-kanak (Davila et al., 2021). Di samping itu, gabungan antara fon tebal dan terang untuk perkataan utama dan biasa disarankan bagi menarik perhatian terhadap maklumat terpenting (Jalongo & Sobolak, 2011). Kesimpulannya, pemilihan fon yang optimum penting dalam pembangunan bahan pembelajaran prasekolah bagi memudahkan kanak-kanak untuk membaca dan pemahaman maklumat yang tersurat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala soalan berkaitan maklumat yang ingin disampaikan kepada murid haruslah secara berfokus dan tepat menunjukkan nilai skor min 4.79 dan sisihan piawai 0.41. Dapatan ini selari dengan kajian Mohd Zulkarnain dan Mohd Isa (2020) menyatakan untuk menjadikan maklumat teratur teks perlulah dalam keadaan tersusun sehingga urutan maklumat menjadi lancar dan tidak tergantung. Pada usia prasekolah, kanak-kanak hanya mampu memberi tumpuan terhadap item berkaitan yang terhad dan spesifik (Charlesworth, 2019).Menurut teori pemprosesan maklumat, terlalu banyak rangsangan akan membebankan memori kerja sekali gus menyukarkan minda kanak-kanak untuk menumpukan perhatian dan memahami (Santrock, 2011).

Oleh yang demikian, maklumat baharu yang ingin disampaikan haruslah dipilih, diolah dan dinyatakan dalam bentuk yang ringkas, fokus serta padat agar memudahkan kanak-kanak memproses dan mengintegrasikannya dalam skema ingatan (Charlesworth, 2019). Kaedah penyampaian secara berfokus dan tepat juga dilihat lebih berkesan kerana penumpuan terhadap item berkaitan dapat menguatkan lagi saling hubungan antara unit maklumat yang hendak disampaikan (Clark & Mayer, 2016). Natijahnya, kandungan pembelajaran lebih mudah difahami dan diingati.

Manakala dapatan temu bual menunjukkan bahawa cadangan komponen pembinaan modul harus mempunyai komponen warna, gambar dan teks yang menarik. Pakar memberi pandangan berhubung elemen tersebut kerana dengan pemilihan elemen yang betul akan dapat menarik minat murid untuk lebih berminat dengan subjek tersebut. Hal demikian bertepatan dengan dapatan soal selidik yang memberikan gambaran pentingnya pemilihan gambar, warna dan teks yang betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.2.5 Perbincangan Bahagian Empat: Kesedian Guru dalam Proses Pengajaran Bahasa Arab di Tadika

Pada bahagian ini membincangkan tentang persediaan yang rapi oleh guru sebelum sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlangsung, hal ini amat penting dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan pengajaran di tadika (Hasnidar, 2022) Persediaan meliputi aspek perancangan PdP, penyediaan bahan sumber dan media pengajaran, pembacaan berkaitan tajuk pengajaran, pembinaan instrumen dan rubrik penilaian serta persediaan fizikal dan mental (Hasnidar, 2022; Jalongo, 2018). Kesemua ini bertujuan memastikan guru memperolehi penguasaan ilmu, kemahiran, dan keyakinan untuk melaksana tugas mendidik dengan berkesan selain dapat menangani sebarang kemungkinan dan masalah yang timbul (Jalongo, 2018). Oleh yang demikian, elemen persediaan menyeluruh guru ini sangat kritikal dalam memastikan proses pemindahan ilmu dan pencapaian hasil pembelajaran yang optimum dalam kalangan murid seterusnya merealisasikan objektif PdP pada peringkat prasekolah.

Justeru, daripada dapatan soal selidik bahagian empat berkaitan persediaan untuk mengajar subjek berkaitan bahasa Arab menunjukkan nilai skor min 4.33 dan sisihan piawai 0.87 dan dapatan seterusnya berkaitan minat untuk meningkatkan kemahiran bahasa Arab dikalangan guru menunjukkan nilai skor min 4.48 dan sisihan piawai 0.79. Dapatan pada soalan ini Ainul Basirah dan Manisah (2021) yang menyatakan bahawa guru perlu menyiapkan diri daripada segi ilmu pengetahuan dan mempelajari ilmu baru untuk menggunakan platform yang sesuai supaya objektif PdP dapat dicapai. Selain itu, antara punca guru tidak bersedia untuk mengajar adalah disebabkan kekurangan bahan rujukan dan modul pengajaran boleh menyebabkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru berasa sukar untuk membuat persediaan menyeluruh sebelum sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran di tadika (Bahri et al., 2021).

Keadaan ini boleh menyebabkan beberapa kesan negatif seperti guru kurang yakin untuk mengajar, objektif pembelajaran yang kurang jelas, aktiviti yang kurang menepati keperluan atau minat murid, penilaian yang kurang tersusun, dan pembelajaran menjadi kurang berkesan dan kurang memenuhi hasil pembelajaran (Bahri et al., 2021; Jalongo, 2018). Proses pengajaran yang tidak memuaskan akan menyumbang kepada kelemahan penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar dipelbagai tahap pengajian (Masyitoh, & Kaseh, 2018). Oleh yang demikian, adalah menjadi keperluan modul pengajaran SMART-KQ dibangunkan bagi membantu guru tadika menambah bahan rujukan bagi persediaan untuk proses pengajaran di tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dapatan daripada persoalan berkaitan guru memberikan motivasi bagi menarik minat murid untuk belajar bahasa Arab menunjukkan nilai skor min 4.37 dan sisihan piawai 0.81. Jika diimbas kembali dapatan Feng et al. (2021) merumuskan kaedah pembelajaran bahasa dengan penggunaan kaedah yang betul akan memberikan motivasi kepada murid dalam melibatkan kehadiran, penglibatan dalam PdP dan penghantaran tugasan. Pemberian motivasi dan galakkan yang positif oleh guru kepada murid di peringkat tadika memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Santrock (2011) motivasi membina minat intrinsik atau motivasi dalaman murid untuk terus memberikan tumpuan, usaha gigih dan keinginan belajar sesuatu perkara baharu. Selain itu, ia turut meningkatkan keyakinan dan keberkesanan kendiri murid untuk belajar serta membantu membina ransangan positif tentang kejayaan dan kegagalan (Urhahne, 2015). Galakkan daripada guru ini akhirnya dapat mempertingkatkan tahap pencapaian akademik dan perkembangan potensi sebenar setiap kanak-kanak. Natijahnya, hasil PdP menjadi jauh lebih bermakna dan berkesan dalam memacu perkembangan minda tadika ke arah aspirasi ideal negara.

Seterusnya, dapatan bagi persoalan berkaitan peranan guru dalam memberikan penerangan apa yang murid tidak faham tentang bahasa Arab menunjukkan nilai skor min 4.37 dan sisihan piawai 0.89. Hakikat daripada dapatan ini menunjukkan bahawa kefahaman murid adalah menjadi keutamaan para guru. Hal yang demikian menyebabkan guru yang terlibat proses pembelajaran atas talian disebabkan bekerja dari rumah menyatakan kebimbangan apabila cabaran untuk memberi kefahaman kepada murid tadika apabila berada di rumah (Marsitah & Dzurizah, 2022).

Seterusnya, dapatan soalan kajian berkaitan mengubahsuai pembelajaran bahasa Arab mengikut kemampuan murid menunjukkan nilai skor min 4.46 dan sisihan piawai 0.77. Dapatan kajian ini berpadanan dengan kajian Noh (2009) menyatakan pentingnya komponen-komponen dalam amalan pengajaran guru ini diberi penekanan bagi melihat kesuaian pengajaran mengikut tahap murid bagi mengelakkan kebosanan dan guru perlu mewujudkan pembelajaran bersifat kreatif. Manakala menurut Baharudin dan Manap (2019) pemilihan kaedah dan aktiviti PdP di tadika haruslah bersesuaian dengan tahap perkembangan kognitif, fizikal, psikologi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan sosial murid yang rata-ratanya berusia dalam lingkungan 4 hingga 6 tahun.

Secara keseluruhannya, persediaan yang rapi dan menyeluruh oleh guru tadika sebelum sesuatu sesi pengajaran kosa kata bahasa Arab amatlah kritikal dalam menentukan keberkesanan pengajaran serta pencapaian objektif pembelajaran murid (Hasnidar, 2022). Aspek perancangan aktiviti PdP, penyediaan bahan sumber, penguasaan kandungan, pembinaan instrumen penilaian serta persediaan mental dan fizikal perlu dititikberatkan (Jalongo, 2018). Ketiadaan persediaan yang cukup boleh menyebabkan pelaksanaan pengajaran menjadi kurang lancar dan kurang berkesan dalam memenuhi hasil pembelajaran murid (Bahri et al., 2021). Tambahan pula, kekurangan bahan rujukan dan modul pengajaran sedia ada dilihat sebagai satu lagi cabaran utama yang dihadapi oleh guru dalam aspek persediaan pengajaran (Hasnidar, 2022). Justeru, usaha untuk membangunkan pelbagai sumber dan modul sokongan PdP untuk subjek bahasa Arab di peringkat awal amat dititikberatkan agar dapat menyokong proses penyediaan pengajaran guru secara lebih berkesan.

7.3 Perbincangan Dapatan Kajian Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul

Berdasarkan objektif kajian yang kedua iaitu mereka bentuk dan membangunkan modul kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dalam pengajaran hafazan al-Quran di Tadika Islam Malaysia. Justeru itu, Pengumpulan data pada fasa reka bentuk dan pembangunan bertujuan memperoleh maklum balas reka bentuk bagi membina modul pengajaran kosa kata bahasa Arab. Kaedah *Fuzzy Delphi* digunakan untuk mendapatkan data berkaitan reka bentuk modul berasaskan persetujuan pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah ini dimanfaatkan bagi mencapai konsensus pakar tentang konstruk utama modul, item setiap konstruk dan menetapkan keutamaan item dalam elemen modul.

Kelebihan kaedah *Fuzzy Delphi* adalah maklumat mengenai kepentingan dan kedudukan elemen tertentu diperoleh hasil kesepakatan pakar. Pembinaan soal selidik *Fuzzy Delphi* berdasarkan sorotan literatur dan dapatan analisis keperluan membolehkan data yang tepat dan sahih diperoleh dalam satu pusingan sahaja (Chang et al., 2011). Kaedah ini lebih praktikal berbanding *Delphi* konvensional yang memakan masa kerana memerlukan beberapa pusingan. Terkini, beberapa penyelidik tempatan seperti Muhammad Ridhuan (2014); Mohd Ridhuan (2016); Alijah (2016) telah menggunakan *Fuzzy Delphi* untuk mendapatkan persetujuan pakar.

Oleh yang demikian, bagi memastikan proses mereka bentuk dan membangunkan modul ini bersifat empirikal dan memenuhi keperluan akdemik, maka suatu proses mereka bentuk modul telah dijalankan dengan menggunakan teknik *Fuzzy Delphi* dengan mendapatkan persetujuan dan pandangan pakar. Menerusi fasa reka bentuk dan pembangunan ini, pengkaji telah membahagikan 3 langkah bagi membincangkan dapatan kajian fasa ini seperti berikut :

a) Perbincangan berkaitan konstruk utama modul pengajaran SMART-KQ.
b) Perbincangan berkaitan item bagi setiap konstruk modul pengajaran SMART-KQ.
c) Perbincangan berkaitan turutan (keutamaan) item bagi konstruk modul pengajaran SMART-KQ.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.3.1 Perbincangan Berkaitan Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ

Dapatan kajian bagi bab ini menunjukkan wujud kesepakatan dalam kalangan pakar tentang tujuh konstruk utama yang diperlukan dalam mereka bentuk dan membangunkan konstruk utama modul pengajaran kosa kata bahasa Arab. **Jadual 5.3** memaparkan konstruk utama modul pengajaran kosa kata bahasa Arab hasil analisis kaedah *Fuzzy Delphi*. Semua item yang diutarakan menunjukkan nilai *threshold* yang terhasil lebih kecil daripada nilai 0.2. Justeru, semua konstruk ini diterima oleh pakar dan perlu dimasukkan dalam modul pengajaran kosa kata bahasa Arab. Konstruk berkenaan terdiri daripada isi kandungan, kaedah pengajaran, protokol pengurusan, pemilihan warna, pemilihan gambar, teks surah dan meningkatkan pengukuhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Pembentukan konstruk ini bermula dengan penelitian bahan ilmiah sedia ada menerusi sorotan literatur, diikuti penilaian dan pengesahan menerusi kesepakatan kumpulan pakar. Jelas bahawa pembentukan konstruk utama ini selari dengan model kurikulum sedia ada yang disaran oleh pakar kurikulum yang perlu merangkumi empat elemen asas iaitu objektif, kandungan, kaedah pengajaran dan penilaian (Lunenberg, 2011). Malah, model kurikulum yang baik bertindak sebagai garis panduan pelaksanaan sesuatu program pengajaran yang lebih berkualiti. Pandangan ini selari dengan hujah McBrien dan Brandt (1997) yang menyatakan kurikulum merupakan panduan bertulis tentang perkara yang perlu dipelajari oleh pelajar dan proses pengajaran yang akan dilaksanakan oleh guru terhadap murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala menurut Richey et al. (2011) modul pengajaran yang baik sepatutnya mesra pengguna, menarik, kontekstual, menekankan pembelajaran aktif serta memudahkan proses pemindahan pembelajaran. Ia juga perlu memberi penekanan kepada penglibatan pelajar secara aktif, kolaboratif dan pemusatan kepada keperluan serta minat pelajar (Anis et al., 2017). Sebaliknya, antara ciri-ciri modul pengajaran yang lemah termasuklah reka bentuk instruksional yang tidak lengkap, objektif tidak jelas, kandungan tidak berkaitan, aktiviti tidak mencabar dan penilaian yang lemah (Richey et al., 2011).

Kekurangan interaksi, soalan aras rendah dan ketiadaan langkah pemulihan juga antara kelemahan yang sering dikesan (Puteh et al., 2015). Jelas bahawa modul PdP yang berkesan perlu dirancang, dibina dan dinilai secara sistematik agar benar-benar mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Ringkasnya, pembangunan modul kurikulum penting dalam memperkukuh proses latihan dan pengajaran kerana ia merangkumi perancangan berasaskan analisis keperluan latihan, penetapan objektif dan reka bentuk latihan seperti kandungan, bahan bantu, kaedah penyampaian serta penilaian yang menyeluruh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.3.2 Perbincangan Item Bagi Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ

Modul pengajaran SMART-KQ yang dibangunkan merangkumi tujuh konstruk utama yang saling lengkap-melengkapi dalam merealisasikan pembangunan modul dengan objektif pembelajaran yang ditetapkan. Item pertama adalah isi kandungan modul yang merangkumi fakta, konsep dan informasi penting dalam topik pengajaran kosa kata dan hafazan al-Quran. Seterusnya, kaedah pengajaran pula merujuk strategi dan teknik penyampaian kandungan oleh guru dengan kaedah yang bersesuaian dengan tahap perkembangan murid di tadika.

Konstruk ketiga adalah protokol pengurusan penilaian merangkumi teknik menilai kemajuan hafazan dan peningkatan kosa kata murid di tadika. Manakala pemilihan warna dan gambar memainkan peranan sebagai elemen visual untuk menarik minat dan memudahkan pemahaman kanak-kanak terhadap topik pengajaran. Selanjutnya, teks surah pula memuatkan senarai surah lazim yang sesuai dipelajari oleh murid berserta maksud asas ayat. Akhirnya, elemen meningkatkan pengukuhan bertindak sebagai aktiviti atau kaedah yang digunakan sama ada membawa kepada kebaikan proses utama PdP yang telah diterapkan atau sebaliknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.3.2.1 Perbincangan bagi Item Konstruk Isi Kandungan

Perbincangan bagi item isi kandungan modul dimulakan dengan menyatakan bahawa item ini dibina melalui analisis kepada garis panduan Kurikulum KSPK (2017) dapatan analisis deskriptif terhadap soal selidik yang diedarkan dan dapatan daripada temu bual pakar yang dijadikan asas utama bagi membina item kepada konstruk yang pertama ini. Item bagi konstruk pertama adalah isi kandungan modul, dalam mereka bentuk modul SMART-KQ yang sebenar susun atur modul telah dimulakan dengan bahagian pengenalan modul yang merangkumi kaedah penggunaan modul pengajaran SMART-KQ ini. Perkara ini dihujahkan oleh Jahnke et al. (2020) kebanyakan modul pembelajaran terutamanya bahan bantu mengajar sedia ada masih kekurangan panduan penggunaan yang jelas dan lengkap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketiadaan arahan dan panduan yang spesifik tentang cara menggunakan modul, aktiviti pembelajaran dan teknik penilaian boleh mengurangkan keberkesanan penggunaan modul itu sendiri (Hadiyanti, 2021). Justeru, Brown dan Garnjost (2018) menekankan keperluan menyediakan panduan pengguna modul yang mudah difahami dalam bentuk arahan yang mudah di helaian bergambar dengan langkah-langkah jelas. Panduan sebegini penting bagi memastikan pengguna dapat menggunakan modul dengan betul dan seterusnya mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan (Brown & Garnjost, 2018). Menurut mereka lagi, panduan pengguna boleh disertakan sebagai elemen tambahan bersama-sama modul atau secara khusus dibangunkan sebagai satu set modul instruksional tersendiri yang lengkap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dalam konstruk ini pengkaji menghasilkan 12 item yang diperoleh menerusi garis panduan KSPK dan kajian literatur. Pendekatan *Fuzzy Delphi* turut diaplikasikan bagi menilai dan mengesahkan item yang dibangunkan. Kesemua 12 item isi kandungan modul yang dicadangkan dipersetujui berdasarkan kesepakatan pakar, malah turut terdapat cadangan panel pakar seperti dipaparkan dalam Jadual 5.12 pada bahagian cadangan. Kekuatan dapatan kajian ini menunjukkan modul pengajaran SMART-KQ perlu dibangunkan dengan lima inti pati utama kandungan modul yang telah disepakati. Justeru, perlu dimasukkan pengetahuan berkaitan pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan pembelajaran berkaitan huruf hijaiyah, kata nama, kata kerja dan huruf partikel.

Pandangan pakar yang dipersetujui di atas adalah berpadanan dengan beberapa fakta penting daripada kajian yang ada dalam memastikan pengajaran kosa kata bahasa Arab yang lebih berkesan dengan mengintegrasikan pembelajaran huruf hijaiyah, jenis perkataan dan tatabahasa Arab asas (Yusof et al., 2017). Pertama, cara sebutan dan bentuk tulisan yang betul untuk setiap huruf hijaiyah perlu dikuasai terlebih dahulu kerana ia adalah unit bunyi terkecil pembentuk perkataan dalam sesuatu bahasa (Mohd Feham & Hassan, 2022). Pemahaman awal tentang kategori jenis perkataan seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif dan sebagainya membantu kanak-kanak membina ayat dan perbualan mudah dengan lebih tepat (Ab Halim et al., 2022). Selain itu, penguasaan kosa kata Arab juga penting pada peringkat permulaan untuk membolehkan susunan ayat yang asas dibina dengan betul (Md. Noor, & Husni, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekumpulan sarjana lain turut menyokong, menurut Ramli dan Mohamad (2014) menegaskan kosa kata yang sesuai dalam buku teks adalah pertama, kosa kata bersifat mudah diperolehi. Kedua, kosa kata pendek. Ketiga, kosa kata yang ada persamaan antara bahasa ibunda dan bahasa Arab. Keempat, kosa kata yang bersifat konkrit. Kelima, kosa kata yang bersifat kerap penggunaannya. Dapatan kajian ini dapat menjelaskan bahawa dengan mendedahkan kanak-kanak kepada tiga komponen linguistik utama bahasa Arab iaitu kata nama, kata kerja dan huruf partikel perlulah mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam kajian Ramli dan Mohamad (2014).

Kaedah ini dilaksanakan sebagai persediaan kepada tatabahasa Arab yang lebih kompleks pada peringkat seterusnya, (Siti Fatimah, 2013). Pendedahan konsep awal mengenai perbezaan dan ciri-ciri setiap kategori perkataan Arab ini memudahkan kanak-kanak membina ayat sendiri dengan tepat berbanding pendekatan hafalan ayat sahaja (Al- Khawaldeh & Al-Thafeeri, 2023). Justeru, pembelajaran berasaskan komponen linguistik asas amat digalakkan pada peringkat awal pengajaran bahasa Arab di tadika dan ini perlulah dijadikan panduan utama dalam memasukkan kandungan pengajaran dalam Modul SMART-KQ.

Dapatan kajian seterusnya, pula pakar memberikan persetujuan berkaitan jumlah empat surah yang perlu dimasukkan dalam kandungan modul SMART-KQ. Hal ini disebabkan sebarang pengisian berkaitan kurikulum yang perlu dipelajari pada peringkat tadika di Malaysia perlulah berpandukan silibus yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2016). Menurut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK, 2017) yang dilaksanakan di semua tadika kerajaan dan swasta, antara objektif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

khusus yang ditetapkan adalah membolehkan murid menghafaz empat surah pendek dalam Juzuk Amma (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2016).

Empat surah yang biasa diajar termasuklah surah al-Fatihah, an-Naas, al-Falaq dan al-Ikhlas. Pemilihan surah-surah pendek dari Juzuk 30 yang mudah ini bertujuan memberi pendedahan dan menyemai minat awal untuk menghafaz Kalam Allah yang mulia dalam kalangan kanak-kanak (Baharudin & Manap, 2019). Pencapaian petunjuk prestasi ini secara tidak langsung menggalakkan penghayatan terhadap maksud isi kandungan ayat serta mampu diaplikasikan dalam ibadah dan kehidupan seharian (Baharudin & Manap, 2019). Justeru, usaha memastikan semua murid menguasai hafazan keempat-empat surah pendek ini dengan baik amat dititikberatkan oleh semua guru tadika sebagai memenuhi standard prasekolah yang ditetapkan.

Seterusnya, berpandukan dapatan kajian berkaitan pemahaman maksud daripada kosa kata ayat dalam surah hafazan secara bertema dan pengamalan adab serta akhlak mulia dalam kehidupan murid telah mendapat peratus kesepakatan pakar yang tinggi agar isi kandungan berkaitan ini dapat dimasukkan dalam Modul SMART-KQ. Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata bahasa Arab bukan saja penting bagi penutur itu sendiri tetapi kepada penghafaz al-Quran juga. Sekiranya penghafaz al-Quran tidak menguasai kosa kata bahasa Arab ia akan menyebabkan mereka sukar untuk memahami teks al-Quran yang dihafaz kerana pelajar perlulah mahir dalam ilmu bahasa arab dahulu sebelum dapat menguasai maksud ayat (Noza Aflisia, 2016). Malah menurut Ahmad Fikri (1995) yang berpendapat bahawa kebanyakan pelajar sukar untuk memahami teks dan bertutur dengan baik adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disebabkan kurang kemampuan memperbanyakkan pengetahuan kosa kata Arab dan ilmu nahu.

Dapatan di atas berpadanan dengan Husain (2010) berpandangan untuk menyemai pemahaman awal terhadap isi kandungan ayat suci al-Quran amat penting diterapkan pada peringkat awal usia kanak-kanak melalui kaedah yang sesuai dengan tahap kognitif kanak-kanak. Antaranya adalah pemilihan tema tertentu seperti perintah Allah, kisah para nabi, syurga dan neraka serta merungkai isi penting ayat berdasarkan kosa kata mudah dan pendek yang diguna pakai (Ismail et al., 2023). Teknik ini dapat merangsang minda sambil menyuburkan minat kanak-kanak untuk terus mendalami ilmu daripada ayat al-Quran. Di samping itu, pendedahan bertema ini membolehkan kanak-kanak mencambahkan semula kosa kata yang dipelajari dan seterusnya meningkatkan penguasaan perbendaharaan kata dalam bahasa Arab (Abdullah et al., 2020). Aspek kedua-dua pemahaman isi kandungan al-Quran dan penggayaan kosa kata diperkukuh secara serentak menerusi pendekatan bertema.

Selain itu, dapatan yang diperolehi juga menunjukkan bahawa pakar bersetuju bahawa pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan membangunkan modul hafazan al-Quran, murid dapat mengamalkan adab dan akhlak mulia dalam kehidupan seharian. Menurut Fatin et al. (2020) menegaskan bahawa dengan menguasai pemahaman hafazan al-Quran yang baik secara tidak langsung dapat membentuk akhlak dan peribadi seseorang bagi menyumbang kepada pembentukan peribadi yang cemerlang. Al-Quran juga bukan sekadar dihafaz tetapi kita juga dituntut agar memahami maksudnya. Menurut Aprizal (2021) penguasaan bahasa arab adalah pintu utama bagi membuka jalan memahami al-Quran dan kitab fekah yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, hasil dapatan bagi tiga item yang terakhir bagi konstruk isi kandungan modul juga menunjukkan pakar bersetuju kemahiran berbahasa Arab datang daripada kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran membaca. Hal ini dipersetujui oleh pandangan Rusdi et al. (2023) mendapati bahasa Arab menjadi bahasa asing yang mendapat tempat tetapi malangnya pelajar menghadapi kesukaran untuk memahami dan mempraktikkan bahasa Arab dengan baik apabila kemahiran mendengar, bertutur dan membaca tidak dikuasai dengan baik. Pada pandangan yang lain, menerusi pakar *Fuzzy Delphi* dalam kajian ini ada memberi saranan agar kandungan yang dibangunkan ini harus mengambil kira umur dan kesesuaian mengikut peringkatnya.

Hakikat daripada fakta ini ahli linguistik Krashen (1985) menghujahkan pemerolehan sesuatu bahasa memerlukan input linguistik yang pelbagai daripada pelbagai kemahiran. Kemahiran mendengar perkataan yang asal penting untuk pendedahan sebutan sesuatu perkataan dengan tepat (Rozana, 2020). Manakala kemahiran bertutur pula memberikan latihan meluahkan kosa kata dan ayat yang telah dipelajari (Fareh, 2010). Akhirnya, input kemahiran membaca yang intensif membantu mengukuhkan lagi ingatan terhadap kosa kata baharu selain memperkayakan kosa kata kanak-kanak tersebut (Fareh, 2010). Pengukuhan ketiga-tiga kemahiran berbahasa ini secara komplemen tari bukan sahaja meningkatkan penguasaan bahasa Arab malah turut membentuk keyakinan para murid untuk terus menggunakan bahasa Arab dengan lancar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.3.2.2 Perbincangan bagi Item Konstruk Kaedah Pengajaran

Selanjutnya, bagi memastikan modul yang dibina menepati keperluan dan kesesuaian peringkat murid tadika memerlukan kaedah pengajaran yang berkesan (Clark & Mayer, 2011) manakala menurut Ellis (2005) kaedah pengajaran berkesan dapat meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar. Konstruk yang berkaitan hal ini adalah konstruk kaedah pengajaran dan pembelajaran. Dalam konstruk ini, pengkaji menghasilkan 6 item yang merupakan strategi pengajaran diperolehi menerusi garis panduan KSPK (2017) dan kajian literatur. Jelaslah bahawa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan memerlukan guru yang dapat menguasai pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran (Hussin, 2003). Pendekatan *Fuzzy Delphi* turut diaplikasikan bagi menilai dan mengesahkan elemen yang dibangunkan. Kesemua 6 item kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dicadangkan dipersetujui berdasarkan kesepakatan pakar seperti dipaparkan dalam **Jadual 5.13.**

Hasil dapatan kajian ini adalah merupakan item yang menjurus kepada kaedah yang akan digunakan dalam proses pengajaran terhadap murid di tadika. Pembelajaran pada abad ini perlu memiliki strategi dan panduan yang mencukupi sebagai rujukan kepada guru agar pengajaran yang dilaksanakan menepati silibus yang ditetapkan. Proses pengajaran yang berkesan harus memiliki penggabungan audio, visual, kinestetik dan taktil untuk daya tarikan dan fokus kanak-kanak (Jalongo, 2018) menerapkan aktiviti simulasi, eksplorasi objek dan permainan interaktif untuk pembelajaran aktif kanak-kanak (Piaget, 1953). Menyediakan peluang pembelajaran yang kerap dengan kandungan yang diulang bagi pengukuhan ingatan (Bruner, 1966). Memberi pujian dan galakan positif apabila kanak-kanak yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan kemajuan atau usaha yang baik (Skinner, 1958). Hal ini bertepatan dengan yang dicadangkan dan dipersetujui berdasarkan kesepakatan pakar pada item konstruk ini.

Justeru, bagi kaedah pembelajaran bertema menurut Abdul Fatah dan Hanani (2022) pendekatan pembelajaran secara tema yang disokong elemen multimedia interaktif ataupun penggunaan gambar amat digalakkan dalam aktiviti PdP pendidikan Islam khususnya dalam pengajaran al-Quran. Antara langkah-langkah khusus dalam merealisasikan pembelajaran bertema ini dalam Modul SMART-KQ adalah, pertama, tentukan tema umum berkaitan surah atau ayat sasaran seperti kisah para nabi dan kebesaran Tuhan (Ismail et al., 2020).

Kemudian, kenal pasti ayat-ayat yang sesuai dengan tema tersebut sebelum mengenal pasti kosa kata kunci spesifik dalam ayat dan disertakan gambar yang kontekstual bagi setiap perkataan tersebut (Polloway et al., 2019). Seterusnya, latihan pembinaan ayat asas berpandukan kosa kata dan teks bertema yang dipilih di samping sediakan aktiviti pemahaman dan pengukuhan tambahan seperti kuiz, padanan kad dan *puzzle* untuk mengukuh ingatan (Abdullah, 2020). Langkah berstruktur ini berupaya merealisasikan pembelajaran bertema al-Quran yang lebih berkesan untuk murid tadika menerusi modul pengajaran SMART-KQ.

Seterusnya, kaedah pembelajaran berpusatkan murid dan pembelajaran berasaskan inkuiri bagi merealisasikan pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Murid (PBM), modul perlu disesuaikan mengikut tahap hafazan dan kosa kata sedia ada setiap murid melalui pentaksiran awal (Mohammad Azman et al., 2019). Selain itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar diberi pilihan dan tanggungjawab memilih untuk memberikan idea melalui tema bergambar kosa kata yang dipaparkan dalam modul. Menerusi kajian Pulene (2022) pembelajaran berpusatkan kanak-kanak perlu memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran mereka. Selain menggalakkan pembelajaran aktif, proses PBM memerlukan penglibatan rakan sebaya sebagai kumpulan sokongan dengan fasilitasi guru secara fleksibel (Hajhashemi et al., 2017).

Sementara itu, aplikasi Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (PBI) pula merujuk kepada galakkan untuk murid bertanya dan memahami isi kandungan ayat al-Quran melalui inkuiri, perbincangan dan rumusan makna ayat secara konstruktif (Hardaker & Sabki, 2018). Gabungan kreativiti murid dalam sesi inkuiri ini dapat menyerlahkan keunikan pemahaman serta interpretasi setiap pelajar terhadap ayat al-Quran yang dipelajari dengan menggabungkan elemen hafazan dan kosa kata menerusi gambar dan warna.

Selain itu, kaedah yang dicadangkan daripada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2017) tiga daripadanya adalah pembelajaran masteri, pembelajaran kontekstual dan pembelajaran berasaskan kepelbagaian kecerdasan. Menurut Shahida et al. (2012) kurikulum pendidikan negara amat menitikberatkan perkembangan bahasa dan komunikasi. Justeru, pembelajaran masteri boleh diperkasakan dalam modul pengajaran SMART-KQ melalui penetapan had minimum penguasaan kosa kata Arab dan hafazan ayat al-Quran yang perlu dicapai setiap murid. Murid hanya dibenarkan beralih kepada senarai surah atau kosa kata baharu selepas menguasai sepenuhnya hafazan dan pemahaman pada tajuk sebelumnya (Hussin et al., 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aplikasi model ini pada peringkat tadika dilihat berpotensi membantu setiap murid menguasai kemahiran asas literasi, numerasi dan penguasaan kosa kata bahasa Arab pada tahap minimum yang disasarkan oleh pihak kerajaan (Roslan et al., 2010). Contoh penerapan termasuk menetapkan sasaran agar semua murid menguasai sekurang-kurangnya 500 patah kosa kata asas sebelum bergraduasi prasekolah. Demi mencapai matlamat ini, guru sentiasa memantau dan melaksanakan intervensi secara berterusan sehingga tahap penguasaan ini dicapai sepenuhnya oleh setiap murid.

Manakala pendekatan pembelajaran kontekstual pula ditekankan melalui penggunaan situasi harian murid tadika sebagai penghubung kepada isi kandungan hafazan dan kosa kata Arab yang perlu dikuasai (Ramli et al., 2019). Pandangan ini berpadanan dengan Dewey (1916) menyatakan murid akan belajar dengan baik jika apa yang dipelajari adalah berkaitan dengan persekitaran sebenar mereka. Oleh yang demikian, dalam bahagian pemahaman kosa kata melalui gambar, guru boleh mengaitkan gambar tema dengan penceritaan yang menjurus kepada keadaan persekitaran sebenar. Manakala aplikasi pembelajaran berasaskan pelbagai kecerdasan dilaksanakan dengan menyediakan pelbagai aktiviti yang merangkumi gaya visual, auditori dan kinestetik bagi menyokong kecerdasan murid yang pelbagai (Poh, 2009). Gabungan ketiga-tiga kaedah ini diharap mampu memastikan pembelajaran yang lebih berkesan dalam modul pengajaran SMART-KQ.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.3.2.3 Perbincangan bagi Item Konstruk Protokol Pengurusan Penilaian Kemajuan Murid

Seterusnya, item bagi konstruk protokol mengakses kemajuan murid dibentuk bagi menghasilkan 7 item yang diperoleh menerusi garis panduan KSPK dan kajian literatur. Pendekatan *Fuzzy Delphi* turut diaplikasikan bagi menilai dan mengesahkan elemen yang dibangunkan. Kesemua 7 item protokol mengakses kemajuan murid yang dicadangkan dipersetujui berdasarkan kesepakatan pakar seperti dipaparkan dalam **Jadual 5.15.** Berpandukan item di bawah konstruk tersebut. Menurut Wortham (2006) senarai semak kemahiran individu di mana guru merakam pencapaian atau perkembangan kemahiran spesifik setiap murid berdasarkan tarikh merupakan satu kaedah berkesan bagi mencatat perkembangan murid.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, bagi item penyediaan borang senarai semak pencapaian hafazan dan pencapaian setiap murid dimaklumkan kepada murid telah mendapat nilai peratus kesepakatan pakar yang tertinggi. Menurut Abuhammad (2011) pemantauan kemajuan hafazan al-Quran dalam kalangan murid memerlukan mekanisme perekodan yang sistematik dan mudah bagi membolehkan pemerhatian. Penggunaan borang senarai semak yang dimasukkan dalam buku pencapaian murid didapati berupaya memudahkan guru untuk merekod pertambahan jumlah ayat atau surah yang berjaya dihafaz oleh murid mengikut tarikh. Maklumat seperti status hafazan dengan tepat atau sebaliknya, penggunaan kaedah tartil, kelancaran bacaan serta senarai ayat yang perlu dibaiki dapat dimasukkan ke dalam format rekod standard (Mahmud, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Syuhada dan Fatin Aliah (2022) data jangka masa panjang ini penting untuk memahami perkembangan dan corak pertambahan hafazan individu, justeru membolehkan aktiviti kaunseling dan intervensi dilaksanakan pada peringkat awal. Kesannya, tahap motivasi dan pencapaian hafazan dalam kalangan murid tadika dapat di stimulasi dengan lebih optimum. Manakala komen yang diberikan oleh pakar juga adalah selari dengan pakar *Fuzzy Delphi* yang memberikan saranan agar borang rekod pencapaian pelajar perlu ada dalam modul yang sama dan tidak perlu borang kemajuan yang berasingan dengan modul pengajaran.

Manakala bagi item pencapaian setiap murid perlulah dimaklumkan kepada setiap murid, menurut Lasser dan Fite (2011) maklum balas individu adalah satu prosedur penting dalam amalan pengajaran di tadika. Ini melibatkan pemberian laporan kemajuan atau surat berkala kepada ibu bapa berkaitan perkembangan literasi, numerasi dan kemahiran berbahasa anak-anak di tadika berdasarkan pelbagai instrumen penilaian yang dijalankan. Menyemak prestasi, kehadiran dan tingkah laku anak merupakan hak dan tanggungjawab ibu bapa, justeru komunikasi kerap yang proaktif ini mampu memupuk hubungan erat antara pihak sekolah dan ibu bapa (Lau, 2016).

Malah, perkongsian butiran dan bukti pencapaian kanak-kanak membolehkan ibu bapa memberikan galakkan, pujian mengikut kesesuaian untuk memupuk keyakinan dan motivasi minat pembelajaran (Lau, 2016; Bingham et al., 2021). Natijahnya, ibu bapa dapat menyokong pembelajaran anak-anak dan aktiviti sekolah dengan lebih bermakna. Justeru, dalam pembinaan modul pengajaran SMART-KQ perlu dimasukkan suatu borang senarai semak kemajuan kosa kata Arab dan kejayaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hafazan bagi setiap ayat al-Quran yang dihafaz. Borang yang dimasukkan ini perlu sesuai dan mudah diakses oleh ibu bapa di rumah. Komen yang diberikan oleh pakar dalam hal ini adalah bertepatan dengan kajian literatur supaya guru membuat pemakluman kepada ibu bapa untuk pemantauan perkembangan anak-anak di rumah.

Selain itu, Kabuto (2017) pula mencadangkan penggunaan catatan anekdot di mana guru membuat pemerhatian dan rekod terhadap tingkah laku atau kemajuan positif yang ditunjukkan oleh murid. Hal ini bersesuaian dengan dapatan pakar yang bersetuju supaya saiz kekerapan proses pengulangan bacaan ayat al-Quran dimasukkan dalam ruangan catatan guru. Selain itu, dapatan juga menunjukkan kekerapan proses ulangan kosa kata bahasa Arab juga perlu diletakkan dalam modul. Manakala kaedah lain yang dicadangkan melalui dapatan literatur termasuklah melekatkan sampel kerja atau lukisan terbaik murid di dalam buku murid sebagai bukti perkembangan seperti yang disarankan Epstein (2007). Di samping itu, Cooper (2007) menyatakan laporan kemajuan berkala yang disediakan setiap bulan atau suku tahunan berdasarkan sasaran pembelajaran turut berkesan dalam merekod pencapaian.

Selain itu, Lasser dan Fite (2011) pula mencadangkan penyediaan kenyataan maklum balas individu dan cadangan penambahbaikan untuk ibu bapa bagi memaklumkan perkembangan murid. Oleh yang demikian, konstruk protokol mengakses kemajuan murid bertepatan dengan kesepakatan pakar dalam memberikan persetujuan untuk setiap pencapaian serta pengulangan kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran dicatat dan dimaklumkan kepada murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.3.2.4 Perbincangan bagi Item Konstruk Pemilihan Warna

Manakala bagi konstruk pemilihan warna berdasarkan analisis *fuzzy delphi* mendapati pakar bersetuju dan kesemua 6 item bawah konstruk pemilihan warna yang dicadangkan dipersetujui berdasarkan kesepakatan pakar seperti dipaparkan dalam **Jadual 5.17.** Berdasarkan konstruk tersebut mendapati warna merupakan elemen penting dalam menghasilkan modul khususnya terhadap murid peringkat tadika seperti yang dihujahkan Fahrur dan Khalimatul Khomsatun (2019) kanak-kanak pada usia dua hingga lima tahun perlu didedahkan tentang aspek warna bagi meningkatkan kecerdasan dan kreativiti kanak-kanak di samping melatih proses belajar sambil bermain. Selain itu, penggunaan warna dalam modul murid tadika memainkan beberapa peranan penting.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbicara tentang dapatan bagi item yang menyatakan penggunaan warna asas yang perlu digunakan dalam modul pengajaran SMART-KQ iaitu merah, hijau, kuning, biru dan unggu telah diterima dan dipersetujui oleh sekumpulan pakar. Hal ini juga disokong oleh Jalongo (2006) menyatakan penggunaan warna memainkan peranan penting dalam meningkatkan keterlibatan pembelajaran khususnya dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Menurut Hikam dan Nursari (2020) pemilihan dan penggunaan warna asas atau *primer* seperti merah, biru dan kuning yang cerah dan padu serta warna campuran hijau dan unggu mampu merangsang minda serta memberi fokus perhatian murid di awal usia prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, kaedah pewarnaan gambar atau video aktiviti menggunakan warna asas ini didapati berupaya meningkatkan ingatan dan pemahaman kanak-kanak terhadap isi kandungan modul (Campbell, 2008). Tambahan pula, rangsangan berwarna ini mengujakan kreatifan minda apabila digabungjalinkan elemen visual dan verbal dalam penyampaian maklumat (Rushton et al., 2010). Justeru, penggunaan warna asas yang sistematik amat disarankan sebagai salah satu cara dalam merealisasikan pembelajaran berkesan menerusi modul pengajaran SMART-KQ yang mesra kanak-kanak prasekolah. Selain itu, pakar juga bersetuju bahawa warna asas yang digunakan dapat membantu murid menambah saiz kosa kata bahasa Arab.

Seterusnya, pada dapatan item tentang penggunaan warna terang dalam membantu murid menambahkan fokus seterusnya dapat menguasai kosa kata bahasa Arab. Pandangan ini berpadanan dengan kajian neurosains, warna terang didapati lebih menarik perhatian dan memberi kesan psikologi yang positif berbanding warna gelap dalam kalangan kanak-kanak (Engelbrecht, 2003). Menurut Witchel et al. (2012) pendedahan kepada warna cerah meningkatkan suasana hati, memotivasikan pembelajaran dan merangsang kreativiti.

Selain itu, kajian membuktikan kanak-kanak prasekolah lebih tertumpu dan berminat terhadap bahan belajar yang berwarna terang (Rushton et al., 2010). Malah menurut Gaines dan Curry (2011) penggunaan warna terang secara kontrast mampu mengujakan lagi tumpuan serta pemusatan minda untuk tempoh yang lebih lama. Justeru, penggabungan warna cerah dan kontras dalam reka bentuk Modul SMART-KQ adalah amat digalakkan agar menyeronokkan pembelajaran kanak-kanak selain meningkatkan ingatan dan penglibatan aktif mereka dengan kandungan modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Gaines dan Curry (2011) warna cerah dan berkontras mampu menarik tumpuan serta memberi fokus kepada perhatian murid. Seterusnya, kod warna juga digunakan untuk tujuan membezakan item atau kategori konsep tertentu dalam modul bagi memudahkan pemahaman kanak-kanak (Bath et al., 2008). Manakala gabungan warna dengan perkataan atau imej didapati membantu perwakilan kognitif dalam ingatan jangka panjang yang mempertingkat daya ingatan mengikut Jalongo (2006). Di samping itu, Stone (1995) pula berpendapat bahawa warna cerah dan kesan kromatik mampu mencipta suasana pembelajaran yang lebih ceria sekali gus meningkatkan semangat kanak-kanak untuk belajar. Tambahan pula, Dunn (2008) menjelaskan penggunaan elemen visual dalam warna yang pelbagai dilihat menyokong gaya pembelajaran visual yang dominan dalam kalangan murid pada peringkat prasekolah. Pemilihan item bagi konstruk pemilihan warna adalah bertepatan dengan pandangan pakar dan dapatan kajian literatur juga menunjukkan warna dapat membantu proses pengajaran peringkat tadika.

Selain itu, pakar juga bersetuju dengan kaedah mempelbagaikan warna dalam pembinaan modul supaya modul itu nampak lebih menarik. Menurut teori pembelajaran konstruktivisme, pengintegrasian pengalaman pembelajaran yang pelbagai dapat merangsang minda serta membolehkan pembinaan pengetahuan secara holistik (Applefield et al., 2000). Justeru, penggunaan warna yang pelbagai dalam modul pembelajaran kanak-kanak prasekolah amat digalakkan. Menurut Jalongo dan Sobolak (2011) selain warna asas, unsur-unsur visual seperti corak, imej, simbol, dan tekstur berpotensi untuk dimanfaatkan dalam mereka bentuk bahan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini kerana, gabungan pelbagai jenis warna dan corak membolehkan minda memproses maklumat dalam beberapa saluran sekali gus, lantas mengukuhkan lagi ingatan dan pengekalan konsep atau fakta baharu (Jalongo, 2006). Tambahan pula, Modul SMART-KQ yang dihiasi dengan warna pelbagai mampu menarik minat serta merangsang deria visual murid agar memberi tumpuan sepenuhnya terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung.

7.3.2.5 Perbincangan bagi Item Konstruk Pemilihan Gambar

Seterusnya pada bahagian item konstruk pemilihan gambar. Dalam konstruk ini, pengkaji menghasilkan 4 item yang diperoleh menerusi kajian literatur dan dapatan analisis keperluan. Pendekatan *Fuzzy Delphi* turut diaplikasikan bagi menilai dan mengesahkan elemen yang dibangunkan. Kesemua 4 item pemilihan gambar yang dicadangkan dipersetujui berdasarkan kesepakatan pakar. Terdapat pelbagai peranan penting yang dimainkan oleh gambar dalam modul pembelajaran murid pada peringkat tadika. Menurut Virvou et al. (2005) gambar membantu murid mengaitkan perkataan dengan visual yang konkrit bagi memahami konsep yang bersifat abstrak. Selain itu, gambar yang menarik juga didapati dapat meningkatkan tumpuan dan rasa ingin tahu kanak-kanak terhadap sesuatu topik menurut Harms dan Clifford (1980). Charlesworth (2008) pula berpendapat bahawa perbincangan isi gambar bersama guru dapat merangsang perkembangan pemikiran kritis dan kreatif dalam kalangan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, bagi item gambar dapat memudahkan murid memahami ayat al-Quran dengan tema tertentu mempunyai asas yang kukuh bertepatan kajian neurosains, keupayaan minda manusia memproses maklumat adalah jauh lebih pantas melalui input visual berbanding verbal semata-mata (Paivio, 1990). Oleh yang demikian, penggunaan gambar dan ilustrasi yang berkaitan dalam modul didapati sangat membantu memudahkan pemahaman maksud ayat-ayat suci al-Quran dalam kalangan murid prasekolah (Shamsudin et al., 2022). Sebagai contoh, ayat-ayat dalam surah al-Maa'un yang menerangkan konsep bersedekah dan tolong-menolong sesama Muslim dapat digambarkan menerusi lakaran atau imej yang berkaitan. Kajian Abdullah et al. (2020) menegaskan visual bergambar yang interaktif ini membantu proses interpretasi minda kanak-kanak terhadap konsep abstrak yang terkandung dalam ayat al-Quran. Natijahnya, integrasi elemen verbal dan visual melalui teks ayat dan ilustrasi dapat meningkatkan tahap pemahaman serta mengukuhkan ingatan murid terhadap isi penting ayat al-Quran yang dipelajari menerusi Modul SMART-KQ.

Di samping itu, pendedahan kepada gambar daripada pelbagai budaya dan latar belakang membantu membina perspektif yang lebih luas dalam kalangan kanak-kanak (Papalia & Martorell, 2015). Menurut Jalongo (1999) pula visual yang kaya dengan butiran terperinci berupaya merangsang daya imaginasi dan impian murid. Dalam konteks pembelajaran al-Quran pula, gambar konkrit didapati membantu pemahaman terhadap konsep abstrak yang terkandung dalam ayat suci al-Quran (Abdullah, 2020). Malah menurut Polloway et al. (2019) perbincangan isi gambar bersama guru turut menjana interpretasi idea awal murid terhadap sesuatu ayat al-Quran. Menurut Jalongo (2006) gambar yang besar, jelas serta terperinci daripada segi maklumatnya mudah difahami oleh kanak-kanak. Selain itu, Rushton et al.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2010) pula menjelaskan bahawa warna cerah dan berkontras pada gambar dapat menarik tumpuan serta memberi fokus perhatian kanak-kanak.

Seterusnya, gambar animasi atau yang boleh di manipulasi secara digital didapati menarik minat kanak-kanak untuk terlibat dengan lebih aktif (Haugland, 2000). Di samping itu, gambar yang memaparkan situasi harian yang kerap dialami atau dilalui sendiri oleh kanak-kanak boleh meningkatkan lagi keterikatan emosi serta pemahaman terhadap isi kandungan gambar tersebut menurut Charlesworth (2008). Jelas bahawa ciri-ciri tertentu pada gambar yang digunakan dalam modul amat mempengaruhi keberkesanannya sebagai alat bantu visual dalam pembelajaran murid tadika. Oleh yang demikian, jelas bahawa gambar memainkan pelbagai peranan berguna dalam modul pembelajaran murid pada peringkat prasekolah dan ini bertepatan dengan kesepakatan pakar dalam menerima item bagi konstruk pemilihan gambar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.3.2.6 Perbincangan bagi Item Konstruk Teks Surah

Pada bahagian konstruk teks surah pula, hasil dapatan berdasarkan kesepakatan pakar seperti dipaparkan dalam **Jadual 5.21** menunjukkan pakar menerima item-item yang terdapat dalam konstruk ini. Penerimaan pakar ini adalah berpadanan dengan Baharudin dan Manap (2019) menghujahkan bahawa pengajaran al-Quran pada peringkat prasekolah perlu memfokus kepada aspek pengenalan, pemahaman serta hafazan surah-surah lazim atau juzuk 30 yang mudah dan pendek seperti al-Fatihah, an-Nas, al-Falaq, al-Ikhlas. Menurut Yusof dan Ahmad (2017) surah pendek dipilih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada peringkat awal kerana jumlah ayat yang sedikit dan ringkas membolehkan kanak-kanak memberi tumpuan sepenuhnya tanpa rasa jemu atau bosan. Selain menyemai rasa kasih sayang terhadap Kalamullah sejak usia kecil, pemilihan surah lazim ini juga memudahkan pelajar mengamalkannya dalam solat lima waktu (Baharudin & Manap, 2019). Justeru, pengkhususan hafazan beberapa surah pendek al-Quran dalam Modul SMART-KQ selaras dengan perkembangan literasi Arab dan aras kemampuan serta kematangan kognitif murid pada peringkat awal usia tadika. Aktiviti ini dapat memperkaya pengalaman Islamik awal selain menyeronokkan pembelajaran al-Quran mereka.

Pada pendapat yang lain, menurut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) antara objektif utama KSPK adalah membolehkan murid menghafaz empat surah pendek iaitu al-Fatihah, al-Ikhlas, al-Falaq dan an-Nas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Pemilihan keempat-empat surah lazim ini selari dengan kewajipan menghafal surah al-Fatihah dalam solat wajib lima waktu selain surah lain juga disunatkan dibaca selepas surah al-Fatihah. Menurut Abuhammad (2011) pendedahan yang kerap mendengar, menyebut dan menghafaz sedikit demi sedikit membantu menanam rasa kasih sayang dan dekat dengan al-Quran sejak kecil. Di samping itu, pemilihan surah mudah dan ringkas sebegini juga sesuai dengan tahap literasi al-Quran dan keupayaan daya ketahanan untuk terus memberi fokus dalam tempoh yang agak lama bagi murid prasekolah (Abuhammad, 2011). Justeru, keempat-empat surah KSPK yang dipilih ini amat wajar disertakan sebagai kandungan hafazan dalam Modul SMART-KQ bagi murid tadika seluruh negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, hasil daripada pandangan pakar yang direkodkan menunjukkan ada di kalangan pakar yang mengesyorkan supaya ditambah dua surah tambahan bagi memperkukuhkan lagi proses hafazan di tadika. Surah yang dicadangkan adalah surah an-Nasr dan surah al-Kauthar. Pemilihan dan susunan surah yang sesuai dengan tahap literasi serta kematangan kognitif kanak-kanak perlu dititikberatkan dalam modul hafazan al-Quran peringkat tadika. Justeru, selain empat surah utama dalam KSPK, beberapa surah pendek tambahan yang berpotensi seperti al-Kauthar, al-Kafirun, al-Quraisy atau al-Qadr turut disyorkan. Menurutnya lagi, gabungan surah yang lebih pelbagai dapat memperkayakan pembelajaran dan pengalaman hafazan kanak-kanak pada peringkat awal ini (Abuhammad, 2020). Tambahan pilihan mengikut minat dan kesesuaian individu ini bukan sahaja menyeronokkan malah meningkatkan lagi motivasi serta ketahanan untuk terus menghafaz secara konsisten. Natijahnya, Modul SMART-KQ berupaya melahirkan generasi Quranik yang celik al-Quran dengan menghafaz beberapa surah mudah sebelum ke sekolah rendah kelak.

7.3.2.7 Perbincangan bagi Item Konstruk Meningkatkan Pengukuhan

Seterusnya, pada bahagian item konstruk meningkatkan pengukuhan murid. Dalam konstruk ini, pengkaji menghasilkan 10 item yang diperoleh menerusi kajian literatur dan dapatan analisis keperluan. Pendekatan *Fuzzy Delphi* turut diaplikasikan bagi menilai dan mengesahkan elemen yang dibangunkan. Hasil dapatan pakar menunjukkan, kesemua 10 item pemilihan konstruk meningkatkan pengukuhan murid yang dicadangkan dipersetujui berdasarkan kesepakatan pakar merujuk kepada **Jadual 5.23.** Menurut Gagne dan Driscoll (1988) aktiviti pengukuhan selepas proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran dan pembelajaran utama dalam mana-mana subjek adalah penting untuk meningkatkan lagi penguasaan pelajar. Dalam konteks modul pengajaran SMART-KQ, konsep pengukuhan pembelajaran murid merujuk kepada aktiviti dan kandungan tambahan yang bertujuan untuk memperkukuh dan memantapkan penguasaan selepas proses pengajaran dan pembelajaran utama (Gagne & Driscoll, 1988).

Umumnya, komponen pengukuhan dalam modul mencakupi bahan dan ruang yang pelbagai serta kaya dengan unsur visual untuk memastikan suasana yang menyeronokkan, menguja minda dan menarik minat murid untuk terus memberikan perhatian walaupun pembelajaran telah pun berakhir. Antara bentuk pengukuhan yang menyeronokkan dan berkesan termasuklah reka bentuk modul, latihan dan permainan pembelajaran yang memanfaatkan warna dan corak menarik serta ilustrasi kontekstual (Rushton et al., 2010; Baharudin & Manap, 2019; Jalongo, 2006). Interaktiviti multimedia dan gerak kerja turut digalakkan (Abdullah, 2020). Kesemuanya bertujuan untuk memastikan pengukuhan pembelajaran yang bermakna dan terkesan sekali gus mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran murid tadika.

Menurut kajian Rushton et al. (2010), elemen visual dalam modul pembelajaran seperti warna, corak dan imej didapati berupaya merangsang dan meningkatkan tahap tumpuan murid prasekolah khususnya mereka yang mempunyai gaya pembelajaran visual. Ini kerana pendedahan otak kepada warna meningkatkan tahap perhatian melalui penghasilan *hormon dopamine* (Gaines & Curry, 2011). Di samping itu, kombinasi gambar, animasi dan teks juga dapat menarik minat kanak-kanak untuk terus memberi fokus bagi jangka masa pembelajaran yang lebih panjang (Jalongo, 1999). Malah menurut Isbell dan Raines (2013) suasana pembelajaran yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaya dengan elemen visual juga secara tidak langsung merangsang minda untuk menjadi lebih kreatif. Seterusnya, kreativiti ini juga melahirkan pelbagai persoalan idea baharu serta penyelesaian yang inovatif semasa melaksanakan aktiviti pembelajaran.

Justeru, berdasarkan huraian di atas pengintegrasian unsur visual seperti warna dan gambar dalam modul pengajaran SMART-KQ terbukti mampu meningkatkan tahap fokus dan kreativiti minda murid (Rushton et al., 2010; Gaines & Curry, 2011; Jalongo 1999). Menurut Abdullah (2020) peningkatan konsentrasi dan motivasi pembelajaran melalui modul interaktif ini secara tidak langsung menyokong proses pengukuhan isi pelajaran selepas aktiviti utama pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana, murid yang lebih fokus dan berminat cenderung untuk terus memberi perhatian ketika aktiviti tambahan seperti latihan, kuiz atau tutorial video dijalankan. Natijahnya, usaha mengukuhkan kefahaman dan kemahiran selepas PdP menjadi lebih berkesan. Justeru, gabungan modul pembelajaran yang menarik daripada aspek kandungan dan reka bentuk berupaya menyeronokkan pengalaman pembelajaran murid, sekali gus turut menyokong proses memperkukuh pengetahuan mereka dalam sesuatu topik pengajaran.

Salah satu pendekatan yang digunakan dalam Modul SMART-KQ bagi tujuan mempercepat proses penguasaan kosa kata baharu bahasa Arab adalah menerusi kaedah pembelajaran bertema (Puteh et al., 2015). Menurut Siti Marziah (2021) perkataan dan frasa bahasa Arab baharu diperkenalkan kepada murid mengikut tema-tema spesifik seperti anggota badan, keluarga, buah-buahan, profesion dan lain-lain. Pengelompokan kosa kata mengikut kategori tema tertentu ini membantu murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyusun maklumat dalam minda mereka, sekali gus memahami maksud dengan lebih cepat dan berkesan. Di samping itu, gabungan teks bergambar dan contoh ayat mudah juga mengukuhkan lagi ingatan serta pengembangan kosa kata Arab murid tadika. Hasil pembelajaran secara bertema yang aktif dan menyeronokkan ini akhirnya dapat direalisasikan menerusi aplikasi modul pengajaran SMART-KQ.

Sebagaimana yang telah dihuraikan, persembahan kosa kata bahasa Arab secara bertema dalam Modul SMART-KQ membantu pemahaman dan penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan murid tadika (Siti Marziah, 2021). Menurut Yazid dan Fariza (2013) pembelajaran menggunakan perkataan mengikut tema atau kategori yang dipelajari telah sedia disimpan dalam memori jangka panjang murid. Lantas senarai perkataan baharu yang berkaitan dengan tema yang sama lebih mudah diingati dan dikuasai. Tambahan pula, aktiviti pemantapan seperti latihan tambahan dan kuiz interaktif mengikut tema yang dijalankan secara berulang-alik mampu mengukuhkan lagi penguasaan murid terhadap perbendaharaan kata Arab yang dipelajari (Yazid & Fariza, 2013). Justeru, pendekatan pembelajaran kontekstual dan bertema yang berkesinambungan ini bukan sahaja mempercepatkan penguasaan malah berupaya mengukuhkan ingatan kosa kata baharu murid melalui modul pengajaran SMART-KQ.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.3.3 Perbincangan Bagi Turutan (Keutamaan) Item bagi Konstruk Pembinaan Modul Pengajaran SMART-KQ

Perbincangan pada bahagian ini menjurus kepada proses menganalisis turutan atau keutamaan item bagi setiap konstruk bagi fasa dua reka bentuk dan pembangunan modul pengajaran SMART-KQ. Hal ini merupakan satu aspek penting dalam kajian pembinaan modul pengajaran SMART-KQ menggunakan teknik *Fuzzy Delphi*. Mengikut Hsu dan Sandford (2007); Okoli dan Pawlowski (2004) mengambil kira keutamaan item semasa proses pembinaan modul atau sistem menggunakan *Fuzzy Delphi* adalah satu keperluan utama. Analisis keutamaan ini membantu menyusun urutan pelaksanaan item, di mana item dengan keutamaan tertinggi perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum item lain dalam konstruk yang sama. Seterusnya, ia membolehkan sumber dioptimumkan dan usaha dengan memberi tumpuan kepada item penting dan kritikal terlebih dahulu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, kaedah *Fuzzy Delphi* digunakan bagi menentukan turutan dan keutamaan item yang terdapat di dalam konstruk utama yang terdiri daripada isi kandungan, kaedah pengajaran, protokol pengurusan, pemilihan warna, pemilihan gambar, teks surah dan meningkatkan pengukuhan. Teknik *Fuzzy Delphi* merupakan pendekatan yang semakin popular dalam bidang penyelidikan reka bentuk instruksional dan pembinaan modul pengajaran (Hsu et al., 2010).

Justeru, **Rajah 5.3** menunjukkan struktur pemasangan item bagi konstruk modul pengajaran SMART-KQ. Seramai 12 orang pakar daripada pelbagai bidang berkaitan seperti pendidikan bahasa Arab, pendidikan tahfiz dan pendidikan awal kanak-kanak terlibat dalam kajian ini. Mereka diminta menilai kepentingan setiap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

item konstruk Model SMART-KQ menggunakan skala lingustik *fuzzy* 7 mata daripada "Sangat Tidak Penting" hingga "Sangat Penting" (Dağdeviren et al., 2009). Data dikumpul melalui beberapa pusingan soal selidik bagi mencapai konsensus antara pakar. Nilai kepentingan dan persetujuan pakar kemudiannya dianalisis menggunakan pengiraan defuzzifikasi bagi mendapatkan nilai skor min dan nilai *threshold* untuk menerima sesuatu item berdasarkan kesepakatan pakar.

Kajian pada bahagian ini memberi keutamaan kepada item yang kritikal bertujuan bagi menjamin kebolehgunaan modul yang dihasilkan memandangkan item tersebut merupakan elemen utama yang mampu meningkatkan kebolehgunaan modul berkenaan. Analisis keutamaan juga memudahkan pengurusan dan pemantauan proses pembangunan modul kerana ia menyediakan garis panduan jelas untuk pelaksanaan item mengikut tahap kepentingannya. Menurut Mohd Ridhuan (2016) kuasa pendorong merupakan suatu item yang mampu menjalankan sesuatu aktiviti ataupun item bagi mencapai sesuatu misi dan matlamat. Oleh itu, dalam kajian ini, keutamaan elemen ini bertujuan untuk memastikan item-item yang menjadi kuasa pendorong kepada item-item lain di dalam konstruk yang telah dibangunkan, dengan kata lain, ia akan berfungsi sebagai item utama yang harus diimplementasikan dahulu sebelum item berikutnya. Akhir sekali, kepercayaan terhadap modul yang dihasilkan akan meningkat apabila pembinaan modul mengambil kira pandangan konsensus pakar-pakar melalui keutamaan item yang diberikan menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*.

Oleh yang demikian, secara keseluruhannya analisis keutamaan item menggunakan *Fuzzy Delphi* memainkan peranan penting dalam memastikan pembinaan modul pengajaran SMART-KQ yang mampu digunakan di tadika, teratur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan berpandukan pandangan pakar daripada pelbagai aspek dalam proses mereka bentuk dan membangunkannya. Kajian ini berjaya menentukan keutamaan item di bawah setiap konstruk SMART-KQ berdasarkan kesepakatan pakar pelbagai disiplin menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi.* Dapatan ini memberi input kritikal dalam pembinaan modul pengajaran kosa kata bahasa Arab untuk kanak-kanak dengan mengutamakan konstruk dan elemen utama yang perlu diberi tumpuan (Noordin & Mohd Noor, 2018).

7.4 Perbincangan Dapatan Kajian Fasa 3: Penilaian Kebolehgunaan Modul

Pada bahagian ini adalah merupakan perbincangan hasil dapatan penilaian kebolehgunaan modul pengajaran SMART-KQ, bagi menjadikan perbincangan ini bersifat ilmiah penyelidik membuat ulasan melalui penelitian terhadap kajian literatur. Sebagai pendahuluan, penyelidik akan mendefinisikan maksud kebolehgunaan adalah sebagai satu proses untuk menentukan sejauh mana sesuatu produk seperti laman web, perisian atau modul pembelajaran memenuhi kriteria kebergunaan dan kebolehgunaan (Nielsen, 2012). Terdapat beberapa tujuan utama penilaian kebolehgunaan modul yang diungkapkan oleh beberapa orang pakar.

Pertama, ia bertujuan mengenal pasti sebarang kelemahan reka bentuk, kesilapan atau ketidakseragaman maklumat dalam modul (Ssemugabi & de Villiers, 2007). Kedua, ia penting untuk memastikan modul yang dibangunkan mesra pengguna dan memenuhi ciri-ciri kebergunaan seperti mudah difahami, senang dipelajari dan berkesan digunakan oleh kumpulan sasaran (Zaharias & Pappas, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketiga, maklum balas pengguna berkaitan penambahbaikan reka bentuk dan kandungan modul dapat diperolehi (Hung et al., 2013). Akhir sekali, penilaian ini dapat mengesahkan modul yang dihasilkan berkualiti dan sesuai untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Psaromiligkos et al., 2011).

Selain itu, menurut Millano dan Illius (1998) mengungkapkan bahawa kebolehgunaan boleh dilihat daripada tiga aspek iaitu aspek persepsi dan kepuasan pakar, kecekapan dan keberkesanan. Oleh yang demikian, bagi memastikan hasil maklum balas pakar betul-betul memberi maklumat yang tepat maka pakar yang dipilih adalah daripada kumpulan pelaksana modul yang dibangunkan iaitu guru tadika yang mempunyai kelayakan dan seterusnya dilantik sebagai pakar kajian. Seramai 23 orang pakar terpilih bagi menilai kebolehgunaan modul SMART-KQ, mereka adalah daripada kalangan guru tadika yang telah melaksanakan proses pengajaran berkaitan kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran di tadika melebihi 5 tahun. Ini bertepatan dengan hujah Berliner (2004) yang menghujahkan bahawa seseorang itu dianggap pakar apabila memiliki pengalaman dan pengkhususan pengalaman melebihi tempoh lima tahun.

Kekuatan dapatan kajian pada fasa ini diperkukuhkan lagi dengan kejayaan modul pengajaran SMART-KQ memperolehi anugerah emas melalui pertandingan inovasi yang dianjurkan oleh *Association of Malaysian Researchers and Social Services* (AMRASS). Kejayaan ini membuktikan bahawa modul yang dibangunkan melepasi piawaian tinggi dalam aspek inovasi dan keberkesanan (Rujuk Lampiran M). Menurut Smith et al. (2020); White et al. (2019) pengiktirafan melalui anugerah dapat memberikan validasi tambahan terhadap kebolehgunaan produk kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penilaiannya melibatkan pelbagai aspek termasuk reka bentuk mesra pengguna dan keberkesanan hingga penggunaannya dapat meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap produk tersebut.

7.4.1 Perbincangan Kesesuaian Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ

Merujuk kepada dapatan kajian kesesuaian konstruk utama modul pengajaran SMART-KQ menunjukkan bahawa kesemua pakar memberi maklum balas bersetuju bahawa kesemua konstruk utama sesuai digunakan kerana menepati syarat nilai yang ditetapkan. Proses pembangunan konstruk utama tersebut juga adalah gabungan daripada tiga model pengajaran iaitu Model Gagne (1985), Model Kurikulum TABA (1962) dan Model Pembinaan Modul Sidek (2005). Hasil gabungan model tersebut menghasilkan model adaptasi yang diberi nama Model Pengajaran SMART-KQ. Justeru, model yang dihasilkan memberikan kekuatan dan kepercayaan kepada konstruk yang terhasil. Menurut Morrison et al. (2019) penggabungan dan pengadaptasian beberapa model pengajaran yang sedia ada untuk membentuk satu model baharu membawa beberapa kekuatan daripada aspek reka bentuk pengajaran. Manakala menurut Gibbons dan Bunderson (2005) dengan mengintegrasikan elemen terbaik daripada beberapa model, ia membolehkan jurang dan limitasi setiap model individu ditangani, justeru melahirkan reka bentuk pengajaran yang lebih mantap. Ini menjadikan model baharu yang terhasil lebih sesuai untuk konteks dan tujuan tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, berdasarkan amalan terbaik dalam kajian yang menggunakan teknik kumpulan nominal nilai peratus penerimaan minimum yang diperlukan bagi menerima sesuatu item yang dibincangkan dalam kumpulan nominal adalah 70% (Harvey & Holmes, 2012; Snyder, 2019). Ini bermaksud sekurang-kurangnya 70% daripada keseluruhan ahli panel pakar atau peserta kumpulan perlu bersetuju atau memilih item berkenaan, bagi item itu diterima sebagai hasil kesepakatan kumpulan pakar. Peratusan persetujuan 70% ini menunjukkan majoriti ahli kumpulan berkenaan bersetuju dengan item atau cadangan tersebut. Sekiranya peratus persetujuan kurang daripada 70%, maka item atau cadangan itu dianggap sebagai tidak mencapai tahap konsensus yang minimum dan dengan itu akan dibuang atau tidak diterima sebagai dapatan kajian (Yusof et al. 2017).

Oleh yang demikian, dapatan daripada kajian ini menunjukkan peratusan persetujuan keboleh gunaan konstruk utama iaitu isi kandungan mewakili 82%, kaedah pengajaran 81%, protokol pengurusan 79%, pemilihan warna 88%, pemilihan gambar 86%, teks surah 83% dan yang terakhir konstruk meningkat pengukuhan 84%. Sehubungan itu, dapatan ini jelas menunjukkan bahawa kesemua pakar kajian bersetuju dengan semua konstruk utama dan ini dapat menjadikan konstruk utama sangat penting dalam pembentukan modul pengajaran SMART-KQ. Dapatan kepada kajian ini selari dengan pandangan peserta kajian A1 yang melontarkan pandangan bahawa:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar A1

“Secara peribadi saya modul ini amat baik dan bermanfaat. Cuma tadika Islam kami tertakluk kepada KSPK, masa jadi sangat terhad untuk yang bergilir dengan subjek Iqra'. Konsep modul ini membaca secara individu, Ibu bapa sangat suka serta dengan latihan-latihan berkaitan. Bimbang kekangan masa bagi guru-guru untuk membuat penilaian secara individu untuk setiap murid, jadi tak sempurna atau mereka tidak mampu untuk laksanakan secara lengkap keseluruhannya”.

Pandangan yang dilontarkan pakar A1 menunjukkan konstruk utama ini diterima dan sesuai tetapi untuk pelaksanaan di tadika pakar A1 bimbang dengan kekangan masa yang diperuntukkan kerana garis panduan masa yang terdapat dalam KSPK sangat terhad. Pandangan yang dilontarkan pandangan pakar A1 ini selari dengan pandangan pakar A15 yang mengatakan bahawa:

Pakar A15

“Saya sangat setuju dengan kemasukan modul pengajaran SMART-KQ dalam pendidikan awal kanak kanak di tadika, cuma peruntukan masa untuk subjek agama dalam KSPK boleh dipanjangkan lagi”.

Hasil tinjauan literatur beberapa kajian tempatan selari, yang mendapati majoriti guru tadika di Malaysia menghadapi masalah kekangan masa dalam melaksanakan proses PdP di tadika (Ahmad et al., 2017; Lian & Farhanah, 2021; Nur Athirah & Rajini, 2019). Menurut Lian dan Farhanah (2021) sebanyak 90% daripada guru tadika di Malaysia berdepan kesukaran untuk membahagikan masa antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyediaan bahan pengajaran dengan pengendalian aktiviti harian murid-murid. Perkara ini boleh mengakibatkan guru menjadi letih dan tertekan.

Selain itu, kajian oleh Nur Athirah dan Rajini (2019) juga mendapati guru tadika tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk merancang aktiviti PdP yang berkualiti dan seimbang untuk mencapai objektif pembelajaran dalam sukatan. Manakala menurut Ahmad et al. (2017) masalah nisbah guru dan murid yang besar menyukarkan guru menjalankan penilaian individu secara kerap untuk menilai kemajuan setiap murid. Hal ini boleh menjejaskan proses PdP yang holistik. Secara keseluruhannya, isu kekangan masa jelas memberi kesan negatif dan menjadi cabaran utama yang perlu ditangani bagi meningkatkan kualiti PdP guru tadika di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.4.2 Perbincangan Kesesuaian Item Bagi Setiap Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ

Pada bahagian ini akan dibincangkan pula berkaitan kesesuaian item bagi konstruk utama, seperti mana yang yang dihuraikan pada bab tiga berkaitan metodologi kajian menyatakan item yang terhasil adalah hasil dapatan kajian literatur dan dapatan fasa satu iaitu kajian keperluan. Hal ini memberikan kekuatan kepada dapatan persetujuan pakar terhadap kesesuaian item pada konstruk ini. Selanjutnya, item yang ada ini telah melalui penyemakan dan pengesahan sekumpulan pakar dan telah dianalisa menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini bertepatan dengan Williamson et al. (2012) yang menghujahkan bahawa pengesahan item oleh panel pakar merupakan satu proses yang amat penting dalam memastikan kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian. Manakala menurut Zamanzadeh et al. (2015) pengesahan kandungan oleh pakar yang berpengalaman dan pakar dalam bidang berkaitan dapat menilai sejauh mana item-item yang dibina mencerminkan domain konstruk yang hendak diukur. Secara keseluruhannya, input pakar kepada item yang dibina menjadikan item tersebut lebih sahih dan sesuai untuk digunakan dalam kajian sebenar.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah kesemua item bagi konstruk isi kandungan modul pengajaran kosa kata bahasa Arab diterima oleh pakar dan diberikan status sesuai untuk digunakan dalam proses pengajaran kepada murid tadika khususnya. Walau bagaimanapun, terdapat dua item yang mendapat nilai peratus yang rendah daripada penilaian pakar iaitu item berkaitan membezakan kata nama dan kata kerja mendapat nilai 77% sahaja dan merupakan item yang mendapat nilai peratus yang paling rendah dalam konstruk isi kandungan modul berbandimg item yang lain. Hal ini mungkin disebabkan, antara kesukaran utama pelajar dalam mempelajari tatabahasa bahasa Arab adalah dalam membezakan jenis dan fungsi kata nama dan kata kerja ketika membina ayat (Husin & Mohammed Sani, 2022).

Kajian mendapati kekeliruan sering berlaku dalam mengenal pasti kategori perkataan serta peranan spesifik kata nama seperti subjek, objek atau pelengkap berbanding kata kerja yang menyatakan aksi atau keadaan. Tambahan lagi, kekeliruan untuk membezakan antara kata nama dan kata kerja terutamanya dalam perkataan berimbuhan menyukarkan pembinaan ayat yang lengkap. Kelemahan asas dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konsep asas jenis perkataan ini akhirnya menghalang pelajar daripada berkomunikasi lisan dan menulis dalam bahasa Arab dengan betul dan lancar (Abid & Radzuwan, 2022).

Manakala bagi konstruk kaedah pengajaran dan pembelajaran, kesemua pakar menyatakan persetujuan tentang kesuaian semua item yang terdapat dalam konstruk kaedah pengajaran ini digunakan dalam modul ini. Pandangan ini adalah disokong oleh peserta kajian A3 yang menyatakan bahawa:

Peserta A3

"Menerapkan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar daripada bangku sekolah agar dapat memahami dan menghayati ayat al-Quran dgn mudah, tambah lagi kaedah pengajaran yang menarik sesuai untuk murid tadika".

Pandangan peserta kajian A3 ini membawa kepada pandangan MacDonald (2018) menghujahkan pemilihan dan penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai adalah amat penting dalam pendidikan awal kanak-kanak khususnya peringkat tadika. Menurut teori perkembangan kognitif Piaget, kanak-kanak tadika berada pada peringkat pra-operasi dan mempelajari melalui interaksi terus dengan persekitaran (Santrock, 2011). Oleh itu, kaedah pengajaran yang memberi penekanan kepada pembelajaran eksperimen seperti pembelajaran berasaskan projek, inkuiri penemuan dan penyelesaian masalah adalah yang paling sesuai pada peringkat ini (Slavin, 2018). Kaedah yang terlalu berpusatkan guru seperti syarahan didapati kurang berkesan kerana kanak-kanak sukar memberi tumpuan untuk jangka masa yang lama (Scott-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Little et al. 2006). Kaedah yang pelbagai, interaktif dan menyeronokkan lebih sesuai dengan gaya pembelajaran kanak-kanak tadika. Kesimpulannya, pemilihan pendekatan pengajaran yang kreatif dan inovatif penting dalam melahirkan suasana PdP yang bermakna untuk perkembangan minda kanak-kanak.

Seterusnya, konstruk utama iaitu protokol pengurusan penilaian kemajuan murid yang terkandung dalamnya tujuh (7) item yang terdiri daripada penyediaan borang senarai semak pencapaian hafazan, mencatat kekerapan proses pengulangan bacaan ayat al-Quran, mencatat saiz kosa kata bahasa Arab yang dikuasai berdasarkan ayat yang dihafaz, mencatat kekerapan proses ulangan kosa kata bahasa Arab, memberikan skor kepada pencapaian murid, kemajuan murid ditulis oleh guru tasmik dan pencapaian setiap murid dimaklumkan kepada murid. Kesemua item ini telah berada pada status sesuai digunakan dalam modul SMART-KQ. Apabila dilihat kembali kesemua item ini adalah merupakan proses catatan pencapaian murid dalam proses ulangan hafazan dan kosa kata bahasa Arab. Proses mengulang secara kerap terhadap hafazan ayat al-Quran dan perbendaharaan kata bahasa amat penting dalam pendidikan awal kanak-kanak khususnya di peringkat tadika.

Menurut teori pembelajaran *behaviorisme*, ulangan yang kerap dapat memperkukuh ingatan dan pemahaman murid terhadap sesuatu konsep atau kemahiran baharu (Santrock, 2011). Selain meningkatkan penguasaan, ulangan juga dapat menanam minat serta kecintaan terhadap aktiviti pembelajaran berkenaan seperti menghafaz al-Quran dan mempelajari bahasa (Slavin, 2018). Tambahan pula, kajian neurosains turut mendapati aktiviti mengulang kata atau ayat secara verbal memainkan peranan besar dalam perkembangan kognitif kanak-kanak terutamanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran bahasa dan daya ingatan (Blakemore & Frith, 2005). Justeru, guru tadika perlu kerap mengorak langkah mendorong murid mengulangi hafazan dan kosa kata bahasa Arab melalui pelbagai aktiviti dan proses mencatat pengulangan juga penting untuk mudah diakses guru dan ibu bapa di rumah.

Walau bagaimanapun, pada item mencatat saiz kosa kata bahasa Arab yang dikuasai berdasarkan ayat yang dihafaz dan mencatat kekerapan proses ulangan kosa kata bahasa Arab didapati memperolehi undian terendah dan nilai peratus hanya 76% yang merupakan peratusan terendah dari kesemua item yang ada. Penelitian literatur yang dilakukan menunjukkan salah satu cabaran utama dalam kalangan guru prasekolah adalah ketiadaan sistem pemantauan dan pengumpulan rekod kemajuan pencapaian yang sistematik bagi setiap murid di tadika masing-masing (Logan et al., 2022). Menurut Logan et al. (2022), kajian di Amerika mendapati hanya 48% guru menunjuk dan menanda kerja murid untuk direkodkan, manakala 45% membuat rekod pemerhatian secara individual.

Tambahan pula, hasil kajian mendapati amalan pengumpulan data terhadap kemajuan literasi dan numerasi kanak-kanak agak minimal dan tidak konsisten (Brenneman et al., 2019). Tanpa data longitud yang kerap dan berstruktur, sukar bagi guru membuat diagnosis awal tentang kekuatan dan kelemahan murid untuk tujuan aktiviti intervensi bagi setiap fasa perkembangan (Brenneman et al., 2019). Justeru, ketiadaan protokol piawaian untuk perekodan kemajuan kanak-kanak menghalang usaha melahirkan belia generasi berprestasi tinggi yang berupaya merealisasikan potensi sepenuhnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konstruk utama yang seterusnya adalah pemilihan warna dan gambar. Dapatan daripada pakar menunjukkan 2 konstruk utama ini diterima dan sesuai digunakan dalam pembentukan modul seterusnya diaplikasikan dalam proses pengajaran. Pandangan ini adalah disokong oleh peserta kajian A7 yang menyatakan bahawa:

Pakar A7

"Penggunaan warna dan gambar amat sesuai untuk anak-anak pendidikan awal antara umur 4-6 tahun."

Jika dilihat pandangan daripada pakar A7, menunjukkan pengintegrasian warna dan gambar yang bersesuaian dalam modul pengajaran amat penting dalam konteks pendidikan prasekolah dan tadika. Menurut kajian Engelbrecht (2003) warna memainkan peranan penting dalam mempengaruhi emosi dan kognisi kanak-kanak. Penggunaan warna cerah dan kontras dapat meningkatkan tumpuan dan perhatian murid manakala warna sejuk menenangkan fikiran (Jalil et al. 2012).

Selain itu, gambar dan ilustrasi yang jelas dan saiz sesuai dapat menjadikan isi pengajaran lebih mudah difahami oleh murid tadika (Mayer & Moreno, 2003). Antara prinsip penting, gambar perlu berkait rapat dengan teks agar kanak-kanak dapat membuat hubung kait konsep dan mengukuhkan pemahaman. Gabungan elemen grafik seperti warna, ilustrasi dan tipografi yang kreatif dapat meningkatkan daya tarikan modul serta minat kanak-kanak untuk terlibat dalam aktiviti pembelajaran (Braswell & Callanan, 2003). Kesimpulannya, reka bentuk modul menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

warna dan visual grafik yang bersesuaian penting bagi mengoptimumkan proses pengajaran dan pembelajaran untuk kanak-kanak tadika.

Seterusnya, konstruk utama iaitu teks surah dapatan daripada pakar menunjukkan kesemua item yang mengandungi enam surah yang dijadikan surah hafazan dalam modul SMART-KQ diterima dan sesuai dipraktikkan dalam modul hafazan al-Quran di tadika. Surah hafazan yang terdapat dalam modul SMART-KQ merupakan surah yang dicadangan dalam KSPK (2018) dan cadangan pakar melalui teknik *Fuzzy Delphi Metode* (FDM).

Manakala konstruk yang terakhir adalah konstruk meningkatkan pengukuhan murid. Pada bahagian konstruk ini mengandungi 10 item yang telah diterima oleh pakar dan berstatus sesuai digunakan. Konstruk ini berkaitan kriteria serta elemen modul yang digunakan dalam modul ini samada dapat menjadikan modul ini dapat meningkatkan keberkesanan proses pengajaran guru terhadap murid atau sebaliknya. Pada bahagian ini peserta telah melontarkan idea dan pandangan melalui pakar A18 yang menyatakan bahawa:

Pakar A18

“Menerapkan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar dari bangku sekolah agar dapat memahami dan menghayati ayat al-Quran dgn mudah dan menjadikan murid kreatif dan lebih fokus dalam pembelajaran”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika dilihat pandangan daripada pakar A18, Pengajaran yang kreatif dan inovatif amatlah penting untuk kecemerlangan pembelajaran murid tadika. Menurut Cropley dan Cropley (2000) kreativiti dalam pengajaran meliputi aktiviti kelas yang mencabar pemikiran, membangkitkan minat murid serta memberi peluang berimaginasi dan berinovasi. Pengajaran kreatif ini dapat meningkatkan motivasi, keterlibatan dan kepuasan murid terhadap pembelajaran (Wood & Ashfield, 2008). Murid tadika yang didedahkan kepada pengalaman belajar kreatif seperti aktiviti praktikal hafazan, projek seni dan teknologi kreatif mampu membina kemahiran pemikiran aras tinggi dan menyelesai masalah dengan lebih berkesan menerusi pendekatan tidak konvensional.

7.4.3 Perbincangan Kesesuaian Turutan (Keutamaan) Item Bagi Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ

Jika dirujuk kembali kepada konstruk yang dipasangkan mengikut keutamaan reka bentuk pembangunan modul pengajaran SMART-KQ menunjukkan bahawa terdapat 7 konstruk utama yang terkandung di dalamnya iaitu isi kandungan, kaedah pengajaran, protokol pengurusan, pemilihan warna, pemilihan gambar, teks surah dan meningkatkan pengukuhan. Sepertimana yang diketahui, penyusunan konstruk mengikut keutamaan ini adalah berdasarkan persetujuan daripada pandangan dan kesepakatan pakar melalui analisis *fuzzy delphi* (FDM).

Hasil dapatan daripada kajian keboleh gunaan bagi kesemua turutan keutamaan item dalam konstruk utama adalah mencapai status boleh diterima dan sesuai digunakan berdasarkan persepsi sekumpulan pengguna daripada kalangan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pakar di tadika terpilih sebagai peserta kajian teknik kumpulan norminal. **Jadual 6.10** menunjukkan bahawa kesemua peratusan jumlah skor berada di atas 85%. Hal ini, adalah sejajar dengan syarat yang ditetapkan oleh teknik kumpulan nominal peratus penerimaan minimum yang diperlukan bagi menerima sesuatu item yang dibincangkan dalam kumpulan nominal adalah 70% (Harvey & Holmes, 2012; Snyder, 2019). Penerimaan turutan atau kedudukan item dalam setiap konstruk utama ini adalah diperkuatkan lagi dengan pandangan daripada pakar kajian A21 yang memberikan pandangan ketika sesi perbengkelan kebolehgunaan dengan menyatakan:

Pakar A21

"Saya sangat setuju dengan kemasukan modul pengajaran SMART-KQ dalam pendidikan awal kanak kanak kerana memiliki modul yang lengkap dan susun atur modul sesuai untuk kegunaan guru di tadika".

7.4.4 Perbincangan Keseluruhan Kebolehgunaan Modul Pengajaran SMART-KQ

Hasil dapatan bagi keseluruhan kebolehgunaan modul pengajaran SMART-KQ bermula dengan merujuk kepada **Jadual 6.11,** terdapat lapan (8) item yang telah dijawab oleh pakar yang menjadi responden kepada kajian kebolehgunaan ini merangkumi item 1) Modul ini berguna bagi membantu guru dalam merancang pengajaran kosa kata bahasa Arab melalui hafazan al-Quran kepada murid tadika; 2) Modul ini menjimatkan masa apabila saya menggunakannya dalam merancang pengajaran kosa kata bahasa Arab melalui hafazan al-Quran kepada murid tadika; 3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul ini mudah digunakan dalam proses pengajaran kosa kata bahasa Arab melalui hafazan al-Quran kepada murid tadika; 4) Modul ini tidak memerlukan usaha yang banyak dalam menyiapkan bahan persediaan guru untuk proses pengajaran di tadika; 5) Modul ini menunjukkan secara jelas kepada guru tentang bahan bantuan pengajaran mengikut keutamaan kepada murid; 6) Modul ini senang digunakan kerana saya dapat melaksanakan penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran dengan cepat; 7) Modul ini sesuai digunakan di tadika serta saya akan mencadang penggunaannya kepada rakan lain; 8).

Modul pengajaran kosa kata bahasa Arab melalui hafazan al-Quran ini berfungsi mengikut objektif yang telah ditetapkan. Dapatan kajian ini telah menjelaskan tentang proses kebolehgunaan yang dapat memperbaiki prestasi guru dan murid dalam pengajaran berkaitan kosa kata bahasa Arab melalui hafazan al-Quran. Ia seiring dengan dapatan pada item yang telah dijawab oleh pakar yang menunjukkan kesesuaian dengan nilai peratusan pada nilai 85.0% dan ke atas. Dapatan ini berpadanan dengan idea yang dilontarkan melalui pakar A19 yang menyatakan bahawa:

Pakar A19

“Secara keseluruhannya diharapkan dengan modul pengajaran SMART-KQ dapat memudahkan dan membantu guru dalam menyediakan bahan yang sesuai dengan keperluan kanak-kanak. Kanak-kanak juga didedahkan dengan pelbagai teknik untuk memahami pembelajaran yang lebih mudah dan berkesan”.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika disorot kepada kajian lampau, modul dan teknik pengajaran yang disusun secara sistematik amatlah penting sebagai panduan kepada guru tadika dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Menurut Abdul Rahim (2011) modul yang mengandungi objektif, isi pelajaran, aktiviti dan penilaian yang dirancang awal dapat membimbing guru melaksanakan pengajaran yang terancang dan terarah. Selain itu, pelbagai teknik pengajaran seperti kaedah ceramah, perbincangan, simulasi, projek dan inkuiri yang dicadangkan dalam modul akan memudahkan guru membina aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai dan lebih menarik (Sulaiman et al. 2017). Secara tidak langsung, cara ini dapat mengelakkan daripada menggunakan kaedah yang membosankan. Malahan modul yang lengkap dengan kriteria penilaian dan contoh item pentaksiran akan memandu guru menjalankan penilaian pembelajaran murid secara adil dan berobjektif (Linda & Wagner, 2015). Manakala pada pandangan yang lain, menerusi pakar A21 menjelaskan bahawa:

Pakar A21

"Insya-Allah, bagi prasekolah biasa, mungkin dapat menjayakan dengan baik. Tapi kami mungkin boleh usahakan dengan kaji semula *time table* yang agak terbatas mengikut KSPK".

Jika dilihat pandangan daripada pakar A21, menunjukkan ada sedikit kerisauan berkaitan kekangan masa yang wujud daripada masa yang diperuntukkan dalam silibus KSPK. Ia seiring dengan dapatan kajian lepas yang menegaskan, guru tadika di Malaysia didapati menghadapi masalah kekangan masa dalam melaksanakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

proses pengajaran dan pembelajaran secara optimum. Lian dan Farhanah (2021) mendapati 90% guru tadika berdepan masalah pembahagian masa antara penyediaan bahan pengajaran dengan aktiviti harian murid hingga mengakibatkan keletihan. Selain itu, kajian Nur Athirah dan Rajini (2019) mendapati guru tidak mempunyai masa mencukupi untuk merancang aktiviti pengajaran yang berkualiti bagi mencapai banyak objektif sukatan sehingga menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran yang holistik.

Turut dilaporkan bahawa nisbah guru dan murid di tadika telah menyebabkan kesukaran guru melaksanakan penilaian secara individu bagi menguji kemajuan setiap murid, oleh Ahmad et al. (2017). Kekangan masa ini memberi implikasi negatif dan menjadi cabaran utama dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru tadika di Malaysia. Secara kesimpulannya, modul dan teknik pengajaran yang terancang mampu meningkatkan kemahiran pedagogi dan profesionalisme guru tadika. Walau bagaimanapun, terdapat kekangan pelaksanaan pengajaran yang lebih baik dan berkesan disebabkan masa yang diperuntukkan kepada guru yang agak terbatas.

7.5 Implikasi dan Cadangan

Pada bahagian ini akan memperincikan terhadap dua topik berkaitan implikasi dan cadangan kajian. Implikasi merujuk kepada kesan atau akibat yang timbul daripada penemuan kajian terhadap bidang pengetahuan yang dikaji (Creswell & Creswell, 2018). Ia menjelaskan sumbangan utama hasil kajian dalam memahami atau membuka dimensi baharu terhadap topik yang diselidiki. Terdapat beberapa jenis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

implikasi yang boleh dibincangkan seperti implikasi teori, metodologi, dan praktikal (Swanson & Chermack, 2013). Implikasi teori merujuk kepada sumbangan konsep dan kerangka baharu yang dihasilikan terhadap literatur sedia ada. Manakala implikasi metodologi pula menjurus kepada kaedah, pendekatan, atau prosedur penyelidikan yang dicadangkan hasil kajian (Guba & Lincoln, 2005). Akhirnya, implikasi praktikal menghuraikan bagaimana hasil kajian boleh diaplikasikan untuk menambah baik amalan semasa dalam sesuatu bidang sama ada pendidikan, kesihatan, kejuruteraan, dan lain-lain (Merriam & Tisdell, 2016).

Seterusnya, adalah di bawah topik cadangan yang membincangkan langkah atau tindakan lanjut yang dicadangkan berasaskan penemuan dan limitasi kajian (Maxwell, 2012). Ia bertujuan mencadangkan penyelidikan tambahan untuk mengukuhkan lagi dapatan sedia ada dalam usaha memahami fenomena yang dikaji dengan lebih mendalam. Cadangan penyelidikan selalunya dikaitkan dengan batasan kajian seperti saiz sampel, skop geografi, kaedah pengumpulan data, dan pembolehubah tidak diambil kira (Bloomberg & Volpe, 2018). Misalnya, kajian ini hanya tertumpu kepada pesakit diabetes di hospital kerajaan, oleh itu dicadangkan kajian akan datang mengambil perspektif pesakit di klinik swasta. Begitu juga dengan cadangan untuk menjalankan kajian menggunakan kaedah temu bual mendalam, atau menggunakan model statistik yang lebih canggih (Hair et al., 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.5.1 Ringkasan Implikasi dan Cadangan Kajian

Umum diketahui bahawa kajian ini adalah suatu kajian untuk membangunkan modul pengajaran SMART-KQ bagi pengajaran hafazan dan kosa kata bahasa Arab di tadika Islam. Maka matlamat utama modul ini adalah berfungsi sebagai suatu garis panduan kepada para guru tadika Islam dalam menjalankan proses pengajaran kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran.

Justeru, pembangunan modul ini adalah memfokuskan kepada apakah yang para guru perlu lakukan dalam mengimplementasi proses pengajaran dan pembelajaran hafazan serta penguasaan kosa kata bahasa Arab dimana modul ini merangkumi konstruk utama yang terdiri daripada konstruk yang dikenali dengan nama Model SMART-KQ seperti senarai berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Isi kandungan modul.
2. Kaedah pengajaran dan pembelajaran.
3. Protokol pengurusan penilaian kemajuan.
4. Pemilihan warna.
5. Pemilihan gambar.
6. Teks surah.
7. Meningkatkan pengukuhan murid.

Jika diimbas kembali, kewajaran pembangunan modul ini adalah berkait rapat dengan kajian literatur dan ia dianalisis sebagai dapatan kajian fasa satu (1) iaitu analisis keperluan modul. Manakala bagi proses reka bentuk dan pembangunan modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijalankan dalam fasa dua (2) meliputi kepada konstruk utama dan item yang terkandung di dalamnya adalah melibatkan perbincangan dan kesepakatan pakar melalui kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM). Dalam fasa ketiga (3) pula adalah merujuk kepada proses penilaian kebolehgunaan modul di mana pengkaji mengaplikasikan teknik kumpulan nominal (*modified* NGT) melalui suatu perbengkelan bersama kumpulan pelaksana modul ini iaitu para guru tadika Islam terpilih.

7.5.2 Implikasi Terhadap Amalan Kajian

Modul Pengajaran SMART-KQ yang dibangunkan dijangka memberi implikasi positif kepada amalan semasa pengajaran dan pembelajaran di tadika Islam seluruh negara. Modul ini telah direka bentuk secara sistematik dengan kaedah empirikal untuk kegunaan guru dan murid tadika. Modul ini dibangunkan dengan mengintegrasikan Model SMART-KQ sebagai asas utama dalam mereka bentuk dan seterusnya langkah pembinaan modul pengajaran SMART-KQ.

Antara elemen utama Modul SMART-KQ adalah penggunaan elemen warna dan gambar. Kombinasi teks berwarna, jadual dan gambar dalam setiap bahagian modul bertujuan menjadikan pembelajaran kanak-kanak tadika menyeronokkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab serta hafazan al-Quran. Strategi warna dan gambar ini amat sesuai untuk tumpuan dan pemahaman kanak-kanak yang masih pada peringkat operasi konkrit. Selain itu, modul turut menggariskan pelbagai aktiviti pengulangan hafazan dan kosa kata dengan warna dan gambar yang terdapat dalam modul bagi mengukuhkan lagi penguasaan kosa kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baharu dalam kalangan murid tadika yang rata-ratanya berusia 4 hingga 6 tahun.

Penggunaan modul ini secara berstruktur dijangka dapat memperbaiki mutu pengajaran guru-guru tadika Islam seluruh negara. Secara keseluruhannya, kejayaan Modul SMART-KQ dalam pengajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran ini amat positif dalam usaha melahirkan generasi penutur Arab dan huffaz sejak kecil. Ia dapat memperkukuhkan asas agama yang kukuh dalam kalangan murid Islam di peringkat permulaan lagi.

7.5.3 Implikasi Terhadap Teori Kajian

Hasil analisis mendalam terhadap teori dan model berkaitan menyumbang kepada pembentukan kerangka konseptual kajian. Kerangka konseptual membantu membina Modul SMART-KQ yang komprehensif merangkumi pelbagai elemen penting pengajaran tadika Islam. Seterusnya, hasil kajian juga mengesahkan kesesuaian Teori Pembelajaran Konstruktivisme sebagai asas pembangunan modul ini. Ini memperkukuhkan lagi teori berkenaan dan menambah korpus pengetahuan bidang pendidikan Islam.

Dalam menjalankan kajian empirikal, penggunaan teori dan model sebagai asas kajian adalah amat penting. Dapatan dalam membangunkan modul pengajaran SMART-KQ ini didapati selari dengan pandangan daripada teori dan model yang digunakan sebagai dasar kajian. Implikasi teori pertama memperlihatkan keselarian dan pengukuhan Teori Pembelajaran Konstruktivisme yang menjadi tunjang utama kajian. Menurut Piaget (1936) teori ini percaya bahawa pengajaran perlu memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penekanan kepada pengetahuan sedia ada dalam kalangan kanak-kanak bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Ini selari dengan reka bentuk modul yang mesra kanak-kanak dan aktiviti pemahaman ayat al-Quran untuk menggalakkan pembinaan pengetahuan baharu.

Selain itu, implikasi yang kedua dalam kajian ini juga turut menyokong pandangan Gardner (2007) melalui konsep *Synthesizing Mind* yang merujuk kepada keupayaan menggabung dan mengintegrasi idea serta konsep dari pelbagai bidang ilmu. Pemikiran ini selari dengan hasil kajian yang berjaya mengintegrasikan dua bidang pengajaran teras pendidikan Islam iaitu kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran dalam satu model pedagogi SMART-KQ (Gardner, 2007). Menurut Gardner (2011) minda sintesis yang mampu menghasilkan kreativiti melalui integrasi ilmu pelbagai bidang amat diperlukan dalam abad ke-21 bagi melahirkan generasi berinovasi dan berdaya cipta. Justeru, gabungan antara pembelajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran bukan sahaja memudahkan malah turut menyeronokkan dan meningkatkan prestasi kedua-dua bidang tersebut.

Seterusnya, implikasi ketiga kajian telah mengesahkan bahawa adaptasi Model Pengajaran Gagne, Model TABA dan Model Sidek sebagai landasan utama kepada pembangunan Model SMART-KQ terbukti amat bertepatan dan memberi nilai tambah. Elemen fasa dalam Model Gagne memandu pembangunan modul yang mantap daripada segi reka bentuk instruksional pembelajaran di tadika bagi memastikan pembelajaran berkesan (Gagne et al., 1992). Manakala Model TABA menjadi justifikasi kepada aktiviti *hands-on* dan pembelajaran penemuan untuk menzahirkan ciri konstruktivisme model baharu (Othman et al., 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, Model Sidek menyumbang kepada penerapan elemen nilai dan *soft skills* serta pengaktifan pemikiran aras tinggi (Mohamad Bilal et al., 2014). Kesemua ciri positif model yang diadaptasi ini telah menyepadukan kekuatan bagi melahirkan model pedagogi pengajaran SMART-KQ yang komprehensif untuk keperluan abad ke-21. Ini mengesahkan lagi kekuatan modul pengajaran SMART-KQ yang berasaskan bukti serta berupaya meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak Islam di Malaysia.

Kesemua tiga implikasi teori yang dibincangkan mengesahkan kekuatan konsep dan reka bentuk Model Pengajaran SMART-KQ daripada pelbagai dimensi. Pertama, Model Konstruktivisme Piaget menyokong reka bentuk modul mesra kanak-kanak serta aktiviti *hands-on* untuk pembinaan pengetahuan aktif (Piaget, 1936). Kedua, *Synthesizing Mind* Gardner menjustifikasi integrasi pengajaran kosa kata Arab dan hafazan al-Quran yang interaktif (Gardner 2007; 2011). Ketiga, gabungan Model Gagne, TABA dan Sidek memastikan reka bentuk instruksional yang mantap selari dengan amalan pedagogi abad ke-21 (Gagne et al., 1992; Mohamad Bilal et al., 2014; Othman et al., 2013). Kesemua bukti ini mengukuhkan lagi bahawa Model SMART-KQ yang dibangunkan berdasarkan sorotan teori dan amalan terkini mampu meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak Islam tempatan.

7.5.4 Implikasi Terhadap Metodologi

Implikasi terhadap metodologi merujuk kepada sumbangan hasil kajian terhadap perkembangan bidang metodologi penyelidikan itu sendiri (Brown & Garnjost, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ia merangkumi perkara-perkara seperti kaedah, teknik dan pendekatan baharu yang berjaya diaplikasikan, pengetahuan baharu berkaitan kekuatan dan limitasi sesuatu prosedur, serta panduan dan cadangan penambahbaikan untuk kajian akan datang (Parylo, 2012; Walker, 2015). Pemahaman baharu hasil pengalaman sebenar menggunakan reka bentuk, instrumen atau teknik analisis data tertentu dalam kajian dikategorikan sebagai sumbangan terhadap metodologi (Walker, 2015). Maka, dapatan sesuatu kajian empirikal boleh memberi implikasi positif terhadap perkembangan metodologi penyelidikan pada masa hadapan.

Kajian ini telah mengaplikasikan beberapa pendekatan metodologi yang diguna pakai dalam konteks pembangunan modul pendidikan tempatan khususnya di tadika. Dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul pengajaran SMART-KQ, kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) telah berjaya diimplementasi untuk mencapai konsensus pakar berkaitan konstruk dan item modul. Keupayaan FDM untuk mendapatkan input pakar secara komprehensif dan objektif dilihat signifikan dalam konteks penyelidikan pendidikan (Yusoff et al., 2022). Kaedah *Fuzzy Delphi* telah digunakan dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul bagi mendapatkan kesepakatan panel pakar terhadap pemilihan konstruk dan item yang paling bersesuaian untuk dimuatkan di dalam modul pengajaran SMART-KQ (Yusoff et al., 2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seramai 12 orang pakar yang terdiri daripada guru tadika, pensyarah universiti dan pensyarah Institut Pendidikan Guru telah menilai konstruk dan item modul mengikut skala kesesuaian *Fuzzy*. Data kuantitatif ini kemudiannya diolah menggunakan pengiraan purata bagi menentukan aras persetujuan pakar (Kuo & Chen, 2008). Hasil analisis mendapati majoriti konstruk dan item yang dicadangkan telah mencapai tahap konsensus melebihi 70%, iaitu pada tahap yang tinggi dan diterima pakar (Kuo & Chen, 2008). Ini menunjukkan keberkesanan FDM sebagai metod untuk merungkai perspektif pakar yang berbeza-beza ke arah satu keputusan yang mantap berdasarkan formula saintifik. Justifikasi setiap pemilihan konstruk dan item juga telah dibuat berdasarkan sorotan literatur agar sesuai dengan model pengajaran SMART-KQ.

Manakala dalam fasa penilaian kebolehgunaan pula, pendekatan Teknik Kumpulan Norminal (NGT) diguna pakai melibatkan guru tadika sebagai panel pakar bagi menilai kebolehgunaan modul (Harvey & Holmes, 2012). Dalam fasa penilaian ini, pendekatan Teknik Kumpulan Norminal (NGT) telah diaplikasikan melibatkan 23 orang guru tadika sebagai panel pakar untuk menilai modul yang dibangunkan. Prosedur NGT memerlukan setiap pakar menulis pendapat tentang modul secara individu, diikuti sesi perbincangan berkumpulan untuk penjelasan lanjut, dan akhirnya mengundi aspek kebolehgunaan modul (Azman et al., 2021).

Hasil kajian mendapati majoriti pakar memberi skor 4 dan 5 pada skala Likert berkaitan kebergunaan, kemudahgunaan dan kepuasan terhadap Modul SMART-KQ. Ini diikuti pengiraan peratusan skor bagi setiap item yang menunjukkan tahap penerimaan pakar melebihi 75% (Dobbie et al., 2004). Maka modul yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibangunkan telah mencapai standard minimum kebolehgunaan menurut perspektif pengguna sebenar iaitu guru tadika. Penggunaan NGT secara ilmiah ini telah mengesahkan lagi keupayaan modul memenuhi ciri-ciri kebolehgunaan.

Secara keseluruhannya, gabungan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) dan Teknik Kumpulan Norminal (NGT) telah berjaya diaplikasikan bagi tujuan pembangunan dan penilaian Modul SMART-KQ. Dua metod yang digunakan ini menunjukkan bagaimana FDM boleh diguna pakai secara sistematik untuk mendapatkan konsensus pakar dalam proses reka bentuk dan pembangunan produk pendidikan. Manakala aplikasi NGT pula terbukti efektif untuk menilai dan mengesahkan kebolehgunaan produk pendidikan dalam fasa penilaian berasaskan pengguna sebenar iaitu guru. Aplikasi dua pendekatan saintifik ini secara bersepadu bertindak melengkapi proses penambahbaikan produk secara berterusan daripada pelbagai dimensi, input dan sudut pandang. Justeru, kaedah kombinasi sedemikian amat disyorkan dalam kajian pembangunan, reka bentuk dan penilaian intervensi pendidikan pada masa hadapan demi melahirkan kurikulum, modul atau bahan sokongan PdP yang lebih mantap khususnya untuk pendidikan awal kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.6 Cadangan untuk Kajian Lanjutan

Terdapat beberapa arah tuju yang boleh dicadangkan sebagai kajian lanjutan hasil daripada pembangunan modul pengajaran SMART-KQ dalam bidang pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab serta hafazan al-Quran di peringkat tadika. Pendekatan yang digunakan dalam membangunkan modul pengajaran SMART-KQ adalah menggunakan pendekatan reka bentuk dan pembangunan (Richey & Klien, 2007). Proses pembinaan modul seperti yang dibicarakan sebelum ini telah melalui tiga fasa yang kritikal bagi memastikan kajian ini bersifat ilmiah dan praktikal. Justeru, kajian lanjutan merupakan bahagian penting yang perlu ada dalam laporan tesis PhD atau penyelidikan ilmiah bagi menunjukkan sumbangan projek semasa terhadap hala tuju penyelidikan pada masa hadapan dalam bidang berkaitan (Connaughton et al., 2023). Ia bertujuan untuk mengemukakan idea kajian susulan berasaskan penemuan, jurang ilmu atau batasan projek semasa untuk tatapan penyelidik akan datang dalam bidang berkenaan.

Hasil dapatan kajian ini telah berjaya membangunkan modul pengajaran SMART-KQ untuk pengajaran kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran di peringkat tadika. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa potensi kajian lanjutan yang dicadangkan bagi mengkaji keberkesanan dan kesan penggunaan modul ini. Cadangan pertama antara cadangan kajian lanjutan untuk menjalankan penyelidikan secara empirikal bagi mengukur keberkesanan penggunaan Modul SMART-KQ yang telah dibangunkan. Ia boleh dilakukan menerusi reka bentuk kuasi-eksperimen melibatkan kumpulan kawalan dan rawatan (Witteveen & Attewell, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kumpulan rawatan akan menjalani proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kosa kata bahasa Arab dan hafazan menggunakan modul pengajaran SMART-KQ. Manakala kumpulan kawalan pula akan mengikuti PdP sedia ada secara konvensional tanpa modul intervensi. Pengukuran dan analisis data pra dan pasca ujian dilakukan bagi membandingkan pencapaian dan peningkatan antara kedua-dua kumpulan. Hasil dapatan yang signifikan ini dapat mengesahkan lagi kesan positif penggunaan modul dan mengkukuhkan justifikasi pengaplikasian modul pengajaran SMART-KQ untuk penambahbaikan PdP di tadika (Witteveen & Attewel, 2017). Maklumat tambahan berkaitan prestasi mengikut jantina dan umur juga boleh diperolehi melalui analisis demografi bagi memberi implikasi kepada amalan PdP.

Seterusnya, cadangan kedua selaras dengan perkembangan teknologi pendidikan pada masa kini, satu kajian lanjutan yang berpotensi adalah dengan mengadaptasikan Modul SMART-KQ ke dalam platform atau aplikasi khusus pembelajaran maya atau dalam talian. Ia membolehkan aktiviti pembelajaran tidak terhad ke waktu pengajaran di kelas, sebaliknya boleh dicapai pada bila-bila masa dan di mana jua oleh murid dan ibu bapa. Tambahan pula, pengkaji akan datang boleh menambahbaik modul sedia ada dengan mengintegrasikan pelbagai elemen multimedia interaktif bagi meningkatkan lagi tahap keberkesanan pembelajaran di tadika khususnya (Zakaria et al., 2022). Di samping itu, data capaian, petunjuk prestasi dan analitik pembelajaran maya juga berupaya memberi input berharga untuk aktiviti pemantauan dan penambahbaikan secara lebih dinamik dan optimum. Justeru, migrasi modul berasaskan kertas ke platfom digital amatlah digalakkan demi merealisasikan pembelajaran tidak terikat ruang dan masa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain adaptasi ke platform digital, cadangan ketiga adalah kajian pembangunan pada masa hadapan dengan menghasilkan satu set modul pengajaran kosa kata Arab dan hafazan al-Quran yang lengkap berasaskan Modul SMART-KQ dengan mengintegrasikan pelbagai elemen multimedia interaktif. Antara contoh elemen termasuklah animasi 3D, video pendek, audio sebutan perkataan Arab, aktiviti pemadanan interaktif, kuiz gamifikasi*, Augmented Reality* (AR) untuk visualisasi objek maya dan sistem analitik pembelajaran (Mohd Feham & Hassan, 2022). Gabungan pelbagai elemen ini bukan sahaja dapat meningkatkan tahap keterlibatan malah berupaya memperkayakan lagi pengalaman pembelajaran murid tadika ke arah pembelajaran konstruktivis abad ke-21 yang optimum. Penghasilan suatu set modul multimedia ini penting bagi memacu inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Islam di Malaysia khususnya di peringkat awal kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain aktiviti pembelajaran di tadika, galakan dan sokongan daripada ibu bapa di rumah amat penting dalam menentukan kejayaan penggunaan sesuatu modul atau bahan pembelajaran oleh anak-anak (Abdul Fatah & Hanani, 2022). Oleh yang demikian, cadangan yang terakhir iaitu yang keempat adalah kajian lanjutan yang berpotensi dengan membangunkan satu program intervensi khusus untuk ibu bapa bagi menggalakkan penglibatan aktif mereka dalam menyokong pembelajaran anak-anak menggunakan Modul SMART-KQ di rumah.

Antara elemen program termasuk taklimat penggunaan modul, panduan aktiviti pembelajaran, lembaran kerja, dan cara-cara menilai serta merekod pencapaian anak-anak. Di samping itu, kumpulan sokongan dalam talian juga boleh diwujudkan agar ibu bapa saling berkongsi pengalaman dan memberi galakkan. Hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian sebegini dapat memberi implikasi penting dalam memaksimumkan keberkesanan modul melalui kerjasama erat pihak tadika dan ibu bapa.

Kesemua saranan ini adalah selari dengan pendekatan reka bentuk, pembangunan dan penyelidikan (*Design and Development Research*) yang memberi penekanan kepada proses penambahbaikan secara berterusan terhadap sesuatu intervensi pendidikan yang dihasilkan (Richey & Klein, 2014). Oleh yang demikian, saranan seperti kajian pengaruh demografi, adaptasi ke platform digital, integrasi lebih elemen multimedia dan program intervensi ibu bapa adalah langkah sejajar dalam memberi input tambahan untuk proses peningkatan modul pengajaran SMART-KQ agar lebih komprehensif, inklusif dan berimpak tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
